

Bil. 41

**Isnin
26 November 2018**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
<u>Jadual:-</u>	
Maksud B.10, B.11, B.12	(Halaman 22)
Maksud B.13	(Halaman 64)
Maksud B.15	(Halaman 104)
USUL-USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 21)
Usul Anggaran Pembangunan 2019	
<u>Jawatankuasa:-</u>	
Maksud P.10, P.70	(Halaman 22)
Maksud P.13	(Halaman 64)
Maksud P.15	(Halaman 104)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Mohamad Ariff bin Md Yusof
2. “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Mohd Rashid Hasnon [Batu Pahat] – PKR
3. “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Nga Kor Ming [Teluk Intan] – DAP

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir bin Mohamad [Langkawi] – PPBM
2. “ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail, D.P.P.N. [Pandan] – PKR
3. Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I., S.H.M.S., S.P.S.A., S.P.M.P., S.U.N.S., S.P.D.K., D.P., P.N.B.S. [Pagoh] – PPBM
4. “ Menteri Kewangan, Tuan Lim Guan Eng [Bagan] – DAP
5. “ Menteri Pertahanan, Tuan Mohamad bin Sabu [Kota Raja] – AMANAH
6. “ Menteri Pendidikan, Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam] – PPBM
7. “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Seri Rina binti Mohd Harun, D.G.S.M. [Titiwangsa] – PPBM
8. “ Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali, S.P.M.S, D.S.M.S. [Gombak] – PKR
9. “ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Puan Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] – PKR
10. “ Menteri Pengangkutan, Tuan Loke Siew Fook [Seremban] – DAP
11. “ Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] – DAP
12. “ Menteri Sumber Manusia, Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat] – DAP
13. “ Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Haji Salahuddin bin Ayub, D.S.P.N. [Pulai] – AMANAH
14. “ Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad, D.G.S.M. [Kuala Selangor] – AMANAH
15. “ Menteri Belia dan Sukan, Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman [Muar] – PPBM
16. “ Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof, D.G.S.M. [Alor Gajah] – PPBM
17. “ Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Dr. Xavier Jayakumar [Kuala Langat] – PKR
18. “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, D.G.S.M. [Kulim Bandar Baharu] – PKR
19. “ Menteri Kerja Raya, Tuan Baru Bian [Selangau] – PKR
20. “ Menteri Luar Negeri, Dato' Saifuddin Abdullah [Indera Mahkota] – PKR
21. “ Menteri Industri Utama, Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] – DAP
22. “ Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Yeo Bee Yin [Bakri] – DAP

23. Yang Berhormat Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa, D.G.S.M. [Parit Buntar] – AMANAH
24. “ Menteri Wilayah, Tuan Khalid bin Abd Samad [Shah Alam] – AMANAH
25. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong [Batu Sapi] - WARISAN
26. “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Ignatius Dorell Leiking @ Darell Leiking [Penampang] – WARISAN
27. “ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Mohamaddin bin Ketapi [Silam] – WARISAN
28. “ Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy – *Senator*

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Wilayah, Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh [Sri Gading] – PPBM
2. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Wira Dr. Md Farid bin Md Rafik [Tanjong Piai] – PPBM
3. “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Haji Amiruddin bin Hamzah [Kubang Pasu] – PPBM
4. “ Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tuan Eddin Syazlee Shith [Kuala Pilah] – PPBM
5. “ Timbalan Menteri Industri Utama, Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Hang Tuah Jaya] – PKR
6. “ Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] – PKR
7. “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Tuan Sivarasa Rasiah [Sungai Buloh] – PKR
8. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Puan Fuziah binti Salleh [Kuantan] – PKR
9. “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] – PKR
10. “ Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [Balik Pulau] – PKR
11. “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Chong Chieng Jen [Stampin] – DAP
12. “ Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli, Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji [Raub] – DAP
13. “ Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Hannah Yeoh [Segambut] – DAP
14. “ Timbalan Menteri Pendidikan, Puan Teo Nie Ching [Kulai] – DAP
15. “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] – DAP
16. “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dr. Ong Kian Ming [Bangi] – DAP
17. “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K. [Pokok Sena] – AMANAH
18. “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir [Temerloh] – AMANAH

19. Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut] – AMANAH
20. “ Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] – AMANAH
21. “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato’ Kamarudin Jaffar, D.S.N.S., B.C.M. [Bandar Tun Razak] – PKR
22. “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato’ Mohd Azis bin Jamman [Sepanggar] – WARISAN
23. “ Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy [Kota Belud] – WARISAN
24. “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Dato’ Haji Marzuki bin Yahya – *Senator*
25. “ Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin – *Senator*
26. “ Timbalan Menteri Pertahanan, Tuan Liew Chin Tong – *Senator*
27. “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato’ Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad - *Senator*

AHLI-AHLI (PH)

1. Yang Berhormat Dato’ Abdullah Sani bin Abdul Hamid, D.S.P.N. [Kapar] – PKR
2. “ Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] – PKR
3. “ Dato’ Seri Ahmad Faizal bin Azumu, S.P.M.P. [Tambun] – PPBM
4. “ Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir [Johor Bahru] – PKR
5. “ Tuan Ali anak Biju [Saratok] – PKR
6. “ Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] – DAP
7. “ Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] – PKR
8. “ Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan] – PKR
9. “ Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] - PKR
10. “ Tuan Cha Kee Chin [Rasah] – DAP
11. “ Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] – DAP
12. “ Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] - PKR
13. “ Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim] – PKR
14. “ Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] – DAP
15. “ Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] – DAP
16. “ Puan Christina Liew Chin Jin [Tawau] – PKR
17. “ Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] – DAP
18. “ Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] – AMANAH
19. “ Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] – AMANAH
20. “ Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasar Gudang] – PKR
21. “ Dato’ Johari bin Abdul, D.S.D.K. [Sungai Petani] – PKR
22. “ Tuan Jonathan bin Yasin [Ranau] – PKR
23. “ Tuan Jugah a/k Muiyang @ Tambat [Lubok Antu] – PKR
24. “ Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai] – PKR

25. Yang Berhormat Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] – DAP
26. “ Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] – DAP
27. “ Tuan Kesavan a/l Subramaniam [Sungai Siput] – PKR
28. “ Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] – DAP
29. “ Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] – PKR
30. “ Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] – PKR
31. “ Tuan Lim Kit Siang [Iskandar Puteri] – DAP
32. “ Tuan Lim Lip Eng [Kepong] – DAP
33. “ Dato’ Mansor bin Othman, D.M.P.N. [Nibong Tebal] – PKR
34. “ Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] – PKR
35. “ Dr. Michael Teo Yu Keng [Miri] – PKR
36. “ Tuan Mordi anak Bimol [Mas Gading] – DAP
37. “ Dato’ Seri Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun] – PPBM
38. “ Tuan Muslimin bin Yahaya [Sungai Besar] – PPBM
39. “ Dato’ Sri Mustapa bin Mohamed, S.J.M.K., S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S. [Jeli] - PPBM
40. “ Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang] – PKR
41. “ Dato’ Ngeh Koo Ham, D.P.M.P. [Beruas] – DAP
42. “ Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa] – PKR
43. “ Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar] – PKR
44. “ Puan Noorita binti Sual [Tenom] – DAP
45. “ Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok] – PKR
46. “ Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh] – PKR
47. “ Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] – DAP
48. “ Tuan Pang Hok Liong [Labis] – DAP
49. “ Tuan P. Prabakaran [Batu] – PKR
50. “ Tuan Ramkarpal Singh a/l Karpal Singh [Bukit Gelugor] – DAP
51. “ Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] – PKR
52. “ Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong] – DAP
53. “ Dato’ Seri Dr. Santhara [Segamat] – PKR
54. “ Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah] – DAP
55. “ Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau] – PKR
56. “ Tuan Su Keong Siong [Kampar] – DAP
57. “ Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang] – PKR
58. “ Tuan Tan Kok Wai [Cheras] – DAP
59. “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] – PKR
60. “ Tuan Teh Kok Lim [Taiping] – DAP
61. “ Tuan Tony Pua Kiam Wee [Damansara] – DAP
62. “ Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] – PKR
63. “ Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] – PKR

- 64 Yang Berhormat Tuan Wong Chen [Subang] – PKR
 65 “ Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] – DAP
 66 “ Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] – DAP
 67 “ Tuan Wong Ling Bui [Sarikei] – DAP
 68 “ Puan Wong Shu Qi [Kluang] – DAP
 69 “ Tuan Wong Tack [Bentong] – DAP
 70 “ Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan] – DAP

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim, P.J.N., D.I.M.P., J.P., S.P.D.K., S.J.M.K., S.S.A.P, D.H.M.S, D.C.S.M., P.J. [Baling] – UMNO
2. “ Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad, D.M.S.M, S.S.A.P, P.J.N., D.P.M.K. [Mersing] – UMNO
3. “ Datuk Abd Rahim bin Bakri, D.M.S.M., A.S.D.K. [Kudat] – UMNO
4. “ Dato’ Haji Abdul Rahman bin Mohamad, D.I.M.P., S.M.P., A.M.P. [Lipis] – UMNO
5. “ Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] – UMNO
6. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K., D.G.S.M., S.S.A.P. [Jasin] – UMNO
7. “ Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M., P.J.K. [Pontian] – UMNO
8. “ Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub, P.J.N., K.M.N. [Machang] – UMNO
9. “ Dato’ Haji Ahmad Nazlan bin Idris, D.I.M.P., [Jerantut] – UMNO
10. “ Dato’ Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, S.S.A.P., D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., S.P.M.P., S.J.M.K., S.P.S.N., S.P.D.K., D.U.N.M., P.N.B.S., D.P.M.K., [Bagan Datuk] – UMNO
11. “ Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa, P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., S.I.M.P. [Ketereh] – UMNO
12. “ Dato’ Sri Azalina Othman Said, D.P.M.K., S.P.M.P., D.P.M.S., D.G.M.K., P.G.D.K. [Pengerang] – UMNO
13. “ Dato’ Hajah Azizah binti Mohd Dun, D.I.M.P., P.G.D.K. [Beaufort] – UMNO
14. “ Dato’ Sri Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.S.D.K., A.D.K., S.S.A.P. [Kinabatangan] – UMNO
15. “ Datuk Halimah binti Mohamed Sadique, P.J.N., P.I.S. D.C.S.M. [Kota Tinggi] – UMNO
16. “ Dato’ Seri Hamzah bin Zainudin, S.P.M.P., D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. [Larut] – UMNO
17. “ Dato’ Sri Hasan bin Arifin, D.S.A.P., S.S.A.P. [Rompin] – UMNO
18. “ Dato’ Hasbullah bin Osman, D.P.M.P., A.M.P., J.P. [Gerik] – UMNO
19. “ Dato’ Seri Hishammuddin Tun Hussein, S.P.M.P, S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.J., D.S.A.P., P.N.B.S., D.G.S.M., S.P.D.K. [Sembrong] – UMNO
20. “ Dato’ Seri Haji Idris bin Jusoh, S.S.M.Z., D.P.M.T., P.J.K. [Besut] - UMNO
21. “ Dato’ Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz, D.I.M.P, S.S.A.P. [Tanah Merah] – UMNO

22. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib, S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C., D.I.M.P., D.S.A.P., S.S.A.P. [Maran] – UMNO
23. “ Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, D.I.M.P., S.M.P., K.M.N., S.S.A.P. [Kuala Krau] – UMNO
24. “ Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, S.S.A.P., D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. [Bera] – UMNO
25. “ Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu] – UMNO
26. “ Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau] - UMNO
27. “ Datuk Seri M. Saravanan, D.M.S.M., P.M.W., A.M.N. [Tapah] – MIC
28. “ Dato' Seri Mahdzir bin Khalid, S.H.M.S., S.S.D.K., D.P.M.P., J.P., B.K.M. [Padang Terap] – UMNO
29. “ Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] – UMNO
30. “ Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, S.S.A.P, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T., D.J.M.K., [Padang Rengas] – UMNO
31. “ Dato' Haji Mohd Fasih bin Mohd Fakeh, P.J.K., K.M.N. [Sabak Bernam] - UMNO
32. “ Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] – UMNO
33. “ Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] – UMNO
34. “ Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak, S.P.D.K., S.S.A.P., S.S.S.J., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.K., S.P.M.K., S.P.M.S., D.M.K., S.P.S.A., S.P.N.S., D.U.P.N., D.U.N.M, D.P. [Pekan] – UMNO
35. “ Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar, P.S.M, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. [Tanjong Karang] – UMNO
36. “ Dato' Dr. Noraini Ahmad, D.S.A.P., D.M.S.M. [Parit Sulong] – UMNO
37. “ Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican, D.I.M.P., S.S.A.P. [Kepala Batas] – UMNO
38. “ Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, S.M.W., P.G.D.K., A.S.D.K. [Beluran] – UMNO
39. “ Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] – UMNO
40. “ Dato' Haji Salim Sharif [Jempol] – UMNO
41. “ Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] - UMNO
42. “ Datuk Haji Shabudin Yahaya, P.J.K. [Tasek Gelugor] – UMNO
43. “ Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim, S.P.M.P., S.S.A.P., A.M.P [Arau] - UMNO
44. “ Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. [Lenggong] - UMNO
45. “ Dato' Sivarraajh Chandran [Cameron Highlands] - MIC
46. “ Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. [Pasir Salak] – UMNO
47. “ Datuk Seri Tengku Adnan bin Tengku Mansor, S.S.A.P., D.G.S.M., S.I.M.P., S.J.M.K., D.M.S.M., P.J.N., D.S.D.K., D.S.A.P., K.M.N., D.I.M.P. [Putrajaya] – UMNO
48. “ Tengku Razaleigh Hamzah, D.K., S.P.M.K., P.S.M., S.S.A.P., S.P.M.S. [Gua Musang] – UMNO
49. “ Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M., D.G.S.M. [Ayer Hitam] – MCA
50. “ Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran] – UMNO

51. Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, D.M.S.M., S.M.P. [Padang Besar] – UMNO

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang, S.S.M.T. [Marang]
2. “ Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]
3. “ Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]
4. “ Tuan Ahmad Fadhi bin Shaari [Pasir Mas]
5. “ Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]
6. “ Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
7. “ Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]
8. “ Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]
9. “ Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]
10. “ Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali, D.M.P., D.I.M.P. [Kuala Nerus]
11. “ Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]
12. “ Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]
13. “ Tuan Sabri bin Azit [Jerai]
14. “ Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]
15. “ Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]
16. “ Dato' Takiyuddin bin Hassan, D.J.M.K., J.P. [Kota Bharu]
17. “ Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]
18. “ Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]

AHLI-AHLI (PBB)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [Igan]
2. “ Datuk Alexander Nanta Linggi, D.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., P.P.T., P.J.K., J.P., P.B.S., A.B.S. [Kapit]
3. “ Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., A.B.S., S.S.A.P., D.G.S.M. [Petrajaya]
4. “ Dato Hajjah Hanifah Hajar Taib [Mukah]
5. “ Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
6. “ Dato' Henry Sum Agong, P.B.S., P.S.B.S. [Lawas]
7. “ Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]
8. “ Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, K.M.N., P.G.B.K., S.S.A.P. [Batang Sadong]
9. “ Tuan Robert Lawson Chuat [Betong]
10. “ Dato' Sri Hajah Rohani binti Abdul Karim, P.G.B.K., P.B.S., P.P.B., S.S.A.P. [Batang Lupar]
11. “ Puan Rubiah binti Wang [Kota Samarahan]
12. “ Datuk Seri Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S., J.B.S., J.S.M., P.N.B.S. [Santubong]
13. “ Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]

AHLI-AHLI (BEBAS)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P., D.I.M.P., P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K. [Kimanis]
2. “ Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, D.S.M., B.C.M., A.N.S., P.J.K., P.B.B., D.M.S.M., D.C.S.M., [Masjid Tanah]
3. “ Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali, D.P.M.P. [Bagan Serai]
4. “ Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]

AHLI-AHLI (PRS)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago Dagang, P.J.N. [Kanowit]
2. “ Dato' Masir anak Kujat, P.P.B., D.I.M.P., J.M.N. [Sri Aman]
3. “ Datuk Ugak anak Kumbong, P.J.N. [Hulu Rajang]

AHLI-AHLI (WARISAN)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]
2. “ Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]
3. “ Datuk Seri Mohd Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P., D.M.S.M., J.P., S.P.M.P., S.P.D.K., P.G.D.K. [Semporna]
4. “ Datuk Rozman bin Isli, K.M.W., P.P.N. [Labuan]

AHLI-AHLI (PDP)

1. Yang Berhormat Tuan Anyi Ngau [Baram]
2. “ Dato' Seri Tiong King Sing, S.S.S.A., D.S.S.A., J.P., P.J.N. [Bintulu]

AHLI-AHLI (PBS)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili, P.G.D.K., A.S.D.K., J.P., S.P.D.K., D.G.S.M., [Kota Marudu]

AHLI-AHLI (PBRs)

1. Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup [Pensiangan]

AHLI-AHLI (UPKO)

1. Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Madius Tangau, J.S.M., P.G.D.K., J.P., A.D.K., S.P.D.K. [Tuaran]

AHLI-AHLI (SUPP)

1. Yang Berhormat Dato' Sri Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N., S.S.A.P. [Serian] – SUPP

AHLI-AHLI (STAR)

1. Yang Berhormat Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan [Keningau]

DEWAN RAKYAT**Ketua Pentadbir Parlimen**

Datuk Awang Alik bin Jeman

Setiausaha Dewan Rakyat

Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Amisyahrizan bin Amir Khan

PETUGAS-PETUGAS**CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Alzian binti Baharudin

Halijah binti Mat Sin @ Mt Zain

Muhammad Qhidir bin Mat Isa

Siti Norlina binti Ahmad

Noraidah binti Manaf

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Nor Liyana binti Ahmad

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Tengku Sofia Dora binti Tengku Mohamad

Nor Effazimmah binti Maliki

Nur Annisa binti Hamid

Sharifah Nazurah binti Wan Sahdi

Herdawati binti Mohd Amir Abbu

Hasnah Sakinah binti Mohd Hashim

Nor Sakinah binti Samat

Nurammarah binti Md Isa

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Azmir bin Mohd Salleh

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Ismalinda binti Ismail

Hazliana binti Yahaya

Amir Arshad bin Ab Samad

Nik Nor Nazrin binti Nik Ab Rahman

Hizamihatim Maggisa bin Juara

Muhammad Firdaus bin Ahmad

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA
Isnin, 26 November 2018

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan rasional peruntukan Seksyen 52 Akta Perikanan 1985 yang memastikan pihak mahkamah melucutkan (*forfeited*) vesel jika terdapat kesalahan yang dinyatakan dalam seksyen tersebut. Adakah kerajaan bercadang memberikan budi bicara kepada mahkamah untuk memutuskan penalti yang dikenakan kerana setiap kes mempunyai fakta tersendiri.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Tuan Sim Tze Tzin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang begitu budiman dan juga dengan pantun yang begitu baik sekali. Untuk makluman Yang Berhormat Beruas, Seksyen 52 Akta Perikanan 1985 telah jelas memperuntukkan secara mandatori bahawa mahkamah *shall* atau hendaklah melucutkan (*forfeited*) vesel serta kelengkapan dan ikan-ikan yang ditangkap seperti dinyatakan dalam Seksyen 52 (1) dan (2), jika disabitkan melakukan kesalahan mengikut Seksyen 52 (1) (A) dan (B), Akta Perikanan 1985.

Penetapan penalti atau hukuman lucut hak yang dikenakan adalah wajar berdasarkan kepada justifikasi seperti berikut:

- (i) pencerobohan haram oleh vesel-vesel penangkapan ikan asing yang sangat berleluasa dan rekod tangkapan vesel asing yang dijalankan oleh APMM tidak menunjukkan trend penurunan;
- (ii) kes pendakwaan mahkamah bagi vesel-vesel tempatan hanya dibuat sekiranya melibatkan kesalahan kali keempat. Kita bagi tiga *chances*. Hanya kali keempat bahawa menangkap ikan tanpa lesen, vesel dan peralatan serta menggunakan peralatan menangkap ikan yang dilarang sahaja; dan
- (iii) kemerosotan sumber perikanan yang serius akibat daripada eksploitasi sumber perikanan yang berlebihan.

Jadi untuk maklumat tambahan Yang Berhormat Beruas, daripada tahun 2006 sampai tahun 2018, penahanan bot nelayan asing, pencerobohan dan juga penangkapan dan banyak yang *pending* kes mahkamah. Daripada tahun 2006 sehingga tahun 2018 sebanyak 1,170 vesel asing yang menceroboh kawasan kita. Tahun ini sahaja 97 vesel yang mencerobohi kawasan perairan Malaysia dan yang paling tinggi adalah negara Vietnam sebanyak 83. Jadi pencerobohan ke kawasan perairan Malaysia adalah sangat-sangat serius.

Sementara pelucutan untuk vesel tempatan, perbandingan daripada 97 satu tahun untuk tahun ini dan 1,170 daripada tahun 2006 sehingga tahun 2018 untuk vesel asing. Akan tetapi berbanding dengan vesel Malaysia yang dilucutkan, hanya tahun 2015, empat vesel sahaja. Tahun 2016, tiga vesel sahaja, tahun 2017, dua vesel sahaja dan untuk tahun ini, tidak ada

langsung, belum ada lagi. Jadi ini memberi satu perspektif bahawa kita lebih fokus kepada penahanan dan pelucutan vesel asing yang mencero bohi - akta ini digunakan untuk cuba mengurangkan pencerobohan vesel asing.

Sehubungan itu, kementerian tidak bercadang untuk memberikan budi bicara kepada mahkamah untuk memutuskan penalti yang akan dikenakan. Sekian, terima kasih.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, tahu kah bahawa dengan adanya hukuman yang begitu berat iaitu penyitaan dan rampasan vesel mandatori ini telah menyebabkan semua boleh kata nelayan tempatan kalau boleh mereka terpaksa mengelak daripada pergi mahkamah sungguh pun mereka tidak bersalah.

Ini telah menggalakkan rasuah dan kadang-kadang mereka tidak bersalah pun terpaksa membayar kompaun yang ditawarkan. Begitu juga dengan Seksyen 50, Akta Perikanan, di mana kalau sesebuah vesel termasuklah vesel rakyat tempatan ditangkap jaminan yang ditawarkan mengikut Seksyen 50 (2) tidak boleh kurang daripada agregat jumlah, nilai vesel, peralatan, wang yang perlu untuk hantar balik krew dan juga denda maksimum di bawah mana-mana seksyen berkenaan.

■1010

Ini menyebabkan kalau ditangkap dan pergi ke mahkamah, memang hendak dapat ada kala *vessel* B sahaja pun menjangkau RM1 juta. Ke manakah nelayan-nelayan ini mendapat sejumlah wang sebegitu banyak? Maksudnya, akta ini tidak saksama kepada para nelayan kerana ia menghukum sebelum mereka dapat dibicarakan di mahkamah.

Saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, sudikah pihak kerajaan meminda akta ini supaya nelayan tempatan tidak tertakluk kepada undang-undang yang begitu berat hukumannya? Kalau boleh, ikutlah undang-undang jenayah yang biasa di mana seseorang itu diberi jaminan untuk memastikan mereka hadir dan mereka, dengan izin, *they are innocent until proven guilty*. Di sini hukum dahulu. Oleh sebab itu, semua nelayan tidak sanggup pergi ke mahkamah. Sudikah pihak kerajaan memastikan para nelayan kita yang menangkap ikan untuk rakyat Malaysia ini dilayan dengan saksama seperti undang-undang jenayah yang lain?

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas. Kerajaan akan *be open-minded* tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Beruas. Walau bagaimanapun, akta ini digunakan untuk secara *deterrence* kepada semua penyalahgunaan kuasa. Kalau isu rasuah dan sebagainya— kerana hukuman yang berat disebabkan oleh rasuah. Nombor satu, rasuah tidak patut berlaku. Semua orang perlu mengikut undang-undang tetapi kalau ada isu-isu rasuah, haruslah dilaporkan kepada SPRM.

Walaupun bagaimanapun, kita tahu bahawa kita akan mengkaji cadangan daripada Yang Berhormat Beruas tentang kompaun yang terlampau tinggi dan sebagainya. Akan tetapi, motif kerajaan adalah untuk menjaga sumber perikanan. Kalau sumber perikanan itu dirosakkan kerana bot-bot nelayan menggunakan *vessel* yang tidak dibenarkan, maka sumber perikanan akan menurun dan ia akan menyebabkan anak cucu kita tidak mempunyai sumber ikan yang mencukupi pada masa hadapan.

Untuk soalan tentang adakah nelayan dihukum sebelum dibicarakan, itu tidak benar. Nelayan hanya akan dikenakan kompaun hingga tiga kali sebelum dihukum jika didapati melakukan kesalahan. Maksudnya kita memberi peluang untuk mereka dengan diberi kompaun sahaja. Selepas tiga kali mereka melakukan kesalahan yang sama, maka kita menghadapkan mereka ke mahkamah. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih. Di Pontian pun ada ramai nelayan. Jadi, saya pun faham bahawa berlaku penangkapan dan ini menyusahkan nelayan. Pada ketika yang sama, penting untuk mereka mengetahui betapa sumber ikan itu perlu dijaga. Adakah kementerian mengadakan dialog antara persatuan-persatuan nelayan, Jabatan Perikanan, Jabatan Laut, Agensi Penguatkuasaan Maritim misalnya, untuk beri pendidikan, maklumat dan berdialog dengan nelayan ini supaya mereka memahami kenapa ia perlu dilakukan?

Seterusnya, adakah kementerian sedar bahawa sempadan di Selat Melaka itu masih belum dimuktamadkan? Oleh kerana itu, ada bot-bot kita banyak kali berlaku ditangkap oleh penguat kuasa luar dan begitu juga nelayan luar ditangkap oleh penguat kuasa kita.

Saya juga ingin tahu, ada dilakukan pengampunan antara Malaysia dan Indonesia misalnya? Berapa banyak pengampunan yang kita buat dan berapa banyak pengampunan yang mereka buat dalam urusan nelayan ini? Terima kasih.

Tuan Sim Tze Tzin: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Untuk isu dialog, sebenarnya kementerian sentiasa menjalankan dialog dengan persatuan nelayan. Menteri turun padang, saya turun padang, ketua pengarah turun padang. Saya tahu bahawa Menteri banyak turun padang di kawasan Johor, Terengganu, Kelantan dan sebagainya. Sementara saya sepanjang hanya setengah tahun menjadi Timbalan Menteri, saya telah pergi ke Pulau Pinang, negeri Selangor, Kelantan dan banyak tempat lagilah untuk berjumpa dengan nelayan, membawa semua pegawai-pegawai daripada TOF, LKIM, Jabatan Maritim dan sebagainya. Juga baru-baru ini di Sepang juga. Jadi, *engagement proses* itu sentiasa dilakukan.

Untuk soalan tentang persempadanan, persempadanan ini bukan di bawah kementerian saya dan saya tahu bahawa proses ini sedang dijalankan. Ini bukan isu yang senang. Sudah berapa tahun perbincangan dan antara— *this is a dispute between countries*. Ia bukan boleh diselesaikan dalam masa yang terdekat. Jadi, kita biarkan proses itu berlaku di antara Wisma Putra dan juga pihak Indonesia.

Untuk isu tentang pengampunan antara dua-dua negara, buat masa sekarang saya belum dapat statistik. Saya boleh carikan statistik tersebut dan menjawab secara bertulis kepada Yang Berhormat Pontian. Terima kasih.

2. Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta Menteri Pendidikan menyatakan apakah mekanisme yang digunakan oleh kementerian dalam pemilihan sekolah yang melaksanakan program *Dual Language Programme* (DLP) yang dilaksanakan bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Sains dan Matematik dan apakah impak program kepada sekolah jika sekolah yang dipilih melaksanakan DLP adalah merupakan dari kelompok sekolah yang cemerlang penguasaan bahasa Inggerisnya.

Timbalan Menteri Pendidikan [Puan Teo Nie Ching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Yang di-Pertua, *Dual Language Programme* (DLP) adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia, Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI).

DLP memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris selain daripada bahasa Melayu bagi mata pelajaran Matematik dan Sains. Sekolah yang berhasrat untuk melaksanakan DLP perlu memenuhi empat kriteria iaitu:-

- (i) sumber yang mencukupi;
- (ii) kesediaan pengetua, guru besar dan guru, peralatan, buku teks, bilik darjah;
- (iii) permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan
- (iv) pencapaian sekolah di dalam mata pelajaran Bahasa Melayu.

DLP terbuka kepada semua sekolah termasuk di luar bandar dan tidak terhad kepada sekolah yang cemerlang dalam Bahasa Inggeris.

Pada tahun 2017, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membuat pemantauan pencapaian murid DLP dalam dua fasa. Fasa pertama melibatkan perbandingan antara pencapaian murid dalam peperiksaan mata pelajaran Bahasa Inggeris akhir tahun 2016 ataupun *take-off value*, dengan izin, dengan pencapaian murid dalam peperiksaan mata pelajaran Bahasa Inggeris pertengahan tahun 2017 ataupun *operational targeted result* (OTR). Hasilnya, seramai 36.28 peratus murid sekolah rendah menunjukkan peningkatan dalam keputusan Bahasa Inggeris, manakala untuk sekolah menengah 46.44 peratus murid telah menunjukkan peningkatan.

Fasa dua melibatkan perbandingan antara pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pertengahan tahun 2017 dengan peperiksaan akhir 2017 bagi mengesahkan pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bagi tahun yang sama. Hasil daripada perbandingan tersebut, didapati seramai 55.82 peratus murid sekolah rendah dan 57.23 peratus murid sekolah menengah telah menunjukkan peningkatan dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berkesinambungan daripada pemantauan tersebut, KPM sedang menjalankan kajian impak DLP yang lebih komprehensif. Dapatan kajian dijangka akan diperolehi dan dibentangkan pada Januari 2019.

Sekian sahaja, ribuan terima kasih.

■1020

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan juga saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri tadi antara kekangan untuk melaksanakan DLP ini terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar termasuk di kawasan Parlimen Parit Sulong adalah satu sumber atau pun *facility* yang tidak mencukupi.

Keduanya pula adalah penerimaan, permintaan dan sokongan daripada ibu bapa. Jadinya, soalan tambahan saya adalah apakah langkah-langkah yang dibuat oleh pihak kementerian dalam menambah baik *facilities* dan juga sumber-sumber di kawasan-kawasan terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar dan sejauh manakah pula penjaga dan juga ibu bapa diberikan taklimat dan penerangan mengenai kebaikan-kebaikan mengadakan program DLP ini. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Parit Sulong atas tambahan tersebut. Saya setuju bahawa cabaran kita adalah dari dua segi.

Satu adalah daripada guru-guru kerana guru-guru yang kebanyakan mereka, walaupun mereka adalah guru Sains ataupun guru Matematik, tetapi apabila mereka terima latihan di IPGM mereka bukan dilatih untuk mengajar Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris. Oleh sebab itu untuk memastikan bahawa DLP boleh mencapai matlamat yang kita telah tentukan adalah amat penting untuk kita memberi sokongan ataupun *continuous training* untuk golongan ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang kita ada 5,138 orang guru Sains dan Matematik yang terlibat dalam program DLP ini dan kita memang sudah sedia bahawa kita ada *in-service training* untuk golongan ini di mana Institut Pendidikan Guru Malaysia akan memberi latihan bersemuka kepada guru-guru itu.

Selain daripada itu kita juga bekerjasama dengan *English Language Teaching Centre* di mana mereka akan menawarkan kursus dalam talian untuk guru-guru ini. Status pelaksanaan setakat tahun 2018 sebagai keseluruhannya kita sudah mempunyai 3,615 orang guru yang telah mengikuti program *English Language Teaching Centre (ELTC)* ini dan dalam tahun ini sahaja kita telah mempunyai 1,404 orang guru yang telah mengikuti program ini dan menamatkan program ini.

Dari segi ibu bapa seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat Parit Sulong. Saya rasa kita boleh, pihak sekolah adalah dipertanggungjawabkan untuk menjelaskan manfaat kebaikan program DLP kepada ibu bapa. Akan tetapi saya hendak tekankan di sini bahawa itu merupakan satu pilihan kepada ibu bapa kerana DLP ini saya rasa pun bukan semestinya sesuai untuk semua orang ataupun semua murid-murid kerana penguasaan Bahasa Inggeris mereka adalah cukup penting untuk memastikan bahawa sama ada program DLP murid tersebut akan rasa tertekan atau tidak.

Kita juga perlu mengelakkan situasi di mana ibu bapa sangat ingin anak mereka sertai program DLP tetapi akhirnya budak tersebut oleh sebab persediaan yang tidak mencukupi, mereka rasa tertekan dalam bilik darjah. Jadi, pihak sekolah sepatutnya yang menjelaskan manfaat kepada ibu bapa dan juga cadangkan kepada ibu bapa sama ada budak tersebut sesuai untuk menyertai program DLP atau tidak. Akan tetapi saya hendak tegaskan itu adalah pilihan kepada ibu bapa. Kita tidak akan buat paksaan. Sekian sahaja jawapan saya. Terima kasih.

Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]: Terima kasih dan Timbalan Menteri yang menjawab menunjukkan pemahaman yang penting dalam isu sasaran asal semasa PPSMI kemudian DLP diperkenalkan untuk memperbaiki taraf penguasaan bahasa Inggeris dan saya ingin ulangi gesaan UNESCO di mana UNESCO menyatakan kalau mahu mengajar mata pelajaran teknikal harus diajar dalam bahasa ibunda. Maka, saya lihat rentetan daripada PPSMI dulu sebelum dimansuhkan, kemudian diperkenalkan DLP untuk mata pelajaran Matematik, Sains Teknologi Maklumat dan Reka Bentuk dan Teknologi bagi lebih seribu sekolah menjelang 2018.

Ternyata Yang Berhormat Timbalan Menteri, diperlihatkan kalaupun sasarannya adalah untuk memperbaiki bahasa Inggeris daripada semua kaji selidik termasuk oleh Universiti Teknologi Malaysia dan sebagainya, semua menunjukkan bahawa ada masalah besar yang dialami oleh para guru dan juga pelajar dalam pelaksanaan program DLP.

Maka, pertanyaan saya sementara kita menghormati hasrat kerajaan untuk memperbaiki mutu bahasa Inggeris penggunaannya di kalangan anak-anak, adakah kementerian terbuka untuk mengadakan kajian bersama kolaborasi dengan pihak universiti supaya program yang kita perkenalkan nanti bukan sekadar menggunakan mata pelajaran teknikal untuk ajar bahasa Inggeris tetapi kepada *root causes*-nya dengan izin iaitu memanjangkan tempoh pengajaran Bahasa Inggeris dalam kelas dan sebagainya.

Saya bawakan kerana banyak benar sekolah di luar sana kalau pelajar-pelajarnya bukan seratus peratus boleh berbahasa Inggeris dengan baik. Maka mereka seolah-olah terpaksa mendaki gunung yang lebih tinggi untuk menguasai mata pelajaran teknikal tersebut. Jadi, saya mohon pandangan walaupun saya sangat bersetuju bahasa Inggeris sangat penting. Terima kasih.

Puan Teo Nie Ching: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh. Saya rasa kenyataan ataupun soalan tambahan itu cukup bermas dan saya pun setuju bahawa sebenarnya kita pun menghormati hak untuk budak-budak kita untuk menerima pelajaran dalam bahasa ibunda mereka. Oleh sebab itu saya rasa setakat ini rancangan KPM adalah untuk program DLP ini adalah satu pilihan bagi ibu bapa dan juga bagi sekolah. Kalau mereka rasa bahawa budak itu sesuai ataupun sekolah itu memang ada kapasiti, ada kemampuan dari segi guru-guru, dari segi bilik darjah dan kelengkapan peralatan mereka diizinkan untuk melaksanakan program DLP.

Setakat ini murid-murid yang terlibat dalam program DLP ini termasuklah sekolah rendah dan sekolah menengah adalah seramai 222,960 orang. Jadi, ini menunjukkan bahawa memang semakin ada sedikit peningkatan tetapi ini juga menunjukkan bahawa daripada kajian impak DLP yang telah dilaksanakan itu walaupun kajian itu belum *complete* lagi tetapi kalau saya boleh kongsi sedikit tentang dapatan awal tentang kajian ini, ini memang menunjukkan bahawa keputusan ataupun markah peperiksaan akhir tahun untuk murid-murid di sekolah menengah dari Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Matematik dan Sains memang nampak satu peningkatan yang agak ketara untuk murid-murid yang mengikuti kelas yang melaksanakan DLP.

Jadi, setakat ini saya rasa bahawa DLP adalah salah satu opsyen ataupun salah satu program yang kita rasa bahawa boleh membantu murid-murid kita, boleh membantu pelajar-pelajar kita kerana ada di antara mereka juga ada Bahasa Inggeris merupakan *their first language*. Selain daripada itu jangan risau, kami juga mempunyai rancangan ataupun program yang lebih banyak untuk membantu semua murid-murid di Malaysia supaya penguasaan bahasa Inggeris mereka boleh lagi dipertingkatkan.

Kalau saya boleh saya hanya sebut beberapa program yang kita memang sudah ada dalam rancangan kita atau pun sudah dilaksanakan bersama dengan *English Language Teaching Centre* seperti *Highly Immersive Programme (HIP)* dan selain daripada itu kita ada program *Professional Upskilling of English Language Teachers*, kita ada program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris di sekolah, *English Language Enhancement Programme for Secondary Schools*.

Jadi banyak lagi program yang di dalam rancangan kita yang telah dilaksanakan untuk membantu bukan sahaja murid-murid tetapi juga golongan guru supaya penguasaan Bahasa Inggeris mereka boleh dinaikkan lagi. Sekian jawapan saya. Terima kasih.

4. **Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan berkaitan dengan perluasan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak diperluaskan secara berperingkat ke seluruh negeri di Malaysia untuk menyelesaikan dan melupuskan kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak di Malaysia dengan adil dan cepat dan apakah punca kelewatan memperluaskan ke mahkamah ini ke negeri-negeri yang lain?

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada sahabat saya daripada Yang Berhormat Pengerang.

■1030

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Pengerang ini berkaitan dengan kes perkembangan perluasan Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak yang pertama telah dibuka di Putrajaya dan mula beroperasi pada 23 Jun 2017 untuk mendengar dan memutuskan kes-kes jenayah seksual terhadap kanak-kanak dalam daerah Shah Alam, Petaling Jaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Selaras dengan perluasan mahkamah ini dibuat secara berperingkat pada April 2018, Mahkamah Sesyen Jenayah Seksual Kanak-kanak di Kuching, Sarawak telah disiapkan dan mula beroperasi. Selanjutnya perluasan ini sedang giat dijalankan di mana ubahsuai bilik saksi kanak-kanak telah disiapkan sepenuhnya di kesemua mahkamah negeri iaitu Mahkamah Seremban, Mahkamah Melaka, Mahkamah Pulau Pinang, Mahkamah Kuantan, Mahkamah Ipoh, Mahkamah Kuala Terengganu, Mahkamah Klang, Mahkamah Johor Bahru dan Mahkamah Alor Setar.

Dijangkakan kesemua mahkamah ini akan dapat digunakan sebaik sahaja perolehan bagi peralatan ICT, kelengkapan *court recording transmission* dapat diselesaikan pada tahun 2019. Sekian, terima kasih.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, soalan selanjut saya ialah memandangkan kedudukan mahkamah ini iaitu satu mahkamah khas, adakah bila kira rujuk kes baru-baru ini di mana kanak-kanak yang berusia 11 bulan yang dipercayai telah didera, dirogol dan juga telah dibunuh telah dimaklumkan akan didakwa di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan di bawah mahkamah biasa.

Jadi, soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah dasar kerajaan juga mewujudkan tuduhan selanjutnya di bawah Akta Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak supaya kes ini boleh juga dibawa dan dituduh di bawah Mahkamah Jenayah Seksual Terhadap Kanak-kanak. Terima kasih.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerang. Saya rasa saya pertamanya saya akui Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak ini memang kita boleh bagi kredit kepada Yang Berhormat Pengerang. Memang saya difahamkan hasil kraf tangan dialah. [*Tepuk*] Semasa dia di kerajaan dahululah. Akan tetapi dalam kes kematian ini, nama pun kes kematian bukan kes seksual, jadi dia agak, saya rasa Yang Berhormat Pengerang dia mungkin menghadapi masalah kalau sekiranya kita bawa di bawah Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak sebab itu melibatkan kes kematian.

Jadi tentang kes kematian itu saya rasa buat masa ini saya tidak nampaklah bahawa boleh dibawa ke Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak sebab dia walaupun melibatkan *victimnya* seorang kanak-kanak tetapi dia lebih kepada kes jenayah pembunuhan. Sepatutnya dibawa ke mahkamah biasalah. Jadi itu sahaja jawapan saya, terima kasih.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan Mahkamah Jenayah Seksual Kanak-kanak ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dalam isu jenayah yang melibatkan kanak-kanak ini biasanya elemen-elemen *corroboration* diperlukan. Jadi, adakah setakat ini undang-undang yang ada telah mencukupi untuk menangani kes jenayah terhadap kanak-kanak ini dari segi seksual dan adakah keperluan untuk dipinda atau sebagainya?

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin: Terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat daripada Pasir Gudang, satu soalan yang baik. Untuk makluman Yang Berhormat Pasir Gudang, kalau kita lihat kepada Akta Kesalahan-kesalahan Seksual Terhadap Kanak-kanak 2017 ini memang ia merangkumi satu akta yang boleh dikatakan memang saya beranggapan bila saya baca kesemua seksyen ini, ia satu akta yang memang melindungi kanak-kanak.

Memang lebih mudah secara relatifnya untuk mendakwa seseorang yang terlibat dengan melakukan seksual kepada kanak-kanak. Sebagai contoh seksyen 14(a) itu paling mudah, kalau seseorang itu dengan tujuan seks dia memegang mana-mana bahagian kanak-kanak pun boleh dituduh tetapi dengan dia punya elemen seksual *purposes* lah, dengan ada tujuan seksual. Kalau setakat pegang tidak ada seksual *purposes* mungkin tidak boleh dikenakanlah.

Akan tetapi pokoknya ia agak secara relatif lebih mudah. Jadi tentang *evidence corroboration* semua itu sebenarnya saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Pasir Gudang, memang ini kita tidak boleh lari sebagai dia peguam dia akan mainkan peranan itulah sebab kita tidak boleh hendak menafikan mana-mana orang-orang yang dituduh ini mungkin perlu mendapat khidmat peguam. Memang peranan peguam ini dia memang akan cuba *explore* segala pembelaan yang terbaik untuk anak guamnya.

Jadi, *corroboration* ini kerana apa? Dalam kes kanak-kanak, ini amat diperlukan sebab kalau kita baca *judgement* ini, dia katakan kanak-kanak ini *tend to*, kadang-kadang tidak boleh membezakan antara realiti dan fantasi. Oleh sebab itulah *corroboration* di situlah, *nature of the evidence*.

Akan tetapi oleh kerana—saya tidak kata akta ini akta yang betul-betul *perfect* tetapi bagaimanapun, saya rasa sekiranya ada kekurangan-kekurangan itu kita akan pastikan ia akan ditutuplah. Cuma sekarang untuk makluman Yang Berhormat, maklumat yang saya ada masalah yang dihadapi dalam kes pendakwaan ke atas seksual kanak-kanak ini dia memang sangat masalah *evidence* itu tetapi masalah yang kebanyakan di pihak siasatan.

Contohnya saya hendak bagi contoh, pengadu tarik balik *report*, pengadu tidak dapat hadir di mahkamah atau keluarga dan ini saya telah pun minta pihak pegawai kita, akan minta satu kajian menyeluruhlah. Kalau kerana benda ini berlaku kerana masalah kewangan kita akan pastikan benda ini akan diambil kira dengan sepenuhnyaalah. Sekian, terima kasih.

5. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah membanteras kegiatan pertukaran wang dan kiriman wang haram di negara ini. Adakah kementerian akan membuat pengesahan maklumat pemilikan bagi semua pemegang entiti yang sah.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Wangsa Maju. Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011, aktiviti perniagaan perkhidmatan wang iaitu perniagaan pengurusan wang dan pengiriman wang tidak berlesen merupakan suatu kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh didenda sehingga RM5 juta atau dipenjarakan sehingga 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Di samping itu di atas kesalahan di atas juga boleh disiasat di bawah seksyen 4(1) Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 atau AMLA sebagai satu kesalahan berat pengubahan wang haram seperti yang disenaraikan di bawah Jadual Kedua AMLA. Jika disabitkan kesalahan pesalah boleh dikenakan denda tidak kurang lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi dan juga boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 15 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, penemuan oleh *Global Financial Integrity Report* baru-baru ini juga telah meletakkan Malaysia pada kedudukan 10 ke atas di kalangan negara-negara membangun dengan jumlah terbesar aliran wang keluar secara haram bagi tempoh 2005 hingga 2014 sebanyak USD444.6 bilion. Penemuan GFI ke atas aliran wang haram dari

Malaysia boleh memburukkan persepsi awam terhadap rasuah dalam negara. Punca utama aliran wang haram dari Malaysia adalah seperti berikut:

- (i) pelarian cukai pendapatan;
- (ii) pelarian cukai dan duti kastam;
- (iii) penyeludupan barang larangan;
- (iv) pengaliran keluar tunai secara haram; dan
- (v) penyalahgunaan subsidi barangan.

Salah satu langkah yang telah dan sedang diambil untuk memerangi semua ancaman tersebut di peringkat nasional adalah dengan memastikan bahawa ada suatu pasukan secara berkoordinasi supaya dapat mengesan dan juga bertindak ke atas mereka yang jalankan aktiviti haram. Dengan penyelarasan dan permuafakatan yang lebih efektif di kalangan pihak penguat kuasa undang-undang ia dapat meningkatkan hasil dan juga melarang tindakan atau kegiatan yang salah ini.

Selain itu, dalam membanteras aktiviti perniagaan perkhidmatan wang haram dan tidak sah, Bank Negara Malaysia menjalankan aktiviti pengawasan atau *surveillance* secara berterusan untuk mengenal pasti pengendali yang tidak berlesen supaya tindakan penguatkuasaan yang sewajarnya boleh diambil ke atas mereka.

■1040

Bank Negara juga telah berusaha memperkukuh keupayaan memantau aktiviti di dalam industri dan mengenal pasti risiko dengan mengguna pakai analisis data atau *data analytics* dengan izin bermula pada tahun 2017. Dengan penggunaan sistem dan perisian khusus serta membuat rumusan dan ramalan untuk siasatan lanjut dapat dibuat terhadap sesuatu kesalahan aktiviti perniagaan perkhidmatan wang yang membolehkan BNM menjalankan siasatan yang lebih berkesan ke atas aktiviti tersebut yang mencurigakan.

Langkah untuk mengekalkan keberkesanan penguatkuasaan juga sedang diambil melalui penambahbaikan terhadap akta tersebut yang bertujuan untuk memastikan tindakan penguatkuasaan yang lebih cekap dan punitif dalam mencegah aktiviti perniagaan perkhidmatan wang yang tidak sah. Setakat akhir bulan September 2018, hasil daripada tindakan penguatkuasaan jenayah yang telah diambil oleh Bank Negara Malaysia, 62 kes telah disabitkan kesalahan, 30 pendakwaan masih dalam peringkat perbicaraan sementara itu 37 kes sedang dalam peringkat siasatan.

Di samping itu, sebanyak 15 perintah mahkamah sivil telah dikeluarkan untuk menghentikan aktiviti haram terhadap pesalah yang menjalankan perniagaan perkhidmatan wang tanpa lesen. Maklumat mengenai pesalah yang dikenakan tindakan juga dipaparkan melalui laman sesawang Bank Negara Malaysia dalam halaman *Consumer Alert and Updates* dan *Financial Fraud Alert* sebagai rujukan orang ramai. Orang ramai juga boleh memuat turun aplikasi mudah alih MyBNM untuk mengakses maklumat tersebut dengan merujuk *fraud watch list*. Pada masa yang sama, usaha berterusan juga sentiasa diambil untuk mempertingkatkan tahap kesedaran orang ramai mengenai penggunaan saluran yang sah.

Ini termasuk keperluan untuk menghendaki peserta industri mempamerkan logo keahlian Persatuan Perniagaan Perkhidmatan Wang Malaysia di setiap premis bagi memudahkan orang awam mengenal pasti pengendali perkhidmatan perniagaan wang yang berlesen. Pengguna juga boleh memuat turun aplikasi mudah alih baru iaitu *MSB Advisor* untuk mengakses maklumat lokasi pengendali perkhidmatan perniagaan wang yang berlesen, membandingkan harga, membuat penilaian atau membuat aduan mengenai perkhidmatan yang disediakan serta melaporkan aktiviti perkhidmatan perniagaan wang yang tidak sah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Perniagaan Perkhidmatan Wang 2011. Senarai pemegang lesen perniagaan perkhidmatan wang disiarkan dalam warta atau gazet untuk maklumat orang ramai. Pengguna juga boleh mengakses laman sesawang Bank Negara Malaysia bagi mendapatkan maklumat pengendali perniagaan perkhidmatan wang yang berlesen. Terima kasih.

Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini urus niaga di alam maya cuba diperluaskan dengan menggunakan *bitcoin* sebagai alat pertukaran atau *medium of exchange*. Adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu

badan ber-*authority* yang dapat mengawal selia mata wang ini kerana ia juga boleh mengundang pelbagai perkara negatif seterusnya mengganggu sistem mata wang rasmi di negara ini jika tidak dipantau. Ini sahaja, terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju atas soalan yang amat berwawasan masa depan, *futuristic question* dengan izin. Memang dari segi teknologi kewangan baru kalau kita sebut tentang *bitcoin*, ia adalah sesuatu yang kita haruslah berwaswas kerana pihak Bank Negara yang menjadi pengendali dan juga pengurus tentang semua teknologi kewangan yang baru masih mengkaji dengan secara mendalam tentang pengendalian kewangan berteknologi baru seperti ini. Tentu ada pelbagai pihak yang juga cuba memperkenalkan kaedah-kaedah ataupun mekanisme mereka secara tersendiri. Di sini saya ingin menasihatkan semua pihak tidak kira dari mana yang ingin memperkenalkan teknologi baru baik *bitcoin*, *cryptocurrency* dan sebagainya untuk rujuk semula kepada Bank Negara. Ini kerana buat masa ini Bank Negara masalah pihak berkuasa yang akan mengeluarkan kata putus tentang mekanisme kewangan.

Janganlah kita cuba buat sesuatu yang mungkin akan menghadapi masalah. Akan tetapi pada masa yang sama kita pun tidak mahu sebut bahawa kita nak halang, kita mahu ada minda terbuka tetapi tertakluk di bawah peraturan yang sedia ada. Saya sekali lagi ingin keluaran nasihat, rujuklah kepada Bank Negara. Saya sebagai Menteri Kewangan, saya pun akan rujuk kepada Bank Negara. So, untuk semua pihak, janganlah cuba membuat sesuatu tanpa garis panduan dan tanpa arahan daripada Bank Negara untuk mengelakkan melakukan sesuatu yang tidak betul dan salah di sisi undang-undang. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, juga atas peringatan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Beluran.

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu yang berlaku dalam dunia dagang sekarang ini, contohnya Malaysia mengeksport barangan ke Singapura, China membeli barangan daripada Singapura, data yang diperolehi daripada China eksport kita itu adalah datang daripada Malaysia bagi negara China. Eksport itu datang daripada Malaysia sedangkan Malaysia mengeksport barangan ke Singapura sementara Singapura mengeksport barangan ke China tetapi bagi negara China import itu adalah datang daripada negara Malaysia sedangkan Malaysia cuma mengeksport ke Singapura dan bukan ke China. Istilah ini dipanggil sebagai *trade misinvoicing*. Adakah Yang Berhormat Menteri Kewangan sedar bahawa sebenarnya *illicit financial flow* ini yang dilaporkan oleh *Global Financial Integrity* itu sebenarnya ini yang berlaku, *trade misinvoicing* yang berlaku dan lebih daripada soalan asal yang disebabkan oleh *illicit financial outflow* tetapi sebenarnya *trade misinvoicing* yang berlaku. Adakah kementerian mengawal dan membendung masalah ini daripada berlanjutan berlaku.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih atas soalan daripada Yang Berhormat Beluran tentang masalah *trade invoicing* yang sebenarnya ialah *transshipment*. Apabila negara mana yang sepatutnya mencatatkan punca ataupun destinasi nilai barangan yang diperdagangkan. Tentu itu adalah salah satu faktor, ini tidak dinafikan. Akan tetapi ia bukan keseluruhannya disebut oleh masalah *transshipment* ataupun *trade misinvoicing* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat. Kita pun jangan kerana gunakan alasan ini kita tolak sama sekali masalah yang timbul seperti rasuah. Ini memang satu isu yang penting.

Kalau kita bandingkan dengan itu *transparency international*, kita boleh lihat bahawa ia adalah selaras dengan kedudukan *transparency international* di mana jelas sekali bahawa ada masalah dari segi amalan rasuah. Jadi sungguhpun ini mungkin salah satu faktor tetapi kita pun tidak boleh nafikan bahawa ada perkara-perkara lain, ada punca-punca lain. Saya rasa contohnya sekarang termasuk dari pihak pembangkang tidak boleh nafikan bahawa skandal 1MDB, ini memang sesuatu perkara yang serius.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Tidak ada *point* lain ke? Lain *point* tak ada ke?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong, minta kebenaran dulu.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, kerana pembangkang tidak ambil berat tentang 1MDB. Itu sebab pembangkang sekarang jadi pembangkang.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: *Point* tak ada. Ini Menteri Kewangan tidak ada *point*. Pusing-pusing sama juga, pusing-pusing sama juga, *point* tidak ada. Tidak ada fakta ke?

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Ini Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak ada jawapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong, berapa kali hendak saya berikan peringatan? Sila Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Itulah masalah orang yang tidak mahu menghadapi berdepan dengan realiti dan hakikat. *So, you are just like an ostrich in the sand. See no evil, hear no evil, speak no evil.* Itulah sebab...

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Dah kes mahkamah, mahkamahlah, apa lagi?

Tuan Lim Guan Eng: Itulah sebabnya sekarang... [*Pembesar suara dimatikan*] Masalah skandal-skandal yang berkaitan dengan *illicit outflow*.

■1050

Ini lah yang menjadikan negara kita parah dari kedudukan fiskal. Sekiranya pembangkang tidak mahu akui ini, ini saya rasa tidak bertanggungjawab dan tidak menjalankan tugas sebagai seorang Ahli Parlimen kepada rakyat Malaysia.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Mahkamahlah.

Tuan Lim Guan Eng: Janganlah lari, jangan lari daripada kenyataan sedemikian. Apa yang berlaku adalah satu skandal yang maha besar. Banyak penutupan pun sudah dijalankan tapi tidak mahu diakui oleh pihak tertentu. Tapi tidak apa. Baik di mahkamah ataupun dalam Dewan ini, kita akan cari sampai lubuk cacing, kalau perlu, untuk memberikan keadilan kepada rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]: Yang Berhormat Beluran tanya lain, jawab lain.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Banglo pun tidak selesai. Apa lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Lenggong, ini bukan kedai kopi. Ini adalah Dewan yang mulia. Jika tidak puas hati, boleh minta kebenaran, saya boleh bagi soalan tambahan yang lebih, tapi bukan macam ini. Ini cara yang tidak sopan dan tidak mengikut konvensyen Parlimen.

Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]: Menteri jawab macam kedai kopilah.

6. Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat] minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan langkah-langkah mengurangkan jurang ekonomi, pembangunan dan kemudahan asas di negeri-negeri Pantai Barat dengan negeri-negeri Pantai Timur seperti Kelantan dan Terengganu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Ketereh pada 28 November 2018 kerana kedua-dua soalan ini mempunyai maksud yang serupa.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan akan memberi tumpuan terhadap pembangunan di seluruh negara dan komited dalam menyediakan prasarana yang lengkap bagi memberikan kualiti hidup dan kesejahteraan yang lebih baik kepada semua rakyat di negara ini termasuklah di Pantai Timur.

Maka disebabkan itulah, Kerajaan Persekutuan dalam Kajian Separuh Penggal RMKe-11 telah turut memberi penekanan penting dalam usaha merapatkan jurang pembangunan di antara wilayah merentas semua negeri.

Berkaitan ini, Tonggak III KSP RMKe-11 iaitu menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang telah mengenal pasti bidang keutamaan dan strategi untuk mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan negeri. Ini bagi memastikan pengagihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik bagi menggalakkan pertumbuhan saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat termasuk penduduk di negeri-negeri Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengenal pasti tiga bidang keutamaan sebagai usaha ke arah pembangunan wilayah yang seimbang. Dua daripada tiga bidang keutamaan adalah berkait rapat dengan pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah dan yang kedua, merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan luar bandar.

Strategi pertama di bawah bidang keutamaan memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah iaitu memperkukuh dan memperkemas perancangan pembangunan negeri akan direalisasi melalui beberapa inisiatif.

Pertama, menyediakan rangka kerja pembangunan wilayah bersepadu. Kajian akan dijalankan untuk memperkemas dasar dan pelan induk dan strategi supaya sejajar dengan perancangan semasa negara. Rangka kerja ini akan memastikan penyelarasan dan perancangan pelaksanaan pembangunan yang lebih baik.

Inisiatif kedua, memastikan pengagihan peruntukan pembangunan yang lebih baik kepada negeri kurang membangun. Peruntukan pembangunan kerajaan akan diagih secara lebih baik dengan keutamaan diberi kepada enam negeri yang kurang membangun termasuk negeri-negeri Pantai Timur, Terengganu dan Kelantan. Di bawah RMKe-11, negeri Pahang, Kelantan dan Terengganu telah pun menerima peruntukan sebanyak RM13.6 bilion atau 9.9 peratus daripada jumlah peruntukan pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah strategi kedua iaitu memoden dan mempelbagai asas ekonomi, inisiatif yang akan dilaksanakan adalah, pertama, memperkukuh ekosistem untuk aktiviti ekonomi. Ini akan tertumpu kepada meningkatkan pembangunan modal insan, menambah baik infrastruktur, utiliti dan kemudahan logistik serta memperkukuh rangkaian rantaian bekalan dan menarik pelaburan berkualiti.

Sehingga Disember 2017, sebanyak 131 projek dan program Kerajaan Persekutuan telah diluluskan di bawah RMKe-9, RMKe-10 dan RMKe-11 untuk pelaksanaan di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Jumlah pelaburan swasta yang diterima di ECER sejak tahun 2007 adalah sebanyak RM111.6 bilion dan pelaburan ini telah menjana 108,000 peluang pekerjaan dan 9,600 peluang perniagaan untuk rakyat di Wilayah Pantai Timur.

Antara program dan projek berimpak tinggi yang sedang dan akan dilaksanakan oleh ECER di Wilayah Pantai Timur adalah pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan, Taman Industri Bio-Polimer dan serta Taman Industri Halal, Pasir Mas dan Taman Industri Tok Bali di Kelantan.

Kedua, memberi tumpuan kepada aktiviti kluster terpilih. Usaha akan digalakkan untuk menarik lebih banyak pelaburan kepada kluster terpilih yang dikenal pasti berdasarkan kelebihan daya saing wilayah. Dalam hal ini, bidang fokus Wilayah Timur antaranya ialah sektor perlombongan dan pengkuarian, pertanian, pembuatan, logistik dan pelancongan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk bidang keutamaan kedua iaitu merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, strategi pertama ialah mempertingkatkan infrastruktur luar bandar yang akan dilaksanakan melalui inisiatif-inisiatif berikut.

Pertama, meningkatkan penyediaan rangkaian jalan raya. Usaha akan diteruskan bagi membina dan menaik taraf jalan berturap di kawasan luar bandar bagi meningkatkan akses masyarakat luar bandar.

Kedua, memperluas liputan bekalan air. Usaha untuk menambah baik akses kepada bekalan air bersih dan terawat akan dipergiatkan di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar bagi tempoh 2016-2017. Negeri Kelantan telah pun menerima peruntukan sejumlah RM75 juta, negeri Pahang sebanyak RM4.8 juta dan negeri Terengganu sebanyak RM14.1 juta. Bagi tahun 2018, sejumlah RM32 juta diperuntukkan untuk Kelantan dan RM4.5 juta untuk Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, bagi strategi kedua iaitu menambah baik hubungan antara bandar dan luar bandar, inisiatif yang akan dilaksanakan termasuklah, pertama, mempertingkatkan ketersambungan dan pergerakan bagi memperkukuh ekonomi luar bandar. Pengangkutan awam akan dipertingkatkan untuk menyediakan ketersambungan yang lebih baik antara kawasan bandar, bandar kecil dan luar bandar. Sebagai contoh, projek lebuh raya *Central Spine Road* yang dilaksanakan secara berfasa meliputi jarak keseluruhan sepanjang 350 kilometer dari Bentong, Pahang hingga ke Kuala Krai, Kelantan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2025.

Kedua, memperluas akses kepada perkhidmatan asas. Liputan dan akses kepada pelbagai kemudahan sosial dan *amenity* asas di luar bandar akan dipertingkatkan melalui penambahbaikan perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan prima serta menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, bagi strategi ketiga iaitu mewujudkan aktiviti ekonomi setempat di luar bandar, inisiatif yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut.

Pertama, menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta. Usaha akan diteruskan untuk membangunkan usahawan luar bandar dengan mempergiat penyertaan sektor swasta di kawasan luar bandar bagi menarik pelaburan bernilai tinggi serta melaksana program tanggungjawab sosial korporat atau CSR.

Kedua, memanfaatkan ekonomi digital di mana ekonomi digital akan dimanfaatkan bagi perluasan dan kemampunan perniagaan di kawasan luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya, strategi dan inisiatif yang dikenal pasti oleh kerajaan dalam usaha untuk memastikan pembangunan wilayah lebih seimbang termasuklah Wilayah Timur akan menyumbang ke arah mencapai pertumbuhan yang inklusif serta memastikan kesejahteraan seluruh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang saya kira dari segi jawapannya cukup baik. Saya yakin kiranya benar dilaksanakan, ia dapat membawa kebaikan kepada rakyat di kawasan pedalaman seperti di Pahang, Terengganu dan juga Kelantan secara khususnya dan kepada seluruh rakyat Malaysia sebenarnya.

Cuma, apa yang kita lihat dari segi tindakan kerajaan mengambil kira apa yang disebut dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi dan saya juga meneliti ucapan-ucapan daripada Yang Berhormat Menteri-menteri dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri sepanjang persidangan pada kali ini khususnya yang melibatkan Kajian Separuh Penggal RMKe-11 serta perbincangan Bajet 2019 peringkat dasar yang lalu.

■1100

Saya juga tertarik dengan strategi untuk memperkukuhkan komuniti ekonomi Bumiputera dalam RMKe-11 yang berkait secara langsung berkenaan pengurangan kesenjangan bandar dan luar bandar, khususnya di negeri Pantai Timur. Cuma mengambil kira apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi secara perbandingannya, makna kawasan pedalaman ini masih terlalu kurang daripada segi peruntukan kerajaan walaupun beberapa perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Soalan saya juga, apakah kerajaan berhasrat, maknanya apabila menyebut daripada segi perhubungan dan sebagainya, apakah kerajaan berhasrat untuk mempertimbangkan semula Projek ECRL dan atau mengkaji keperluan pembinaan lebuh raya yang menghubungkan negeri-negeri Pantai Timur? Selain daripada apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi, khususnya Lebuh Raya Pantai Timur dan sebagainya. Oleh kerana ini dapat memberi kesan limpahan pembangunan kepada jajaran sekitarnya bagi mengimbangkan wilayah ini. Sekian.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Bahagian pertama tadi saya rasa maklumat dan saya ambil maklum apa yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat.

Kedua, apakah kerajaan berhasrat untuk meneruskan Projek ECRL? Saya rasa perkara ini telah disebutkan banyak kali dan saya telah jawab pun banyak kali tentang projek ini. Apa yang kita tekankan adalah kemampuan kewangan kerajaan pada masa ini. Saya rasa tentang projek-projek keperluan lingkaran jalan dan sebagainya...

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: Minta, minta sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Nanti, tunggu dia habis. Yang Berhormat bersabar.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Sabar sedikit ya. Okey. Tentang projek lingkaran jalan dan sebagainya, seperti mana saya sebut tadi kita ada CSR. Kerajaan sentiasa mengambil kira keperluan rakyat dalam memastikan penjanaan ekonomi yang meningkat atau yang lebih baik di kawasan Pantai Timur. Sekian, terima kasih.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang kacak dan tampan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kapasiti kemampuan untuk menarik minat pelabur untuk melabur dalam sesebuah negeri adalah salah satu penyumbang kepada pembangunan sebuah negeri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menyebutkan beberapa bidang keutamaan untuk membawa pelabur ke Kelantan, Terengganu dan Pahang, khususnya dalam bidang perlombongan dan beberapa *area* yang difokuskan. Usaha RM75 juta untuk urusan air di Kelantan adalah satu contoh membuktikan bahawa kasih dan sayangnya Kerajaan Pakatan Harapan kepada pengundi-pengundi di Kelantan, Terengganu dan di Pahang.

Soalan saya, apakah perancangan pihak kementerian bersama dengan kerajaan negeri untuk menarik minat para pelabur ke sana? Oleh sebab kadang-kadang tak semua kerajaan negeri mampu untuk menarik pelabur asing ke negeri mereka. Kalau di Melaka sebagai contoh minggu lepas, RM1.3 bilion pelabur dari Korea akan melabur di Melaka. Satu contoh yang cukup baik daripada Kerajaan Melaka.

Jadi soalan saya tadi, apakah perancangan kerajaan untuk benar-benar membantu ketiga-tiga Kerajaan Kelantan, Terengganu dan Pahang ini untuk menarik pelabur untuk masuk ke negeri-negeri itu sama ada dengan memberikan insentif untuk *tax relief* ataupun apa yang seumpamanya? Terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Ya, seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Langat, kerajaan sentiasa komited untuk membantu rakyat, tidak kiralah di negeri Pakatan Harapan ataupun di negeri yang tidak diterajui oleh Pakatan Harapan, termasuk di negeri saya, Kelantan. Jadi, tentang kapasiti menarik pelabur, saya amat bersetuju dengan Yang Berhormat Hulu Langat. Dalam apa sahaja keputusan pelaburan, daripada sudut ekonominya, pelabur akan mengambil kira infrastruktur dan kemudahan-kemudahan yang ada. Sebagai contoh, sekiranya hendak melabur di sesebuah negeri, perkara paling asas, contohnya bekalan air bersih, lingkaran jalan, perkhidmatan pengangkutan dan sebagainya akan diambil kira.

Untuk pembangunan-pembangunan di negeri-negeri Pantai Timur seperti mana yang saya sebutkan tadi, Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan sesuatu projek, bekerja rapat dengan semua kerajaan negeri dalam memastikan kita dapat menyampaikan yang terbaik untuk rakyat. Sekian, terima kasih.

7. Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah usaha yang dilakukan untuk menjamin keselamatan penerbangan dan menghalang penumpang-penumpang penerbangan antarabangsa yang menggunakan pasport dan dokumen perjalanan palsu; dan
- (b) berapa kali semakan dibuat terhadap *Database Stolen & Lost Travel Documents (SLTD)*, Interpol pada tahun 2013-2018 mengikut tahun.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Mohd Azis bin Jamman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Yang Berhormat Bukit Bendera bertanyakan tentang apakah usaha yang dilakukan untuk menjamin keselamatan penerbangan dan menghalang penumpang-penumpang penerbangan antarabangsa yang menggunakan pasport dan dokumen perjalanan palsu dan berapa kali kah semakan dibuat

terhadap *Database Stolen & Lost Travel Documents (SLTD)*, dengan izin, Interpol pada tahun 2013 hingga 2018.

Tuan Yang di-Pertua, kawalan keselamatan Jabatan Imigresen Malaysia terhadap kemasukan pelancong asing dilakukan sebelum dan semasa ketibaan pelancong tersebut datang ke Malaysia. Pelancong dari negara-negara yang dikenakan syarat keperluan visa untuk masuk ke Malaysia wajib memohon dan memenuhi keperluan visa sebagai saringan awal (*screening*), dengan izin, bagi mengelakkan kemasukan individu yang tidak dikehendaki dan tidak memenuhi kelayakan memasuki negara ini. Pemeriksaan di pintu-pintu masuk negara dilakukan sepenuhnya melalui sistem semasa pelancong berurusan di kaunter pemeriksaan Imigresen iaitu melalui kaedah *facility advanced document reader*, dengan izin, pengambilan data cap jari biometrik dan semakan butiran biodata dan dokumen pelancong melalui *Stolen and Lost Travel Document System (SLTD)*.

Sistem ini dibangunkan oleh Interpol dan berintegrasi dengan Polis Diraja Malaysia bagi mengesan dengan lebih awal jika terdapat sebarang penyalahgunaan dokumen perjalanan ataupun pasport yang dilaporkan hilang atau dicuri dari negara-negara luar.

Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, di negara kita ini bila berlaku kehilangan pasport, laporan dibuat, pihak polis akan *update* sistem ini dalam tempoh 24 jam. Semakan dan pengemaskinian rekod pasport yang hilang atau dicuri ke dalam pangkalan data SLTD dibuat dalam tempoh 24 jam sebagaimana saya sebutkan tadi bagi mengelak berlakunya penyalahgunaan pasport tersebut oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Sistem ini telah diguna pakai sejak tahun 2015 dan rekod kekerapan semakan pangkalan data SLTD adalah seperti berikut:

TAHUN	KEKERAPAN SEMAKAN KES
2015	1,081
2016	1,498
2017	928
2018 (Sehingga 31 Oktober)	780

Terima kasih.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maklumat yang saya peroleh disebut bahawa kehilangan pasport ataupun dokumen perjalanan yang dilaporkan hilang atau palsu untuk seluruh dunia, 76 juta sehingga kini. Di Malaysia sahaja, 192,000 pasport telah dilaporkan hilang ataupun dicuri. Tadi saya mendengar angka-angka yang dilaporkan oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri hanya dalam julat ratusan. Saya difahamkan Interpol telah menyatakan bahawa semakan ini boleh dibuat dalam beberapa saat sahaja.

Adakah Kementerian Dalam Negeri akan melaksanakan satu dasar ataupun satu SOP untuk menyemak setiap dokumen dan bukan sahaja seperti yang dikatakan tadi, hanya ratusan semakan dibuat. Adakah bercadang untuk membuat setiap semakan ataupun meninggikan kekerapan semakan tersebut untuk menghalang potensi pengganas menyeludup masuk dan juga sebagainya? Sila berikan satu jawapan. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan tersebut. Sebenarnya, kalau mengikut rekod yang kita perolehi, ia bukan 100,000 kehilangan yang dilaporkan. Oleh sebabnya kalau ikut rekod, mengikut laporan polis adalah sebanyak 68,000 *report* kehilangan yang kita telah terima dan 68,000 yang kehilangan ini telah pun kita *update*. Sudah berada di dalam *database* yang kita sentiasa *update* daripada semasa ke semasa. Jadi, maklumat yang mengatakan bahawa 100,000 itu sebenarnya tidak *accurate*. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, *to be exact* kalau mengikut rekod yang ada dalam kementerian adalah 68,000 kehilangan yang telah pun kita *update*. 780 itu merupakan semakan semasa sahaja yang mana yang saya sebutkan tadi mengikut bulan. Itu sebenarnya jawapan ia. Terima kasih.

■1110

Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]: Okey terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah pun memberikan jawapan yang saya fikir satu isu yang besar yang melanda negara kita. Saya cuba ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan jumlah pelancong yang tidak keluar daripada negara kita setelah tamat tempoh yang dibenarkan. Apakah mekanisme untuk mengesan mereka? Kalau boleh mungkin jawapan secara bertulis, pecahan mengikut negara. Apakah kerajaan juga *ban* mereka terus yang ditahan beberapa kali kerana kes yang sama, contohnya kes-kes pelacuran, pengedaran dadah sebagainya yang beroperasi di negara kita. Terima kasih.

Dato' Mohd Azis bin Jamman: Okey terima kasih. Soalan tambahan itu sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, memang kita ada menghadapi masalah dari segi pelancong yang masuk ke negara kita secara sah tetapi *stay* lebih lama daripada yang sepatutnya. Oleh sebab itu kalau kita lihat sejak kita memerintah, banyak operasi-operasi yang kita lakukan khususnya di pihak imigresen dan menangkap orang-orang seperti ini. Kita tidak pernah berkompromi.

Ada juga kadang-kadang visa pelancong yang disalah guna di antaranya kononnya datang ke Malaysia ini untuk belajar bahasa. Akan tetapi apabila mereka masuk sini mereka tidak belajar bahasa pun, tidak masuk ke institut-institut ini. Apa yang kita lakukan, kita *blacklist*kan institusi-institusi seperti ini. Bila kita dapat dalam operasi-operasi imigresen, kita akan tangkap dan dakwa. Kemudian hantar mereka ke negara asal mereka dan kemudian kita *blacklist* mereka.

Ini di antara usaha agresif yang kita lakukan. Oleh sebab itu sekarang ini kalau kita lihat nampak banyak perubahan khususnya bila melibatkan pendatang tanpa izin yang *overstayed* di negara kita ini. Khususnya bagi gerakan bersepadu, bukan hanya imigresen, *in fact* polis pun membuat gerakan yang sama bersepadu dengan kerajaan kita. Dalam masa yang sama juga kita sebagaimana yang selalu kita sebut bahawa di peringkat kementerian ini kita banyak membuat *review* sistem-sistem yang ada diguna pakai di dalam kementerian.

Jadi bagi kita sedikit masa, *insya-Allah* kita akan memperkenalkan sistem baru sebab kita faham sistem yang kita guna pakai sekarang ini banyak sistem yang kita *inherit* daripada kerajaan yang terdahulu. Ada kontrak-kontrak yang telah pun ditandatangani. Jadi ini di antara perkara yang menjadi pertimbangan kita.

Akan tetapi di peringkat kementerian, kita tengah secara agresif mengkaji sistem-sistem ini dan kita akan memperkenalkan sistem baru yang lebih komprehensif dan lebih ketat dari segi pengawalan pintu masuk negara kita. Terima kasih.

8. Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan sama ada kementerian akan melaksanakan sistem kuota 30 peratus wanita di Parlimen dan juga di Dewan-dewan Undangan Negeri.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Hannah Yeoh]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian tidak meletakkan dasar 30 peratus wanita dalam membuat keputusan sebagai kuota, tetapi ia merupakan sasaran minimum yang perlu dicapai dan dilepasi. Objektif dasar ini adalah untuk melepasi 30 peratus dan mencapai kesaksamaan gender iaitu penglibatan sepenuhnya dan secara efektif dalam pembangunan negara. Pelan Tindakan Pembangunan Wanita telah menggariskan wanita di peringkat pembuat keputusan dan politik sebagai salah satu sektor daripada 13 sektor yang disenaraikan.

Penglibatan 30 peratus wanita dalam kepimpinan merupakan satu *critical mass* yang diterima umum oleh masyarakat antarabangsa selain untuk membangunkan dan mengembangkan potensi wanita. Berdasarkan *Global Gender Gap Indeks 2017* tahun lepas, Malaysia berada pada kedudukan ke 104 daripada 144 buah negara dengan skor bagi *political empowerment* adalah 0.058 daripada skor 1. Satu skor yang amat rendah berbanding pendidikan iaitu 0.991 iaitu hampir mencapai gender *parity*. Walau bagaimanapun saya percaya kedudukan Malaysia bagi skor ini akan meningkat mendadak tahun ini

memandangkan Malaysia telah membuat julung kalinya melantik seorang wanita sebagai Timbalan Perdana Menteri dan ini merupakan jawatan tertinggi yang pernah disandang oleh wanita Malaysia dalam politik.

Di samping itu, jumlah Menteri wanita juga telah bertambah daripada tiga orang kepada lima orang Menteri. Rekod terkini, menunjukkan wanita sebagai Ahli Dewan Rakyat adalah seramai 32 orang daripada 222 orang iaitu 14.41 peratus berbanding seramai 23 orang iaitu 10.4 peratus bagi sebelum ini. Manakala untuk Ahli Dewan Undangan Negeri pula, seramai 57 daripada 505 orang iaitu 11.3 peratus berbanding 58 daripada 505 kerusi DUN iaitu 11.5 peratus. Bagi wanita dalam Dewan Negara pula, keanggotaan sekarang merupakan 13 orang wanita berbanding 67 orang iaitu 19.4 peratus.

Inisiatif bagi meningkatkan peratusan wanita dalam bidang politik adalah satu inisiatif yang harus digalas bersama oleh semua komponen parti-parti politik. Mandat yang diberikan kepada wanita dalam mewakili suara rakyat yang diwakili tidak kira di peringkat Dewan Undangan Negeri mahupun Parlimen merupakan satu lembaran baru dalam arena politik di Malaysia. Saya berharap wanita-wanita yang memegang portfolio dalam kerajaan juga harus menunjukkan contoh yang terbaik daripada segi prestasi dan integriti supaya kerajaan dan rakyat akan terus memberi mandat kepada wanita di masa hadapan.

Bagi meningkatkan penglibatan berterusan wanita di Parlimen dan di Dewan Undangan Negeri, parti-parti politik yang merupakan *stakeholders* utama perlu terus mengambil perhatian dan melaksanakan strategi terutama ketika proses pencalonan dengan mengembangkan potensi wanita di peringkat akar umbi untuk digilap menjadi pemimpin masa hadapan. Itu sahaja, terima kasih.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Kita di Malaysia ini amat bertuah sekali. Oleh sebab kalau sekarang ini kita sudah ada Timbalan Perdana Menteri seorang wanita. Sebelum ini kalau saya tak *if I'm not mistaken* dengan izin, rakan-rakan saya yang berada di sebelah sana dulu seangkatan sama dengan saya wanita telah menggesa supaya kita mengadakan - melaksanakan 30 peratus kuota sistem itu. Jadi pada kali ini saya dari jawapan Menteri tadi saya rasa Tuan Yang di-Pertua - Yang Berhormat Timbalan Menteri kena duduk dulu sebab saya masih bercakap terima kasih.

Dari jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi memang kalau dikira memang kita belum mencapailah. Cuma saya hendak menyatakan di sini saya hendak menyarankan sebab di negara Asia ini Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa contoh yang boleh kita gunakan. Saya tahu ini perlu ada keperluan ataupun desakan daripada parti-parti politik sendiri. Jadi kalau kita mengambil contoh Singapura misalnya parti PAP menggunakan sistem kuota parti-sistem mereka menggunakan satu ialah langkah sukarela ataupun langkah mandatori atau *voluntary 'nominated' measures* dengan izin di mana partinya melaksanakan kuota tidak rasmi sehingga kalau dikira 20 peratus calon wanita telah diletakkan pada tiga pilihan raya yang lepas.

Kedua, kita ada contoh dari segi *legislative candidate* kuota dengan izin ataupun kuota calon secara perundangan yang memastikan beberapa calon wanita disenaraikan di mana kedua-dua Perlembagaan di negara seperti Timor Leste dan juga Indonesia di mana mereka meletakkan - mengenakan satu daripada setiap kumpulan 3 calon, adalah wanita.

Ketiga, saya menggunakan contoh sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri, *reserved Parliamentary seats* ataupun kerusi *Parliamentary* yang khaskan atau diperuntukkan untuk beberapa wanita sebagai calon yang mana diperuntukkan di bawah undang-undang. Misalnya Taiwan telah memperuntukkan calon di peringkat kebangsaan dan kerusi yang diperuntukkan di mana di peringkat kebangsaan, bilangan calon wanita ditetapkan ataupun *fixed* dengan izin dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Batang Sadong, apakah soalnya?

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Itulah yang saya hendak nyatakan sama ada kementerian mahu menggunakan ini sebagai satu kajian supaya kita tidak dapat lagi mengatakan ini hanya bergantung pada parti sistem. Sebab ada contoh-contoh di sini mengenakan dari segi Perlembagaannya. Jadi contoh ini mungkin boleh digunakan, kita tidak dapat lagi menggunakan okey, ini terpulang kepada parti. Jadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini pandangan, ini bukan contoh soalan.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong]: Saya hendak bertanya sama ada ini akan digunakan sebagai contoh untuk buat kajian. Oleh sebab kita ada Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri seorang wanita jadi mengharapkan dengan adanya keadaan seperti ini jadi kita boleh menggunakan ini sebagai contoh untuk melaksanakan sebagai peringkat awal. Jadi inilah yang saya gunakan sebagai contoh untuk dilihat terutama sekali negara Asia. Jadi. terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Hanya soalan saya, saya telah pun jawab bahawa buat masa ini tidak ada hasrat kerajaan untuk mewajibkan 30 peratus melalui Perlembagaan. Akan tetapi kalau kita lihat perbincangan telah pun bermula di negeri Pulau Pinang dan negeri Selangor pada tahun lepas di mana *workshops* yang telah dikendalikan oleh Profesor Wong Chin Huat juga telah pun berlangsung untuk mengkaji dan saya tahu di peringkat parti masing-masing ada perbincangan tetapi belum sampai ke Parlimen lagi.

■1120

Kalau kita lihat melalui Perlembagaan, Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu baru-baru ini sahaja menggunakan Perlembagaan mereka untuk melantik Ahli Dewan Negeri wanita kerana sebelum ini mereka tidak ada wakil wanita di dalam Dewan Undangan Negeri Terengganu. Mungkin pada masa hadapan kita boleh menggunakan ini, tetapi buat masa sekarang, memang tidak ada di Parlimen kita. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Maran.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ini wanita, saya berikan kepada Yang Berhormat Rantau Panjang.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Rantau Panjang? Ini wanita, saya hormat wanita.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, prihatin kepada wanita.

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Berikanlah keutamaan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta maaf yang Yang Berhormat Maran. Terima kasih. Pertama kali saya ucapkan tahniah di atas usaha kementerian dan pihak kerajaan untuk memperkasakan kaum wanita. Ini bermakna bukan meniadakan kepentingan dan kebolehan kaum lelaki, tetapi mungkin peranan kaum wanita lebih khusus untuk bidang-bidang yang sesuai dengan bidang kewanitaan. Jadi saya ingin tahu, apakah sebenarnya daripada pemantauan pihak kerajaan, apakah punca ataupun halangan kenapa permasalahan mungkin ataupun keyakinan masyarakat terhadap kepimpinan wanita menyebabkan peratusan mereka walaupun ramai calon-calon wanita bertanding, tetapi tidak mendapat kemenangan di dalam pilihan raya? Mungkin ada kelemahan-kelemahan tertentu ataupun apakah kajian pihak kementerian tentang apakah masalah sebenarnya. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri Terengganu kerana melantik wanita di Dewan Undangan Negeri Terengganu sebagai satu julung-julung kalinya di dalam negara Malaysia. Terima kasih.

Puan Hannah Yeoh: Saya tidak ada laporan kajian di depan saya sekarang untuk menjawab soalan tambahan ini. Akan tetapi kalau menggunakan pengalaman saya dan rekod yang saya ada sekarang adalah rekod SPR, saya rasa penglibatan wanita terlalu sedikit kerana pencalonan wanita ini tidak mencukupi oleh parti masing-masing. Kalau kita lihat ini data SPR yang saya peroleh [*Sambil menunjukkan senaskhah dokumen*], di peringkat pencalonan bagi Parlimen terdapat seramai 75 orang wanita atau 10.92 peratus sahaja yang telah menjadi calon berbanding jumlah keseluruhan 687 orang calon yang bertanding, di mana 612 orang lelaki yang bertanding dan 75 orang wanita sahaja yang diberikan kerusi.

Bagi peringkat Dewan Undangan Negeri pula, terdapat seramai 176 orang calon wanita, manakala lelaki seramai 1,470 orang yang bertanding. Hanya 10.69 peratus daripada jumlah keseluruhan kerusi diberikan kepada calon wanita. Jadi masalahnya bukan kekurangan pemimpin, tetapi kekurangan kerusi yang diberikan oleh pimpinan parti masing-masing. Saya lihat bagus ada Presiden PAS juga berada di dalam Dewan ini. Mungkin parti

presiden politik masing-masing kena mendengar rintihan daripada pemimpin wanita sendiri. Ini adalah masalah *gatekeeper*. Pimpinan parti masing-masing kalau tidak memberikan kerusi yang mencukupi ataupun kalau berikan kerusi pun berikanlah kerusi yang boleh menang, janganlah berikan kerusi yang susah-susah kepada wanita...

[Tepuk]

Beberapa Ahli: Betul!

Puan Hannah Yeoh: Dan dianggap itu adalah satu kuota yang telah dicapai. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Boleh tambah satu soalan?

Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]: Ada yang tersirat dan tersurat ya.

9. Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan:

- (a) jumlah bilangan menara telekomunikasi yang telah dibina di sekitar kawasan perumahan, sekolah dan rumah ibadat dalam jarak 200 meter dalam tahun 2013 -2018; dan
- (b) adakah kerajaan akan mengkaji semula kesesuaian lokasi menara-menara tersebut dan kesan terhadap kesihatan orang awam dalam jangka masa yang panjang.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahir Rahmanir Rahim*. Dengan izin Tuan Pengerusi, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Bagi pertanyaan (a), untuk menjawab, untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, data mengenai menara komunikasi di kawasan sekolah yang dibina di bawah projek 1BestariNet boleh dirujuk kepada Kementerian Pendidikan Malaysia. Walau bagaimanapun, semua menara dan struktur komunikasi adalah tertakluk kepada garis panduan pembinaan menara dan struktur pemancar komunikasi yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan terletak di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT).

Sehingga kini, sejumlah 20,023 struktur komunikasi telah beroperasi di seluruh negara. Jumlah struktur komunikasi yang telah dibina mengikut negeri secara ringkasnya, bagi Selangor sebanyak 4,601 struktur, bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 1,763 struktur, Wilayah Persekutuan Putrajaya sebanyak 88 struktur. Di Malaysia, pembinaan menara komunikasi dibina mengikut garis panduan yang telah diselaraskan dengan mematuhi piawaian keselamatan antarabangsa dan amalan keselamatan yang telah ditetapkan. Pemasangan kesemua struktur komunikasi adalah bagi penambahbaikan kualiti perkhidmatan komunikasi secara menyeluruh di seluruh negara termasuklah di kawasan bandar.

Bagi pertanyaan kedua, (b), daripada sudut keselamatan dan persekitaran. Jarak menara di lokasi tersebut adalah mematuhi jarak minimum menara yang ditetapkan dalam Garis Panduan Pembinaan Menara dan Struktur Sistem Pemancar Telekomunikasi Dalam Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2002 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan yang sekarang dikenali sebagai Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Ini di mana pembinaan semua jenis menara telekomunikasi hendaklah berpandukan kepada jadual berikut iaitu kalau jenis bangunan yang ketinggian menara di bawah 45 meter, kalau kediaman jaraknya mesti sekurang-kurangnya 20 meter; kalau komersial mestilah 10 meter; bagi industri mestilah 5 meter. Manakala bagi ketinggian menara yang melebihi 45 meter, maka jarak untuk sesuatu menara itu bagi kediaman adalah 30 meter; komersial ialah 15 meter; serta industri ialah 10 meter.

Pembinaan lokasi menara yang bersesuaian dibuat adalah berdasarkan kepada penilaian teknikal yang terperinci. Jarak yang selamat untuk setiap menara dengan struktur bangunan adalah sekurang-kurangnya 30 meter. Bagi pembinaan menara komunikasi sama

ada di kawasan bandar, luar bandar ataupun taman perumahan, pembinaan hendaklah berpandukan kepada garis panduan pembinaan menara dan struktur pemancar komunikasi yang telah ditetapkan oleh KPKT. Garis panduan tersebut menyatakan keperluan jarak anjakan dengan had ketinggian yang tertentu, keperluan keselamatan seperti pagar dan langkah penstabilan cerun serta aspek-aspek lain yang perlu dipatuhi oleh syarikat penyedia perkhidmatan. Maklumat daripada penduduk atau orang awam berhubung tahap liputan perkhidmatan amat berguna, amat penting untuk membantu pihak syarikat penyedia perkhidmatan membuat perancangan bagi penambahbaikan liputan dan kualiti perkhidmatan yang di tawarkan. Manakala peranan pihak berkuasa tempatan (PBT) pula amat diperlukan dalam menerima permohonan baru sesuatu pembangunan infrastruktur komunikasi dalam sesuatu kawasan pentadbiran mereka. Jawatankuasa Pusat Setempat (OCS) di peringkat PBT turut diwakili oleh agensi-agensi teknikal yang berkepakaran dalam bidang tugas masing-masing seperti SKMM, TNB, GCA dan juga bomba bagi menilai dan mengulas sesuatu permohonan tersebut. Walau bagaimanapun, lokasi sebenar menara yang akan dibina adalah bergantung kepada faktor teknikal seperti ketersediaan *line of sight* rangkaian sedia ada dan bekalan elektrik serta kelulusan muktamad bagi pembinaan sesuatu menara akan ditentukan oleh PBT yang berkaitan. Sekian.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya terima baik jawapan dan data-data tadi. Cuma mungkin kalau Yang Berhormat Menteri boleh berikan sesalinan lengkap jumlah menara untuk setiap negeri, mungkin itu amat dihargai. Persoalan saya, kita sedia maklum bahawa di Malaysia ada kesenjangan ataupun jurang di antara keinginan pengguna, syarikat telekomunikasi untuk mendapat perkhidmatan yang terbaik yang tidak terganggu, yang *uninterrupted* dan keberadaan menara-menara telekomunikasi ini.

■1130

Pada masa yang sama, wujud persepsi bahawa menara-menara telekomunikasi ini mendatangkan kemudaratan. Persoalan saya, apakah yang sedang diusahakan oleh pihak kementerian untuk memastikan pengguna tahu dan faham bahawa tidak ada masalah kesihatan yang timbul daripada pembinaan menara-menara ini, jika benar tidak ada masalah kesihatan?

Kedua, apakah yang akan diusahakan oleh pihak kementerian untuk mengurangkan isu *connectivity*? Terutama bila kita lihat laporan daripada badan antarabangsa seperti OpenSignal yang menyatakan bahawa, dengan izin, *availability of* rangkaian 4G contohnya bagi salah satu daripada syarikat telekomunikasi di seluruh negara sebagai contoh Maxis, dikatakan 70 peratus sahaja kalau dibandingkan dengan *Celcom, Digi, U Mobile* tidak lebih daripada 58 peratus mengikut laporan yang mereka sediakan sekitar tahun 2016. Maka saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberikan jawapan. Terima kasih.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai dan Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan soalan yang pertama tadi, saya akan bekalkan maklumat yang lengkap berkenaan jumlah menara telekomunikasi yang telah dibina daripada tahun 2013 ke 2018 untuk saya serahkan kepada Yang Berhormat Lembah Pantai.

Kedua, berkenaan masalah ancaman kesihatan ini, untuk makluman Yang Berhormat, SKMM mempunyai beberapa inisiatif. Pertama, untuk memastikan bahawa kelengkapan komunikasi mestilah mematuhi standard dan garis panduan piawaian antarabangsa mengenai ACR ataupun EMF iaitu kadar penyerapan spesifik dan juga medan elektro magnetik bagi semua kelengkapan komunikasi yang berkuat kuasa daripada 2 November 2011. Itu yang pertama.

Kedua, SKMM juga telah menjalinkan kerjasama dengan pihak Agensi Nuklear Malaysia untuk menjalankan ujian bagi menentukan pematuhan tahap radiasi (RF) daripada pemancaran komunikasi itu sendiri. Beberapa ujian radiasi (RF) telah dijalankan dan dilaksanakan bagi menyampaikan dan memberikan maklumat yang tepat berkenaan kebimbangan rakyat disebabkan oleh masalah yang berkaitan dengan radiasi dan untuk

membetulkan salah tanggapan masyarakat berhubung dengan kesan radiasi pada keselamatan dan kesihatan rakyat di negara ini.

Ketiga, pihak SKMM bersama Kementerian Kesihatan telah mengadakan beberapa siri kempen keselamatan kepada rakyat atau orang awam termasuk mengedarkan risalah-risalah yang mengeluarkan artikel dan juga mengeluarkan artikel di dalam akhbar utama berhubung dengan perkara yang berkaitan dengan masalah radiasi ini. Jadi pendekatan yang dibuat setakat ini sekiranya ada kebimbangan yang berterusan ataupun yang difikirkan mengancam keselamatan, SKMM akan mengadakan sesi *engagement* secara terus kepada mana-mana pengadu untuk kita menyelesaikan isu atau masalah ini sesegera mungkin. Orang awam juga boleh mendapatkan banyak maklumat mengenai panduan ENF dan juga melalui portal SKMM. Itu sahaja.

Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyambut baik hasrat kementerian KKMM untuk menjadikan akses capaian *internet* di negara ini lebih meluas dan menyeluruh seolah-olah sebagai hak asasi manusia bagi setiap rakyat.

Jadi soalan saya, adakah KKMM sudah mengkaji kesesuaian pelaksanaan Pelan Fiber Seluruh Negara terhadap negeri Sarawak dan juga Sabah? Ini kerana sebagai seorang pengusaha dan juga pengamal teknologi maklumat, saya berpendapat bahawa Pelan Fiber Seluruh Negara (NFP) ini kurang sesuai dan mahal kerana bentuk muka bumi ataupun *landform* Sabah, Sarawak ini khasnya di kawasan pedalaman.

Saya berpendapat jalur lebar tanpa wayar adalah lebih sesuai dilaksanakan berbanding *fiber*. Rangkaian *fiber* bersesuaian untuk *backbone connectivity*, dengan izin, tetapi *it's very challenging for them to do the last mile because the condition of the houses and villages in Sarawak is very scattered*, dengan izin.

Jadi saya ingin bertanya, sama ada pihak kementerian telah membuat kajian yang teliti adakah *fiber* ini lebih sesuai dilaksanakan di seluruh negara? Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Eddin Syazlee bin Shith: Untuk makluman Yang Berhormat, kajian berkenaan *fiberization* yang akan dilaksanakan yang akan diberi tumpuan pada tahun depan dengan memperuntukkan sejumlah RM1 bilion itu telah dibuat kajian yang teliti. Walau bagaimanapun, sekiranya ada mana-mana input baharu tambahan yang difikirkan boleh menyumbang ke arah penambahbaikan, kita akan terima dan kita akan sentiasa membuat semakan-semakan yang bersesuaian untuk kita dapat melakukan yang terbaik.

Berkenaan dengan kesesuaian atau tidak, kita telah pun bermula dengan membina *towers* telekomunikasi yang seperti mana Yang Berhormat di sini sedia maklum, saya telah memberitahu sebelum ini, lebih kurang RM1 bilion telah diperuntukkan, RM500 juta untuk Sabah dan RM500 juta untuk Sarawak. Akan tetapi, pembinaan *towers* telekomunikasi ini masih belum cukup. Kita secara keseluruhannya, sebanyak 93 peratus *coverage* yang telah ada di seluruh negara dan kita cuba naikkan ke 95 peratus dengan mengambil kira juga kita akan melakukan penambahbaikan kepada *speed* atau kelajuan *internet* itu sendiri.

Cuma, sama juga seperti soalan Yang Berhormat Lembah Pantai tadi, isu berkaitan dengan kelajuan ini bukan semata-mata terletak kepada berapa banyak *tower* yang dibuat ataupun *fiber* yang digunakan, tetapi kadang-kadang ia juga tertakluk kepada pakej-pakej yang digunakan oleh pelanggan-pelanggan melalui penyedia perkhidmatan.

Walaupun bagaimanapun, sekiranya ada perkara-perkara yang berkaitan dengan *tower*, pilihan selain daripada *tower* tadi, kita juga mempunyai pilihan dengan menggunakan satelit yang mana satelit ini kosnya lebih mahal dan juga tidak stabil penggunaan *fiber*. Jadi *fiber* ini adalah inisiatif yang terakhir, pendekatan yang terakhir yang difikirkan lebih sesuai untuk kita pergi menjangkau *coverage* ataupun liputan yang kita sasarkan sebanyak 95 peratus itu Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi pertanyaan-pertanyaan lisan telah tamat.

[Sesi untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

11.39 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa tiga kementerian. Kementerian Kewangan, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2019 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 27 November 2018.”

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada yang menyokong?

Menteri Pembangunan Usahawan [Datuk Seri Mohd Redzuan Yusof]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

■1140

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2019

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2019

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2019 dan Anggaran Pembangunan 2019 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis”. **[Hari Kedua]**

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi perbahasan peringkat Jawatankuasa telah bermula pada 22 November 2018 hingga 6 Disember 2018. Hari ini hari Isnin 26 November 2018 adalah hari kedua perbahasan peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2019, di peruntukan selama sembilan hari.

**Maksud B.10, B.11 dan B.12 [Jadual] -
Maksud P.10 dan P.70 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kepala B.10, B.11 dan B.12 dan Kepala Pembangunan P.10 dan P.70 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Pengerang.

11.41 pg.

Dato' Sri Azalina Othman Said [Pengerang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai Butiran 00107 – Southern Johor Development dan Butiran 00113 iaitu bagi Pembangunan Lima Koridor. Saya ingin menyatakan untuk mendapat penjelasan daripada kementerian mengenai perincian di bawah butiran-butiran tersebut, sama ada projek RAPID Pengerang yang tersenarai dalam peruntukan yang dianggarkan.

Ini adalah kerana, walaupun kerajaan menyatakan pada bulan lalu bahawa projek RAPID Pengerang akan diteruskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 tetapi saya lihat setakat ini tiada perincian khusus berkenaan projek ini dalam Anggaran Perbelanjaan 2019. Jadi, saya mohon pencerahan dari kementerian. Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan, adakah kerajaan setuju bahawa sumbangan daripada RAPID Pengerang akan menyumbang kepada pendapatan yang besar terhadap pembangunan negara.

Saya juga ingin mengingatkan kepada kerajaan betapa pentingnya projek RAPID Pengerang ini, terutama sekali pembangunan mega dalam kawasan luar bandar. Saya percaya projek ini berpotensi dengan lebih besar dan akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang setaraf dengan Singapura, Rotterdam dan juga di Texas iaitu sebagai sebuah bandar *oil and gas city* dengan izin. Itu sebabnya saya berharap kerajaan dapat memberikan jawapan kepada butiran yang telah saya bangkitkan, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Pasir Gudang.

11.43 pg.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Dengan izin Tuan Pengerusi, perbincangan saya berkaitan dengan muka surat 134, Butiran 00107 berkenaan Southern Johor Development. Saya ada beberapa pertanyaan dan sekiranya dibagi secara bertulis pun tidak mengapa sebahagiannya.

Pertama, bolehkah pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan jelaskan, di dalam Butiran 00107 Anggaran Tahun 2019 sebanyak RM277,250,000 berbanding anggaran dipinda pada tahun 2018 iaitu RM132 juta. Jadi, saya ingin penjelasan, peningkatan itu saya rasa lebih 100 peratus. Apa alasannya? Itu yang pertama.

Kedua, berkenaan Southern Johor Development ini iaitu Koridor Ekonomi Iskandar Malaysia, saya ingin tahu daripada pihak kementerian pertama, berapakah keseluruhan pelaburan yang telah diterima oleh Iskandar Malaysia sejak penubuhan Koridor tersebut? Dari jumlah pelaburan itu, saya ingin tahu berapakah pelaburan domestik dan berapa pula pelaburan asing?

Pertanyaan yang kedua, kalau boleh dapat dijelaskan daripada pelaburan domestik bagi Iskandar Malaysia, berapakah jumlah pelaburan awam dan berapa pula pelaburan swasta? Saya ingin tahu berapa banyak pelaburan daripada Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Johor bagi pelaburan awam?

Soalan berikutnya, saya ingin penjelasan, dari pelaburan asing untuk Iskandar Malaysia, ingin dapat dijelaskan negara mana yang banyak melabur? Apakah negara-negara tersebut? Saya percaya bahawa, Koridor Iskandar Malaysia telah menjana peluang pekerjaan yang banyak, jadi saya ingin tahu data sekiranya ada. Berapa jumlah pekerjaan yang telah dijanakan setakat ini bagi projek Iskandar Malaysia ini?

Persoalan berikutnya ialah apakah jenis-jenis industri utama yang dibangunkan di Iskandar Malaysia? Saya juga ingin tahu daripada pihak kementerian, apakah faedah-faedah

yang di peroleh oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Johor berkaitan dengan pembangunan Iskandar Malaysia ini. Sama ada dari segi cukai, dividen dan sebagainya. Dalam soal pembangunan Iskandar Malaysia ini iaitu ia ditadbir oleh IRDA yang dipengerusikan bersama oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Berhormat Menteri Besar Johor.

Saya ingin tahu daripada pihak Kerajaan Persekutuan, adakah Kerajaan Persekutuan puas hati dengan prestasi IRDA yang berpejabat di Johor Bahru itu? Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin tahu, sejauh manakah kontraktor-kontraktor kecil dan sederhana bumiputera mendapat peluang dalam pembangunan di Koridor Iskandar Malaysia? Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang, saya menjemput seterusnya Yang Berhormat Parit Sulong.

11.47 pg.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Bagi maksud B.10, Butiran 020400 – Antarabangsa. Saya hendak menyentuh mengenai strategi fizikal seperti yang dinyatakan dan seperti yang kita maklum Malaysia memang mengamalkan *open economy* tetapi untuk domestik ia memang agak terhad dan juga perlu bergantung kepada negara luar. Jadinya memang penting untuk kita membangunkan dan melaksanakan strategi Perbendaharaan untuk menjayakan rundingan IFTA ataupun *Free Trade Agreement* (FTA) serta mewujudkan kolaborasi yang strategik di kalangan kementerian dan juga agensi.

Soalan saya kepada pihak kementerian adalah berapakah sebenarnya jumlah rundingan FTA yang telah ditandatangani oleh pihak kementerian setakat ini? Apakah strategi terkini pihak kerajaan dalam mewujudkan lebih banyak lagi FTA ini dengan bersama-sama dengan negara lain seterusnya membantu meningkatkan kelebihan daya saing Malaysia serta mengukuhkan keyakinan pelabur di samping membina kelestarian ekonomi negara.

Seterusnya bagi Butiran 030100 – Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC). Di sini saya cuma hendak tahu setakat ini berapakah syarikat milik – adakah terdapat GIC milik MOF ini yang telah ditutup sehingga kini, sekiranya ada berapakah jumlahnya? Seterusnya sejauh manakah usaha-usaha yang dibuat oleh pihak kementerian dalam mengukuhkan lagi mana pemilikan GIC yang sedia ada. Daripada jumlah GIC milik MOF ini, saya ingin bertanya mengenai satu syarikat milik MOF iaitu saya hendak bertanya mengenai kedudukan Astronautic Technology Sdn. Bhd. yang *in charge* dengan izin untuk pembinaan satelit di negara kita, memandangkan satelit ini adalah satu industri yang begitu berpotensi di dunia.

■1150

Kita adalah yang pertama di ASEAN tetapi kita tengok ianya tidak disambung. Jadi saya hendak tahu mengenai kedudukan ETSB ini. Seterusnya saya ingin bertanya juga, sejauh manakah pihak kementerian menilai GLC agar ianya terus mampu untuk menyumbang ke arah pelaksanaan agenda pemerikasaan ekonomi bumiputera?

Seterusnya bagi Butiran 021700 – Pemberian Bantuan Bil Lampu kepada PBT. Untuk makluman Tuan Pengerusi, di Daerah Batu Pahat, terutamanya di kawasan Parlimen saya. Secara spesifiknya ada dua PBT iaitu satu Batu Pahat sendiri, Majlis Perbandaran Batu Pahat dan lagi satu adalah Majlis Daerah Yong Peng. Justeru dengan itu, saya ingin bertanya, berapakah jumlah peruntukan yang diperuntukkan oleh kementerian untuk butiran ini bagi Daerah Batu Pahat? Yang pertamanya. Keduanya, untuk kedua-dua PBT di kawasan Parlimen saya.

Seterusnya bagi Butiran 022000 – Sumbangan kepada NGO. Kita maklum bahawa banyak NGO yang telah wujud di Malaysia ini, yang saya kira banyak membantu dari segi meningkatkan aktiviti-aktiviti kebajikan, kemasyarakatan dan sebagainya tanpa mengira latar belakang politik atau seumpamanya. Saya percaya di kawasan Parlimen Parit Sulong juga tidak berkecuali. Justeru dengan itu, saya ingin bertanya pada pihak kementerian yang pertamanya, sejauh manakah pihak kementerian melihat sumbangan kepada NGO ini dapat membantu meningkatkan *human capital* dengan izin, kepada penduduk-penduduk di kawasan luar bandar seperti di kawasan Parlimen Parit Sulong? Keduanya, adakah terdapat pertimbangan tertentu yang ditetapkan sebagai syarat kelayakan kepada mana-mana NGO

yang berdaftar ini seperti mungkin jenis aktiviti, jenis program yang dijalankan bagi membolehkan mereka untuk mendapatkan sumbangan ini?

Seterusnya, saya juga ingin pihak kementerian untuk menyatakan berapakah jumlah maksimum yang dibenarkan untuk setiap NGO ini mohon? Begitu juga saya minta pihak Yang Berhormat Menteri untuk menyatakan mungkin kalau jumlahnya terlampau ramai, mungkin dibuat secara bertulis semua NGO yang berdaftar di kawasan Parlimen Batu Pahat dan juga di kawasan Parlimen Parit Sulong mereka yang telah menerima sumbangan ini setakat ini.

Seterusnya mengenai Butiran 050200 – Pengurusan Wang Tidak Dituntut. Saya melihat dahulu ada inisiatif yang dilakukan untuk memastikan setiap rakyat ini dia boleh–rakyat Malaysia berpeluang untuk membuat semakan untuk melihat rekod Wang Tidak Dituntut ini di kaunter-kaunter bank yang terpilih. Soalan saya susulan daripada itu, apakah statusnya sekarang? Adakah kementerian mengusahakan satu inisiatif lain untuk memastikan semua lapisan masyarakat dapat melihat semakan Wang Tidak Dituntut ini dengan cara yang lebih mudah. Mungkin kementerian– adakah cadangan untuk membuat portal semakan *online* dan sebagainya? Apakah lagi usaha pihak kementerian dalam memastikan Wang Tidak Dituntut ini dapat dikembalikan kepada pemiliknya dengan cara yang lebih mudah?

Terakhir Tuan Pengerusi adalah Butiran 020500 – Subsidi dan Bantuan Tunai. Saya ingin bertanya mengenai perkara ini kerana saya lihat ada peningkatan untuk tahun 2019. Sedangkan melalui pengumuman yang dibuat oleh pihak kementerian oleh Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa terdapat pengurangan dari segi bantuan-bantuan secara tunai yang diberikan kepada rakyat.

Jadi sehubungan dengan itu, saya ingin Yang Berhormat dan juga ada kenyataan Yang Berhormat yang menyatakan bahawa bantuan tunai ini memberi manfaat kepada 4.1 juta rakyat sedangkan sebelum ini kalau melalui BR1M memberi manfaat kepada 7.4 juta. Jadi, persoalannya adalah kenapa ada peningkatan dari segi alokasi yang ditentukan? Saya minta maklumat lebih lanjut mengenai perincian bagi butiran ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jemput Yang Berhormat Lembah Pantai.

11.55 pg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 10 Butiran 050200 – Pengurusan Wang Tidak Dituntut. Saya ingin mendapat maklum balas daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan memandangkan ada pengurangan sebanyak setengah juta berbanding dengan tahun 2018. Adakah ini bermaksud ada dari segi peningkatan pemulangan Wang Tidak Dituntut sama seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Parit Sulong tadi? Akan tetapi lebih khusus, sehingga hari ini apakah jumlah Wang Tidak Dituntut ini? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian untuk memastikan lebih banyak daripada wang ini dipulangkan?

Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 11 Butiran 022000 – Sumbangan kepada NGO. Saya ingin mohon perincian daripada Yang Berhormat Menteri mengenai jumlah NGO serta jumlah yang telah diterima oleh NGO-NGO yang berdaftar untuk mengadakan aktiviti di Lembah Pantai sehingga ke hari ini yang telah menerima dana daripada keseluruhan dana ini serta jika boleh diberikan maklumat, apakah aktiviti-aktiviti yang telah mereka usahakan?

Saya ingin menyentuh Butiran 022300 – Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya kepada Wilayah Persekutuan yang bernilai RM36 juta bagi tahun 2019. Saya ingin bertanya tentang dengan izin *standard operating procedure* (SOP) dengan izin, untuk penyelenggaraan serta kepenggunaan. Adakah pihak kementerian ingin memberi maklum balas kepada sama ada pihak Jabatan Kerja Raya ataupun kepada Kementerian Wilayah tentang masalah penyelenggaraan yang ada? Kita lihat mungkin jalan-jalan diturap semula

tetapi masalahnya timbul Tuan Pengerusi bila masa syarikat-syarikat utiliti mengorek lubang dan kemudian mereka tidak *make good* dengan izin. Ini menyebabkan pengguna jalan raya tidak dapat menikmati jalan-jalan yang baharu sahaja diturap sebagai contoh di Jalan Maarof.

Pengurus cawangan Lembah Pantai bagi DBKL juga telah mengaku kepada saya memang jalan tersebut baru sahaja diturap tetapi dalam masa beberapa bulan sudah berlopak semula. Masalah di sini Tuan Pengerusi, berkait dengan masalah kita tidak mengguna pakai *utility master plan* yang mungkin pihak kementerian boleh sarankan kepada sama ada Kementerian Wilayah untuk mengguna pakai untuk memastikan bukan sahaja syarikat-syarikat utiliti memberikan *update* dengan izin, di mana laluan-laluan utiliti mereka tetapi kepada kontraktor-kontraktor yang akan melakukan penambahbaikan. Maka, mereka tahu adanya utiliti-utiliti ini dan dapat dipastikan bahawa bila dibaik pulih kemudian ia tidak mendatangkan kemudaratan kepada pengguna jalan raya.

Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Butiran 022400 – Pemberian Khas kepada Wilayah Persekutuan. Saya ingin mohon pihak kementerian untuk memberikan perincian. Apakah tujuan RM29 juta ini diperuntukkan untuk diberikan secara khas kepada Wilayah Persekutuan? Untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud Bekalan 12, peruntukan kepada Kumpulan Wang Berkanun di bawah Butiran 090100 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Kalau kita lihat berbanding tahun 2018, terdapat pengurangan sebanyak RM16 juta kepada RM100 juta bagi tahun 2019. Adakah dengan pengurangan sebanyak RM16 juta ini bermaksud bahawa pihak kementerian ataupun pihak kerajaan melihat tidak perlu diberikan bantuan kepada Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin. Apakah pihak kementerian boleh memberikan satu maklum balas tentang– supaya tidak timbul persepsi bahawa pelajar miskin tidak diberikan pembelaan?

Tuan Pengerusi, setakat itu sahaja. Terima kasih.

■1200

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Saya jemput Yang Berhormat Pendang.

12.00 tgh.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan. Pertamanya, saya hendak mengucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana telah mengumumkan kenaikan harga getah daripada RM2.20 kepada RM2.50 dan kedua kepada peningkatan subsidi padi daripada RM300 satu tan kepada RM360, terima kasih. Kedua saya hendak mengucapkan terima kasih juga Yang Berhormat Menteri Perpaduan yang telah menghantar Setiausaha Politik beliau kelmarin untuk turun melihat masyarakat India di kawasan saya iaitu kawasan Pendang. Terima kasih saya ucapkan sekali lagi.

Seterusnya saya terus melihat kepada bajet Kementerian Kewangan kali ini paling besar berbanding tahun-tahun sebelum ini terutamanya dalam perbelanjaan mengurus yang meningkat hampir dua kali ganda iaitu daripada RM32 bilion pada tahun 2018 kepada RM61 bilion tahun 2019. Jadi dalam sini juga terdapat pinjaman sebanyak RM10 bilion di bawah B.10 Perbendaharaan, apakah sumber pinjaman ini dan untuk tujuan apa? Saya juga ingin tahu mengapa berlaku pertambahan begitu mendadak bagi pembelian aset, kod 30000 ataupun Butiran 30000 di bawah perbelanjaan mengurus iaitu daripada RM4.6 juta pada 2018 kepada RM198 juta pada tahun 2019. Jadi kita selalu dengar, negara sekarang kekurangan wang jadi mengapakah pada kali ini kita berbelanja sebegitu besar untuk membeli aset?

Seterusnya di bawah program dua strategi fiskal. Saya mohon penjelasan lanjut maksud dalam Butiran 020200 – Cukai dan juga Butiran 020300 – Belanjawan Negara. RM1.9 bilion, apakah cukai tersebut, kutipan dan juga RM18.7 juta, adakah ini kos bagi menyiapkan dokumen belanjawan negara?

Seterusnya saya fokuskan kepada Kastam Diraja Malaysia iaitu Butiran 020500. Terdapat pembelian aset sebanyak RM5.5 juta pada 2019 sedangkan pada 2018 hanya zero Ringgit Malaysia. Aset apakah yang Kastam mahu beli sebanyak RM5.5 juta? Saya juga ingin tahu jumlah tunggakan kutipan cukai GST yang masih belum dibayar oleh pengilang dan

syarikat kepada kerajaan berakhir 31 Mei 2018. Kita hanya sering mendengar disebut RM19 bilion duit *refund* GST telah hilang kerana dirompak oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Jadi saya minta kerajaan juga mendedahkan berapakah jumlah sebenar kutipan tertunggak GST yang masih belum dibayar oleh syarikat kepada kerajaan. Adakah wang ini hilang sebelum atau selepas PRU-14 pada 9 Mei 2018?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Pendang, boleh?

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Okeylah, saya bagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya hendak bertanya supaya Yang Berhormat Pendang boleh sampaikan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri pun ada di hadapan itu. Betul kah ada kes-kes penipuan dari segi tuntutan GST ini, tuntutan input *refund* GST ini dan berapakah kes yang berada di mahkamah? Diberitakan daripada jauh-jauh kita dengar ada beberapa kes yang besar akibat daripada penipuan itu maka Kastam berhati-hati untuk memulangkan GST *refund* ini dan akibatnya RM19 bilion itu yang tidak dituntut dan ia bukan disengajakan. Apa pandangan Yang Berhormat Pendang tentang perkara itu sebab ada kes penipuan yang telah dibawa ke mahkamah dan kita ingin tahu berapa banyak kes dan berapakah jumlah penipuan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat Pendang sila terus.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Pontian. Ya lah sebab itu kita membangkitkan, kita hendak satu penjelasan sebab RM19 bilion satu jumlah yang sangat besar. Jadi kita hendak melihat adakah akaun ini tidak masuk dalam Akaun Teras yang dikawal oleh Kastam sebelum dipindahkan kepada *Consolidated Accounts* dalam Perbendaharaan Negara. Ini yang kita perlu lihat kerana ada dua *consequences* iaitu sebelum 31 Mei, kutipan berapakah jumlah yang tidak dibayar oleh para peniaga kepada kerajaan.

Kedua, selepas 9 Mei ataupun 31 Mei, berapakah hasil kutipan GST yang telah dibayar akibat daripada sistem *accrual account* ini? Itu kita minta penjelasan seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian dan *insya-Allah*, kalau dapat penyelesaian ini kita tidak ada kekeliruan lagi. Saya memang agak keliru sedikit sebelum dan selepas kehilangan RM19.4 bilion sebab ia bukan RM19. RM19.4 bilion ini satu jumlah yang sangat besar dan perlu kepada kelulusan pihak Perbendaharaan dan juga Menteri Kewangan dan juga mungkin melibatkan pengerusi itu sendiri iaitu Perdana Menteri pada ketika itu.

Seterusnya, saya ingin membangkitkan juga berkenaan dengan Butiran 030000 – Strategi Pelaburan. Di bawah Butiran 030100 - Syarikat Pelaburan Kerajaan, saya minta Menteri Kewangan menjelaskan kedudukan semasa syarikat 1MDB. Adakah pelan rasionalisasi zaman Barisan Nasional dahulu masih diteruskan? Berapakah jumlah nilai semasa aset yang dimiliki oleh 1MDB yang kini di bawah pengurusan MOF. Seterusnya persoalan saya, berapakah pula jumlah hutang dan tanggungan semasa 1MDB? Saya mohon diperincikan.

Terakhir sekali, saya ingin menyentuh berkenaan dengan Butiran 050000 – Perkhidmatan Perakaunan. Mengapakah berlaku peningkatan yang agak besar daripada RM285 juta kepada RM474 juta pada 2019? Jadi kita tengok Butiran 050200 – Pengurusan Wang Tak Dituntut. Berapakah jumlah terkini wang yang tidak dituntut ataupun *unclaimed money* yang tidak dituntut oleh sama ada syarikat ataupun daripada pewaris-pewaris.

Seterusnya apakah strategi MOF untuk menyelesaikan bayaran wang ini kepada pemiliknya yang sebenar kerana ini adalah wang rakyat yang perlu diselesaikan. Jadi saya mohon daripada pihak Kementerian Kewangan, apakah sistem yang akan digunakan dan adakah sistem ini telah dibincangkan, diluluskan dan untuk dilaksanakan ataupun belum lagi. Ini kerana *unclaimed money* ini dengan izin, difahamkan sangat besar. Jadi, saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang diberi kepada saya Tuan Pengerusi. Sekian *Wabillahi taufik walhidayah assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya jemput Yang Berhormat Bukit Bendera.

12.08 tgh.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyertai perdebatan *committee stage* untuk Kementerian Kewangan. Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan Butiran 020600 - Pemberian di bawah Senarai Bersama yang melibatkan satu jumlah yang besar RM840 juta kerana obligasi Kerajaan Persekutuan di bawah Perlembagaan Persekutuan dan Senarai Bersama. So, saya meminta supaya Kementerian Kewangan mengenakan syarat-syarat CAT apabila memberikan pemberian tersebut juga perlu dikenakan syarat kompetensi, akauntabiliti dan *transparency* kepada kerajaan-kerajaan negeri ataupun pihak-pihak berkuasa tempatan. Saya rasa ini perlu kerana supaya dasar-dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Persekutuan ini dapat juga diserap bukan kepada semua Kerajaan Pakatan Harapan Negeri tetapi juga kerajaan yang diperintah oleh pembangkang. Konsep yang kita junjung ini perlu diambil kira.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan Butiran 021700 - Pemberian Bantuan Bil Lampu kepada PBT yang sejumlah RM140 juta ini.

■1210

Apabila Kerajaan Persekutuan memberikan bantuan sebegini, saya rasa ada baiknya saya mencadangkan supaya dikenakan galakan ataupun insentif kepada PBT ataupun kerajaan negeri ini. Umpamanya untuk bil lampu, kerana memandangkan terdapat lampu-lampu LED menampakkan penjimatan daripada segi kos elektrik sebanyak— saya baca mungkin sebanyak 50 peratus— ada baiknya kita menggunakan dasar polisi ini sebagai satu alat untuk mempengaruhi ataupun mengenakan syarat kepada kerajaan-kerajaan pihak berkuasa tempatan supaya menggalakkan mereka untuk menukar kepada LED. Sekiranya ini dapat dibuat, saya rasa mungkin ada terdapat penjimatan lagi pada masa depan.

Saya juga ingin membangkitkan Butiran 020900 – Subsidi Kadar Faedah kepada Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB). Saya ingin menarik perhatian Menteri Kewangan terhadap laporan *The Edge*, “Cover Story: The many blunders at the Bank Pembangunan”. Baru-baru ini, *The Edge* melaporkan bahawa terdapat banyak kelemahan di bawah Bank Pembangunan Malaysia Berhad, satu entiti di bawah Kementerian Kewangan. Saya rasa isu-isu yang dibangkitkan yang berlaku semasa pemerintahan Barisan Nasional antaranya ialah gaji dan elaun *Director* yang begitu lumayan, *loans* atau pinjaman yang diberikan kepada syarikat yang tidak dapat dikutip balik dengan syarat-syarat yang tidak ketat dan tidak sistematik. Saya perhatikan bahawa satu Laporan McKenzie telah dikeluarkan terhadap Bank Pembangunan Malaysia Berhad ini.

Saya meminta satu penjelasan sama ada pemotongan daripada segi bajet ini adalah sama ada kita mengambil apa-apa iktibar, apa-apa langkah yang kita ambil untuk memperbaiki ataupun membuat satu reformasi terhadap Bank Pembangunan Malaysia Berhad ini berdasarkan *McKenzie Report* dan juga seperti yang dilaporkan oleh *The Edge* yang dilaporkan baru-baru ini?

Saya juga ingin membangkitkan berkenaan dengan Butiran 021800 – Pemberian Penyelenggaraan Cerun Jalan Raya Negeri yang sebanyak RM60 juta ini. Saya dapati bahawa banyak juga cerun di negeri Pulau Pinang sama ada— baru-baru ini terdapat jalan raya negeri di Jalan Paya Terubong yang menghadapi masalah tanah runtuh. Jalan Paya Terubong dan juga Jalan Tun Saadon, Balik Pulau. Saya meminta bahawa isu-isu ini diberikan perhatian dan juga peruntukan yang sewajarnya di bawah butiran ini.

Dengan itu, saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rembau.

12.13 tgh.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Pengerusi memberikan saya peluang untuk berbahas di peringkat Jawatankuasa.

Pertamanya, saya merujuk kepada Butiran 030100 – Syarikat Pelaburan Kerajaan. Saya hendak meminta pandangan daripada Kementerian Kewangan, Perbendaharaan, Menteri, berkenaan dengan *governance* di Khazanah Nasional Berhad. Seperti mana yang kita tahu, Khazanah Nasional Berhad adalah syarikat yang dimiliki penuh oleh Kerajaan

Malaysia. Satu saham dipegang oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan selebihnya dipegang oleh Kementerian Kewangan Diperbadankan, *Ministry of Finance Incorporated*, dengan izin.

Namun, pada hari ini kalau kita lihat daripada segi Lembaga Pengarah, daripada segi *governance*, tidak ada wakil secara langsung daripada Kementerian Kewangan. Dua wakil Jemaah Menteri boleh dikatakan wakil kerajaan iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Mungkin ini disebabkan apabila tugas Khazanah Nasional ini diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Namun demikian, melainkan tidak dimaklumkan ataupun tidak diumumkan, pemilikan Khazanah Nasional ini, kalau tidak silap saya, melainkan sudah pun diubah, masih lagi berada di bawah Kementerian Kewangan melalui *MoF Inc*. Jadi saya harap— kalau Menteri geleng kepala, mungkin sudah dipindah— boleh diumumkan ataupun dijelaskan pemindahan tersebut dan boleh dijelaskan bahawa sekarang ini Khazanah Nasional tidak lagi dimiliki ataupun tidak ada kaitan lagi dengan Kementerian Kewangan.

Seterusnya, B.10 Butiran 030200 – Pengurusan Strategik Badan Berkanun. Di sini saya ingin merujuk kepada badan berkanun iaitu Bank Negara Malaysia, khususnya berkaitan dengan pengawalseliaan terhadap apa yang dikenali sebagai *cryptocurrency*. *Cryptocurrency* ini, setahu saya, masih lagi tidak menerima sebarang kelulusan daripada Bank Negara Malaysia— mata wang *cryptocurrency* ini— disebabkan mata wang *crypto* ini masih lagi dilihat sebagai satu aset yang berisiko tinggi, tidak diasaskan kepada apa-apa aset ataupun jaminan daripada mana-mana kerajaan.

Oleh yang demikian, saya difahamkan bahawa ada cadangan daripada Pakatan Harapan untuk memperkenalkan satu mata wang *crypto* atas namanya sendiri iaitu *Harapan Coin*. Walaupun dikatakan ini adalah satu inisiatif yang baharu dan belum mendapat kelulusan Bank Negara Malaysia tetapi ada laporan yang mengatakan bahawa *Harapan Coin* ini telah mula dijual seperti yang dinyatakan dalam laman web *harapancoin.com*. Mengikut laman web tersebut, *Harapan Coin* ini didagangkan pada kadar USD45 bagi 100 unit dan sebanyak USD772 telah berjaya dikumpulkan.

Jadi, saya ingin tahu, apakah operasi ketika ini dijalankan secara tidak sah kerana masih belum mendapat kelulusan Bank Negara? Apakah tindakan yang akan diambil memandangkan mata wang *crypto* ini dijual atas nama parti kerajaan?

Berkenaan dengan Butiran 020200 – Cukai. Kerajaan bercadang untuk memperkenalkan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan atas talian diimport. Saya minta Menteri Kewangan dan Perbendaharaan senaraikan semua perkhidmatan atas talian yang berpangkalan di luar negara dan digunakan melalui aplikasi telefon bimbit dan sebagainya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh? Daripada satu laporan surat khabar NST, sebuah syarikat Country Heights akan mengeluarkan *Horse Currency* satu bilion. Ini wang kuda pula ini, Yang Berhormat Rembau. Kalau begitulah kaedahnya, semua syarikat boleh mengeluarkan wang sendiri, wang *crypto* sendiri, dan apa akan jadi pada Ringgit Malaysia? Apa akan jadi pada mata wang negara kita? Apakah pandangan Yang Berhormat Rembau?

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Ya, sebab itu kita perlu kepada satu garis panduan yang jelas supaya tidak ada terbitan wang *crypto*, wang kuda, pil kuda dan sebagainya dan ada pengawalseliaan. Walaupun dikeluarkan di atas nama parti kerajaan ataupun syarikat yang rapat dengan kerajaan hari ini, ia tidak boleh terlepas daripada pengawalseliaan daripada Bank Negara.

Balik kepada isu cukai untuk perniagaan yang berpangkalan di luar negara. Contoh yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri pada pembentangan belanjawan antaranya ialah *Netflix*, *Spotify*. Akan tetapi ada yang lain seperti *Grab*, *Lazada*, *AirBnB*, *Agoda* dan sebagainya. Jadi, apakah cukai-cukai ini ataupun perniagaan-perniagaan ini akan disenaraikan supaya pengguna tahu tentang implikasi cukai?

■1220

Butiran 09000 – Pelbagai suntikan ekuiti. Dulu RM75 juta, 2019 RM4.77 bilion. Saya cuma hendak Yang Berhormat Menteri katakan secara terperinci pelbagai ataupun apakah sektor dan tujuan suntikan ekuiti ini yang dicadangkan kerana meningkat secara agak mendadak.

Saya juga ingin tahu Butiran 160000 – Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan Badan-badan Lain. 2019 tahun depan RM400 juta. Apakah tujuan dan juga perincian.

Akhir sekali, Tuan Pengerusi adalah berkenaan Butiran kecil 9600. Ini ada kaitan dengan tugas saya dulu, padang bola sepak tiruan. Ini masih lagi di bawah Kementerian Kewangan, di bawah perbendaharaan. Patutnya sudah dipindahkan kepada Kementerian Belia dan Sukan.

Dulu pun saya minta dipindahkan kepada KBS tetapi Ketua Setiausaha Perbendaharaan dulu hendak bina padang tiruan ini. Saya tidak faham kepada benda ini di bawah Perbendaharaan. Jadi Menteri pindahlah kepada Kementerian Belia dan Sukan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih, Yang Berhormat Rembau. Saya jemput Yang Berhormat Alor Setar.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih, kepada Tuan Pengerusi.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Tuan Pengerusi, jangan lupa yang kawasan sini juga. Jangan tengok kanan dan kiri, yang tengah ini kena tengok juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Baik.

Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pagi ini saya hanya hendak ambil kesempatan ini untuk bahas satu butiran sahaja iaitu di bawah Bekalan 12 dan khususnya Butiran 170000 – Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai.

Dengan jelasnya kita nampak tahun ini kita akan bayar balik selain daripada GST yang sepatutnya bayar balik termasuk juga *income tax* atau cukai yang patut dikembalikan kepada pembayar cukai. Setahu saya kalaulah seorang pembayar cukai —dia siap bayar cukai secara individu — kalau ada lebih bayaran, kira cepat akan hantar balik. Akan tetapi, yang khususnya syarikat ini selalu ada masalah apabila sudah *submit* cukai tersebut tetapi lambat di bayar balik.

Inilah saya rasa tertunggaklah ada RM18 bilion atau RM18 ribu juta yang dalam tahun depan dijangka dianggar akan dikeluarkan untuk kembali kepada khususnya saya rasa syarikat-syarikat tersebut. Saya hendak bahas tentang khususnya untuk butiran ini kerana kita perlu jelas mengapa, sebab apa ada begitu besar jumlahnya yang tertunggak ataupun lama tidak bayar balik. Kita difahamkan Malaysia kita sudah *apply self-assessment tax system (SAS)* pada tahun 2015. Maksudnya mula dari 2005 kita sendiri kena hantar cukai dulu, kita anggar berapa yang kena hantar dan selepas satu tahun bila kira balik belanjawan, kita tidak untung atau untung kurang maka boleh kembalikan cukai tersebut dari pihak kerajaan. Maka terwujudlah satu Tabung Kumpulan Wang Amanah ini.

Akan tetapi, kita hendak tanya bagaimana boleh wujudnya satu jumlah yang besar? Sama ada alasan-alasan yang diberi mungkin katanya puncanya adalah kerana kekurangan kakitangan kerajaan untuk buat semakan ataupun ada juga kes cukai yang dalam keadaan ragu. Akan tetapi, di sini saya minta pihak kementerian semak dan bagi jawapan. Sejauh mana kita membenarkan alasan tersebut dijadikan satu punca untuk kita simpan selama-selamanya untuk duit tertunggak tersebut atau duit simpanan haruslah dikembalikan kepada syarikat.

Ini kerana selepas kita wujudkan *self-assessment tax system* ini sebenarnya tanggungjawab ini antara dua pihak bukan sahaja pembayar cukai yang harus bertanggungjawab untuk hantar cukai tetapi kerajaan pun kena ada tanggungjawab apabila pembayar cukai ini dia ikut prosedur tersebut, maka ada lebihan haruslah dikembalikan secepat mungkin kerana ini akan memberi kesan yang buruk kepada *cash flow* dengan izin dekat syarikat.

Saya nampak kalaulah adalah alasan dikatakan tidak cukup kakitangan kerajaan ataupun ada kes ragu, saya rasa perlulah sama ada kita tambah kakitangan kerajaan ataupun kita kena ubah suai SOP kita kerana kalaulah ini tidak ubah maka alasan ini boleh digunakan

sepanjang umur untuk kita tahankan cukai yang lebih bayar. Ini adalah tidak adil kepada pembayar cukai yang ikut syarat-syarat. Ini yang penting. Ia juga memberi peluang untuk wujudnya rasuah di keadaan-keadaan ini.

Isu yang saya rasa di bawah butiran ini, saya rasa kalaulah alasan yang diberikan adalah contohnya dekat GST pun sama, kata ada kes ragu kita kena semak. Saya ada beberapa contoh yang saya rasa sepatutnya tidak harus dimasukkan di bawah kategori ragu. Contohnya, kita ada tanggungjawab pembayar cukai untuk buktikan dengan dokumen cukup dalam tempoh tujuh tahun, simpanan dokumen lebih daripada tujuh tahun boleh hapus kira.

Akan tetapi, kalaulah pegawai LHDN boleh buat semakan sekiranya perlu membuktikan sesuatu dan dokumen tersebut melebihi tujuh tahun walaupun pembayar cukai tidak perlu simpan tetapi tetap juga tanggungjawab tersebut kita letakkan atas bahu pembayar cukai. Maka ini adalah tidak adil kepada pembayar cukai. Maka sekarang ini ramai pembayar cukai terpaksa simpan sampai 10 tahun bukan sebab undang-undang minta 10 tahun hanya kerana tidak yakin kepada prosedur yang dilaksanakan, maka terpaksa simpan lebih daripada 10 tahun.

Ada cukai cara taksiran yang saya rasa ragu tersebut menyebabkan tunggakan ini tinggi adalah cara taksiran tersebut adalah tidak munasabah. Contohnya kalau ada penjaja yang berniaga yang tetap bayar cukai kerana dia penjaja maka dia jual mi, jual makan nasi lemak, dia tidak payah hantar resit untuk tepi warung. Akan tetapi, perniagaannya juga cukup bagus.

Maka LHDN anggap dia ini untung banyak tidak hantar cukai tetapi macam mana hendak buat *estimate*. Kalaulah peniaga ini dia *estimate* sebanyak ini tetapi pegawai LHDN akan pilih hari yang paling popular, paling ramai pelanggan. Maka guna itu sebagai piawai untuk kira balik sebulan atau setahun. Ini tidak adil untuk anggap perniagaan tersebut adalah hasil yang tidak dikenakan cukai. Sedangkan sepatutnya kita kena ambil kira secara purata.

Ada juga cara taksiran yang memberi tafsiran kepada aset yang disimpan oleh peniaga ini adalah tidak adil juga kepada peniaga. Contohnya apabila kita buat taksiran cukai ini berapa yang kira sebagai hasil termasuk juga aset yang ada, termasuk aset yang tidak tetap, contohnya barang yang simpan — stok semua itu — apabila barang tersebut sama ada susut nilai ataupun barang tersebut sudah tidak laku dalam pasaran atau sudah rosak ataupun sudah pecah, maka kita perlu hapus kira.

Akan tetapi, bila LHDN minta satu bukti yang tidak munasabah. Katakan kalau tuan-tuan simpan susu, susu sudah rosak. Lepas dua tiga tahun dia semak balik, fasal apa hilang banyak ini —hendak tunjuk macam mana? Minta tunjuk susu yang sudah rosak itu. Macam mana hendak tunjuk sebab sudah buang. Akan tetapi, bila tidak boleh buat pembuktian tersebut tanggungjawab atas pembayar cukai itu tidak boleh hendak buktikan maka di anggap nilai aset tersebut masih ada. Maka terpaksa bayar lebihan cukai yang *depa* pun tidak berani hendak tuntutan balik. Bagi saya sepatutnya harus secara *balance*, seimbang apabila kita ambil kira nilai tersebut.

Termasuk juga satu adalah belanjawan yang boleh kontroversi. Saya bagi contoh oleh kerana tahun depan kita akan mula satu cara yang baru iaitu baki rugi—*sorted lost* ini —baki rugi perintis yang tidak boleh diserap ini hanya hadkan kepada tujuh tahun yang sebelum ini tidak ada. Apabila kita hadkan tujuh tahun maksudnya apabila seseorang pembayar cukai yang dia sendiri juga menjalankan satu perniagaan maka mereka boleh membuat keputusan sama ada belanjawan tersebut dikeluarkan sebagai pengurusan atau *overhead* dekat kedai atau perniagaan ataupun dia boleh *top-up* dengan cara membayar gaji kepada pekerja-pekerja termasuk dia sendiri, termasuk keluarga dia sendiri yang kerja dalam syarikat tersebut.

Akan tetapi, ada kes yang berlaku di mana ada syarikat yang bayar gaji kepada isterinya yang kerja kedai sendiri —cukup 30 tahun gaji dia bagi RM5000, LHDN pertikaikan katakana itu belanjawan yang terlampau tinggi, gaji yang tidak munasabah sedangkan isteri dia sudah kerja 30 tahun cuma hanya kerana sijil akademiknya hanya SPM.

Bagi saya pihak LHDN kena buat satu keputusan. Sekiranya kita hendak letakkan syarat bahawa baki rugi perintis yang tidak boleh diserap hadkan kepada tujuh tahun. Kita kena terima bahawa ada belanjawan yang dikeluarkan ataupun dibayarkan atas sebab-sebab yang munasabah ataupun *between the game rules* dengan izin. Kita kena benarkan tidak bolehlah kita sahaja hendak cari *tax* ini, hendak *tax* sana asalkan dapat cukai — tidak boleh.

Maka apabila kita hendak melaksanakan ini secara keseluruhannya yang akan diwujudkan di bawah kementerian ini iaitu Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan. Saya minta Pesuruhjaya ini kaji balik khususnya garis panduan apabila pegawai LDHN hendak buat taksiran kepada — khususnya taksiran ragu ataupun kontroversi atas sekian belanjawan di perniagaan ini perlulah diambil kira suasana atmosfera perniagaan bukan semata-mata kita hendak kutip balik cukai.

■1230

Maka dengan keadaan ini, saya rasa pada masa yang akan datang, Tabung Kumpulan Wang Amanah ini tidak akan sebesar ini dan dia tidak akan menyekat *cashflow* bagi perniagaan-perniagaan. Maka dalam keadaan ini, barulah kita boleh menggalakkan aktiviti-aktiviti perniagaan dalam keadaan yang lebih baik. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Tuan Pengerusi, Kuala Terengganu.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Alor Setar. Saya jemput Yang Berhormat Petrajaya.

12.30 tgh.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Tuan Pengerusi, akhirnya dapat juga. Pasal kita ini bila duduk di tengah ini berkecuali. Orang tengok kanan dan kiri sahaja. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian dalam B.10 Butiran 050700 berhubung kait dengan khidmat perunding. Ini ada berhubung kait dengan sama ada kerajaan dalam memutuskan berhubung kait dengan dasar iaitu pendekatan baharu mana-mana projek yang *direct negotiation* atau *selective tender* dengan izin, yang kurang 15 peratus hanya boleh diteruskan kalau kontraktor bersetuju memberikan 10 peratus pengurangan. Kalau tidak, kontrak itu ditamatkan.

Jadi saya hendak bertanya sama ada, ada tidak perunding dilantik untuk membuat kajian sebelum perkara ini diputuskan sebagai dasar ataupun pendekatan baharu kerajaan? Kalau ya, siapakah juru perunding tersebut dan berapakah kos yang telah dibayar untuk juru perunding tersebut membuat kajian sama ada kajian-kajian yang dibuat itu merangkumi berapa penjimatan yang bakal diperolehi oleh kerajaan? Apakah bentuk penjimatan yang diperolehi oleh kerajaan. Adakah hanya dengan pengurangan harga ataupun juga termasuk dengan pengurangan skop kerja?

Kalau ia ada, saya ingin tahu dan mendapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri, berapa banyak projek yang telah mendapat penjimatan hasil daripada pengurangan dari segi harga dan berapa juga yang penjimatan disebabkan pengurangan skop kerja. Ketiga, adakah atau tidak, kajian dibuat berhubung kait implikasi kepada kerajaan? Kalau pengurangan tersebut, adakah kemungkinan akan berlaku tuntutan daripada pihak kontraktor yang ditamatkan kontrak? Saya hendak tahu juga berapa banyak kontrak yang telah ditamatkan dan adakah kemungkinan tindakan undang-undang bakal diambil oleh kontraktor tersebut? Sekiranya ada, berapakah kemungkinan risiko tanggungannya kerugian yang bakal ditanggung oleh kerajaan?

Seterusnya ialah berhubung kait dengan kajian itu, adakah juga merangkumi dengan pengurangan, apakah kesan kepada ekonomi negara keseluruhannya iaitu kesannya kepada kontraktor, kesan kepada *supplier*, kesan kepada khidmat-khidmat perunding dan sebagainya disebabkan pengurangan. Pada masa yang sama, kalau tidak berlaku pengurangan, adakah ia akan dapat memberi sebenarnya keuntungan kepada kerajaan dari segi impak ekonominya, *finacialnya* iaitu kalau kontrak diteruskan, sudah pasti ia akan memberi *multiplayer effect* dengan izin, kepada ekonomi negara.

Kerajaan boleh mengutip cukai, pulangan juga kepada semua *value chain* dalam *construction industry* dan sudah pasti ia dapat membantu mengerakkan ekonomi negara yang pada masa ini saya mendapat maklum balas, ekonomi negara kita agak *stagnant* dari segi konsumerismenya pada masa ini. Orang tidak membeli rumah, tidak membeli banyak perkara, yang tidak begitu bergerak sekarang ini. Jadi untuk itu, kalau dapat saya ingin mendapat semua maklum balas apa yang telah dinyatakan tadi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Pontian, boleh?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Kuala Terengganu. Dia minta awal.

12.34 tgh.

Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]: Ya, terima kasih. Ringkas sahaja. Pertama, Butiran 030500 – Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Tuan Pengerusi, saya ingin mohon penjelasan mengenai pengurangan RM100 juta peruntukan UKAS pada tahun 2019 dan memperincikan butiran dan sebab-sebab projek-projek yang mana sedang dinilai semula oleh pengurangan itu. Sepanjang tahun 2018, beberapa banyak dana mudahcara (*facilitation fund*) yang telah disalurkan untuk sektor strategik dan membantu menggalakkan pelaksanaan projek sektor swasta. Berdasarkan jumlah itu, adakah peruntukan yang telah diluluskan tetapi terpaksa disekat atau dibatalkan pada tahun 2018?

Butiran 050300 - Pengurusan Teknologi Maklumat. Sebanyak RM190 juta dirancang bagi sistem teknologi maklumat ini. Minta penjelasan lanjut berkait dengan sistem ini, adakah berkaitan dengan perubahan sistem daripada perakaunan tunai kepada perakaunan akrual yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri?

Seterusnya Butiran 060000 - Program Khusus, berkaitan dengan pengisian jawatan kosong yang melibatkan RM16.9 juta. Adakah ini jawatan kosong ataupun jawatan baharu yang diadakan? Minta penjelasan.

Butiran 00113 berkaitan dengan pembangunan koridor-koridor apa ini, lima koridor yang disebut tadi. Pohon nyatakan pecahan peruntukan untuk setiap koridor dan setakat mana pencapaian setiap koridor. Saya ingin menyentuh sedikit berkait dengan koridor seperti mana jawapan oleh Yang Berhormat Menteri pagi tadi, berkait dengan pembangunan di sebelah koridor ECER, berkait dengan pembangunan Pelabuhan Tok Bali dan juga pembangunan Bandar Pelabuhan Kuantan. Saya pernah bertanya berkait dengan pembangunan maritim di sebelah Pantai Timur ini, saya dapati ketinggalan sebab di dalam pelabuhan-pelabuhan di Pantai Timur yang utama adalah termasuk Pelabuhan Kemaman.

Pelabuhan Kuantan ini melaksanakan dagangan bagi pelabuhan kontena. Di Pelabuhan Kemaman, berkait dengan pelabuhan yang mengendalikan kargo *iron ore*, *alumilite*, LPG dan sebagainya yang mana saya difahamkan menjelang tahun 2021, kemungkinan kapasiti pelabuhan yang berkenaan tidak lagi akan mampu untuk menampung permintaan bagi dagangan yang berlaku di situ berkait dengan adanya banyak kilang-kilang besi yang mula meningkatkan kadar operasi. Jadi saya minta diberi perhatian kepada peruntukan, tidak kiralah mungkin di bawah ECER berkait dengan pembangunan bagi Pelabuhan Kemaman yang mempunyai kepentingan strategik yang besar berkait dengan ekonomi di rantau di sebelah Pantai Timur.

Seterusnya berkait dengan Butiran 50000 - Sewaan Bangunan. Pada butiran berkait dengan bangunan yang akan disewa dengan jumlah sebanyak RM116,711,900, pohon nyatakan bangunan mana sebab anggaran peruntukan sebelum ini tidak ada, kosong.

Tuan Pengerusi, berkait dengan Butiran 180100 - Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP). Peningkatan mendadak berlaku di dalam peruntukan perbelanjaan mengurus Kumpulan Wang Terkanun, peningkatan sebanyak RM37 bilion. Peningkatan signifikan telah berlaku di dalam Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai RM19 bilion dan Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan sebanyak RM18 bilion.

Saya ingin merujuk isu ini kepada Penyata Rasmi Dewan Rakyat bertarikh 9 Ogos 2018. Pada 9 Ogos lalu, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mendedahkan sebanyak RM18 bilion hilang daripada Akaun Amanah Pembayaran Balik Cukai Barangan dan Perkhidmatan. Hal yang sama didedahkan Yang Berhormat Menteri Kewangan pada 22 Ogos, jumlah lebih cukai pendapatan dan cukai keuntungan sebenar belum dibayar adalah RM16 bilion, membabitkan 1.6 juta kes syarikat, individu, masyarakat dan yayasan.

■1240

Anggaran peruntukan bagi barangan cukai adalah RM19 bilion. Ini bermakna telah lebih RM3 bilion daripada jumlah yang asal. Kedua-dua kes yang dianggap oleh Menteri Kewangan sebagai *misappropriated funds* masih belum disabitkan bersalah ekoran laporan SPRM masih berjalan terhadap bekas Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Ahli Lembaga Pengarah LHDN.

Isunya jumlah peruntukan keseluruhan bagi kedua-dua akaun amanah yang mencecah RM37 bilion tersebut akan dibiayai oleh dividen khas RM30 bilion dari Petronas. Lebih awal daripada itu pada 30 Ogos 2018, Ketua Pegawai Eksekutif Petronas mengumumkan komitmen dividen awal sebanyak RM24 bilion, 50 peratus lebih tinggi daripada tahun 2017 sebanyak RM16 bilion.

Adakah tidak ada mekanisme lain untuk membayar semula tunggakan tersebut? Adakah berbelas bilion tersebut disebabkan oleh pecah amanah? Adakah semua tuntutan tunggakan tersebut adalah *clean case*, maknanya memang pasti semua tuntutan itu akan perlu dibayar kerajaan. Berapa pula jumlah tunggakan cukai yang perlu dibayar oleh individu-individu dan syarikat-syarikat kepada kerajaan bagi cukai pendapatan dan cukai GST yang lalu yang sepatutnya dibayar tetapi belum dibayar? Bagaimana cadangan Pakatan Harapan sebelum ini untuk *set off* tunggakan dengan pembayaran cukai pada tahun semasa?

Pergantungan yang terlalu tinggi kepada Petronas kemungkinan akan membebankan syarikat tersebut. Tambahan pula harga minyak mentah kalau ikut pada hari ini didagangkan di bawah paras USD60. Sekarang ini dalam USD59.8 setong, sekarang ini berbanding dengan asas bajet kita pada kadar USD70 setong. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. Saya jemput Yang Berhormat Pontian.

12.42 tgh.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan mengenai syarikat pelaburan kerajaan dan juga pelaburan strategik 030100, 030300. Berapa jumlah syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang ada sekarang ini dan berapa syarikat itu yang untung dan berapakah jumlah aset syarikat-syarikat yang berkaitan? Berapa syarikat yang rugi dan apakah yang perlu dibuat terhadap syarikat-syarikat yang rugi itu?

Sehubungan dengan syarikat MKD ini Yang Berhormat Menteri Kewangan, apa yang berlaku pada Telekom Malaysia, salah sebuah GLC. Kata kalau Yang Berhormat Menteri tidak mahu menjawab ini kerana di bawah yang lain. Saya ingin mengingatkan bahawa KWSP di bawah Kementerian Kewangan memiliki 16.6 peratus daripada Telekom. Ia di bawah Kementerian Kewangan. Khazanah memiliki 26.2 peratus, Menteri KKMM ada di sini. Saya ingin mengingatkan dalam satu laporan bahawa Telekom Malaysia kehilangan pasaran modal hampir RM12 bilion. Ini bukan perkara kecil. Bukan RM1 bilion, bukan RM2 bilion. RM12 bilion sejak 9 Mei.

Jadi saya harap ada jawapan daripada Bursa Malaysia, ada jawapan daripada pihak Menteri bagaimana polisi kerajaan tentang jalur lebar ini boleh menyebabkan anak syarikat berkenaan kerajaan ini boleh teruk sedemikian. Ada 26,407 pekerja di bawah TM ini pada tahun 2017. Apa akan jadi kepada pekerja-pekerja itu jika tidak ada *win-win solution* dengan izin, antara kerajaan dan juga Telekom berhubung tentang perkara yang dibincangkan pada saat dan ketika ini mengenai jalur lebar itu.

Sehubungan dengan Telekom Malaysia juga saya ingin bertanya sebagaimana yang ditanyakan oleh pihak Yang Berhormat Pendang sebentar tadi. Persoalan saya ini belum dijawab. Saya telah timbulkan di peringkat dasar. Pada 19 Mac 2018, hutang 1MDB, RM31 bilion. Pada 7 Ogos 2018, melonjak kepada RM38.3 bilion. Pada 2 November 2018, Menteri Kewangan menambah lagi hutang 1MDB kepada RM50.9 bilion. Macam mana itu Yang Berhormat Menteri? Macam mana dalam beberapa bulan daripada RM31 bilion boleh jadi RM50.9 bilion? Saya rasa macam tidak percaya dan ada orang yang tidak bercakap benar dalam hal ini.

Pada ketika yang sama saya juga ingin tahu setakat mana RM42 bilion aset 1MDB itu, apa yang akan dibuat terhadap aset-aset itu. Saya difahamkan asetnya RM42 bilion,

hutang peringkat awal RM31 bilion, bererti aset lebih banyak daripada hutang. Kalau ada masalah apa-apa, jual sahaja aset-aset itu untuk menyelesaikan hutang. Yang menjadi masalah ini Yang Berhormat Menteri Kewangan yang RM32 bilion lesap dalam skandal *forex*. Itu tidak ada aset, tidak ada apa. Dia hanya jadi abu yang berterbangan itu semua duit rakyat Yang Berhormat Menteri Kewangan. Macam mana hendak dapat RM32 bilion itu. Itu lebih besar daripada RM2.6 bilion 1MDB ini. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua yang ingin saya timbulkan ialah mengenai Kastam. Kastam Diraja Malaysia. Bila pengkorporatan kastam ini akan dibuat sebab kita telah berjanji untuk menambah keberkesanan dan juga menambah gaji kepada pekerja-pekerja Kastam yang banyak mendapatkan kewangan kepada kerajaan dan apa kaedah untuk mengenal pasti bahawa barangan-barangan import yang masuk ke Malaysia yang dikenakan SST itu tidak ada penipuan dari segi deklarasinya. Ini kerana pihak Kastam tidak boleh membuka semua kontena. Mereka mungkin boleh menganggarkan dan hanya mengikut *manifest* yang diberikan oleh pihak syarikat. Kalau syarikat itu menipu, maka rugi cukai SST terhadap barang-barang yang patut kena cukai SST dalam kontena-kontena yang begitu banyak di pelabuhan-pelabuhan.

Perkara ketiga ialah saya ingin bertanya tajuk cukai 020200, berapa hasil CKHT yang dinaikkan daripada 0 kepada lima peratus itu berapa hasilnya? Berapa hasil cukai ataupun levi ke luar negara yang di umum oleh Menteri? Yang seterusnya, berapa cukai digital yang disebut oleh Yang Berhormat Rembau tadi untuk *download* program dan lain-lain, kena ada cukai digital selepas ini. Kemudian berapa hasil cukai minuman bergula ini? Empat cukai ini berapa jumlah hasilnya?

Perkara yang keempat ialah pengurusan wang tidak dituntut ini berapa bilion? Apakah yang telah diumumkan oleh pihak yang berkaitan untuk memastikan rakyat menuntut wang yang tidak dituntut? Saya pernah bertanya kepada pihak Jabatan Akauntan Negara tentang perkara ini. Dia kata kalau kita ada akaun bank, kemudian akaun bank itu *dormant*, tidak aktif dalam masa beberapa tahun, duit yang ada dalam akaun itu menjadi wang yang tidak dituntut. Saya sendiri tidak tahu. Selepas itu apabila saya *claim* bagi kad pengenalan saya dapatlah ada seribu, dua daripada satu akaun bank yang *dormant*. Perkara begitu tidak diketahui oleh rakyat. Jadi rakyat perlu diberitahu tentang kaedah untuk menuntut segala wang-wang yang tidak dituntut itu. Saya kira ada banyak bilion yang disimpan oleh kerajaan dan ini adalah wang rakyat yang sepatutnya dibayar balik dan sepatutnya kementerian mengadakan prosedur yang mudah.

Perkara yang kelima, sewaan bangunan RM116 juta ini saya ingin tahu adakah kita ini membuat kaedah masuk wang poket kiri keluar poket kanan. Contohnya ialah apabila segala bangunan kerajaan di Putrajaya itu dibayar sewa kepada Putrajaya Holding, anak syarikat Petronas. Ini yang saya maksudkan keluar poket kiri masuk poket kanan. Sampai bila hendak dibayar segala wang untuk sewa bangunan di Putrajaya itu. Bila ia akan berakhir, berapakah jumlah sewa yang dibayar oleh semua kementerian pada setiap tahun.

Perkara keenam ialah pembangunan lima koridor. RM1.2 bilion. Saya hendak bertanya kepada Menteri, ada projek-projek baru tidak untuk lima-lima koridor ini? Ataupun dia hanya membatalkan, menangguhkan. Batal, tangguh, batal, tangguh. Perkara-perkara yang baru tidak ada. Kalau tidak adapun perkara baru, bagaimana ekonomi boleh berkembang? Bagaimana apa yang kita panggil sebagai janaan ekonomi itu boleh memberikan faedah kepada rakyat dari segi peluang pekerjaan dan juga kepada syarikat yang berkaitan.

Perkara ketujuh, penyelenggaraan jalan raya Wilayah Persekutuan pemberian khas kepada wilayah tahun 2018 tidak ada. Tahun ini RM36 juta, RM29 juta. Kenapa ia berlaku?

Perkara kelapan, perkhidmatan am perbendaharaan 2018 kosong tapi 2019, RM688.7 juta. Ini wang apa ini Yang Berhormat Menteri? Banyak bukan main ya. RM688.7 juta 2019 ini. 2018, kosong. Akan tetapi naik jadi RM688.7 juta ini hendak bayar apa ini? Saya mohon perincian tentang pembayaran yang berkaitan.

Perkara kesembilan, subsidi dan bantuan tunai. Adakah bantuan untuk orang bujang itu dihentikan?

■1250

Adakah bantuan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia itu dihentikan? Berapa banyak yang menerima BSH atau Yang Berhormat Bagan Datuk sebut 'basah'? BSH iaitu Bantuan Sara

Hidup. Sebelum ini BR1M ada jumlah yang tertentu dengan wang yang tertentu. BSH ini berapa jumlah yang menerima dan berapa jumlah wangnya?

Perkara kesepuluh, Pengurusan Perakaunan Kementerian Kewangan. Dinyatakan bahawa penyata kewangan mematuhi peraturan piawaian 2017, markahnya 100 peratus. *Perfect score* untuk Kementerian Kewangan. Akan tetapi Yang Berhormat Menteri Kewangan terus terusan menyatakan bahawa hutang yang dinyatakan itu tidak betul. Jadi, saya ingin penjelasan tentang perkara itu, perkara kesepuluh.

Aset dalam perakaunan akruan. Segala aset kerajaan akan diperincikan setiap satu per satu. Saya hendak tanya, berapa anggaran aset kerajaan secara keseluruhan dan apa yang hendak dibuat tentang aset-aset itu? Saya harap Kementerian Kewangan tidaklah menjual dengan mudah. Untuk dapat kewangan, maka dijual segala aset-aset yang ada.

Perkara ke-12. Subsidi faedah imbuhan RM2.2 bilion ini, sila senaraikan setakat mana keberkesanan apa tabung-tabung yang dapat subsidi faedah imbuhan ini. Tabung pinjaman yang mana? Setakat mana ia berkesan?

Perkara ke-13 yang akhir. Bayaran balik cukai LHDN RM18 bilion. Bayaran balik GST RM19 bilion. Kita tahu Yang Berhormat Menteri sebut ia adalah dividen khas daripada PETRONAS RM30 bilion. Saya hendak tahu, Yang Berhormat Menteri, berapa banyak *reserved* PETRONAS ini? Berapa banyak daripada *reserve* itu Yang Berhormat Menteri ambil? Saya tidak sebut rompaklah. Saya kata ambil wang PETRONAS ini. Apa jadi pada PETRONAS kalau *reserve*-nya yang begitu banyak diambil, tidak silap, RM54 bilion tahun hadapan? Sedangkan, dalam masa 10 tahun *reserve* minyak dan gas di Malaysia ini habis, Yang Berhormat Menteri. Itu sebab PETRONAS perlukan kewangan untuk mencari minyak dan juga gas di negara-negara lain. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masa telah tamat, baik. Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Saya...

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Kota Bharu.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bukan. Saya jemput Yang Berhormat Tampin. Sila.

12.52 tgh.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak membicarakan Butiran 19000 – Penyelidikan dan Pembangunan. Apa yang kita dapati di sini satu penurunan yang agak mendadak daripada RM15 juta kepada RM5 juta sahaja. Sedangkan penyelidikan ini suatu perkara yang penting dan suatu perkara yang amat perlu di dalam soal kita hendak membangunkan negara. Saya ingin tahu, mengapa ia berlaku pengurangan begitu mendadak dan apakah bidang-bidang pendidikan yang hendak dilakukan di dalam membangunkan negara ini?

Perkara yang kedua ialah Butiran 01000 – Pembesaran dan Menaik Taraf INSPEN. Suatu perbelanjaan yang agak mendadak meningkat. Saya hendak bertanya kepada kementerian Yang Berhormat Menteri, apakah perbelanjaan yang dilakukan ke atas perkara ini dan bagaimana ia dilakukan dan apakah syarikat yang akan terlibat di dalam pembangunan INSPEN itu sendiri?

Perkara yang selanjutnya saya hendak bicarakan ialah Butiran 120100 – Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan Awam, di mana pada Bajet 2018 iaitu berjumlah RM60 juta tetapi pada Belanjawan 2019, pengangkutan awam ini adalah kosong. Sedangkan, kerajaan menggalakkan untuk membangunkan ataupun melaksanakan pengangkutan awam tetapi kita lihat perbelanjaan di sini tidak ada peruntukan untuk Kumpulan Wang Amanah Pengangkutan itu sendiri.

Perkara yang seterusnya saya hendak bicarakan ialah Butiran 021700 – Pemberian Bantuan Bil Lampu kepada PBT. Bagaimana ia dilakukan? Apakah ia diagihkan mengikut keupayaan PBT itu? Saya dapati bahawa ada lampu-lampu yang untuk pergi ke FELDA tidak di bawah tanggungjawab PBT dan sekarang ini kita dapati kawasan saya banyak FELDA, banyak tertunggak yang lampu-lampu jalan itu sendiri. Jadi, ini saya hendak tahu, apakah ia

termasuk di dalam perbelanjaan PBT ataupun di luar daripada perbelanjaan yang diperuntukkan di sini?

Perkara yang seterusnya saya hendak bicarakan ialah soal sumbangan kepada NGO iaitu Butiran 022000. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri tentang jumlah sumbangan yang boleh kita bagikan kepada NGO. Apakah jenis-jenis kegiatan yang dianjurkan yang boleh kita bagi sumbangan kepada NGO dan apakah takrifan NGO yang boleh kita bagi sumbangan?

Perkara akhir yang saya hendak bicarakan ialah soal Butiran 022200 – Inisiatif-inisiatif di bawah NSU, di mana tidak ada peruntukan untuk unit ini. Kalau kita lihat pada belanjawan ataupun Bajet 2018 berjumlah RM120 juta tetapi kalau kita lihat belanjawan pada 2019 ialah kosong. Apakah unit ini, unit NSU ini? Sudah dilupuskan ataupun macam mana? Walaupun ia dimasukkan di dalam mana-mana unit di dalam Kementerian Kewangan? Itu sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput ada satu lagi, ada dua.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Sikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sebelah sini, saya jemput Yang Berhormat Arau.

12.57 tgh.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali, saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana meluluskan semula peruntukan nelayan, petani dan juga penoreh getah.

Yang Berhormat, ini adalah satu benda yang cukup bagus, terbaik dan Yang Berhormat akan jadi Menteri Kewangan yang nampak boleh semakin bagus. Dengan syarat, Yang Berhormat tarik balik beberapa perkataan yang sering digunakan— perompak... *[Masalah sistem pembesar suara]* Kan? Cuma, Yang Berhormat bagi Yang Berhormat Menteri lain, bagi setiausaha politik ataupun lantiklah dia jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri sebab dia pun kadang-kadang jawab macam Yang Berhormat Menteri. Bagi dia cakap. Yang Berhormat jangan cakap sebab Yang Berhormat kena jadi orang yang terhormat, terhormat. Bagi orang lain. *[Disampuk]*

Jadi, Yang Berhormat, tentang tuduh perompak semua itu jangan, sebab saya tahu, prinsip— saya juga belajar. Dahulu saya belajar dekat universiti pada zaman Hishamuddin Rais, kami tahu pemikiran untuk membolehkan rakyat terima, kita kena ulang-ulang berkali-kali. Akan tetapi, saya ingat tidak berapa sesuai sebab Yang Berhormat Menteri Kewangan, tempat yang cukup mulia, tempat itu ya. Jadi, Yang Berhormat berhentikan perkataan perampok. Biar orang lain katalah. Kami hendak lawan senang. Hendak lawan Yang Berhormat tidak boleh sebab Yang Berhormat kawan. Jadi, susah. Jadi, Yang Berhormat bagi puak-puak lain lah ya kata perampok pada kami sebab senang kami lawan. Yang Berhormat biar... *[Disampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Teruskan Yang Berhormat Arau dengan perbahasan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sebab ini persepsi negara, Tuan Pengerusi, bergantung pada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Persepsi pasaran. Saya ini di antara orang yang terlibat dengan pasaran saham. Jadi sekarang pasaran jatuh, terduduk saya. Letih saya dibuatnya. Jadi, persepinya terletak kepada kata nada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi satu persepsi yang baik, negara ini akan melambung balik ekonomi. Sebab apa? Perbelanjaan kita, kita bagi lebih. Yang Berhormat, itu hendak tegur sebagai seorang kawan supaya Yang Berhormat teruskan memberi satu persepsi yang bagus seperti bagi kepada petani, nelayan dan juga penoreh getah. Menangis, Yang Berhormat.

Saya balik ke Perlis dan mereka bagi tahu bahawa bila dimaklumkan bahawa kelulusan itu dibagi balik, menangis dia orang sebab padi tidak menjadi dan sebagainya. Demikian juga, nelayan yang mukanya cengkung kerana tidak dapat bantuan. Sekarang ini, mereka seronok walaupun masih di peringkat pengharapan. Belum dapat lagi. Akan tetapi, mereka seronok kerana Yang Berhormat bagi. Jadi, Yang Berhormat teruskan menunjukkan Yang Berhormat seorang yang baik, seorang ahli ekonomi yang hebat. Hentikan perkataan-perkataan tersebut Yang Berhormat ya. Terima kasih.

Kedua, fasal Butiran 040000 – Tabung Bantuan Bencana Negara. Tabung Bantuan Bencana Negara ini, Yang Berhormat pun tahu pernah berlaku bencana di Pulau Pinang dan saya sampai— bersama-sama dengan ribut itu saya sampai sekali dan jumpa Yang Berhormat dengan Yang Berhormat Menteri Besar Selangor masa itu. Yang Berhormat di sana. Kemudian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri datang pada besok hari.

Yang Berhormat tahu bahawa tabung ini diperlukan sebab kita tidak tahu bencana ini berlaku macam mana dan kita kata kita dah dimaklumkan bahawa tabung ini mesti ada RM200 juta pada bila-bila masa. Jadi, bila Yang Berhormat bagi RM50 juta, saya ingin bertanya, berapakah yang masih ada dalam tabung yang berkenaan? Saya cadangkan supaya tabung ini dimasukkan supaya sentiasa berada di tahap RM200 juta, supaya bila berlaku bencana, kita dapat selesaikan dengan baik. Ini saya ingat benda mudah.

Kemudian Butiran 00107...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli Yang Berhormat, saya terpaksa berhentikan sebab masa telah pukul 1 dan boleh disambung selepas daripada rehat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Nanti saya sambung 10 minit lagi. *Thank you.*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Kita ada dua Ahli-ahli Yang Berhormat lagi. Yang Berhormat Kalabakan dan juga Yang Berhormat Kota Bharu. Kita sambung selepas *break*.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar. Jangan lupa Papar.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ya, Yang Berhormat Papar. Baik, kita sambung selepas *break*.

Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]: Sibuti.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Tuan Pengerusi: Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Arau, ada enam minit lagi.

2.32 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi. Sebelum mula itu kena ada *introduction* sikit. *Introduction* nya ialah ingin menegur kepada semua anggota kerajaan supaya tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan, kalau sekiranya benda itu sedang dibincangkan di mahkamah. Contohnya macam

Yang Berhormat Tan Sri Ketua Audit Negara keluaran *statement* berhubung perkara-perkara yang sedang ini dibincangkan di mahkamah.

Saya bimbang kalau perkara ini dibiarkan. Ianya akan menyebabkan satu sifat berleluasa semua pihak ingin mengeluarkan kenyataan dan menyerah orang ramai untuk menentukan dan menjadi hakim. Kita hakim ini- macam dulu Tuan Pengerusi sebagai hakim, tahu bahawa inilah hakim tetapi kalau sekiranya orang menyerah kepada orang ramai untuk orang menjadi hakim, jadi benda ini salah. Saya minta supaya tindakan diambil kepada mana-mana pihak yang mengeluarkan kenyataan kalau sekiranya telah dibawa ke mahkamah.

Saya setuju dengan Yang Berhormat Padang Rengas. Yang Berhormat Padang Rengas ini kritikal dia punya pandangan tetapi dia ini dia adil. Dia kata kalau benda itu telah dibincangkan di bawa ke mahkamah biar mahkamah tentukan. Kalau sekiranya kita sendiri yang menyerah kepada orang ramai untuk menentukan sebagai orang Islam kita menanggung dosa membawa perkara-perkara aib yang belum tentu lagi jawapannya kita telah sebar. Jadi tidak boleh kita buat demikian kerana banyak juga perkara-perkara yang lain kalau sekiranya di bawa kepada orang ramai untuk dibincangkan padahal benda itu dalam mahkamah, keadaannya tidak bagus.

Saya minta supaya jangan lagi buat perkara-perkara begini. Kalau sekiranya ada kenyataan biarlah daripada Pengerusi PAC sendiri. Itu pun Pengerusi PAC saya percaya dia tidak akan berbuat demikian, kalau sekiranya benda ini sedang diputus di mahkamah.

Kemudian yang keduanya, Butiran 030100 – Tuntutan kerana Kemalangan Kereta Kerajaan. Kereta kerajaan ini kita tahu bahawa menghadapi kemalangan dari masa ke semasa. Jadi apakah salah duit yang digunakan untuk membayar pampasan itu kita beli insurans daripada syarikat kerajaan sendiri supaya benda ini di- kita juga memberikan galakkan supaya industri ini berkembang dengan lebih baik. Dalam masa yang sama kita tidak boleh membiarkan pemikiran bahawa kalau bawa kenderaan kerajaan ini kita boleh bawa secara berleluasa, kalau bawa kereta sendiri kita cermat-cermat. Biar orang sentiasa waspada kalau sekiranya mereka bertanggungjawab untuk membawa kenderaan kerajaan dan sebagainya.

Kemudian yang berikutnya adalah Butiran 00113 berhubung dengan Pembangunan Lima Koridor. Jadi saya ingin bertanya tentang Koridor Utara (NCER), berapakah peruntukan yang telah diberi? Kalau sekiranya diberi, saya minta supaya Menteri Kewangan ini melihat bagaimana hendak dibangunkan kawasan yang belum dibangunkan lagi. Kalau kita hendak bangunkan Pulau Pinang, NCER ini termasuk Perak Selatan, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Kalau kita hendak bangunkan Pulau Pinang, Pulau Pinang memang maju. Kalau hendak bangunkan Kedah itu *All right*, ia tidak berapa maju. Akan tetapi yang paling tidak maju ialah Perlis. Jadi saya minta kalau sekiranya kita hendak tunjuk kehebatan kita ialah bangun di kawasan yang belum membangun, baru kita hebat.

Jadi Yang Berhormat Menteri Kewangan, kalau ingin hebat bangunkan kawasan yang belum lagi bangun. Jadi Perlis adalah contoh kawasan yang belum dibangunkan. Kalau sekiranya Koridor Utara ini hanya bagi tumpuan kepada tiga negeri tetapi hanya bangunkan tempat yang maju, tempat yang tidak maju saya tidak tahu bila boleh maju. Jadi kena bagi penekanan supaya di kalangan kawasan koridor itu yang mana yang belum maju, majukan kawasan tersebut. Kawasan yang maju memang sudah maju. Akan tetapi kalau sekiranya kita bangun kawasan maju sahaja, jadi kawasan yang tidak maju tentu tidak maju.

Kemudian fasal syarikat-syarikat GLC, MKD dan syarikat-syarikat kerajaan. Saya minta supaya jangan ada pemikiran untuk memansuhkan pegangan kerajaan yang kurang untung kita tarik balik, yang *hat* untung kita tunggu. Jadi bagaimana kerajaan hendak bagi galakkan kepada syarikat-syarikat ini untuk berkembang. Semasa kerajaan membeli saham kepada syarikat yang berkenaan ia bagus, sekarang tidak bagus kita tarik balik. Jadi sifat kerajaan bukan demikian rupa, sifat kerajaan ialah menolong yang tengah lemah dan juga yang maju kita bagi maju. Jadi jangan ada pemikiran. Saya dengar ada cerita ada pemikiran untuk menarik balik pegangan saham dalam syarikat-syarikat yang tidak dapat maju kerana masalah pasaran sekarang. Oleh sebab tugas kerajaan lebih-lebih lagi Kerajaan Pakatan Harapan ini ialah kerajaan yang penuh pengharapan dan melihat keadilan untuk diperjuangkan.

Jadi jangan ada pemikiran daripada mana-mana pihak untuk menarik balik mana-mana pegangan saham dalam syarikat yang mereka rasa tidak berdaya maju. Oleh sebab

keadaan sekarang begini dan tugas kerajaan untuk memastikan supaya pelaburan awam itu dipertingkatkan. Pada tahun 1999 semasa ekonomi merudum dulu, tahun 1999 dalam tahun begitu masa ekonomi merudum dulu pelaburan kerajaan telah ditingkatkan kerana swasta tidak dapat melabur tapi dalam keadaan sekarang kita lihat ada pemikiran nak kurangkan pelaburan kerajaan. Kerajaan kena ambil risiko untuk meningkatkan pelaburan kerajaan dalam keadaan swasta tidak dapat berdaya maju.

Kemudian ada satu butiran yang minta kawan saya sampaikan iaitu Butiran 040000 iaitu berhubung dengan kakitangan awam JUSA 'C' dan ke atas. Sekarang ini kita lihat kenderaan mereka diberi kepada sebuah syarikat dan syarikat yang berkenaan yang memberi kereta tersebut kepada pegawai-pegawai kerajaan yang berkenaan. Jadi saya minta kalau sekiranya kita ikuti 3,000 orang anggota kerajaan ini, kalau kita bagi elaun kepada mereka biar mereka sendiri yang *maintain* kenderaan, saya rasa kerajaan boleh selamatkan sampai RM20 juta. Jadi saya minta dibagi pertimbangan tentang perkara ini.

Oleh kerana tadi masa saya terugi dua minit, saya minta Tuan Pengerusi untuk membenarkan- rugu dua minit semasa bercakap-cakap tadi.

■1440

Kemudian saya minta supaya pengisian jawatan kosong, saya minta dipertimbangkan sekali lagi supaya pegawai kontrak yang diberhentikan itu diberi ruang untuk mereka bernafas semula. Oleh sebab saya masih melihat pegawai-pegawai kontrak yang telah kita hentikan itu mereka mempunyai masalah sosial, masalah keluarga, masalah anak belajar, masalah kereta dan sebagainya, tiba-tiba mereka diberhentikan dengan alasan bahawa ini kontrak.

Kalau kita hendak lihat perkataan tersebut, kerajaan jangan terlibat. Hari ini saya setuju Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa dia kata kerajaan tidak payah meniaga, bagi orang lain meniaga. Kerajaan bagi sokongan. Itu kita setuju. Daripada awal lagi kita tidak payah ambil pegawai kontrak, senang.

Akan tetapi kita ambil pegawai kontrak ini ialah untuk membolehkan kerajaan tidak tertekan dengan pegawai-pegawai yang berpencen. Kita sudah ambil yang itu. Jadi kita terima hakikat. Apabila kita sudah ambil sampai bertahun, kecuali kalau kita ambil kontrak setahun dua tahun okey, tetapi kalau kita sudah ambil bertahun-tahun sehingga berakar umbi, maka apabila kita hendak buang begitu sahaja kerana kerajaan baharu ambil alih, ini adalah satu kezaliman.

Kita kena ingat bahawa kita semua ini manusia biasa di sini. Doa orang-orang yang dizalimi itu, tidak ada hijab dengan Allah Taala. Jadi saya minta orang yang kena zalim, berdo'a semoga mereka dapat balik jawatan, bukan bagi orang lain rosak, doa supaya lembutlah hati-hati manusia di sana untuk memberi mereka jawatan semula.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 030500 iaitu berhubung dengan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Saya hendak beritahu Tuan Pengerusi bahawa kehebatan manusia-manusia di Malaysia ini ialah hasil daripada titik peluh pegawai kerajaan. Tanpa pegawai kerajaan, tidak mungkin kita ada *billionaire* di sini. Tidak mungkin kita ada Lim Goh Tong, Ananda Krishnan, Syed Mokhtar dan banyak nama lagi yang mereka ini berjaya kerana hasil titik peluh pegawai kerajaan, mereka yang buat kertas kerja.

Saya pun pernah terlibat dalam penswastan zaman dahulu yang buat kertas kerja pegawai kerajaan. Tiba-tiba sampai di saat-saat begini, mereka dihentam kiri dan kanan. Mereka apabila pencen itulah yang mereka ada. Lain tidak ada. Macam hakim, pencen hakim yang ada, lain tidak ada. Akan tetapi mereka sendiri yang telah memberi ruang dan peluang kepada orang-orang yang berniaga sehingga mereka kaya-raya.

Jadi saya setuju Unit UKAS ini dipertingkatkan dan jangan lupa Tuan Pengerusi kalau sekiranya berlaku bencana. Oleh sebab di sini tentang tabung kemanusiaan. Apabila berlaku bencana, Malaysia jangan lambat untuk mengisytiharkan bantuan walaupun sedikit. Isytiharkan bantuan serta-merta. Ini kadang-kadang sampai dua minggu, sebulan baharu kita isytiharkan bantuan. Contohnya macam banjir di Bosnia dahulu. Kita telah bersetuju untuk bagi USD100,000 kepada mangsa banjir di Bosnia. Sampai hari ini duit itu tidak dikeluarkan. Jadi kalau kita sudah isytihar, kita kena bagi. Jadi saya ucapkan terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput pembahas seterusnya Yang Berhormat Kota Bharu. Silakan.

2.43 ptg.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga poin utama yang hendak saya bangkitkan. Pertama berkaitan dengan B.11, Butiran 030000 - Bayaran Tuntutan Insurans dan Pampasan. Sekejap tadi saya dengar sahabat saya Yang Berhormat Arau pun ada sebut. Jadi perkara yang saya hendak bangkitkan ialah pada Butiran 030100 - Tuntutan kerana Kemalangan Kereta Kerajaan.

Dalam Belanjawan 2018, diperuntukkan sebanyak RM180,000 tetapi pada tahun ini hanya RM60,000 sahaja iaitu pengurangan sebanyak dua per tiga berbanding daripada dengan tahun lepas. Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Kewangan, Perbendaharaan, kenapa atas dasar apa jumlah yang diperuntukkan untuk tuntutan kemalangan kereta kerajaan ini dikurangkan?

Saya ada sedikit pengalaman sebagai peguam. Saya *declare interest* saya. Kita membuat tuntutan kemalangan yang melibatkan orang awam dengan kenderaan kerajaan. Apabila kes ini dibawa ke mahkamah, kita dapati bahawa kenderaan kepunyaan kerajaan sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun kerajaan negeri tidak dilindungi oleh insurans.

Oleh sebab itu, kerajaan sendiri perlu membuat pembayaran. Apa yang menimbulkan masalah di sini ialah tawaran biasanya kes tuntutan kemalangan ini ada tawaran untuk *settlement out of court*, dengan izin. Tawaran yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada mangsa kemalangan kenderaan kerajaan biasanya lebih rendah daripada kenderaan yang dilindungi oleh insurans. Mungkin Tuan Pengerusi sendiri ada pengalaman di mahkamah. Itu yang dibuat.

Jadi mangsa ini tidak ada pilihan selain daripada menerima tawaran daripada kerajaan. Jadi saya hendak tahu, dengan pengurangan lebih ataupun dua per tiga daripada jumlah yang diperuntukkan pada tahun 2018, bagaimanakah ataupun apakah langkah yang telah diambil oleh kerajaan sama ada mulai daripada tahun 2019 ini kenderaan kerajaan dilindungi oleh insurans ataupun bagaimana? Itu ingin saya tahu.

Begitu juga dalam Butiran 030200 di bawah kod yang sama iaitu Pampasan kerana Tuntutan yang dibuat kepada kerajaan juga telah dikurangkan daripada RM8 juta kepada RM4 juta iaitu pengurangan sebanyak 50 peratus. Jadi, apakah faktor yang menyebabkan kerajaan membuat pengurangan ini? Itu yang pertama.

Keduanya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran B.12, Butiran 030000 - Kumpulan Wang Persaraan. *Particularly* Butiran 030100 Kumpulan Wang Persaraan. Pada tahun 2018, anggarannya telah diperuntukkan RM500 juta dan pada tahun ini juga amaun yang sama. Saya hendak bangkitkan satu perkara Yang Berhormat Menteri, terutamanya mengenai saya telah bertemu ataupun kadang-kadang kita berjumpa dengan kawan-kawan kita bekas Ahli-ahli Dewan Rakyat yang mana mereka sebelum ini mungkin mendapat elaun. Elaun mereka pada kadar yang lama sebelum kita pinda pada tahun 2015 kalau tidak silap saya, di mana sekarang ini kita menikmati jumlah yang lebih tinggi.

Apa yang saya hendak timbulkan ialah bagi mereka yang telah pencen lebih awal, mereka hanya mendapat 50 peratus ataupun 60 peratus daripada elaun yang asal. Sedangkan sekarang ini saya rasa di beberapa buah negerilah telah mengadakan satu peraturan atau undang-undang bahawa sekiranya elaun kepada wakil rakyat dinaikkan oleh pihak Dewan Undangan Negeri tersebut, maka mereka yang mendapat pencen sebagai bekas wakil rakyat, ADUN di negeri berkenaan juga dapat menikmati misalnya 60 peratus daripada elaun semasa. Bukan elaun semasa mereka berkhidmat dahulu.

Inilah yang telah sering kali dilahirkan. Baru-baru ini ada seorang wakil rakyat kalau tidak silap saya daripada Kuala Lipis. Dia telah menjadi Ahli Parlimen dua penggal. Pencen dia sekarang RM4,000 sahaja, katanyalah, RM4,000. Ada sesetengah bekas wakil rakyat dikhabarkan berniaga durian Tuan Pengerusi, berniaga durian untuk menambahkan pendapatan. Mengikutnya, duriannya habis tetapi duit tidak dapat sebab yang membelinya itu bekas-bekas rakyat dia. Minta kurang harga dan sebagainya, setengahnya bagi *free* pun ada.

Jadi itu realiti yang dialami oleh mereka yang berkhidmat sebagai wakil rakyat di Dewan ini termasuklah kawan-kawan kita sebelum ini yang bagi mereka sekali mereka menjadi wakil rakyat, seumur hidup mereka menjadi wakil rakyat. Itu yang pertama.

Keduanya untuk pencen terbitan. Apabila mereka meninggal dunia, isteri mereka mendapat pencen sebagaimana mereka dapat. Saya telah mendapat maklumat, saya hendak pastikan betul atau tidak. Peraturan menyatakan bahawa bila seorang pesara itu meninggal dunia, isteri atau suaminya mendapat pencen terbitan selepas 12 tahun daripada tarikh pesara itu meninggal, maka pencen itu ditamatkan. Saya hendak tahu, betul atau tidak. Itu yang dikemukakan kepada kita.

Ini perkara-perkara yang saya kira cukup penting kerana bekas-bekas wakil rakyat juga mereka masih lagi mempunyai obligasi sosial sebagai pimpinan masyarakat di peringkat kampung, di peringkat kawasan dan sebagainya dan juga peringkat NGO. Saya juga dalam satu soalan saya kemukakan soalan lisan. Saya baru dapat jawapan tadi. Saya mengemukakan soalan kepada Perdana Menteri, apakah opsyen yang akan dilaksanakan oleh kerajaan sekiranya kerajaan tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk membayar faedah persaraan awam di negara ini.

Jawapan yang diberikan oleh pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Dia kata untuk makluman Yang Berhormat, sehingga ke hari ini tiada sebarang cadangan untuk memansuhkan pemberian pencen dan pihak kerajaan tidak akan membuat sebarang bayaran dalam bentuk *one-off* seperti yang dinyatakan.

■1450

Ini jawapan pihak kerajaan. *Alhamdulillah*. Saya ucap terima kasih lah atas penjelasan ini kerana telah di uar-uar, *diviralkan* di luar sana. Mungkin sampai satu masa, kerajaan tidak mempunyai kewangan yang cukup untuk membayar pencen kepada pihak pesara-pesara.

Isu yang ketiga yang terakhir Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada muka surat 130 iaitu B.10 020200 - Cukai, iaitu cukai yang dikutip oleh pihak kerajaan. Sebagaimana kita maklum, antara cukai yang dapat dikutip oleh pihak kerajaan ialah cukai-cukai yang dipanggil sebagai cukai dosa atau pun *sin tax*. Sebagaimana ada dalam satu laporan akhbar baru-baru ini, pada 20 September 2018, Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan mengawal penjualan arak dengan memperkenalkan hukuman penjara mandatori bagi mereka yang menjual alkohol campuran atau seludup dan mengenakan cukai dosa kepada produk alkohol. Jadi, itu saranan daripada pihak-pihak dalam masyarakat kita, termasuklah Persatuan Pengguna Pulau Pinang ini.

Saya ingin tahu daripada pihak kerajaan, khususnya Kementerian Kewangan, bagaimanakah kerajaan menguruskan dari segi kemasukan dan juga perbelanjaan dari cukai dosa ini? Adakah kerajaan mengadakan satu *separate account*, dengan izin, untuk cukai biasa dan juga cukai dosa ini, *sin tax* ini? Oleh kerana sebagaimana kita maklum bagi kita orang Islam khususnya, kita amat meneliti perkara ini. Oleh kerana bagi penjawat awam misalnya, mereka menerima gaji atau emolumen setiap bulan dan elaun dan sebagainya, sudah tentulah kita mengharapkan pembayaran itu daripada satu sumber yang halal dari segi agama kita, begitu juga agama lain saya rasa tetapi...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Penjelasan sikit Yang Berhormat.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Ya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rantau Panjang minta laluan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Minta laluan sikit.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih. Saya tertarik dengan apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat tentang cukai daripada hasil arak, termasuk juga cukai daripada hasil judi. Oleh sebab kita tahu dalam negara kita berbilion pendapatan negara hasil daripada lesen-lesen judi yang telah dikenakan kepada syarikat-syarikat judi.

Kita ucap tahniah lah di atas usaha untuk mengurangkan perjudian dengan menghapuskan lesen-lesen, termasuk *special draw*, begitu juga kenaikan tahap cukai-cukai.

Cuma kita mengharapkan supaya semua cukai-cukai ini diasingkan daripada hasil biasa. Oleh sebab kita tidak mahu daripada pendapatan wang yang disatukan ini khas untuk diberi untuk bayar gaji kakitangan hendaklah daripada sumber pendapatan yang halal dan daripada hasil judinya elok diberi untuk pembangunan seperti jalan raya dan sebagainya. Apa pandangan Yang Berhormat?

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Saya setuju dengan Yang Berhormat Rantau Panjang, minta masuk dalam ucapan saya. Itu lah tiga perkara yang saya hendak bangkitkan di sini. Saya mohon satu jawapan yang jelas daripada pihak Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kota Bharu. Pembahas yang akhir, saya diberitahu ialah Yang Berhormat Jasin. Silakan.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Sedikit sahaja.

3.53 ptg.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, bagi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Kita dapat lihat bahawa Kementerian Kewangan diberikan satu peruntukan yang paling tertinggi sekali. Daripada B.10, B.11 dan B.12, kalau kita tengok daripada mengurus sahaja satu peningkatan sebanyak 90 peratus iaitu daripada RM32.1 bilion pada tahun lepas, kita dapat peruntukan sebanyak RM61.7 bilion. Daripada sini kita lihat bayaran yang paling besar sekali ialah pada B.12 iaitu 170000 - Kumpulan Wang Amanah Tabung Bayaran Balik Cukai sebanyak RM18 bilion.

Sementara 180000 - Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) untuk GST RM19 bilion. Kedua-dua pembayaran ini yang berjumlah sebanyak RM37 bilion sepatutnya akan dibayar pada tahun akan datang. Apa yang saya harapkan supaya apa juga bayaran daripada tuntutan sama ada GST atau pun LHDN, mestilah dibuat bukan secara *blanket*.

Akan tetapi setelah ianya disemak, setelah ianya diaudit dan telah betul-betul disahkan oleh Jawatankuasa Audit yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan kerana kita tidak mahu ada penipuan berlaku. Oleh kerana sebelum ini pembayaran yang telah dibuat untuk GST sahaja, ada kes-kes yang telah dibawa ke mahkamah dan ada penipuan berlaku. Syarikat yang tidak wujud pun membuat tuntutan. Itu sebab saya mohon kalau boleh apa juga bayaran yang akan kita buat pada tahun akan datang hanya selepas ianya diaudit dan disahkan, baru boleh membuat pembayaran. Kalau tidak, akan ada penipuan berlaku.

Selepas itu Tuan Pengerusi, kebimbangan saya daripada pihak kerajaan hanyalah sengaja untuk mengaburi mata masyarakat sebab mereka mendakwa konon wang ini telah hilang, wang ini dah ghaib. Jadi, untuk menghalalkan untuk mendapatkan bantuan, mereka terpaksa mencari Petronas untuk mendapatkan dividen dana khas sebanyak RM30 bilion.

Kita hendak tahu sekarang, sama ada ianya disebabkan oleh yang pertamanya, kerana kita telah mansuhkan GST, sebanyak tujuh bulan tidak ada pendapatan. Selepas itu, kita ada tiga bulan kita *tax free*. Jadi, untuk mengaburi mata masyarakat, kononnya kita tidak ada duit, terpaksa kita mendapatkan dividen khas daripada Petronas. Ini saya minta kalau boleh dapat diuraikan, kalau saya silap, beritahu saya silap. Kalau tidak, kenapakah kita terpaksa mendapatkan bantuan daripada Petronas RM30 bilion sedangkan kita mempunyai kemampuan?

Selepas itu, saya pergi kepada 04000 perkhidmatan dan juga bekalan. Kita kena terima hakikat ini bahawa pada ketika ini rakyat begitu resah sekali. Bukan sahaja tentang kenaikan harga barang yang cukup menekan pada ketika ini, bahkan daripada kalangan usahawan dan juga ahli-ahli perniagaan yang turut resah pada ketika ini kerana peluang perniagaan yang amat terhad sekali. Tiada projek baru yang diperkenalkan, bahkan apa projek yang telah diluluskan, dibatalkan.

Jadi, pendek kata pada ketika ini, ekonomi kita nampak suram dan juga muram. Paling terkesan ialah kontraktor-kontraktor kecil Melayu yang sekarang merintih. Pertamanya, tentang kelewatan pembayaran projek yang telah disiapkan tetapi tidak ada bayaran. Jadi, saya hendak tahu daripada pihak kerajaan, pada tahun lepas kita telah membajetkan sebanyak RM282 bilion untuk tujuan perbelanjaan. Jadi, apakah jadi kepada

wang ini kerana tiada projek-projek baru, bahkan projek-projek yang telah diluluskan dan telah disiapkan, tidak ada bayaran.

Saya hendak bagi contoh Tuan Pengerusi. Di kawasan saya ada dua masjid. Satu masjid yang telah diluluskan dan telah dilaksanakan, telah siap sebanyak 15 peratus, tidak ada satu sen bayaran pun dibuat. Walaupun mereka telah membuat tuntutan tetapi pihak kerajaan tidak dapat membuat bayaran. Itu satu sahaja dan ada satu projek yang telah diluluskan sebanyak RM4.5 juta untuk buat masjid juga, lepas itu ditarik semula.

Walaupun kontraktor telah dipilih tetapi projek tersebut telah pun dibatalkan. Ini sebenarnya memang sangat membimbangkan. Oleh kerana kita hendak tahu, adakah kerajaan tidak mempunyai wang untuk membayar? Sedangkan kita ada mempunyai wang yang telah dibajetkan oleh kerajaan sebelum ini. Saya faham kerana pada ketika ini kita menghadapi kekangan untuk menambah hasil kerajaan. Namun, tiga daripada empat kaedah yang telah dikemukakan itu adalah mencurigakan sekali pun pada prinsipnya ialah baik, untuk menjunjung prinsip ketulusan dan juga semangat persaingan. Pertama yang saya ingin sebut di sini tentang penjualan aset-aset kerajaan sebagai *Asset Monetization Programme*.

Tiga, kaedah tersebut ialah mengurangkan pegangan kerajaan dalam syarikat bukan strategik. Keduanya, untuk kita melaksanakan model kerjasama awam swasta atau pun PPP, melalui proses transaksi tukaran tanah.

Ketiga, menjual tanah kerajaan secara berjadual. Mekanisme yang akan kita guna pakai ini adalah secara tender terbuka atau dijual kepada pembida yang menawarkan harga yang tertinggi. Mekanisme ini belum tentu lagi adil untuk semua, terutamanya jika ianya turut dibuka kepada orang asing kerana padang yang tidak sama rata. Oleh yang demikian, sebelum ianya dilaksanakan, perlulah kita pastikan supaya persaingan itu mestilah adil dan juga saksama.

■1500

Jika ianya diteruskan tanpa ada apa-apa intervensi, maka saya bimbang mekanisme berkenaan sudah pasti akan memberikan kelebihan kepada syarikat-syarikat besar terutamanya syarikat-syarikat asing. Mereka mampu untuk memberikan tawaran yang terbaik. Bermakna, mekanisme tersebut akan menguntungkan kera yang di hutan.

Jika ianya hanya terbuka di dalam negara, kerisauan kita masih lagi ada. Ini kerana dalam keadaan sekarang, kebanyakan syarikat-syarikat besar itu dimiliki oleh suatu kaum sahaja, tidak inklusif. Akhirnya saya hendak tanya kepada pihak kerajaan, pertamanya, mengapakah peruntukan untuk pihak UKAS, satu agensi yang cukup penting dalam negara kita bukan sahaja sebagai pemantau- *watchdog*, bahkan inilah satu daripada agensi yang berikan tanggungjawab untuk apa-apa juga projek kerjasama antara swasta dan juga kerajaan, kenapakah peruntukan mereka menjunam daripada RM116.6 juta kepada hanya RM15.3 juta sahaja?.

Keduanya, perkara yang sama, kenapakah peruntukan untuk Strategi Nasional di bawah pecahan 20000 melompat daripada RM2.2 juta pada tahun lalu kepada RM32.9 juta pada tahun ini, manakala di bawah pecahan 40000 pula merosot daripada RM130 juta kepada kosong langsung?

Itu sahaja yang dapat saya sampaikan. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Jasin. Sekarang Yang Berhormat Taiping, silakan. Selepas Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Jelutong...

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Labuan, Labuan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Labuan, tidak nampak. Ya, ada empat.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Mana dahulu? Papar dahulu?

Tuan Pengerusi: Tidak. Yang Berhormat Taiping dahulu.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Taiping dahulu.

3.02 ptg.

Tuan Teh Kok Lim [Taiping]: Pendek sahaja. Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya bangun untuk menyentuh Maksud Pembangunan P.10 dengan Butiran 00113 – Pembangunan Lima Koridor.

Syabas dan terima kasih atas penambahan lebih kurang RM400 juta berbanding tahun 2018 kepada RM1,219 juta diperuntukkan untuk pembangunan lima koridor. Walau bagaimanapun, saya memohon untuk mendapatkan butiran pecahan jumlah tersebut kepada setiap koridor, khasnya jumlah yang disalurkan kepada Wilayah Utara NCER di mana terletak Taiping.

Dari aspek negeri Perak pula, saya mengambil kesempatan ini membangkitkan kerisauan rakyat dan rakan-rakan saya dari negeri Perak bahawa pembangunan negeri Perak untuk 15 tahun yang lalu turut terabai dan terpinggir. Ini terbukti melalui angka kerana pertumbuhan ekonomi Perak pada Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah enam peratus manakala untuk 2016 ke 2017 separa penggal RMKe-11, pertumbuhan mengecut ke tahap 4.8 peratus. Adalah jelas ketinggalan apabila mendapati KDNK per kapita negeri Perak pada tahun 2016 adalah hanya pada tahap RM27,300 menduduki tahap kelapan bersama dengan negeri Terengganu tetapi jauh lebih rendah berbanding dengan Pahang iaitu RM32,300 dan Sarawak pada tahap RM44,400 serta purata nasional yang berada pada tahap RM38,915.

Dengan ini, saya turut memohon supaya program-program yang telah dirancang, sekiranya ada, diumumkan untuk rujukan Dewan yang mulia ini. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Tepat dan ringkas. Silakan, Yang Berhormat Jelutong.

3.04 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 030100 - Syarikat Pelaburan Kerajaan. Dalam konteks ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, tidak lain tidak bukan, terutamanya mengenai Syarikat 1MDB.

Saya tertarik di mana kelmarin terdapat satu berita yang mengejutkan yang disiarkan dalam media massa dan juga dilaporkan dalam kebanyakan portal-portal berita dan di sini saya memetik satu berita dalam *Free Malaysia Today*, dengan izin Tuan Pengerusi, yang merujuk kepada kenyataan Yang Berhormat Rembau berkenaan dengan Laporan Ketua Audit Negara yang mengatakan bahawa Tan Sri Dr. Madinah Mohammad mengadu mengatakan bahawa beliau telah menerima arahan daripada Yang Berhormat Pekan untuk meminda Laporan Audit Negara dengan mengeluarkan nama Jho Low daripada laporan tersebut di mana kehadiran Jho Low dalam satu mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pekan itu telah pun dikeluarkan.

Perkara ini adalah perkara yang begitu serius di mana kakitangan kerajaan kita lihat sebelum ini bukan sahaja daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah di Malaysia yang kita tahu apa yang berlaku di mana bekas Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah mengadu mengatakan bahawa beliau terpaksa meninggalkan Malaysia dan lari sehingga ke Amerika Syarikat...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Jelutong, boleh mencelah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pontian, sebentar. Saya akan habiskan. Saya akan beri peluang.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Okey.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Selepas itu kita lihat bagaimana pegawai-pegawai yang menyiasat kes 1MDB telah pun ditangkap dan dikenakan tahanan reman. Kita lihat bagaimana Peguam Negara yang menyediakan kononnya kertas-kertas pertuduhan telah pun dipecat dengan tiba-tiba. Kita lihat bagaimana Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dari Pagoh sebelum ini telah pun diarahkan ataupun dipecat daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Kelmarin kita lihat Tan Sri Dr. Madinah mengadu bahawa beliau pula telah pun dipaksa untuk menukar laporan Jabatan Audit

Negara. Perkara-perkara ini adalah perkara-perkara yang begitu merunsingkan, merisaukan rakyat Malaysia.

Saya cuma mohon dengan hormatnya kepada Menteri Kewangan untuk memastikan bahawa- kalau dahulu di bawah Kerajaan Barisan Nasional, integriti kerajaan dipersoal. Laporan Ketua Audit Negara sepatutnya adalah berkecuali. Kita ingin tahu, apakah yang sebenarnya dilakukan oleh kerajaan di mana Laporan Ketua Audit Negara yang sepatutnya merupakan satu laporan yang tidak berbelah bahagi, laporan yang berkecuali tetapi ini kita digegarkan dengan berita-berita yang begitu mengejutkan dari masa ke semasa di mana Yang Berhormat Pekan jelas sekali telah pun memaksa seorang kakitangan kerajaan yang tertinggi- bayangkan Ketua Audit Negara dipaksa untuk mengeluarkan satu maklumat yang begitu penting daripada Laporan Ketua Audit Negara.

Saya cuma ingin bertanya kepada Menteri Kewangan, bagaimanakah perkara ini akan diatasi? Apakah tindakan yang akan diambil terhadap pihak-pihak yang terlibat? Saya yakin Yang Berhormat Menteri Kewangan yang pernah melaksanakan prinsip CAT dalam mentadbir Kerajaan Pulau Pinang akan memastikan perkara ini tidak akan berulang.

Pada masa yang sama, saya juga ingin tanya kepada...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bagi jalan tidak? Boleh bagi jalan sebelum pergi ke perkara lain?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Sila, sila.

Tuan Pengerusi: Silakan, Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kira-kira 16 jam yang lalu dalam *Twitter* Yang Berhormat Pekan, beliau menyatakan bahawa pada 21 Disember 2015 di dalam Dewan Rakyat ini, jawapan Kementerian Kewangan berhubung kes yang ditimbulkan bahawa Jho Low memang pernah menghadiri satu mesyuarat 1MDB tetapi hadir dalam kapasiti mewakili Syarikat PetroSaudi dan bagi pihak Putera Turki dan ada juga dalam *Facebook* beliau.

■1510

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Jelutong, peguam kepada Yang Berhormat Pekan telah membuat kenyataan akhbar tentang perkara yang berkaitan yang berhubung kait tentang kenyataan Ketua Audit Negara itu. Terima kasih.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Yang Berhormat Jelutong, sedikit, sedikit. Boleh?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya.

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu]: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya berminat hendak mendapatkan pandangan Yang Berhormat Jelutong mengenai apa yang dibangkitkan iaitu yang dikatakan Laporan Ketua Audit Negara yang baru ini telah dipinda.

Saya masih ingat bagaimana pada beberapa minggu yang lepas saya kira, rakan kita daripada Ipoh Timur iaitu Timbalan Pengerusi PAC telah menyatakan bahawa beliau telah mendapat maklumat tentang Laporan Ketua Audit Negara telah diedit dan dipinda oleh nasihat pihak tertentu. Ekoran daripada itulah yang Tan Sri Ketua Audit Negara sekarang ini telah memberi penjelasan kepada Kabinet dan dikatakan Kabinet minta beliau membuat kenyataan.

Persoalannya Yang Berhormat Jelutong, apabila Yang Berhormat Ipoh Timur membangkitkan kemungkinan berlaku perkara itu, bekas atau mantan Ketua Audit Negara yang lalu iaitu Tan Sri Ambrin Buang seorang Ketua Audit yang amat dihormati menafikan perkara ini. So, bagaimana kita hendak menyelaraskan dua versi daripada Ketua Audit Negara sekarang dan mantan Ketua Audit Negara? Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih. Soalan yang baik Yang Berhormat, tetapi saya hanya ingin mengatakan bahawa walau bagaimanapun, apa juga penjelasan yang diberikan, pendedahan yang dibuat oleh Ketua Audit Negara sekarang iaitu Tan Sri Dr. Madinah adalah perkara yang mengejutkan. Itu adalah perkara yang sepatutnya tidak berlaku. Beliau merupakan seorang kakitangan yang begitu kanan

dalam pentadbiran Kerajaan Barisan Nasional, bayangkan beliau telah dipaksa untuk meminda satu laporan.

Berbalik kepada Yang Berhormat Pontian, untuk makluman Yang Berhormat Pontian, berapa kali kita pernah dengar dalam Dewan yang mulia ini, mungkin bukan dalam sesi ini tetapi sebelum ini mungkin Yang Berhormat daripada Puchong ada di sini, berapa kali beliau telah menyoal Yang Berhormat Pekan dalam sesi yang lalu, di mana Yang Berhormat Pekan telah menafikan mengetuai ataupun mengenali Jho Low.

Penjelasan-penjelasan yang diberikan begitu banyak kali di luar Dewan, dalam media massa bahawa Yang Berhormat Pekan langsung tidak mengenali Jho Low, langsung tak bertemu dengan Jho Low. Ini adalah pendedahan pada kelmarin, pendedahan yang mengatakan bahawa Jho Low telah hadir dalam satu mesyuarat yang melibatkan pegawai-pegawai tertinggi kerajaan. Bukankah itu menunjukkan bahawa Yang Berhormat Pekan telah pun menipu kita? Apakah Yang Berhormat sendiri ingin membela beliau sekarang? Bukankah Yang Berhormat mengetahui perkara ini daripada dulu lagi?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bila Yang Berhormat Pekan kata dia tidak kenal Jho Low ini?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, saya akan kembali dan merujuk kepada surat khabar tersebut...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, selepas ini kita akan jumpa dekat depan itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ya. Saya akan merujuk kepada surat khabar tersebut. Akan tetapi, perkara yang ingin saya bahaskan di sini merujuk kepada subjek ini adalah syarikat pelaburan kerajaan, kita harus memastikan bahawa semua kakitangan di syarikat tersebut dan juga kakitangan kerajaan bebas untuk melaksanakan tugas mereka. Janganlah kita mengugut kakitangan kerajaan, memaksa mereka membuat kerja-kerja yang tak beretika. Kita tahu, saya rujuk tadi kepada pendedahan yang dibuat oleh bekas Pengarah SPRM yang terpaksa melarikan diri takut...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tan Sri Dr. Madinah ada kata dia diugutkah?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ada dalam erti kata yang lain, dalam erti kata yang lain.

Memandangkan masa hampir tamat, satu permintaan akhir saya Tuan Pengerusi adalah merujuk kepada butiran berkenaan dengan NGO iaitu Sumbangan Kepada NGO – Butiran 022000.

Cuma saya ingin bertanya kepada Menteri Kewangan supaya kita memastikan bahawa NGO-NGO ini adalah NGO-NGO yang akan membantu kerajaan memastikan hasrat Kerajaan Pakatan Harapan ini tercapai. Kita mahu NGO-NGO menggunakan dana ini untuk tujuan-tujuan yang positif dan untuk memastikan bahawa NGO-NGO ini tidak menjadi orang suruhan kepada kerajaan seperti yang berlaku di bawah pentadbiran Barisan Nasional dahulu di mana kita lihat banyak sangat NGO...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Boleh sebut NGO mana jadi orang suruhan?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Banyak sangat NGO yang pernah menganjurkan demonstrasi di luar...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Satu, dua boleh bagi tahu?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: NGO Baju Merah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kita jumpa dekat luar sekejap lagi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: NGO Baju Merah Yang Berhormat Pontian. So...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Baju Merah itu kami- UMNO yang pergi.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, jadi dengan ucapan itu, saya mohon menyokong dan memberi sokongan penuh kepada perkara ini Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Jom kita jumpa dekat luar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Papar dulu saya ingat.

3.14 ptg.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi saya peluang untuk berbahas dalam belanjawan ini. Saya merujuk kepada B.10 Butiran 050300 – Pengurusan Teknologi Maklumat, yang mana belanjawannya melonjak daripada RM72 juta naik kepada RM291 juta. Kenaikan 300 peratus iaitu tiga kali ganda. Saya inginkan pencerahan atas butiran ini dan adakah ini termasuk dalam peruntukan untuk Kerajaan Negeri Sabah?

Saya juga merujuk kepada B.10 Butiran 060300 – Pengisian Jawatan Kosong, sebanyak RM16.92 juta telah diperuntukkan untuk tahun 2019. Saya juga inginkan perincian untuk butiran ini dan adakah Sabah mendapat manfaat daripada peruntukan untuk jawatan kosong? Apakah jabatan-jabatan yang mendapat peruntukan ini?

Merujuk kepada B.12 iaitu Butiran 090000 – Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin yang berjumlah RM100 juta. Di sini ada penurunan sebanyak RM16 juta. Saya inginkan juga perinciannya dan adakah Sabah mendapat manfaat daripada tabung ini?

B.12 Butiran 160000 – Kumpulan Wang Pinjaman Badan Berkanun dan Badan-badan Lain, peruntukan sebanyak RM400 juta diberikan untuk tahun 2019. Saya juga inginkan perincian untuk peruntukan ini dan adakah badan-badan berkanun di Sabah mendapat manfaat daripadanya? Saya juga mohon kementerian menamakan badan-badan berkanun di Sabah yang mendapat peruntukan ini. Adakah keistimewaan ini akan diberikan kepada badan-badan berkanun yang rugi, maksudnya diberi pinjaman?

Merujuk kepada P.10 Butiran 09000 – Pelbagai Suntikan Ekuiti, diberi peruntukan melonjak daripada RM75 juta pada tahun 2018 ke RM4.77 bilion pada tahun 2019. Kenaikan ini adalah 62 kali ganda, kenaikan sebanyak RM4.7 bilion.

Saya ingin memohon perincian juga, sebenarnya apakah yang menyebabkan kenaikan yang berlebihan sehingga 62 kali ganda ini? Berapakah GLC yang mendapat faedah daripada peruntukan ini dan apakah GLC itu? Macam mana pula dengan GLC yang rugi, adakah mereka juga akan mendapat keistimewaan ini?

Tuan Pengerusi, kita difahamkan bahawa Petronas mengeluarkan *special dividend* sebanyak RM30 bilion kepada Kerajaan Pusat demi untuk melunaskan tunggakan cukai pendapatan dan cukai GST yang terlebih bayar. Kalau ada *special dividend* daripada Petronas, tidak mustahil juga ada *special royalty* kepada Sabah dan Sarawak. Kita tidak mahu berapa banyak, tetapi mestilah ada sekurang-kurangnya orang cerita *special royalty*.

Jadi, apa yang saya katakan di sini ialah adakah kementerian bercadang sekurang-kurangnya memberi *special royalty* kepada Kerajaan Sabah dan Sarawak, dengan royalti ini tidak sepatutnya dan tidak seharusnya 20 peratus. Akan tetapi sekurang-kurangnya tambahan kepada peruntukan yang sedia ada dan dapatlah kami orang-orang Sabah dan orang-orang Sarawak menterjemahkan *special royalty* ini kepada pembangunan demi untuk kita mengurangkan jurang perbezaan pembangunan di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung.

■1520

Butiran 00113, P.10 – Pembangunan Lima Koridor berjumlah RM1.29 juta dan melonjak 41 peratus daripada RM860 juta. Soalan saya ialah saya inginkan juga perincian berapakah setiap pembangunan koridor ini yang dapat di seluruh Malaysia termasuk di Sabah. Saya juga ingin tahu dari jumlah ini berapakah yang sudah diberi kepada pembangunan-pembangunan koridor di Sabah.

Tuan Pengerusi, Sabah adalah pengeluar minyak kelapa sawit dan koko di Malaysia. Perladangan kelapa sawit meliputi lebih daripada 700 ribu hektar di kawasan Pantai

Timur Sabah. Ianya telah menyumbang kira-kira 25 peratus daripada minyak kelapa sawit mentah negara. Malangnya, walaupun kita mempunyai banyak hasil asli, kerajaan terlepas pandang di mana Sabah masih lagi kekurangan industri hiliran untuk memproses bahan-bahan mentah demi untuk menjana *value added* kepada ekonomi kita.

Jadi saya berharap dengan adanya peruntukan untuk pembangunan lima koridor ini dapatlah kerajaan membantu negeri Sabah untuk menjana dan membawa pelabur-pelabur luar supaya negeri Sabah dapat membangun bersama-sama dengan negeri-negeri di Semenanjung. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Papar dan sekarang dipersilakan Yang Berhormat Labuan sebagai pembahas terakhir. Silakan.

3.22 ptg.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 020200 – Cukai. Ini mengenai Labuan IBFC dan LHDN yang saya rasakan ia jatuh kepada butiran ini. Dalam Bajet 2019 ini, ada dicadangkan oleh MOF ataupun LHDN di mana syarikat-syarikat Malaysia cuma diberikan kebenaran ataupun dibenarkan tiga peratus sahaja *expenses* ataupun bayaran kepada syarikat-syarikat ataupun Bank Labuan yang boleh dimasukkan sebagai *tax deductible* di dalam perakaunan ataupun dalam percukaian untuk syarikat-syarikat Malaysia.

Saya difahamkan, ini akan memberikan impak yang besar kepada Labuan sebagai pusat kewangan, di mana ini akan membuatkan syarikat-syarikat Malaysia ini akan lebih tertarik kepada *offshore centre* yang lain terutamanya Singapura yang akan dapat memberikan kos yang lebih murah dan apabila mereka mula berpindah, meminjam dan sebagainya ke Singapura, maka *services* lain pun akan terus juga ikut bersama termasuklah *leasing* dan sebagainya. Ini akan membuatkan syarikat-syarikat Labuan ataupun bank-bank, insurans dan sebagainya kehilangan pasaran yang besar sebab syarikat-syarikat Labuan ini sebenarnya 40 peratus, 60 peratus malah 80 peratus mengikut segmen-segmen tertentu, pasaran mereka adalah syarikat-syarikat Malaysia juga. Ini akan membuatkan kerugian juga *to a certain extent*, sebab ia boleh sebenarnya sampai membuatkan Labuan sebagai pusat kewangan ini jatuh dan boleh jadi ianya akan membawa satu kerugian kepada Malaysia. Malah boleh menjadikan Labuan hilang terus daripada peta *offshore centre* di dalam dunia ini.

Selain daripada itu juga, setelah sekian lama Labuan sebagai pusat kewangan, dirasakan kesan kepada *domestic economy* kepada Labuan itu tidak begitu memberangsangkan. Kebanyakan operasinya berlaku di Kuala Lumpur. Jadi, saya mencadangkan supaya ada langkah-langkah yang perlu dibuat yang boleh menyumbang kepada ekonomi Labuan seperti memberikan syarat kepada sebahagian daripada syarikat-syarikat ini mesti mempunyai pejabat ataupun *physical existence* di Labuan sekurang-kurangnya *minimum number of employees* diperlukan dan ini akan dapat membantu ekonomi domestik Labuan yang sekarang ini dalam keadaan yang sangat merudum dan sangat mengecewakan.

Kedua, saya ingin mencadangkan kepada MOF untuk penjimatan supaya diberikan elaun kenderaan kepada pegawai jawatan utama sektor awam ataupun JUSA bagi kereta rasmi jawatan. Ini telah dilaksanakan oleh LHDN, KWSP dan lain-lain. Jimat lebih banyak kalau dibandingkan daripada menyewa daripada SPANCO. Jumlah pegawai JUSA adalah lebih kurang 3,000 dan dianggarkan boleh memberi penjimatan sehingga RM20 juta setahun. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Labuan.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Tuan Pengerusi. Boleh dua minit sahaja?

Tuan Pengerusi: Dua minit.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Dua minit sahaja.

Tuan Pengerusi: Terakhir. Silakan Yang Berhormat Kota Kinabalu.

3.27 ptg.

Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada Butiran 030500 – Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS). Di sini saya ingin membangkitkan satu isu yang sangat spesifik yang di mana di bawah kawasan saya Kota Kinabalu ada satu projek Sky Bridge yang tergendala kerana pemaju sudah bankrap tetapi kontraktor sudah buat kerja sampai 95 peratus dan ini sepatutnya dibiayai oleh UKAS dan saya pernah bangkitkan isu ini kepada Kementerian Kewangan dan saya harap dapatkan status perkembangan macam mana UKAS sama MOF boleh masuk campur tangan bersama dengan DBKK untuk menyelesaikan isu ini supaya Sky Bridge ini boleh dibuka.

Ini kerana untuk makluman Dewan ini, dia cuma tinggal lima peratus untuk siap projek ini dan dengan begitu adalah satu projek yang RM31.5 juta ini nilainya dan ia akan menyambung— dia melibatkan pembinaan 10 bahagian jambatan yang bersambung dengan dua jambatan berhawa dingin dengan 20 gas di dalam, empat tangga biasa dan eskalator, 531 meter pejalan kaki berbumbung dan penambahbaikan jalan raya sepanjang 640 meter dan dua buah lampu isyarat, pemasangan lampu jalan dan sebagainya.

So, saya harap ini boleh siap dan supaya membantu dalam ekonomi pelancongan di Dewan Bandaraya Kota Kinabalu. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Memang pendek. Terima kasih Yang Berhormat Kota Kinabalu.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Satu minit Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi satu minit sahaja.

Tuan Pengerusi: *[Ketawa] We are out, correct?* Baiklah, satu minit.

3.09 ptg.

Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada P.10 00113 – Pembangunan Lima Koridor di mana di dalam Belanjawan 2019 diperuntukkan RM1,219,585. Di Sabah, pembangunan lima koridor ini diwakili oleh *Economic Development Authority* ataupun SEDIA. Saya ingin mengajukan dua segmen yang penting di sini di mana SEDIA ini adalah satu *direct devolution of power* dalam bidang ekonomi kepada negeri Sabah. Segmen kedua yang saya ketengahkan di sini di mana di dalam rekod yang lalu telah menunjukkan bahawa SEDIA telah menunjukkan prestasi yang amat baik di dalam pelaksanaannya melalui peruntukan-peruntukan yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kerana *devolution of power* itu telah dijalankan dengan begitu mahir sekali.

Oleh yang demikian saya memohon agar di dalam Belanjawan 2019, pembangunan lima koridor ini kepada negeri Sabah, agar SEDIA itu agar lebih dimantapkan. Itu sahaja dan sekian, terima kasih.

■1530

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab, 30 minit Yang Berhormat. *[Disampung]* Tidak cukup? Ya, 30. Lebih kurang.

3.30 ptg.

Menteri Kewangan [Tuan Lim Guan Eng]: Tak cukup. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Tak cukup?

Tuan Lim Guan Eng: Cukup.

Tuan Pengerusi: Lebih kurangnya ya.

Tuan Lim Guan Eng: Saya cuba tapi kalau boleh bagi sedikit masa lebih kerana ada 20 Ahli Parlimen, Tuan Pengerusi.

Saya ingin ucapkan terima kasih kepada 20 Ahli Parlimen yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbincangan peringkat Jawatankuasa Kementerian Kewangan. Hendak ucapkan terima kasih ke atas beberapa hujah yang telah pun diketengahkan dan saya akan

cuba sedaya upaya untuk merujuk kepada beberapa hujah ini dan sekiranya tak sempat, saya akan minta pegawai saya bagi jawapan secara bertulis.

Untuk Yang Berhormat Pontian. Saya mula dengan Yang Berhormat Pontian kerana beliau selalu cakap saya ada sedikit abaikan beliau. So, untuk menunjukkan bahawa saya tak abaikan beliau, saya dahulukan dia daripada Yang Berhormat Rembau. *[Ketawa]* So, jangan rasa terkesan ya. Saya boleh sebut saya sedikit kagumlah dengan Yang Berhormat Pontian kerana masih berhabis-habisan mempertahankan 1MDB dan Yang Berhormat Pekan apabila tidak ada seorang Ahli Parlimen yang saya lihat di sini rela mengambil peranan sedemikian.

Akan tetapi sungguhpun ini sesuatu usaha yang *desperado*, dengan izin tetapi Yang Berhormat Pontian masih terus mempertahankan 1MDB. Saya ucapkan syabas atas ketabahan untuk memperjuangkan sesuatu yang telah pun ditinggalkan oleh semua rakan UMNO, Ahli-ahli Parlimen UMNO dalam Dewan yang mulia ini. Tinggal Yang Berhormat Pontian, kalau itu setia memang setia berhabis-habisan.

Untuk hutang 1MDB, saya nak sebut di sini bahawa itu adalah berdasarkan prinsipal. Biar saya baca jawapan berkaitan dengan keseluruhan hutang 1MDB di mana Yang Berhormat Pontian mempertikaikan angka yang berbeza-beza. Tidak, ia adalah angka yang telah dinyatakan secara keseluruhan. Kalau kita lihat daripada segi masa bila, tentu berlainan tetapi secara keseluruhan memang RM50,707 juta. Tuan Pengerusi, jumlah baki hutang 1MDB berdasarkan kadar tukaran 1USD kepada RM4 pada 15 November 2018 adalah sebanyak RM42.492 bilion merangkumi prinsipal sebanyak RM31 bilion dan faedah sebanyak RM11.492 bilion.

Jumlah hutang yang diumumkan oleh Presiden 1MDB pada 19 Mac 2018 iaitu sebelum pilihan raya hanyalah mengambil kira jumlah prinsipal sahaja iaitu sebanyak RM31 bilion. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan juga telah membayar hutang bagi pihak 1MDB berjumlah kira-kira RM7.96 bilion sehingga 15 November 2018, Yang Berhormat Pontian sendiri cakap tak tahu bahawa kerajaan beliau sendiri sebelum Pilihan Raya Umum Ke-14 sudah pun buat bayaran bagi pihak 1MDB. Yang Berhormat Pontian sendiri akui tak tahu. Bayaran ini dibuat...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Bila saya cakap itu? Tak ada cakap pun.

Tuan Lim Guan Eng: Biar saya habis dulu. Bayaran ini dibuat dalam bentuk *shareholders advance* atau pinjaman daripada Kementerian Kewangan atau syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan. Perincian keseluruhan hutang adalah seperti berikut:

- (i) sukuk, *medium term notes* terbitan 1MDB sebanyak RM11,38 bilion campur faedah;
- (ii) bon terbitan 1MDB Global Investments Limited campur faedah, RM14,376 juta;
- (iii) bon terbitan 1MDB Energy Langat Limited, RM8,610 juta, ini semua campur faedah; dan
- (iv) bon terbitan 1MDB Energy Limited, RM8,468 juta.

Jumlah keseluruhannya RM42,492 juta. Campur dengan pinjaman MOF Syarikat MKD, RM8215 juta. Keseluruhannya RM50,707 juta. Tidak ada percanggahan tentang jawapan yang saya telah berikan sebelum ini. Kalau ada sebut RM31 bilion, itu ialah tak masuk faedah. So kena faham kesan faedah, aset. Ini yang saya tak faham. Masih percaya ada aset lagi. Mana ada aset lagi?

Laporan akhir Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara mengenai kawalan pengurusan urus tadbir 1MDB yang dikeluarkan pada 7 April 2016 antara lain telah mengesyorkan supaya anak-anak syarikat dan aset milik 1MDB iaitu TRX, Bandar Malaysia, Tanah Air Hitam, Tanah Pulau Indah diserahkan kepada Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) supaya dapat dikawal selia dan diuruskan dengan rapi dan teliti.

Kementerian Kewangan melalui siaran media rasminya pada 4 Mei 2016 mengumumkan bahawa MKD telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan

yang dibuat oleh PAC berkenaan. Pengerusi masa itu masih ada tetapi tentu gunakan laporan yang telah diubahsuailah, bukan laporan asal.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Berapa nilai aset itu?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, nanti. Saya habis dululah. Duduk dulu. Saya habis dulu, saya akan bagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Aset yang dihantar kepada MKD itu berapa? Berapa?

Tuan Lim Guan Eng: Jangan buat saya kesal untuk dahulukan Yang Berhormat Pontian. Ikutlah peraturan mesyuarat. Boleh tak? Nanti saya akan bagi, biar saya habis ini dulu. Kalau tidak, tak habis-habis. So, di sini kita lihat aset ini. Ini aset kita kena ingat, yang dia beli Tanah Air Hitam, itu yang dia beli. Bukan asalnya daripada kerajaan. Yang asalnya daripada kerajaan ialah tanah TRX dan Bandar Malaysia. Mengapa bagi kepada 1MDB dengan harga yang amat murah sekali? *Basement price*. Sekiranya dijual dengan harga pasaran, jauh lebih besar. Ini tidak harus dikira sebagai aset kerana asalnya ialah aset kerajaan.

Right hand to left hand bukanlah sesuatu aset yang boleh diambil kira secara keseluruhannya. So, di sini kita boleh lihat aset-aset yang dibeli ialah *energy* lah, IPP dan sebagainya, semua jual dengan kerugian dan kalau kita lihat TRX, TRX City, Bandar Malaysia, ini saya rasa kalau kita sebut, panjang. Panjang ceritanya tetapi secara rumusan, secara kesimpulan ialah bahawa aset ini sepatutnya boleh mendatangkan pulangan yang jauh lebih tinggi sekiranya kita mengikut nilai dan juga pengurusan pasaran dan profesional, bukanlah secara *round-tripping* yang berlaku dalam 1MDB.

Bila Yang Berhormat sebut ada RM42 bilion punya aset, RM31 bilion punya *liability* takkan sampai hari ini masih percaya fitnah-fitnah ini? Laporan PAC dia pun boleh ubah, penyata kewangan tak payah cakap lagi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Itu disebut oleh CEO 1MDB yang dulu, Yang Berhormat. Saya pun tak tahu apa. CEO...

Tuan Lim Guan Eng: Ya. CEO 1MDB, Arul Kanda pun boleh percaya tak? Itu yang jadi masalah.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Dia jadi CEO, kita percayalah kepada dia.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: [Bangun]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Bangun]

Tuan Pengerusi: Beri kesempatan kepada Menteri untuk menjawab. Kalau tidak, bangun mencelah dan duduk...

Tuan Lim Guan Eng: Ya. Biar saya jawab, nanti saya akan bagi jalan kepada Yang Berhormat Pontian.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Rompin.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, nanti. Duduk dulu. Yang Berhormat daripada Rompin tak ada ucap. Duduk.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *You* tak ada kuasa untuk arah saya duduk ya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Rompin, sila duduk. Biarkan Menteri habis menjawab.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *You* tak ada kuasa untuk arah saya duduk.

Tuan Pengerusi: Kalau tak dibenarkan mencelah, sila duduk.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Ha! Tuan Pengerusi boleh arah saya.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: *No, you* tak ada kuasa.

Tuan Lim Guan Eng: Duduk, duduk.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tuan Pengerusi sahaja boleh arah saya duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Saya minta Yang Berhormat Rompin duduk, saya tak bagi jalan.

Tuan Pengerusi: Bila saya suruh Yang Berhormat Rompin duduk, sila duduk.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Baca Peraturan Mesyuarat 37.

Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin]: Tak, Tuan Pengerusi sahaja yang boleh arahkan, bukan Menteri. Tuan Pengerusi sahaja.

Dato' Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kapar]: Baca Peraturan 37, tidak membenarkan pencilan!

Tuan Pengerusi: Saya dah arahkan. Sila duduk. Sila duduk, sila duduk. Ya, Yang Berhormat Kapar?

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini, isu utama ialah adakah kita boleh percaya semua kenyataan yang dikeluarkan CEO 1MDB dan juga laporan-laporan yang telah dikeluarkan? Kesimpulannya, tidak boleh. Semuanya telah diubah. Ubah suai supaya mengikut kehendak Yang Berhormat Pekan. Kalau kita lihat apa yang telah diumumkan kepada kami di Kabinet, ada beberapa perkara yang jauh lebih teruk. Jauh lebih teruk sampai melibatkan pemimpin-pemimpin utama negara kita.

Saya tak mahu sebutlah di sini, biar ia disiasat oleh pihak polis. Sampai tahap penipuan yang boleh dilakukan oleh Yang Berhormat Pekan amat mengejutkan untuk beliau. Tak ada siapa yang dia tak berani tipu. Dia boleh tipu sesiapa pun.

■1540

Jangan ingat hanya peringkat pemimpin parti politik sahaja, lebih tinggi daripada itu beliau pun buat demikian. Ini sesuatu yang amat mengejutkan yang kita rasa amat kesal macam mana Perdana Menteri negara kita boleh sampai tahap itu. Biar ia disiasat dan diumumkan oleh pihak polis. Masa itu Yang Berhormat Pontian sendiri akan rasa terkejut tentang pendedahan yang dikeluarkan. Saya tidak mahu sebut lebih lanjut tentang pendedahan yang dibuat oleh Tan Sri Ketua Audit Negara tetapi memadailah, cukuplah untuk semua rakyat Malaysia tahu bahawa memang ini adalah satu penipuan oleh kerajaan lama yang saya percaya tidak diketahui oleh Ahli-ahli Kabinet. Yang Berhormat Rembau pun akui dia tidak tahu langsung kecuali mungkin Yang Berhormat Pontian lebih tahulah. Sila.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya ingin bertanya kenyataan, sekali lagi saya merujuk kepada CEO 1MDB yang dahulu, Arul Kanda. Saya tidak ada sebab untuk tidak mempercayai beliau, Yang Berhormat ya, sebab pada saya dia seorang yang profesional dan dia menyatakan itu di khalayak ramai. Bukan sekali dia menyatakan di khalayak ramai. Dia menyatakan berulang-ulang kali di khalayak ramai bahawa aset 1MDB pada saat dan ketika dia menyebut antaranya pada 19 Mac 2018, aset 1MDB sebanyak RM42 bilion dan hutang sebanyak RM31 bilion. Saya mengambil dengan suci hati kenyataan beliau itu.

Jadi kalau Yang Berhormat kata dia berbohong, itu Yang Berhormat katalah tetapi saya pun tidak percaya seratus peratus kepada apa Yang Berhormat cakap. Sejak bila pula saya percaya Yang Berhormat seratus peratus ya? Saya boleh percaya kepada Arul Kanda peratusan yang tertentu, saya juga boleh percaya kepada Yang Berhormat peratusan yang tertentu tetapi Yang Berhormat tidak boleh memaksa saya untuk percaya kepada Yang Berhormat seratus peratus. Bukan begitu ya, Yang Berhormat Rompin?

Tuan Lim Guan Eng: Ya terima kasih. Seperti yang saya sebut tadi, saya kagumlah bahawa Yang Berhormat Pontian masih percaya kepada Yang Berhormat Pekan, masih percaya kepada Arul Kanda. Itu adalah pilihan Yang Berhormat Pontian untuk duduk dalam keadaan penafian, *denial syndrome*. Itu pilihan Yang Berhormat Pontian. Yang Berhormat boleh cakap Yang Berhormat lebih percaya Arul Kanda daripada saya, itu pun pilihan Yang Berhormat Pontian, tetapi ingat, saya tidak tipu negara satu sen pun. [*Tepuk*] Bukan macam Arul Kanda dan mereka yang terlibat dalam 1MDB merompak wang negara. Saya cakap ini secara terus terang, bukan sahaja merompak wang negara— telah diakui.

Tengok, kalau kita sebut akauntan profesional, profesional pun boleh tipu. Akauntan Deloitte— apa nama dia saya pun tidak tahu— sekarang dirujuk oleh MIA untuk diambil tindakan disiplin. Tim Leissner juga profesional, lagi atas lagi daripada Arul Kanda. Goldman Sachs mengaku salah, akan masuk penjara. Goldman Sachs punya CEO.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat, siapa yang salah...

Tuan Lim Guan Eng: Biar saya habis dulu. Saya tidak bagi jalan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Siapa yang bersalah, biar dihukum, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak bagi jalan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya tidak ingin melindungi sesiapa yang bersalah.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tidak bagi jalan.

Tuan Pengerusi: Sila duduk, sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: CEO Goldman Sachs sendiri akui bahawa ini salah. Bekas CEO dia sendiri jumpa Jho Low dua kali. Kalau tidak percaya lagi, bacalah *Billion Dollar Whale* di mana dinyatakan satu persatu penipuan yang dilakukan sehingga Malaysia digelar sebagai *global kleptocracy*. Kalau sampai ke tahap itu Yang Berhormat masih tak percaya, apakah kenyataan, apakah hakikat bukan datang daripada kerajaan baharu tetapi datang daripada *Department of Justice* (DOJ) Amerika Syarikat, datang daripada pengakuan mereka bersalah daripada Tim Leissner Goldman Sachs di mana Goldman Sachs sekarang difahamkan telah buat *provision*, kalau tidak silap USD1.2 atau USD1.5 bilion, kerana terpalit dengan skandal 1MDB buat *provision*. Itulah hakikat yang kena diterima oleh Yang Berhormat daripada Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya akan menerima hakikat itu apabila mahkamah Malaysia memutuskan. Selepas Mahkamah Tinggi, akan diputuskan oleh Mahkamah Rayuan, kalau dirayu, selepas itu Mahkamah Persekutuan. Selepas selesai itu, baru saya percaya kepada Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Ya, Tim Leissner akui salah itu tidak percayalah? Daripada Goldman Sachs masih tidak percaya? Oleh kerana sikap inilah yang membolehkan 1MDB berlaku sehingga kita kerugian RM50,707 juta ekoran daripada skandal 1MDB. Sehingga hari ini, saya bukan sahaja kesal, saya kagum Yang Berhormat Pontian masih setia sama Yang Berhormat Pekan, setia sama 1MDB, setia sama Arul Kanda. Satu-satunya daripada Ahli Parlimen di sini, tidak ada satu macam Yang Berhormat Pontian. Itu saya kena ucapkan syabas kepada Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Saya tak mahu— terima kasihlah lagi ya. *[Ketawa]* Okey, tak apalah. Biar seperti yang saya sebut tadi, biar si luncai dengan labu-labunya. *[Dewan ketawa]*

Okey, saya hendak rujuk kepada perkara lain. Kepada Yang Berhormat Parit Sulong yang baru masuk untuk dengar jawapan beliau berkaitan dengan FTA. FTA dirundingkan di peringkat dua hala dan serantau adalah sebanyak 17. Sebanyak 13 telah ditandatangani dan empat masih dalam rundingan. Yang telah ditandatangani adalah di antara Malaysia dengan Jepun, Pakistan, New Zealand, India, Chile, Australia dan Turki. Ini secara satu persatu. Peringkat serantau iaitu *regional* ialah *Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership* (CPTPP) dan juga ASEAN–China, ASEAN–Korea, ASEAN–Jepun, ASEAN–India, ASEAN–Australia, New Zealand. Ini semua ditandatangani di bawah kerajaan lama.

Tentang peruntukan bahagian cukai— ini tentang GST— peruntukan bahagian cukai sebanyak RM1.914 bilion adalah merangkumi perbelanjaan operasi bahagian cukai dan pembayaran fi agensi LHDN yang dianggarkan sebanyak RM1.9 bilion pada tahun 2019. Untuk Kastam Diraja ialah sebanyak RM500 ribu adalah diperuntukkan untuk pembelian peluru bagi penggunaan Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja, manakala baki adalah untuk menampung pembelian aset bernilai rendah di mana sebelum ini pembelian adalah di bawah perkhidmatan dan bekalan selaras dengan arahan di dalam surat pekeliling Akauntan Negara Malaysia. Ini untuk Yang Berhormat Pendang.

Begitu juga tentang GST lagi. Selalu masih dipertikaikan tentang GST. Ini telah pun disahkan bukan sahaja oleh Jabatan Kastam Diraja tetapi juga oleh Jabatan Akauntan Negara. Saya pun tidak faham mengapa, apabila hakikatnya ialah tunggakan ini ataupun kegagalan untuk membuat bayaran balik ini berlaku sebelum 31 Mei 2018 iaitu sebelum GST disifarkan atau *zero-rated*. Tidak ada kaitan dengan GST dimansuhkan ataupun disifarkan tetapi masih dipertikaikan bila hakikatnya ialah bahawa kita perlukan satu dana untuk membuat *refund* ini. Ini telah pun disahkan oleh bukan sahaja Ketua Audit Negara tetapi juga oleh Jabatan Akauntan Negara tanpa campur tangan daripada pihak kerajaan baharu kerana ini semua angka tidak boleh tipu punya. Jadi saya harap bahawa perkara ini janganlah dipanjangkan.

Tentulah ada pihak yang tanya tentang perlunya kita membuat pembayaran. Saya hendak berikan jaminan bahawa pihak Kastam Diraja Malaysia dan juga pihak Kementerian Kewangan akan pastikan audit yang sewajarnya dijalankan supaya kita membuat pembayaran kepada mereka yang benar-benar tidak dapat *refund*. Kita kena ingat bahawa daripada jumlah yang tidak terima *refund* dari segi bilangannya, kebanyakannya adalah kurang daripada RM100,000. Yang lebih RM100,000 sungguhpun jumlahnya besar sampai ada yang ratusan juta pun ada, tetapi dari segi bilangannya tidak begitu besar berbanding dengan jumlah perniagaan yang dihutang kurang daripada RM100,000.

■1550

Tentu kita ada satu rakan di sini yang juga tunggu bayaran balik GST...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ya, Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Sekejap-sekejap. Dengan tidak sabar-sabar, tetapi saya telah maklumkan kepada rakan Yang Berhormat kita, yang sini bahawa tahun hadapan pembayaran akan dibuat. Beliau mungkin boleh adakan kendurilah selepas pembayaran dibuat, sila.

Tuan Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pontian.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Apa yang saya timbulkan Tuan Pengerusi dan juga ditimbulkan oleh Yang Berhormat Jasin iaitu ada kes-kes penipuan yang dibuat oleh syarikat-syarikat dan dibawa kes itu ke mahkamah. Akibat daripada dua hingga tiga kes yang melibatkan banyak jutaan ringgit penipuan *claim* GST ini, maka kastam amat berhati-hati untuk meluluskan *claim* GST. Ini di antara sebab apa yang disebut itu berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat Menteri tentang perkara itu? Saya tanya berapa banyak kes penipuan yang dibawa ke mahkamah dan berapa nilainya? Adakah benar akibat daripada itu maka kastam amat berhati-hati untuk meluluskan?

Tuan Lim Guan Eng: Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Pontian itu benar. Ia berlaku di bawah kerajaan lama, saya ada maklumat di sini tetapi saya kena cari. Nanti saya akan tolong bagi. Tentu kerana pengalaman pembayaran ke atas mereka yang tidak harus semua ini berlaku di bawah kerajaan lama, kerajaan baharu akan berhati-hati. Kita telah menggaji ataupun melantik syarikat perakaunan di luar untuk membantu pihak kastam menguruskan atau menjalankan kerja pembayaran supaya ia dibayar kepada mereka yang layak menerimanya. So, apa yang berlaku semasa kerajaan lama ini, kita harap kita dapat hindarkan. Saya ucapkan terima kasih atas peringatan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Akan tetapi janganlah kerana ada kes-kes seperti ini, yang layak menerimanya tidak dibayar balik, itu tidak patut. Saya rasa dari segi prinsip dan etika, dari segi perundangan pun, wang yang bukan dimiliki oleh kerajaan harus dipulangkan kepada pembayar cukai. Saya rasa rakan kita di sebelah sana pun akan setuju dengan saya, betul tidak, baik? Silakan, eh! Yang Berhormat Jasin lagi? Sila.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kerajaan baharu...

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pasir Puteh silakan. Yang Berhormat Pasir Puteh silakan. Yang Berhormat Pasir Puteh atau Yang Berhormat Jasin?

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Jasin.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jasin. Silakan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: ...Yang sentiasa mahu mengamalkan sifat ketelusan. Apa yang saya ingin ingatkan tadi, kalau boleh direkodkan apa juga tuntutan daripada GST ataupun Lembaga Hasil Dalam Negeri adalah tuntutan yang sah. Tuntutan bukan secara *blanket*, maknanya apabila kita telah luluskan, semua bayar, bahkan setelah kita audit, setelah kita sahkan oleh jabatan-jabatan yang telah dipertanggungjawabkan. Kita tidak mahu ada penipuan berlaku. Ini kerana saya boleh tunjuk penipuan sehingga mereka telah dibawa ke mahkamah pada ketika ini. Sebab itu kita mengingatkan pada kerajaan janganlah hendaknya tuntutan ini dibuat secara sewenang-wenangnya bahkan setelah disahkan oleh pihak-pihak yang berwajib. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih kepada Yang Berhormat Jasin atas peringatan itu. Pihak kerajaan baharu tentu akan pastikan bahawa wang yang dikembalikan adalah dibuat secara teratur dan betul. Akan tetapi janganlah kita hanya berikan tumpuan ke atas jumlah kecil yang dibayar balik, sedangkan kita tidak ambil berat tentang berbilion-bilion ringgit yang telah pun diambil daripada kerajaan. Saya rasa itulah yang harus kita berikan perhatian. *Don't be penny wise, pound foolish* dengan izin.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: [Bangun]

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Pasir Puteh tidak berucap pun.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Sedikit.

Tuan Lim Guan Eng: Kalau hendak bincang, nanti kita bincang dekat luar. Yang Berhormat pun tadi tidak berucap, tidak boleh.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Bukan, saya minta laluan sedikit.

Tuan Pengerusi: Tidak diberikan laluan.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak boleh kerana tidak berbahas, bukan tidak mahu bagi, tetapi tidak berucap.

Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh]: Soalan sahaja, soalan sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Itu adalah prinsip, tidak boleh. Tidak berucap tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Akan tetapi kita boleh berbincang di luar. Yang Berhormat pun sudah dapat apa Yang Berhormat hendak. Okey, di sini saya juga hendak rujuk— yang satu lagi ialah mungkin ada kekeliruan. Apabila kita sebut tentang bayaran balik, bukan sahaja GST, tetapi juga dengan *tax*. So, itu adalah sebabnya, ia sampai RM35 bilion menjelang 31 Mei. Akan tetapi untuk tahun depan dianggarkan sebanyak RM37 bilion sama dengan *income tax* dan ia mampu diselesaikan atau dijelaskan oleh pihak kerajaan untuk tahun hadapan.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Menteri, saya bertanya tadi berhubung dengan ini ialah soal dividen khas daripada Petronas berjumlah RM30 bilion. Apa yang saya tanya ialah berapa *reserve* Petronas sekarang ini dan berapa banyak daripada RM30 bilion itu digunakan? Tinggal berapa lagi baki yang ada pada Petronas? Dan adakah dia mengganggu segala urusan Petronas untuk menguruskan pelaburan mencari gali minyak dan gas di tempat-tempat lain? Ini kerana jawapan dalam Dewan Rakyat ini menyebut, segala harta kita minyak dan gas di Malaysia ini akan habis dalam masa 10 tahun. Berapakah sebenarnya dividen yang diberikan oleh Petronas untuk Bajet 2019, selain daripada dividen paksa RM30 bilion itu?

Tuan Lim Guan Eng: Ya, itulah yang telah pun diumumkan oleh Petronas bahawa tidak akan menjejaskan pelaburan ataupun *capex* yang mereka jalankan masa kini ataupun masa hadapan. Ini telah berulang kali ditegaskan oleh Petronas dan itulah sebabnya, untuk banyak *rating agencies* mereka masih kekal, kecuali satu sahaja, tetapi ini *outlook* sahaja yang bertukar bukan *downgrade* tetapi hanya *outlook*. Itu rating masih kekal, tidak ubah langsung sama sekali. So, di sini saya rasa dari segi prestasi ataupun kedudukan kewangan

Petronas kita tidak harus bimbang, ia masih kukuh, masih teguh dan masih boleh berdaya tahan.

Tentulah untuk maklumat yang lebih lanjut kerana Petronas bukanlah di bawah Kementerian Kewangan, tetapi di bawah Jabatan Perdana Menteri sendiri dan mungkin ini boleh ditujukan kepada kementerian yang betul.

Sama juga untuk Yang Berhormat Rembau apabila bertanya tentang Khazanah. Khazanah bukan di bawah MOF, Khazanah di bawah Jabatan Perdana Menteri. So, di sini sungguhpun MOF adalah pemilik saham dan tentu kita boleh berikan pandangan dan sebagainya sebagai memberi saham tetapi dari segi bidang kuasa, dari segi pentadbiran, lebih elok ini ditujukan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Cuma berdasarkan kepada Akta Kementerian Kewangan Diperbadankan, biasanya seperti mana Yang Berhormat Menteri tahu, amalan biasa adalah wakil daripada Kementerian Kewangan sendiri yang duduk di dalam syarikat yang di mana dimiliki penuh ataupun hampir penuh oleh MOF (Inc).

Jadi mungkin cadangan saya nanti saya akan usulkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat Menteri dilantik dalam lembaga pengarah untuk *governance*. Oleh sebab ini penting, sebab ia datang dari MOF dan masih lagi dimiliki oleh MOF walaupun tanggungjawab dia dipindah kepada Jabatan Perdana Menteri. Akan tetapi dari segi pemilikannya dan dalam korporat pun Yang Berhormat tahu, pemilik mesti ada representasi dalam lembaga pengarah. Akan tetapi tidak mengapa, saya faham Yang Berhormat Menteri tidak boleh jawab lebih lanjut tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng: Baik, terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Lagi tentang semua koridor, Yang Berhormat Pasir Gudang. Dari awal penubuhannya Iskandar Malaysia telah mencatatkan RM273 bilion dan daripada jumlah pelaburan domestik adalah sebanyak RM165 bilion dan pelaburan asing RM108 bilion.

Di sini kita boleh lihat bahawa memang Iskandar memainkan peranan yang penting dan hampir keseluruhan daripada projek Kerajaan Persekutuan yang diterima oleh Iskandar Malaysia ditenderkan kepada kontraktor tempatan terutamanya dari negeri Johor. Saya percaya bahawa ini akan juga diteruskan lagi. Saya pun tidak boleh cakap lebih panjang tentang itu koridor, kerana sungguhpun mungkin ada cadangan, tetapi saya bukan ahli lembaga pengarah. So, mungkin saya kena dapat jawapan daripada koridor tersebut. Ini kerana penyelarasan mungkin akan dibuat pada tahun hadapan. Apabila saya dilantik sebagai ahli lembaga pengarah, itu mengikut *statute* lah.

■1600

So, di situ ada apa-apa soalan, saya akan berikan menerusi jawapan bertulis. Akan tetapi saya difahamkan bahawa dari segi kontrak dan kontraktor, sekiranya dijalankan secara tender terbuka, ia akan berlandaskan kaedah yang sama. So, yang penting ialah kita mahu sesuatu platform yang berdaya saing. Sekiranya kontraktor bumiputera, di kalangan kontraktor bumiputera mesti ada tender terbuka. Tidak boleh ada bergantung kepada kabel politik seperti dahulu ataupun kena tunggu mendapatkan tandatangan ketua bahagian, itu tidak dibenarkan lagi.

So, dari segi koridor ini, saya harap bahawa semua yang telah disebutkan, yang telah dibangkitkan ini, kita akan cuba jawab. Akan tetapi kerana ia masih belum dalam bidang kuasa saya, saya masih belum ahli lembaga pengarah, saya hanya boleh berikan jawapan secara bertulis. So, saya harap Yang Berhormat boleh sabar sedikit. Kita akan cuba tunaikan harapan Yang Berhormat ini, tentang semua koridor, bukan sahaja dekat Iskandar tetapi juga kelima-lima koridor yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Selain itu pun ada dua soalan tentang bajet untuk Sabah dan Perak. Saya hendak sebutkan di sini tentang negeri Sabah, peruntukan telah pun dinaikkan spesifik untuk negeri Sabah daripada jumlah sebanyak RM4,113 juta kepada RM5,009 juta iaitu peningkatan daripada 14.8 peratus di bawah Belanjawan 2018, meningkat kepada 15.8 peratus iaitu peningkatan sebanyak satu peratus atau hampir RM1 bilion.

Ini menunjukkan bahawa sememangnya pihak kerajaan baharu Pakatan Harapan memang sayang dengan negeri Sabah.

[Tepuk]

Untuk negeri Perak, mungkin saya boleh cakap pun saya juga...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri? Yang Berhormat Menteri? Bolehkah saya bertanya?

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya habis di sini dulu.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Mencilah? Mencilah mengenai Sabah tetapi sebelum Perak.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti saya akan bagi. Nanti. Untuk– tetapi Yang Berhormat Beaufort tidak berucap, kan?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Mencilah.

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf. Untuk negeri Perak, tadi ada ditanya oleh beberapa Ahli Parlimen daripada Perak iaitu daripada RM1,539 juta dinaikkan kepada RM2,576 juta. Satu kenaikan yang juga hampir mencecah RM1 bilion. Daripada 5.5 peratus di bawah Belanjawan 2018 kepada 8.1 peratus pun sayang kepada negeri Perak. *[Tepuk]*

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri? Boleh tidak mencilah?

Tuan Lim Guan Eng: Saya, minta maaf...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Tidak payah berucap, saya mencilah juga kan?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Saya kena ikut peraturan kerana Yang Berhormat Beaufort tidak berucap, maka tidak boleh. Yang Berhormat Arau, silakan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Adakah? Ada peraturan kah macam itu?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, ya...

Tuan Lim Guan Eng: Yang Berhormat Arau sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Oleh sebab saya tengok masa telah habis, boleh tidak Yang Berhormat Menteri jawab secara bertulis? Oleh sebab saya timbulkan banyak benda.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan cuba.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey, baik.

Tuan Lim Guan Eng: Bolehkah berikan sedikit masa Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Boleh.

Tuan Lim Guan Eng: Ini kerana ada banyak perkara saya sampai 20 peratus sahaja. Untuk PETRONAS, setakat 30 Jun 2018, *cash reserve* masih mencukupi. Seperti yang saya sebutkan, ini adalah untuk makluman Yang Berhormat Rembau dan RM30 bilion memang bukanlah masalah besar. Yang Berhormat Rembau pun– Bukan sama, okey tidak apa. Berlainan sedikit. Okey, di sini janganlah bimbang bahawa *reserve* Petronas terjejas tidak memberikan kesan langsung. Seperti yang telah disebutkan sebelum ini...

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Ada kaitan Yang Berhormat Menteri...

Tuan Lim Guan Eng: Di sini– Bolehkah saya habiskan yang ini?

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin]: Okey.

Tuan Lim Guan Eng: Sebagai kesimpulan, saya tidak boleh jawab semua soalan penting yang telah pun ditujukan kepada pihak kementerian. Untuk wang tidak dituntut— Ini satu isu yang telah dibangkitkan berkali-kali oleh beberapa Ahli Yang Berhormat. Wang yang tidak dituntut yang diserahkan oleh entiti-entiti akan dipindahkan ke dalam akaun hasil disatukan selepas 15 tahun. Walau bagaimanapun, pemunya yang sah masih boleh mengemukakan tuntutan bayaran balik pada bila-bila masa dengan memberikan maklumat berkaitan. Proses tuntutan boleh dibuat oleh pemunya dengan hanya mengemukakan:

- (i) borang permohonan tuntutan;
- (ii) salinan kad pengenalan;
- (iii) dokumen asal WTD atau surat pengesahan; dan
- (iv) permohonan juga boleh dibuat oleh waris pemunya dengan mengemukakan Surat Kuasa Mentadbir Harta Pusaka sebagai dokumen tambahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2018, jumlah wang tidak dituntut yang telah diserahkan oleh entiti-entiti adalah sebanyak RM9.974 bilion. Daripada jumlah ini, RM1.875 bilion telah dibayar balik, RM1.6 bilion telah dikredit ke Hasil kerana tidak dituntut dalam tempoh 15 tahun menjadikan jumlah semasa dalam Akaun Amanah Wang Tidak Dituntut adalah sebanyak RM6.495 bilion. Okey.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya untuk wang yang tidak dituntut. Apakah boleh pihak bahagian tersebut menghantar makluman? Oleh sebab sekarang ini kita tengok, terdapat orang-orang tertentu yang akan maklumkan kepada kita. Saya sendiri pernah mereka buat demikian dengan syarat saya kena bayar sedikit bayaran perkhidmatan.

Akan tetapi saya ingat tidak perlu pakai orang luar, bahagian tersebut sendiri yang menghantar notis memaklumkan bahawa terdapat wang yang tidak dituntut di atas nama individu berkenaan. Ini kita tidak mendapat makluman. Akan tetapi ada orang-orang tertentu yang bergerak memberitahu pada kita bahawa wang yang tidak dituntut ialah sebanyak sekian sekian, individu diminta bagi kepada mereka bayaran perkhidmatan untuk mereka akan uruskan bayaran tersebut.

Akan tetapi saya minta bahagian tersebut sendiri yang menghantar notis kepada individu yang ada duit yang tidak dituntut.

Tuan Lim Guan Eng: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Arau. Memang saya dimaklumkan bahawa notis diberikan. Akan tetapi saya tidak tahu sama ada masalah alamat atau alamat yang salah ataupun sebab-sebab lain.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Lim Guan Eng: Akan tetapi saya juga difahamkan bahawa mereka cuba mencari alamat mereka mengikut alamat yang didaftarkan dari Jabatan Pendaftaran. Akan tetapi semua usaha ini tidak berhasil. Itulah sebabnya terpaksa kita ikut peraturan undang-undang. So, di sini saya bagi pihak kementerian masih meminta mereka yang ada akaun-akaun seperti ini untuk membuat tuntutan. Oleh kerana sekiranya tidak lebih 15 tahun, masih berpeluang untuk berbuat demikian.

Untuk Yang Berhormat Rembau, pihak kerajaan telah berhasrat untuk membina 30 buah padang bola sepak tiruan di seluruh Malaysia. Saya pun tidak faham mengapa Kementerian Kewangan diberikan tanggungjawab untuk membina 12 buah padang bola sepak tiruan, selebihnya oleh Kementerian Belia dan Sukan. 30 buah padang bola, MOF kena bina 12 buah padang bola. Selebihnya, Kementerian Belia dan Sukan. Sebanyak 11 daripada 12 projek telah disiapkan dan satu projek masih di dalam peringkat pelaksanaan.

So, oleh sebab ia di bawah Kementerian Kewangan, itulah sebab untuk habiskan kerja ini sahaja, tidak ada yang baharu lagi. Tidak ada yang baharu lagi oleh MOF. Ini hanyalah kerja-kerja penghujung sahaja. Itulah keadaannya. So, mungkin sekiranya siap, tahun depan kita tidak perlu lihat ada padang bola sepak tiruan. Itulah masalahnya apabila Kementerian Kewangan juga di jawat oleh Perdana Menteri, sehingga peranan pun bertindih-tindih. Yang Berhormat Tampin bertanyakan tentang projek pembinaan satu blok tambahan yang mengandungi asrama, dewan makan dan bilik kuliah di IPN. Tender keseluruhan— Ini

dekat Selangor ya. Tender keseluruhan adalah berjumlah RM51.75 juta di bawah agensi pelaksanaan iaitu Jabatan Kerja Raya Malaysia.

■1610

Tender baharu ditutup pada 9 November 2018 dan masih di peringkat penilaian. Projek dijangka bermula pada Januari 2019. Untuk tahun 2018, peruntukan pembangunan sebanyak RM800,000 digunakan untuk perunding. Untuk tahun 2019 dia naik secara mendadak kerana kerja pembangunan dijangka akan bermula pada Januari 2019. Anggaran *advance payment* adalah 10 peratus daripada kos keseluruhan projek.

Tentu ada beberapa perkara yang dibangkitkan tentang projek-projek seperti saya sebut dalam belanjawan. Untuk tahun ini sahaja keputusan dibuat untuk biarkan Kementerian memutuskan masing-masing, sama ada hendak projek itu berjalan ataupun tidak dengan syarat diskaun atau potongan 10 peratus mesti dibuat. Yang Berhormat Petra Jaya sebagai bekas Menteri Kerja Raya telah bangkit isu ini berulang kali, menyatakan adakah ini akan menjejaskan kualiti, mutu, spesifikasi dan skopnya.

Saya telah pun sebut sebelum ini bahawa pengurangan 10 peratus tidak boleh mengurangkan skop atau spesifikasi. Ia mestilah ikut skop dan spesifikasi asal. Akan tetapi pengurangan diskaun 10 peratus mestilah diberikan supaya ia tidak ditamatkan dan tender terbuka dijalankan. Dari segi perundangan ia telah dapat nasihat daripada Peguam Negara kerana projek ini dibuat secara rundingan terus ataupun tender terhad. Maka kerajaan boleh menggunakan satu fasal di bawah kepentingan negara untuk tamatkan projek ini.

Akan tetapi syaratnya ialah apabila tamatkan projek ini, projek ini mesti diberikan secara tender terbuka, tidak boleh secara rundingan terus ataupun tender terhad. So, itu sebabnya dari segi perundangan itulah kedudukan ataupun status yang dimaklumkan oleh pihak Peguam Negara. Dari segi skop dan spesifikasi tidak terjejas, melainkan tentang beberapa projek yang dirundingkan secara langsung oleh Kementerian Kewangan dengan kontraktor untuk projek besar macam LRT3 dan MRT2.

Ia ada melibatkan perubahan dari segi skop dan spesifikasi. Macam LRT3 kosnya dikurangkan sebanyak 47 peratus ataupun RM15 bilion dapat dijimatkan daripada RM31.5 bilion kepada RM16.5 bilion. Projek MRT2 di mana kita kurangkan dua stesen sahaja iaitu pengurangan dari segi skop dan spesifikasi sebanyak lima peratus. Akan tetapi dari segi pengurangan kos adalah 23 peratus iaitu penjimatan RM8.8 bilion hanya dengan mengurangkan skop lima peratus.

Akan tetapi ini perlukan rundingan secara langsung dan tentu mengambil masa yang amat panjang kerana perlu melalui banyak proses dan banyak mesyuarat. Oleh sebab kita tidak mahu memanjangkan banyak projek yang sedang berjalan. Itu sebab kita masyarakat skop dan spesifikasi tetapi kosnya dapat dikurangkan sebanyak 10 peratus akan membolehkan kerajaan menjimatkan RM1.9 bilion.

Saya yakin sekiranya kita mendalami isu ini mungkin kita boleh jimat lebih banyak jauh lebih besar daripada 10 peratus tetapi supaya kita tidak menyulitkan kontrak yang telah diluluskan itu sebab kerajaan tetapkan had pengurangan sekurang-kurangnya 10 peratus. Kalau tidak maka ia akan ditamatkan dan tender terbuka akan dipanggil. Ini ialah untuk secara am tetapi tentu ada beberapa projek istimewa di mana kita hendak lihat penjimatan yang lebih. Ini pun akan dinilai secara berasingan. So, itulah kedudukannya.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Izinkan saya Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sila.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Berhubung kait dengan apa yang dijawab tadi, sememangnya saya secara peribadi memang menyokong usaha untuk *open tender*. Apa yang diusahakan oleh kerajaan untuk penjimatan juga, satu langkah yang baik. Akan tetapi kita kena- sebab itu soalan saya tadi sama ada, ada tidak kajian ataupun konsultan yang dilantik untuk melihat perkara ini. Apakah impak dan implikasinya kepada negara akhirnya? Kepada kerajaan dan juga kepada projek itu sendiri?

Mungkin Yang Berhormat Menteri sebab kekangan masa, tidak dapat menjawab secara terperinci soalan-soalan yang saya kemukakan tadi. Senarai projek-projek yang telah diteruskan dengan diskaun. Ada tidak senarai projek yang telah ditamatkan? Kalau ditamatkan, apa pula kemungkinan pampasan yang perlu dibayar?

Walaupun dikatakan tadi sudah dirujuk kepada AG, tiada pampasan perlu dibayar ataupun boleh tamatkan untuk kepentingan nasional. Akan tetapi saya yakin bahawa ada perkara yang perlu dibayar dalam perundingan untuk penamatan secara *mutual*. Maknanya *ex gratia payment* perlu masih dibayar. Kalau tidak kontraktor akan menanggung kerugian disebabkan tanggungan mereka pada bank, tanggungan mereka kepada kontrak yang telah dilaksanakan sebanyak lima peratus misalnya. Ini perlu dilihat dan akhirnya sudah pasti ada kesannya kepada kerajaan dan saya hendak tahu berapa kesannya dari segi kewangan. Terima kasih .

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih daripada Yang Berhormat Petrajaya. Sekiranya pampasan adalah ganti rugi perlu dibuat, ia akan bergantung kepada kontrak yang telah ditandatangani. Tentulah bila ada buat kerja, pembayaran yang sewajarnya akan dibuat. So di sini saya rasa tidak ada masalah. Tentang senarai kontrak, kita masih tunggu. Sudah dapat saya rasa separuh tetapi ada lagi kita dapat senarai terakhir daripada kementerian masing-masing.

So, di sini apabila ada Yang Berhormat bertanya tentang projek-projek tertentu, saya harap untuk tahun ini sahaja. Tahun depan kita akan balik kepada sistem tender terbuka, ini akan diuruskan oleh Kementerian Kewangan. Akan tetapi untuk tahun ini tolong rujuk kepada kementerian berkenaan. Jangan cari sama Kementerian Kewangan kerana Kementerian Kewangan untuk tahun ini telah minta kementerian masing-masing buat keputusan sama ada hendak teruskan atau tidak. Kalau mereka tidak rasa ia tidak berbaloi, tidak mahu diteruskan itu terpulang kepada kementerian. Sekiranya hendak diteruskan, ia mesti memenuhi syarat potongan 10 peratus diskaun.

Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: Penjelasan. Jawapan Yang Berhormat Menteri, tahun ini diserahkan kepada kementerian masing-masing. Tahun depan *open tender* Kementerian Kewangan yang laksanakan. Bukankah akan dilaksanakan oleh kementerian agensi pelaksana untuk tender terbuka ataupun adakah Kementerian Kewangan akan laksanakan?

Tuan Lim Guan Eng: Kita akan pastikan ia mengikut kaedah tender terbuka. Selepas itu apabila kontraktor dipilih, maka ia akan dipantau dan diuruskan oleh kementerian masing-masing. Akan tetapi dari segi kaedah, tentu itu adalah diperuntukkan di bawah undang-undang. Kementerian Kewangan akan memastikan bahawa tender terbuka dipatuhi.

Saya hendak merujuk kepada Tabung Bencana yang di bawah oleh Yang Berhormat Arau. Memang saya, tentu prihatin juga tentang bencana. Ini kerana apabila bencana berlaku kita perlu bantuan segera. Peruntukan sebanyak RM100 juta pada tahun 2019 adalah mencukupi untuk pembayaran bantuan am di bawah— minta maaf. Bukan.

Untuk bantuan bencana. Minta maaf. Yang tinggal di bawah Tabung Bantuan Bencana Negara, peruntukan yang tinggal adalah seperti berikut;

- (i) RM268.4 juta yang telah mendapat kelulusan komitmen bayaran pukat;
- (ii) RM106.98 juta baki yang tinggal yang tidak mempunyai sebarang komitmen.

So, di sini saya rasa ia masih mencukupi. Dan sekiranya tidak mencukupi, takkan kita tidak mahu bagi. So, itu tidak menjadi masalah. Akan tetapi sekiranya kita hanya biar jumlah ini tambah, saya rasa itu bukanlah sistem perakaunan yang bijak. Oleh sebab itu, kita buat masa ini hanya hadkan RM50 juta. Akan tetapi kalau perlu tentu pihak kerajaan akan tambah. So, terima kasih kepada Yang Berhormat Arau.

Tentang peruntukan sebanyak RM100 juta pada tahun 2019 untuk pembayaran bantuan am persekolahan di bawah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin.

■1620

Ini mencukupi berdasarkan prestasi dua tahun iaitu pada tahun 2017 dan tahun 2018, pembayaran tidak melebihi RM100 juta pun. So, kerajaan komited untuk memberikan bantuan kepada kumpulan sasaran yang benar-benar memerlukannya.

Tentang pemberian penyelenggaraan jalan raya kepada Wilayah Persekutuan, kenapa pada tahun 2018 tiada peruntukan dan tahun 2019 sebanyak RM36 juta daripada Yang Berhormat Bukit Bendera. Tahun 2018, peruntukan RM36 juta diletakkan di bawah Kementerian Wilayah. Tahun 2019 dimasukkan semula di bawah MOF kerana asalnya di

bawah Kementerian Kewangan. Tentunya untuk cerun bukit, saya rasa inilah satu dana yang penting dan saya yakin bahawa pihak Kementerian Kerja Raya akan pastikan ia digunakan untuk cerun-cerun yang cemas. Saya rasa Yang Berhormat daripada Bukit Bendera boleh panjangkan perkara ini kepada Yang Berhormat Menteri Kerja Raya. Sekiranya perlu, saya pun boleh berbincang dengan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan.

Peruntukan untuk NSU tidak lagi disediakan di bawah B.11. Bahagian NSU masih wujud dan perbelanjaan operasi ini seperti emolumen, pengendalian UTC dan MIROS, projek-projek merentasi kementerian disediakan di bawah B.10. So, harap rujuk kepada B.10.

Saya rasa Yang Berhormat Parit Sulong bertanya tentang ATSB iaitu Syarikat Astronautic Technology (M) Sdn Bhd. Jawapan di sini ialah bahawa pada 25 Oktober 2018, kerajaan tidak akan menutup lapan buah syarikat milik kerajaan walaupun mencatatkan kerugian selama lima tahun iaitu ATSB, Halal Industry Development Corporation Sdn Bhd, IWK, Inno Bio Ventures Sdn Bhd, Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd, Prasarana Malaysia Berhad, MIMOS dan SPNB. Ia adalah di antara lapan buah syarikat yang semua pun rugi lima tahun berturut-turut. Buat masa ini tidak bercadang untuk tutup sama dia. So, di sini saya rasa telah dapat jawapan kepada Yang Berhormat Parit Sulong.

Untuk makluman, ini yang baru saya terima...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti. Saya habis ini sekejap.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Okey.

Tuan Lim Guan Eng: Sebanyak RM1.5 bilion telah diluluskan untuk pelaksanaan projek-projek koridor pembangunan tahun 2019. Di antaranya ialah Iskandar berjumlah RM277 juta; NCIa iaitu wilayah utara berjumlah RM145.5 juta; ECERDC, *eastern corridor*, RM522 juta; SEDIA berjumlah RM193.4 juta; dan RECODA berjumlah RM358.5 juta. Sila.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya, Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Pertama fasal koridor tadi. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah projek Lembah Chuping yang telah diluluskan itu ditangguhkan, digantung ataupun apa statusnya? Tadi saya sebut kepada Yang Berhormat, Yang Berhormat minta kalau—saya tahu ini adalah jawapan standard dan ini ialah memang telah pun termaktub kenyataannya. Akan tetapi saya minta pemikiran, budi bicara Yang Berhormat, bagaimana dalam koridor itu kita majukan kawasan yang belum maju? Contohnya Perlis adalah juga di kawasan sempadan tetapi tidak maju. Kita takut nanti kalau kita tidak buat seperti yang buat di Iskandar supaya Iskandar boleh bertanding dengan *Singapore*, kita minta juga Malaysia bertanding dengan Thailand pada masa akan datang.

Keduanya, Yang Berhormat sebut tentang syarikat yang rugi tidak akan ditutup ataupun ditarik balik saham. Jadi saya ucap terima kasih, tahniah. Kalau boleh, yang ini diteruskan. Kalau Yang Berhormat hendak buat apa pun, buat masa ekonomi kita bagus. Akan tetapi, masa ekonomi tidak bagus, saya ingat Kementerian Kewangan harus pertahankan saham-saham yang ada dalam syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan.

Tuan Lim Guan Eng: Ini kita buat masa kinilah. Sekiranya kita masih ada keadaan ataupun kedudukan kewangan masih cukup, saya rasa Yang Berhormat Arau pun faham. Sekiranya kerajaan tidak ada wang, apa kita boleh buat? Akan tetapi kita masih boleh bertahan lagi. Mungkin Yang Berhormat boleh berdoa bahawa kita boleh terus bertahan.

Untuk Koridor Utara, Perlis, di antara projek yang diperuntukkan adalah projek Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu Negeri Perlis sejumlah RM5 juta, kemudahan infrastruktur di bawah kawasan pembangunan Lembah Chuping sejumlah RM51 juta, kemudahan infrastruktur *Perlis Inland Port* di kawasan pembangunan Lembah Chuping sejumlah RM3 juta. Itulah yang dicadangkan, tetapi tentu saya tidak tahu apa kemajuan kerana saya masih belum mengambil alih sepenuhnya. Akan tetapi, saya akan semak untuk maklumat Yang Berhormat kemudian. So, harap boleh beri sedikit masa sehingga saya dilantik menjadi ahli lembaga pengarah.

Cadangan daripada Yang Berhormat Arau juga supaya elaun diberi kepada JUSA dan bukan beri kenderaan. Yang Berhormat Kota Bharu tidak ada. MOF sedang dalam proses mendapatkan pertimbangan Jemaah Menteri mengenai pemberian elaun kenderaan sebagai alternatif kepada pemberian kereta rasmi kerajaan.

Terakhir daripada Yang Berhormat Kota Bharu. Sungguh pun tidak ada di sini tetapi tidak apalah, bagi peluang, saya akan jawab. Adalah tidak benar bahawa bayaran pencen kepada isteri suami pesara akan ditamatkan selepas tempoh 12 tahun kematian pesara tersebut. Ini berkaitan dengan Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah pun pencen. Mereka akan terus menerima pencen terbitan tersebut seumur hidup. Memang kerajaan tidak akan menyusahkan ataupun diskriminasi terhadap bekas-bekas Ahli Parlimen kita.

Untuk Sabah, Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Pengagihan peruntukan kepada negeri-negeri dibuat berdasarkan bilangan murid miskin yang layak. Negeri Sabah adalah negeri tertinggi yang menerima peruntukan di bawah KWAPM. Peruntukan sebenar mengikut negeri hanya boleh diperoleh setelah murid Darjah 1 dan Tingkatan 1 mendaftar di sekolah mulai 1 Januari 2019. Untuk tahun 2018, bilangan penerima...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: ...Murid miskin KWAPM di Sabah adalah seramai 185,834 orang dan...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: *On behalf* Yang Berhormat Kota Bharu.

Tuan Lim Guan Eng: ...Nilai sebanyak RM19.5 juta...

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sikit sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Akan tetapi Yang Berhormat tidak berucap, kan?

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Tidak, ada kaitan dengan yang disebutkan...

Tuan Lim Guan Eng: Tidak boleh. Kerana tidak berucap, tidak boleh.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Sikit, sikit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak apa, kita boleh bagi cadangan kemudian.

Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]: Bagi *chance* sikit sahaja.

Tuan Lim Guan Eng: Tidak boleh. Itulah yang saya berikan rumusan tentang semua soalan yang telah dibangkitkan dan saya minta maaf sekiranya...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: ...Saya tidak dapat menjawab semua soalan yang telah dibangkitkan...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Guan Eng: Ini sudah penghujung. Awal-awal datanglah...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tidak apa. Hendak minta jawapan bertulis.

Tuan Lim Guan Eng: So, di sini saya hendak ucapkan terima kasih. Marilah kita bersama-sama pastikan bahawa kedudukan kewangan boleh bertambah baik supaya kita boleh selamatkan yang harus diselamatkan dan kita boleh berikan bantuan dengan lebih banyak kepada usahawan-usahawan supaya mereka boleh membantu kita membangunkan negara dan juga ekonomi Malaysia. Sekian, terima kasih kepada semua.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Ada lima soalan saya tidak dijawab, Tuan Pengerusi. Saya harap dia jawab secara bertulis. Dia hanya jawab satu daripada...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya harap pegawai-pegawai di belakang itu tolong jawab bertulis.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Pontian, sila duduk.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi.

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Lima perkara penting lagi tidak dijawab.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, juga untuk Parit Sulong...

[Dewan riuh]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Kamu orang sibuk apa hal?

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Ada senarai minta jawapan bertulis.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Ya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Jawapan bertulis juga.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Itu terpulang kepada budi bicara dan kebijaksanaan Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa diperuntukkan untuk Yang Berhormat Menteri menggulung di peringkat jawatankuasa adalah 30 minit. Akan tetapi memandangkan ini adalah bajet, Kementerian Kewangan diberikan masa sampai satu jam untuk menggulung.

■1630

Sekarang ini Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM4,354,352,100 untuk Maksud B.10, RM18,633,916,100 untuk Maksud B.11 dan RM38,798,900,100 untuk Maksud B.12 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Saya tidak setuju. Biar saya seorang yang tidak setuju.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Seorang sahaja yang tidak bersetuju.

[Dewan riuh]

[Wang sebanyak RM4,354,352,100 untuk Maksud B.10, RM18,633,916,100 untuk Maksud B.11 dan RM38,798,900,100 untuk Maksud B.12 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM6,553,005,200 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]: Tidak. Seorang tidak. *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Seorang juga.

[Wang sebanyak RM6,553,005,200 untuk Maksud P.10 dan RM2,000,000,000 untuk Maksud P.70 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

**Maksud B.13 [Jadual] –
Maksud P.13 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Kepala Bekalan B.13 dan Kepala Pembangunan P.13 di bawah Kementerian Luar Negeri terbuka untuk dibahas.

Ahli Yang Berhormat, sekarang adalah giliran perbincangan peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Luar Negeri. Setiap orang 10 minit. Yang Berhormat Arau, sila.

4.31 ptg.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali ialah Butiran 030200 – Hal EHWAL Maritim. Saya tidak akan berhenti cakap fasal Beting Patinggi Ali. Beting Patinggi Ali melibatkan pelbagai kementerian termasuklah Kementerian Pertahanan, APMM dan juga lain-lain lagi. Akan tetapi bahagian yang paling besar yang harus diberi perhatian kepada hal-hal maritim ini ialah Kementerian Luar Negeri. Kita lihat bantahan diplomatik yang dibuat oleh kementerian ini berkala.

Saya ingin bertanya kepada pihak kementerian Tuan Pengerusi, apakah bentuk bantahan diplomatik yang telah dibuat apabila terdapat satu tuntutan yang dibuat oleh Kerajaan China bahawa Beting Patinggi Ali ialah sebahagian daripada wilayah mereka. Ia telah dihantar kepada pihak kementerian berhubung tuntutan tersebut. Pada pandangan saya, oleh kerana Beting Patinggi Ali terletak 83 batu nautika daripada Sarawak, dalam kawasan EEZ, jadi tuntutan ini bukan tuntutan bertindih.

Tuntutan bertindih ini kalau kita berada di kawasan sempadan. Ini berada di kawasan 4,000 batu nautika daripada Hainan, kawasan yang paling jauh di selatan China, berada 4,000 kilometer. Untuk sampai ke Beting Patinggi Ali, kita kena melalui kawasan Filipina, kena melalui kawasan Vietnam, baru sampai ke Beting Patinggi Ali. Kena melalui Sabah dahulu, perairan Sabah, barulah kita masuk ke perairan Sarawak.

Akan tetapi mereka berada di sana, di atas alasan yang pada peringkat awalnya tidak munasabah, yang mereka masuk untuk ke kawasan tersebut pada tahun 2013. Bukan mereka masuk pada tahun 1957 ataupun 1948. Mereka masuk pada tahun 2013, semasa kerajaan baharu selepas pilihan raya, mereka masuk ke kawasan tersebut dan mereka tidak keluar pada hari ini. Alasan awalnya ialah kononnya terdapat satu kapal pada zaman Laksamana Cheng Ho belayar dahulu, tenggelam di situ. Jadi, untuk mendapatkan bahan-bahan ataupun tinggalan daripada kapal tersebut, mereka meletakkan kapal *coast guard* di sana tetapi ia mengancam kawasan keselamatan.

Tadi Yang Berhormat Pontian menyebut bahawa lagi 10 tahun hasil minyak habis. Saya tidak pasti sebab pada tahun 1990-an dahulu, disebut 20 tahun minyak habis. Sekarang sudah 20 tahun, minyak nampaknya tambah lagi 10 tahun. Akan tetapi saya tidak pasti keadaan sebenarnya. Mungkin 10 tahun ataupun terpulung kepada Petronas untuk memberikan maklumat kepada kita.

Akan tetapi di kawasan Beting Patinggi Ali ialah kawasan hasil minyak di antara yang terbesar di dunia. Jadi mengapa kita biarkan satu kapal *coast guard* berada di sana dan mengganggu nelayan Sarawak, nelayan Malaysia yang pergi ke sana, kadang-kadang dilarang oleh kapal ini, tidak beri kita menangkap ikan di sana, kononnya kawasan ini ialah kawasan perairan mereka.

Saya tanya hari itu, sesiapa pun tidak jawab, kenapa sebuah telaga minyak berwarna oren, yang telah siap dibina tetapi tidak beroperasi sampai hari ini? Siapakah tuan punya telaga minyak tersebut? Sudah pasti bukan Amanah yang punya walaupun dia warna oren. Akan tetapi kita hendak tahu siapa yang punya telaga minyak tersebut dan kenapa dia tidak beroperasi? Bila kita minta maklumat daripada pelbagai pihak, masing-masing mendiamkan diri dan kecuali ada sesetengah pihak mengatakan bahawa mereka takut beroperasi sebab berdekatan dengan kapal *coast guard* yang berlabuh di sana. Jadi kita minta pihak Kementerian Luar – dia tidak boleh buat bantahan diplomatik selepas itu balik tidur. Dia mesti ada *follow-up*, kononnya ini kita akan berbincang di peringkat ASEAN. Apa dia? Perbincangan apa yang telah kita buat? Kenapa tidak ada sebiji kapal *coast guard* untuk berlabuh di Indonesia?

Dulu ada juga usaha untuk hendak berlabuh di kawasan Natuna tetapi mereka tidak berbuat demikian. Mereka akhirnya— ada satu kes yang mereka masuk ke kawasan Indonesia, tentera Indonesia mengejar bersama dengan tentera Amerika, mengejar kapal tersebut keluar. Mereka cuba pergi ke kawasan Vietnam, berlaku pertempuran tetapi akhirnya mereka tidak masuk ke sana. Mereka pergi ke kawasan Filipina, berlaku pertempuran kecil. Sekarang tidak masuk tetapi di sini, kita hanya buat bantahan diplomatik dan meletakkan kapal kita dalam jarak 20 kilometer daripada kapal *coast guard* tersebut.

Dulu bekas Timbalan Menteri Luar pernah menjawab tetapi kita menjawab fasal UNCLOS. Bagaimana kita hendak sebut UNCLOS kalau mereka sendiri, negeri tersebut tidak mengiktiraf UNCLOS. Jadi sekarang ini di samping bantahan diplomatik, kita kena buat bantahan lain iaitu mesti mereka keluar, kita beri tempoh. Kalau bantahan diplomatik hanya bantahan diplomatik dibuat, kita tidak boleh mengambil apa-apa sumber di sana, ini adalah satu kerugian dan ia merupakan malapetaka daripada segi hubungan antarabangsa dan lain-lain lagi. Kita berjumpa, bercakap baik, berjabat tangan, melawat di antara dua pemimpin tetapi kita membiarkan satu kapal berada di kawasan negara kita tanpa kita membuat perkara yang lebih agresif. Kita tidak pernah masuk ke kawasan EEZ mana-mana negara. Kenapa orang lain boleh masuk kawasan EEZ kita?

Saya minta jawapan yang tegas daripada Kementerian Luar. Kalau setakat hendak menjawab kata ada persidangan, ada forum, tidak payah jawab sebab ini boleh merugikan masa di Parlimen. Jawab kata Malaysia tidak mampu buat apa lagi. Kita hendak tunggu tengok mungkin kita hendak beli kapal banyak lagi baru boleh kita ambil tindakan. Setakat hendak jawab seperti jawapan biasa, saya ingat tidak perlu jawab. Saya sudah tahu jawabannya. Jadi sekarang saya hendak minta satu penegasan daripada pihak kementerian, ini Kerajaan Pakatan Harapan, kuat, tepuk tangan daripada Yang Berhormat Kapar sampai hendak pecah Parlimen. Akan tetapi hendak ambil bantahan, hendak buat bantahan kepada sebuah kapal *coast guard* yang berada di Beting Patinggi Ali, tidak sehebat tersebut. Tepuk sekali di air sana supaya mereka keluar daripada Beting Patinggi Ali.

Walaupun ini tidak ditimbulkan oleh kawan-kawan saya dari Sarawak tetapi saya hendak beritahu, saya hendak minta supaya kita ada penegasan berhubung dengan Beting Patinggi Ali.

Kemudian yang keduanya ialah Butiran 040100 – Bahagian Asia. Saya minta sekali lagi. Tuan Pengerusi supaya jawapan daripada Kementerian Luar meminta supaya pihak Parlimen dan juga kementerian sendiri memberi keutamaan kepada *International Conference of Asian Political Parties* (ICAPP) sebab semua dalam Parlimen ini, semua ahli politik. Jadi semua negara Asia telah mengiktiraf. Malah setiap kali ada persidangan, kedutaan kita ada di sana, Kedutaan Malaysia pun ada sekejap, ada sekejap ada di sesetengah tempat yang saya pergi. Akan tetapi kita minta ini dijadikan satu jawatankuasa tetap Parlimen dan juga perhatian di pihak Kementerian Luar Negeri.

Akhir sekali, yang ini mungkin Tuan Pengerusi tidak berapa gembira. Tuan Pengerusi tuduh saya kata 'duri dalam daging'. Sebab ini bukan 'duri dalam daging' tetapi daging dalam duri Tuan Pengerusi.

■1640

Ini ialah fasal Butiran 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Ini fasal ICERD. Yang Berhormat, benda ini sensitif sebab itu ahli-ahli politik yang teringin hendak menjadi Menteri di masa akan datang, jangan membuat kenyataan-kenyataan yang merugikan. Kita sudah berada di negara ini, kita sayang negara ini, iktiraf negara ini, ini tempat tumpah darah kita. Semua yang ada di dalam Parlimen ini semua diperanakkan di sini kecuali seorang *kot*. Saya ingat semua diperanakkan di Malaysia. Ini tanah tumpah negara kita. Jangan pergi mengeluarkan kenyataan-kenyataan yang mengharu-birukan negara ini.

Saya hendak beritahu sejarah Tuan Pengerusi tetapi tidak payah jawab, ini saya hendak sebut kepada Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masa tinggal satu minit sahaja.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Akan tetapi sejarah ini Yang Berhormat kena tahu. Semasa kita menubuhkan Malaya pada masa tersebut, Kerajaan British memberi tawaran kepada semua pihak, siapa yang hendak menjadi warganegara Malaysia duduk di Malaya, duduk di Malaya. Sesiapa yang hendak pergi ke negara lain, pergi

ke negara lain. Kita tidak boleh ungkit lagi benda-benda ini. Saya tidak mahu ketegangan ini berterusan. Kita minta ia dibuat sesuatu supaya kita tenang keadaan.

Kalau perhimpunan ICERD yang akan dibuat pada 8 hari bulan ini, kalaulah kita hadir, hadir untuk menandakan kesyukuran sebab benda ini telah selesai dengan baik. Bukan dengan tujuan untuk memanaskan keadaan. Jadi saya bersetuju supaya benda ini diperhatikan kerana suasana yang baik itu akan menolong...

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Arau...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Pasaran saham kita.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Bolehkah bertanya sedikit?

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Boleh, boleh.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Arau, berkenaan dengan ICERD ini sebab sudah ada kenyataan daripada Pejabat Perdana Menteri. Bolehkah kita meminta pada hari ini Menteri Luar pula membuat kenyataan dalam Parlimen ini mengatakan...

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Masa sudah tamat.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: ...Ia tidak akan diratifikasikan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Saya setuju. Jadikan sebahagian daripada ucapan saya. Akan tetapi apa yang paling penting, walaupun ada perhimpunan bukan perhimpunan untuk mencari pergaduhan tetapi perhimpunan kesyukuran bahawa akhirnya rakyat boleh terus bersama untuk membangunkan negara ini. Jangan ada mana-mana pihak lagi, bertaubattah kita tidak akan sebut lagi benda ini di Parlimen ini sampai hari kiamat. Terima kasih.

Seorang Ahli: *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Saya jemput...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: ...Kalau kita berlawan bercakap macam ini, kita akan memanaskan keadaan. Sama-sama puak-puak Melayu, Islam jangan buat cakap macam itu.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Arau masa sudah tamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bukit Bendera dan selepas itu Yang Berhormat Kepala Batas.

4.42 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya menyertai Bajet 2019 peringkat Jawatankuasa untuk Kementerian Luar Negeri. Untuk Butiran 020700 – Pihak Berkuasa Kebangsaan (PBK) kepada Konvensyen Senjata Kimia.

Tuan Pengerusi, saya ingin menanyakan kerana saya memerhatikan bahawa terdapat penambahan mendadak dari segi emolument dari 2018, RM560,400 kepada RM1.380 juta iaitu penambahan lebih kurang 2.5 kali ganda kerana saya mendapati bahawa Pihak Berkuasa Kebangsaan (PBK) kepada Konvensyen Senjata Kimia ini sebenarnya atas melaksanakan Akta Konvensyen Senjata Kimia 2005 yang berkuat kuasa dan telah diwartakan pada 2007.

Antara fungsi, saya difahamkan bahawa sekretariat ini untuk memastikan akta dilaksanakan dengan lebih berkesan untuk membantu dan menerima pemeriksa antarabangsa untuk memungut dan hendak melaporkan dalam pengisytiharan tahunan kepada pertubuhan bagi pengharaman senjata kimia OPCW kepada Belanda dan untuk mengeluarkan surat kebenaran berkenaan dengan aktiviti melibatkan bahan kimia toksik yang disenaraikan dalam jadual.

Memandangkan hanya sembilan jawatan sahaja, saya minta penjelasan kerana setiap perbelanjaan ini hendaklah digunakan dengan cara yang elok dan terdapat penambahan begitu mendadak. Saya memerlukan satu penjelasan kerana pada pandangan saya, ini perlu diberikan penerangan yang lebih komprehensif daripada Menteri.

Butiran yang saya ingin bangkitkan Tuan Pengerusi adalah P.13, Butiran 00100 – Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut. Difahamkan bahawa ini barangkali adalah kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara dan ini telah diperuntukkan satu amaun yang besar, RM102 juta berbanding dengan sebelum ini yang perbelanjaan sebenar, anggaran 2018 hanyalah RM77 juta, terdapat tambahan RM30 juta. Saya perlukan satu penjelasan.

Saya juga ingin meminta Menteri Luar Negeri memberikan penjelasan tentang Korea Utara, apakah status hubungan kita dengan Korea Utara. Kalau kita imbas kembali perkembangan hubungan dengan Korea Utara beberapa bulan ini, beberapa bukan kebelakangan ini sejak kematian Kim Jong-nam di Lapangan Terbang KLIA 2 yang melibatkan dengan kes pembunuhan dan guna ejen saraf VX yang membunuh.

Terdapat juga insiden misi diplomatik kita di Korea Utara telah ditahan sebagai tebusan di Pyongyang pada waktu itu dan saya terbaca juga ada pengumuman bahawa kedutaan kita di Korea Utara barangkali akan dibuka semula. Saya ingin meminta satu penjelasan daripada Menteri kerana pada pandangan saya, kedutaan di Korea Utara ini tidak harus dibekukan. Hubungan kita perlu dikaji semula, disemak dan sama ada di bawah butiran ini, apakah status kedutaan kita di Pyongyang? Harap perkara ini perlu diberikan satu penjelasan.

Butiran 00200 – Alat-alat Kelengkapan Komunikasi. Satu peruntukan yang tinggi juga, anggaran RM1.5 juta. Tahun 2017 adalah kosong dan tidak dinyatakan secara terang apakah maksud alat-alat kelengkapan komunikasi. Saya faham bahawa dalam era teknologi ini, kita perlu menambahbaikkan lagi alat-alat kelengkapan komunikasi, harap diberikan satu butiran tentang apakah keperluan ini dan juga justifikasinya.

Saya dapati banyak juga program-program dan juga perancangan dasar sama ada bahagian Asia, bahagian Eropah dan sebagainya, hubungan diplomatik dan kerajaan dua hala dan pelbagai hala. Saya rasa ini perlu diberikan satu tambahan ataupun sokongan dari segi sumber. Oleh itu saya meminta penjelasan Menteri atas butiran-butiran yang saya bangkitkan sebentar tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bendera. Seperti yang dijanjikan, sekarang saya jemput Yang Berhormat Kepala Batas.

4.48 ptg.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengucapkan terima kasih kerana dapat peluang untuk membahaskan dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Saya hendak sentuh berkaitan dengan peruntukan B.13 di muka surat 153 yang membabitkan keseluruhan peruntukan pengurusan perbelanjaan mengurus untuk Kementerian Luar Negeri bagi 2019. Diperuntukkan sebanyak RM632,223,700 iaitu pertambahan hampir RM16 juta daripada 2018. Hakikatnya peratusnya adalah dua peratus.

Saya melihat dan berpendapat bahawa dua peratus ini adalah suatu kenaikan yang amat rendah dan ia mungkin akan membantutkan usaha yang ingin dibawa oleh Yang Berhormat Menteri terutamanya. Saya sanjung tinggi iltizam dan tekad beliau yang begitu tinggi untuk mengangkat martabat dasar luar negara untuk menjulang nama negara di peringkat persada antarabangsa. Akan tetapi dengan kenaikan dua peratus ini sememangnya adalah satu perkara yang akan menghambat usaha tersebut.

Saya kata begitu kerana terdapat cabaran-cabaran yang perlu dihadapi oleh pihak perwakilan kita di luar Tuan Pengerusi. Sebab apa, sebab peruntukan perbelanjaan mengurus Kementerian Luar Negeri ini tidak sama dengan perbelanjaan mengurus kementerian-kementerian yang lain. Saya pernah ada di sana dan saya tahu kekangan yang dihadapi oleh kakitangan mereka yang ada di belakang sana kerana hampir 60 ke 66 peratus peruntukan mengurus ini adalah *denominated in foreign currency*, yang paling utama adalah *dollar* dan juga *euro*.

■1650

Mereka yang berada di luar ini, berdepan dengan contohnya kos inflasi di negara *host*. Mereka berdepan dengan *a fixed incremental cost*, contohnya sewaan dan sebagainya. Mereka berdepan dengan umpamanya, *certain policies* yang perlu mereka *adhere* di negara

tersebut, sebagai contoh adalah *minimum wage*. Kalau di negara-negara seperti negara Euro, kebanyakan *minimum wage* ini adalah EUR1,000. Kalau di Berlin, EUR1,000 bersamaan dengan hampir RM5,000 kita. Tentulah dengan kenaikan dua persen ini tentu sekali akan memberi kekangan.

Apa yang paling utama adalah soal, apa yang disebut sebagai *volatility forex* ataupun *foreign exchange*. Saya bagi contoh, kalau kita lihat secara kasar RM616 ke RM632 kenaikan seakan-akan RM16 juta. Akan tetapi hakikatnya daripada bulan satu sehingga bulan tujuh, kadar tukaran kita berada pada paras RM3.80 hingga RM4.00, ataupun secara median dia adalah RM3.85. Manakala kadar tukaran USD pada waktu sekarang berada pada— berlegar pada RM4.20. Bererti kalaulah saya *dollarize* RM616 ini, ia bersamaan dengan USD160 juta peruntukan pada tahun 2018 walhal RM632 ini kalau saya *dollarize* kan ikut kadar sekarang adalah USD151 juta maknanya menyusut, menyusut hampir USD9 juta. Tentu sekalilah ia akan memberi tekanan dan kekangan yang cukup hebat.

Saya boleh bercakap begini sebab saya melihat bahawa apa yang ingin dicapai oleh Kementerian Luar Negeri di bawah pimpinan Yang Berhormat Indera Mahkota adalah suatu yang *to be commendable*. Oleh sebab itulah saya mengharap Kementerian Kewangan dapat memahami kekangan ini. Ini sesuai dengan apa yang disebut *Henry Kissinger*, dia sebut dan dia kata "*no foreign policy will be a successful one, if it is born in the minds of a few, but it's carried in the hearts of none*". Ia perlukan penghayatan. Saya mengharapkan bahawa strategi yang bakal dibuat oleh pihak Yang Berhormat Menteri dapat memastikan pihak perwakilan kita yang berada di luar dapat benar-benar melakukan tanggungjawab dan tugas mereka demi untuk memastikan sebagaimana yang dibentangkan dalam kerangka Dasar Luar oleh Yang Berhormat Menteri iaitu untuk memperkasakan Kementerian Luar Negeri benar-benar dapat dicapai.

Seterusnya ingin saya sentuh berkaitan dengan Butiran 020200 di bawah Hak-Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Pelbagai Hala di bawah Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Saya kira benda ini telah pun disentuh. Secara peribadi saya menyanjung tinggi juga usaha-usaha untuk mengangkat aspek-aspek berkaitan dengan hak asasi manusia di peringkat— terutamanya yang diamalkan di peringkat negara kita.

Akan tetapi saya telah nyatakan sejak awal bahawa dalam enam instrumen yang kita tidak tandatangani dan belum tandatangani, kita ada lebih kurang dua ataupun tiga yang dikatakan *low-hanging*. Daripada kita hendak terus beri keutamaan kepada yang *contentious* ini ia menyebabkan hasrat-hasrat kita untuk mencapai tanda aras, dari segi pengalaman hak asasi manusia di peringkat antarabangsa dapat dicapai akan menjadi terbantut.

Sememangnya kalau lihat dari seluruh negara, daripada 197 negara— yang menandatangani keseluruhan sembilan instrumen ini adalah hanya 24 negara, daripada 197 negara. Hanya 12 peratus. Bererti, ini bukanlah satu benda yang wajar kita letakkan di bawah ketergesaan. Akan tetapi kita boleh sebagaimana yang disebut di dalam Islam pun, dia kata [*Bercakap dalam Bahasa Arab*] "*Apa yang kita tidak boleh buat semua, kita tidak perlu tinggal semua*". Kita boleh ada dua, kalau kita *rectify* lah katanya *on forced disappearance, on torture*, benda ini menjadikan kita lima, lima— *we are equivalent to Singapore, we are equivalent to US and we are equivalent to many countries* di bawah UNHRC.

Cuma saya hendak tanya satu perkara ialah, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana mengeluarkan kenyataan tentang ketegasan pihak kerajaan dan mendengar hasrat dan niat rakyat untuk tidak meratifikasikan ICERD. Cuma dalam kenyataan itu disebut bahawa ia adalah Kerajaan Pakatan Harapan. Saya fikir ia adalah Kerajaan Malaysia. Keputusan itu adalah keputusan Kerajaan Malaysia. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Langkawi adalah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya juga. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri adalah Yang Berhormat Menteri saya juga. Jadi *we are all together* to bina Malaysia Baharu bukanlah dipihak kerajaan, tetapi di pihak pembangkang juga.

Cuma saya hendak tanya satu sahaja. Kalau dari segi protokol proses dia, bila mana-mana *international treaty* ini dia ada tiga *stages actually*. Dia ada pertama, *signing*; kedua *ratification*; ketiga dia adalah dipanggil *accession*. Sebenarnya yang disebut baharu ini adalah soal *ratification*. Sememangnya *ratification* ini perlu dibawa ke Parlimen kerana ia tertakluk kepada Artikel 76(3) Perlembagaan kita, kerana benda-benda yang menyentuh perkara-perkara yang dasar.

Akan tetapi soal *signing, it is entirely in the hand of executives*, maknanya *it can be done*. Apakah bilamana kenyataan ini terkeluar, sekadar penjelasan Yang Berhormat Menteri ya, adakah maknanya ratifikasi itu merangkumi bahawa tidak *sign* juga? Oleh sebab itu *can be this way, you can sign, but you are yet to ratify*. So, dalam perkara-perkara yang ini saya rasa perlu diberi penjelasan supaya tidak mahu jadi *contentious* lagi kepada pihak-pihak di luar dan juga pada pihak rakyat.

Selain daripada itu, saya hendak sentuh Butiran 020800 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia. Saya sempat bertanya dalam ketika perbahasan sebelum ini berkaitan dengan peranan ASEAN berkaitan dengan isu Rohingya di Myanmar. Saya ucapkan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri kerana melihat kesungguhan Malaysia untuk turut serta membawa bersama-sama dengan negara lain, Myanmar ke muka pengadilan. Namun saya tahu, benda ini bukanlah mudah kerana Myanmar, *they are not— I mean* dengan izin, bukan parti itu *Rome statute neither are we*, kita pun bukan. Akan tetapi hakikat itu yang dibuat atau diusahakan adalah suatu yang bagi saya adalah amat penting.

Cuma saya rasa kesal adalah di pihak *Security Council*. *Security Council* nampaknya seakan-akan ada halangan yang dibuat, sebagaimana yang disebut oleh P5. Akan tetapi bukan P5 sahaja tetapi ada dua-dua tiga negara yang selain daripada P5 ini. Saya mungkin hendak melihat— mungkin boleh diadakan satu bentuk usaha lobi secara bersepadu oleh ASEAN. Kalau saya boleh sebutlah negara yang menjadi penghalang adalah Rusia dengan China. Barangkali kalau Malaysia sahaja hendak melobi mungkin tidak dipandang. Akan tetapi kalau ASEAN yang melobi *because they have a huge interest in ASEAN*. Tentu sekalilah benda ini akan memberi kesan.

Demikian juga satu perkara yang saya fikir tidak dibuat lagi oleh mana-mana pihak dan negara iaitulah pihak Myanmar selain daripada Aung San Suu Kyi yang menjadi penghalang utama adalah pihak Junta yang *occupy about 25 percent in Parliament*. Mereka inilah yang sebenarnya juga menjadi penghalang kerana selagi mana artikel berkaitan dengan *citizenship law* di dalam Perlembagaan tidak dipinda, selagi itulah juga ia akan mendatangkan masalah.

Soalan saya, apakah hendak digunakan strategi selain daripada dasar luar *military diplomacy*. Maknanya di kalangan jeneral-jeneral ASEAN untuk duduk dengan junta. *To bring junta out* dan untuk lihat dan beri pendedahan kepada keadaan yang berlaku di dunia. Mungkin ini boleh jadi salah satu daripada pendekatan yang boleh membuka ruang membawa kepada perubahan membela nasib Rohingya di *Rakhine State*. Jadi itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Sekarang saya jempot Pasir Gudang selepas itu Yang Berhormat Sik. Sila.

4.58 ptg

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada tiga butiran untuk membahaskan belanjawan ini. Pertama Butiran 010100 di muka surat 154 berkenaan undang-undang. Dilihat di situ, anggaran peruntukan bagi Kementerian Luar Negeri ini bagi tahun 2019, begitu juga sebelumnya tahun 2018 tidak sampai RM1 juta maknanya dari segi anggaran peruntukan bagi undang-undang ini.

Saya ingin pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah perkara yang saya hendak bangkitkan ini berada dalam bidang kuasa Kementerian Luar Negeri iaitu berhubung dengan tindakan Kerajaan Malaysia menarik balik rayuan kes Pulau Batu Putih yang telah pun difailkan oleh kerajaan sebelum ini di Mahkamah Keadilan Antarabangsa.

Jadi, mungkin ia berada dalam bidang kuasa kementerian ini. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh membantu menjelaskan di Parlimen ini, apakah rasional atau alasan-alasan penarik balik rayuan tersebut?

■1700

Butiran yang kedua, Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Saya lihat peruntukan anggaran ini pun tidak sampai RM1 juta. Tahun 2019 pada kadar RM983,300. Perkara yang ingin saya bangkitkan iaitu krisis kemanusiaan yang berlaku di Yaman, perang di Yaman yang melibatkan negara Islam Yaman, rakyatnya diserang oleh jet-jet pakatan bersama yang diketuai oleh Arab Saudi iaitu krisis kemanusiaan

yang besar. Sekiranya saya silap, Yang Berhormat Menteri boleh perbetulkan. Saya lihat tidak begitu jelas peranan Malaysia, Kementerian Luar Negeri dalam membantu mencari jalan keluar penyelesaian perang yang tidak sudah-sudah ini. Ertinya saya melihat di kaca TV, berita-berita daripada apa yang berlaku di Yaman itu sangat menyedihkan.

Butiran yang ketiga iaitu berkenaan Pejabat Perwakilan Luar Negeri bagi Maksud B.13 Butiran 040300. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri, bagaimana tentang kedudukan jawatan Duta Besar Malaysia di Jakarta di Indonesia? Adakah telah diisi atau dipenuhi?

Berkaitan dengan itu, saya ingin bertanya, adakah mungkin baik sekiranya kerajaan Malaysia sekarang ini melantik duta-duta kita dan pesuruhjaya tinggi di seluruh dunia ini bukan lantikan politik tetapi lantikan duta-duta itu terdiri daripada para diplomat profesional supaya mereka dapat menjalankan kerja dengan sebaik yang mungkin?

Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih, Yang Berhormat Pasir Gudang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sik, selepas itu Yang Berhormat Rasah. Sila.

5.03 ptg.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin bersama memberi pandangan di peringkat Jawatankuasa dalam Bajet 2019 Kementerian Luar Negeri ini khususnya berkaitan dengan tajuk utamanya iaitu Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Pelbagai Hala yang menyentuh Butiran 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan.

Kita melihat pertambahan bajet yang sangat kecil mengikut pada keseluruhan bajet untuk tahun 2019 ini di atas keadaan dan suasana yang semakin mencabar khususnya dalam kita meletakkan Malaysia sebagai yang saya katakan hab kepada *humanitarian dialogue* khususnya kita melihat krisis-krisis yang ada di seluruh dunia hari ini. Krisis di Syria, di Yaman, di Palestin sendiri, begitu juga di rantau kita yang terdekat iaitu di Myanmar.

Satu perkara yang saya melihat perlu dimantapkan dan diperkemas oleh Kementerian Luar Negeri iaitu melalui melantik yang disebut atase kemanusiaan yang telah pun kita mulakan langkah ini di Bangladesh. Saya tidak pasti di mana lagi negara-negara lain yang telah pun kita melantik pegawai khas untuk kemanusiaan ini selain daripada Bangladesh.

Atase kemanusiaan ini sangat penting sebagai penyelarar kepada bantuan kemanusiaan oleh NGO-NGO daripada Malaysia kita ini, di peringkat tempatan ini, NGO-NGO yang bergerak di persada antarabangsa. Kita melihat khususnya di Bangladesh itu apabila kita telah melantik atase kemanusiaan ini, banyak saluran-saluran yang telah kita buat untuk membantu pelarian Rohingya yang berada di Cox's Bazar dan di sekitar sana. Sudah pastilah—

Sebelum itu, saya sendiri berpengalaman menghantar bantuan ke sana di ketika mana Kerajaan Bangladesh telah memberi syarat kepada NGO-NGO daripada luar ini termasuk daripada Malaysia yang ingin membuat pendaftaran melakukan kerja kemanusiaan di sana perlu membayar lebih USD9,000 kepada Pejabat Perdana Menteri Bangladesh jika ingin beroperasi di kem-kem pelarian di Cox's Bazar.

Jadi sudah pasti usaha ini sangat penting dalam rangka kita bukan hanya melihat dalam aspek advokasi dan lobi berkaitan dengan krisis-krisis ini untuk segera dihentikan tetapi lebih besar untuk kita melihat soal kemanusiaan khususnya saya mengatakan yang paling penting di peringkat ASEAN ini krisis Rohingya di Wilayah Rakhine itu.

Maknanya saya mencadangkan supaya Kementerian Luar Negeri juga perlu berbincang dengan Kerajaan Myanmar untuk melantik atase kemanusiaan kita di kedutaan kita di Yangon sebagai yang saya sebut tadi menyelaras bantuan yang sudah pasti jika perkara ini dipermudahkan di peringkat Myanmar, ramai di kalangan NGO-NGO kemanusiaan kita yang akan menghantar bantuan ke sana.

Saya sendiri berpengalaman berulang-alik ke sana lebih 10 kali ke Rakhine State dan kita melihat ada lagi ruang-ruang yang kita boleh membuat *engagement*, dengan izin,

dengan pihak-pihak berautoriti di Myanmar. Sudah pastilah kita juga melihat pegawai atase atau atase kemanusiaan ini sebagai penghubung kepada hubungan diplomasi kita. Kita dapat membuktikan bahawa Malaysia boleh bukan hanya kita tegas dalam mengatakan penindasan dan genosid yang berlaku di Myanmar itu perlu dihentikan bahkan kita dengan serius membantu rakyat-rakyat yang menjadi mangsa konflik. Bukan hanya orang-orang Rohingya bahkan juga etnik-etnik lain di Myanmar itu termasuk di Wilayah Kachin, di Wilayah Shan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya juga menyentuh bahawa dalam hak asasi manusia dan kemanusiaan ini juga, perlu dikembangkan usaha di pihak kedutaan kita menjadi pengantara kepada yang disebut *interface dialogue*, dengan izin, iaitu dialog di antara agama ataupun pihak-pihak yang berkepentingan di wilayah konflik ini.

Saya sendiri pernah menganjurkan program di atas satu badan NGO dari Malaysia, Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia di Yangon dan kita menjemput pelbagai pihak termasuk daripada persatuan *Buddhist*, persatuan Hindu, persatuan Kristian dengan mesej bahawa Malaysia telah memberikan suatu bukti kepada kestabilan dan keharmonian negara itu dapat dikecapi walaupun kita berada dalam lingkungan pelbagai kaum di negara kita ini.

■1710

Tuan Pengerusi, begitu juga saya nyatakan bahawa yang awal tadi bahawa kita perlu mengangkat Malaysia sebagai hab kepada *humanitarian dialogue*. Kita boleh menggantikan ataupun serta sama taraf Helsinki yang telah membuktikan mereka menjadi pengantara kepada konflik-konflik dunia sebelum ini seperti mana konflik di selatan Thailand, di wilayah Aceh dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, terakhirnya saya ingin menyentuh berkaitan dengan Butiran 020400 - Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kerjasama Serantau. Saya ingin bertanya kepada pihak Yang Berhormat Menteri, pengurangan bajet ini sudah pasti akan memberi kesan kepada keaktifan kita dan peranan kita di peringkat OIC. Di mana hari ini seluruh dunia, khususnya di kawasan-kawasan konflik, mereka sangat mengharapkan OIC berperanan lebih besar dalam membantu untuk membawa pihak-pihak yang bertelagah ini ke meja rundingan dan begitu jugalah untuk menyalurkan bantuan kemanusiaan ke wilayah konflik ini.

Saya pernah melawat di Sekretariat Kemanusiaan OIC di Jeddah. Mereka mengatakan, kami tidak berdaya untuk membantu ketika mana krisis kemuncak di Syria, apabila mereka mengatakan, kami sudah tidak ada bajet untuk membawa bantuan ke sana. Sudah pasti lah ini komitmen kita yang besar melalui kerjasama kita, keanggotaan kita di OIC ini untuk segera kita dengan sekerapnya pertemuan di pihak peringkat pegawai, di peringkat Menteri untuk OIC ini lebih berperanan. Seluruh dunia melihat ia bukan hanya menjadi orang yang melihat ataupun badan yang melihat di atas krisis yang berlaku.

Tuan Pengerusi, terakhir saya merujuk Butiran 020800 - Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia. Ini juga berhubung kait dengan peranan kita di peringkat serantau ini. Sudah pastilah kita juga perlu menjadikan ASEAN ini sebagai medan yang paling kukuh dan paling berkesan dalam kita menentukan bahawa tidak ada lagi konflik kemanusiaan di wilayah ataupun di ASEAN ini. Dalam maksud kita ingin melihat komoditi ASEAN yang jumlah sudah melebihi 400 juta ini tidak lagi dibeban dengan isu-isu yang sepatutnya boleh diselesaikan di meja rundingan melalui penyelarasan, khususnya kita Malaysia ini yang boleh dijadikan sebagai hab kepada *humanitarian dialogue*. Tuan Pengerusi, terima kasih atas masa yang diberi.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Sik. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Rasah. Selepas itu, Yang Berhormat Bagan Serai.

5.13 ptg.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang untuk saya turut serta dalam perbahasan Jawatankuasa untuk Kementerian Luar bagi maksud Bekalan ke-13. Tuan Pengerusi, izinkan saya merujuk kepada Butiran 040000 - Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Dua Hala. Saya mendapati bahawa pejabat perwakilan luar negeri dengan anggaran sebanyak 240 juta diperuntukkan, satu anggaran peruntukan yang sangat besar.

Terdapat kenaikan lebih kurang lima peratus berbanding dengan anggaran pada tahun 2018. Walaupun jumlah jawatan untuk 2018 dan 2019 sama iaitu sebanyak 2,212. Jadi, persoalan saya di sini adalah kenapa jumlah jawatannya sama? Kekal sama pada 2,212 tetapi terdapat kenaikan dalam lima peratus. Apakah juga terdapat lantikan politik ataupun berapakah lantikan politik yang dirangkumi di bawah 2,212 orang ini?

Perkara kedua, butiran kedua yang saya hendak kemukakan adalah dengan Butiran 050300 - Ganjaran Kakitangan Ambilan Tempatan di muka surat 156. Saya nampak ada penambahan iaitu daripada 4.8 juta pada tahun 2018 berbanding dengan hampir 7.3 juta pada tahun 2019 ini. Jadi, apakah sebabnya kenapa perlu mengambil kakitangan tempatan? Saya percaya yang dirujuk tempatan ini adalah di negara-negara yang kita mempunyai konsulat ataupun kedutaan. Jadi, kenapa kita perlu ambil rakyat yang bagi kita rakyat asinglah walaupun mungkin di negara orang. Mohon penjelasan daripada kementerian.

Seterusnya, perkara Butiran 050500 - Sumbangan Tahunan Pertubuhan Antarabangsa. Satu jumlah yang agak besar iaitu sebanyak 70 juta, hampir sama seperti tahun lepas. Cuma di sini persoalan saya, badan penerima. Badan mana? Apakah ia berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu ataupun ada mana-mana pertubuhan lain? Sama ada bayaran-bayaran yang kita bayar kepada pertubuhan-pertubuhan tersebut adalah bayaran yang wajib dibayar, yang mana mungkin kita menjadi ahlinya dan sebagainya ataupun bayaran yang sukarela, sumbangan. Apakah tidak ada kah cara untuk kita mengurangkan bayaran-bayaran sebegini yang membolehkan kita menjimatkan sebahagian daripada peruntukan kita?

Perkara terakhir yang sama hendak kemukakan pada petang ini adalah di bawah Butiran 00100 - Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut. Kalau tahun lepas, sebanyak 72 juta di peruntukan. Tahun ini ia naik hampir— bagi saya hampir 40 peratus kepada 102 juta. Kenapa berlaku kenaikan yang begitu mendadak di bawah maksud bangunan-bangunan dan juga pejabat-pejabat ini? Apakah terdapat penambahan pejabat-pejabat baharu, kedutaan dan konsulat kita di seberang laut di negara asing ataupun ia lebih merujuk kepada penyelenggaraan untuk *maintain* bangunan-bangunan tersebut untuk kedutaan kita?

Jadi, mohon penjelasan. Jadi, itu sahaja dari saya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Bagan Serai.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: *[Bangun]*

5.17 ptg.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ada dua Butiran, merujuk kepada maksud B.13 Butiran 020200 - Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan yang mana juga diperbahaskan oleh ramai Ahli Parlimen di sini. Pada November 2017, saya juga dapat bersama-sama dengan 19 Ahli Parlimen di sini sampai ke Cox's Bazar untuk melihat dengan mata kepala sendiri. Bercerita berkenaan dengan kekejaman terhadap penduduk minoriti Muslim Rohingya yang kata kampung mereka kena bakar. Mereka pun ditanam hidup-hidup. Kes rogol beramai-ramai. Pembunuhan, penghapusan etnik ataupun genosid. Ini memang benar-benar berlaku.

Apabila sampai ke tempat di Kem Kutupalong, dapat melihat dengan sendiri bagaimana kesengsaraan ini. Dikatakan anggarannya 60,000 pelarian yang ada di Malaysia dan juga di Thailand dan Indonesia dan lebih daripada 300,000 pada ketika itu, status pada ketika itu. Di mana yang ada di kem-kem pelarian di sana. Jadi, ini disebabkan kekejaman yang dilakukan oleh tentera.

Jadi, saya ingin bertanyalah kepada kerajaan. Peranan negara kita yang sentiasa ke depan dalam isu-isu tentang hak kemanusiaan ini. Kalau kita lihat kekejaman yang berlaku hari ini. Pertama, adalah keganasan. Selagi keganasan ini tidak dihentikan, maka rakyat yang terpinggir ini tidak akan balik ke sana. Ada yang kata dia sanggup mati daripada balik ke kampung halaman yang didera oleh tentera di sana.

Jadi, keganasan dan kalau kita lihat konflik yang kita lihat sekarang ini ialah konflik antara masyarakat ataupun pemimpin-pemimpin agama di sana. Satu cara penyelesaian ialah pemimpin-pemimpin agama, pemimpin-pemimpin Islam dan juga Buddha yang

dikatakan bertelingkah, patut duduk dan fikir bagaimana kekejaman ini dapat dihentikan. Perkara ketiga yang dapat kita lihat ialah tentang isu kewarganegaraan.

■1720

Mereka dinafikan hak kewarganegaraan. Sedangkan ada bukti-bukti yang kukuh selama berpuluh-puluh tahun, begitu lama mereka tinggal di kawasan itu. Jadi ini menyebabkan hak mereka terhadap pendidikan, kesihatan, kepentingan awam dan sebagainya ini dinafikan. Selagi ini tidak diselesaikan, maka krisis terburuk dalam dunia yang kita lihat berlaku ini, tidak akan selesai.

Oleh sebab itu Tuan Pengerusi, saya melihat dan ucap tahniah kepada kerajaan Malaysia. Kerajaan dahulu lah yang telah mengambil berat tentang perkara ini dengan menghantar bantuan makanan dan selimut. Apabila kami pergi dahulu, kami dapat juga menghantar bantuan selimut kerana musim sejuk sudah dekat. Bantuan kewangan yang kita kutip duit daripada sama-sama kita, Ahli-ahli Parlimen.

Jadi Tuan Pengerusi, saya ingin tahu daripada kerajaan baharu sekarang ini. Apakah inisiatif-inisiatif baharu untuk meneruskan perjuangan menolong Muslim minoriti yang ditindas ini, yang sengsara sekarang ini? Saya ingin tahu status pelarian sekarang di Malaysia? Status pelarian di kem-kem di sana. Jadi kah mereka ini hendak dihantar balik? Mereka kata mereka sanggup mati daripada dihantar balik. Apakah perbelanjaan yang telah dijalankan setakat ini dengan membina hospital medan dan juga perbelanjaan seterusnya untuk membantu rakyat? Manakah negara-negara lain yang membantu dalam urusan hospital medan ini? Bagaimanakah masa depan hospital medan yang menelan belanja lebih daripada RM3 juta?

Tuan Pengerusi, bagus juga lah saya fikir, kalau lah dapat dianjurkan sekali lagi untuk Ahli-ahli Parlimen. Saya dapat lihat tadi ada Ahli Parlimen yang sudah berulang kali pergi. Mungkin pengalaman yang ada ini dan kepada Ahli-ahli Parlimen yang baru datang tidak pernah dapat, mungkin dapat menganjurkan satu lagi untuk pergi dan lihat dengan mata kepala sendiri. Balik nanti bersuara dengan lebih kuat lagi, bagaimana untuk membantu masyarakat yang tertindas ini.

Tuan Pengerusi, maksud B.13 butiran 020400 - Pertubuhan Kerjasama Islam, OIC. Sebanyak 57 negara diwujudkan sejak 1969. Satu per lima penduduk dunia berkumpul dengan maksud untuk membantu masyarakat Islam yang lain yang kebuluran, kesusahan dan kemiskinan. Kumpul duit untuk bersatu tenaga dan membincangkan isu-isu yang melibatkan orang Islam di dunia hari ini. Malah Persidangan Ke-10 OIC diadakan di Malaysia, di PICC Putrajaya semasa Perdana Menteri ke lima, Tun Abdullah Ahmad Badawi. Dan kita dapat lihat diwujudkan juga Kesatuan Parlimen OIC.

Saya sendiri bersama dengan beberapa orang Ahli Parlimen yang diketuai oleh kalau tidak silap saya, Yang Berhormat Beluran dan juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Hal Ehwal Agama sekarang ini, Yang Berhormat Parit Buntar juga bersama-sama pada bulan Januari 2018 ini. Saya dapat lihat lah bagaimana begitu ramai Ahli-ahli daripada Timur Tengah, daripada Negara Arab. Perbincangan yang kronik daripada dahulu lagi tentang sengketa, tentang konflik Palestin-Israel, tentang kebuluran, kesusahan dan kemiskinan.

Jadi bagaimana peranan negara kita hari ini? Kalau kita dapat lihat daripada dahulu, Malaysia memang ke depan lagi isu-isu yang berkaitan dengan orang-orang Islam di dunia ini dengan membantu makanan, menghantar tentera, menghantar bantuan dan menerajui persidangan-persidangan.

Jadi bukan apa, saya melihat dengan usaha-usaha ini bagus. Akan tetapi kebanyakan negara-negara OIC ini ialah negara-negara yang *middle-income group* dengan izin ataupun *low income group*. Susah sebenarnya, kecuali berapa negara-negara Arab. Apakah peranan sekarang ini Malaysia? Malaysia baharu. Pendekatannya yang lebih gigih yang kita hendak lebih baik. Kita sudah kata dah kerajaan baharu kita hendak lebih baik dari segala aspek kalau boleh. Hari ini kita dapat lihat ini hak asasi manusia yang kita terajui, OIC dan juga tentang Kesatuan Parlimen ini. Apa peranan Malaysia untuk bantu negara-negara miskin Islam? Saya hendak tanya apakah perancangan Malaysia yang lebih spesifik untuk membantu. Adakah kita akan terus berdialog.

Juga Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya, di era Revolusi Industri ke empat, sejauh manakah persediaan pembangunan sains dan teknologi di kalangan negara-negara OIC?

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Bagai Serai mengucapkan terima kasih memberi peluang saya berbahas pada petang ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelutong. Selepas itu Yang Berhormat Bachok.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar.

5.25 ptg.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya akan ringkaskan perbahasan saya. Merujuk kepada Butiran 020200 - Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan dan juga 020300 - Keselamatan Pelbagai Hala dan Pertubuhan Antarabangsa. Saya percaya ia adalah berkaitan dengan 00100 - Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut. Saya ingin tanya kepada Menteri. Kalau, - Tuan Pengerusi, kamera tidak menghala kepada saya. Masih menghala ke Yang Berhormat Bagan Serai. *[Dewan ketawa]*

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Sedikit kesilapan teknikal.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sensitif.

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Yang Berhormat Jelutong tidak ikhlas.

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Jelutong *very sensitive*. Tidak apa. Bagus, bagus.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya di sini ingin

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Yang Berhormat Jelutong, kamera tidak teropong ke arah dia, dia tidak berucap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih, masih tidak nampak lagi. Akan tetapi saya akan teruskan.

Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]: Teruskan.

Seorang Ahli: Diskriminasi itu.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya ingin tanya kepada Menteri. Apakah pendirian kerajaan Malaysia berkenaan dengan hubungan diplomatik dengan Myanmar? Bukankah sudah sampai masanya kita perlu bertegas dengan kerajaan Myanmar, dengan Aung San Suu Kyi. Kita lihat ucapan tegas yang dibuat oleh Yang Berhormat Langkawi di *United Nations* dengan izin. Di mana kita mengutuk pencabulan hak asasi yang dibuat oleh kerajaan Myanmar terhadap kumpulan etnik Rohingya.

Saya berbahas tentang perkara ini kerana di Pulau Pinang ketika saya menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri, kita telah berbahas tentang masalah yang dihadapi oleh pelarian-pelarian Myanmar di Pulau Pinang. Ramai sangat mereka telah masuk ke Pulau Pinang. Bukan sahaja atas isu itu. Akan tetapi kita lihat perkara ini berlaku berdekatan dengan Malaysia. Kalau kita berbincang tentang masalah yang berlaku di Palestin, masalah di Sri Lanka dan sebagainya ia mungkin dalam geografinya jauh daripada Malaysia. Akan tetapi berbanding dengan masalah yang dihadapi oleh kumpulan etnik Rohingya, pencabulan hak asasi manusia yang berlaku di Rohingya, begitu teruk.

Kita pernah lihat video yang telah kita terima melalui *WhatsApp* yang menunjukkan ada yang di antara mereka dibakar hidup-hidup. Adakah kita akan mendiamkan diri? Mungkin Kerajaan Barisan Nasional dan UMNO dahulu cacat lah, tidak mahu tidak berani mengambil tindakan. Mungkin ada masalah-masalah peribadi, masalah-masalah tersendiri. Akan tetapi kerajaan Pakatan Harapan harus bertegas. Kita harus menghantar satu mesej.

Saya mencadangkan supaya kita menutup kedutaan kita di Myanmar. Memanggil semula duta kita daripada Myanmar dan menghantar protes. Kalau perlu saya mohon mencadangkan tentera-tentera kita kalau boleh dihantar untuk memastikan diberi bantuan

keselamatan kepada mereka. Di Malaysia kita bersyukur, keadaan di sini selamat. Tidak ada sebarang masalah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Pendang, okey kalau ini kita bagi.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jelutong. Kita sudah maklumi bahawa Myanmar dahulu adalah di bawah Junta tentera. Kemudian Myanmar telah adakan pilihan raya untuk mengembalikan demokrasi. Sekarang ini demokrasi telah dijalankan. Pilihan raya telah diadakan dan telah dimenangi oleh Aung San Suu Kyi.

■1730

Adakah mereka ini masih lagi terikat dengan pemerintahan Junta tentera? Hendak minta penjelasan. Kalau orang sebelah utara dipanggil masalah demokrasi Aung San Suu Kyi ini masih lagi tidak boleh lepas daripada Junta tentera ini, kalau sebelah utara dipanggil "masih lagi tak lah tek, ku angkutlah" ataupun masih lagi kalau macam budak bayi masih menyusu lagi dengan ibunya, tidak boleh lepas. Ini maksudnya. Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Pendang sahabat saya. Saya rasa apa yang berlaku adalah satu sandiwara di antara Aung San Suu Kyi dan Junta. Akan tetapi yang menjadi mangsa, yang korban dalam konflik ini adalah etnik Rohingya. Jadi saya di sini kita berterima kasih seperti yang saya katakan tadi sebelum dicelah oleh Yang Berhormat Pendang, di Malaysia kita aman dan damai, tiada sebarang konflik, tiada sebarang masalah. Jadi kalau boleh, saya cadangkan Kementerian Luar Negeri membincangkan dengan Kementerian Pertahanan supaya mendesak ASEAN, kalau boleh semua negara ASEAN berkongsi tenaga, berkongsi tentera, menghantar tentera untuk memastikan keselamatan etnik Rohingya di...

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Yang Berhormat Jelutong, boleh saya mencelah sikit?

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Okey, PAS kita bagi. *[Ketawa]*

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Terima kasih. Saya sebenarnya cukup terharu bila...

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]: Tahniah Yang Berhormat Jelutong.

Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]: Bila Yang Berhormat Jelutong membela etnik Rohingya, yang sebenarnya terdiri daripada umat Islam. Ini merupakan satu keterbukaan yang saya boleh puji Yang Berhormat Jelutong dalam bab ini. Cuma apabila Yang Berhormat Jelutong kata bahawa negara ini selama ini tidak ada masalah, adakah ia menidakkkan dakwaan yang dibuat oleh sesetengah pihak bahawa selama ini berlakunya penindasan kepada kaum India di Malaysia? Juga apabila adakah keamanan negara ini disumbangkan oleh pihak polis yang merupakan petugas yang telah menjamin keamanan? Saya nampak tadi Yang Berhormat Jelutong juga berdiri bersama Menteri, Timbalan Menteri menegur pihak polis di khalayak ramai, saya rasa tidak sesuai untuk dibuat. Terima kasih.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya rasa perkara ini adalah tidak berkaitan. Saya akan merujuk kepada perkara-perkara yang menjadi asas.

Tuan Pengerusi: Ya, ini Kementerian Luar Negeri.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita lihat kepada isu Rohingya ini, *this is a very serious issue* Tuan Pengerusi. Saya minta kementerian dan Menteri mengambil berat perkara ini. Sehingga hari ini, kita lihat sudah lima bulan, enam bulan kita telah menjadi kerajaan tetapi pendirian kerajaan kita masih lagi belum tegas. Saya menuntut supaya kita mendesak ASEAN mengambil pendirian berkongsi tentera, menghantar tentera ke Myanmar, memastikan keselamatan pihak Rohingya dijamin.

Kalau pihak Myanmar tidak benarkan, minta duta kita balik, hantar mesej. Ini adalah perkara yang harus dilakukan oleh kerajaan kita. Masalah yang berlaku di sana membelenggu negara kita kerana kita lihat pelarian Rohingya begitu banyak sangat yang masuk ke negara kita. Seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bagan Serai tadi, ada yang tidak mahu balik ke sana kerana takut akan diseksa dan dibunuh.

Saya di sini mendesak Menteri untuk memberi perhatian kepada perkara ini. Jelutong mendesak Kerajaan Pakatan Harapan melihat cadangan yang telah dibuat supaya perkara ini diberi perhatian yang begitu penting. Ini kerana masalah yang berlaku ini seperti yang saya katakan, kita tahu apa yang berlaku di Palestin, jauh. Apa yang berlaku di Sri Lanka dan sebagainya. Akan tetapi Myanmar adalah begitu dekat dengan kita. So, saya di sini menyeru kerajaan yang baharu untuk memberi perhatian kepada perkara ini dan menghantar satu mesej dengan seberapa segera yang boleh tentang perkara yang berlaku di Cox's Bazar di Myanmar. Saya bersedia dengan Yang Berhormat Bagan Serai, kalau ada satu lagi misi untuk menghantar bantuan ke sana, Jelutong sedia bersama-sama untuk pergi ke sana. *[Tepuk]* Ini kerana...

Dato' Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Baik. Tahniah, tahniah.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Ini merupakan isu kemanusiaan dan kita tidak mahu bersandiwara di sini. Pakatan Harapan bersedia memberi perhatian dan saya juga mendesak Menteri, kalau boleh menyediakan dana yang mencukupi untuk memastikan satu misi disediakan, dirancang dengan seberapa segera yang boleh pada masa yang terdekat supaya kita dapat bersama-sama dalam misi ini menghantar bantuan ke Cox's Bazar.

Di sini juga saya ingin menyeru kalau ada di antara para doktor dan juga jururawat yang berpengalaman, yang bersedia menawarkan perkhidmatan supaya kementerian juga boleh memberi perhatian kepada perkara ini. Peguam tidak perlulah saya rasa, tetapi doktor dan jururawat mungkin diperlukan. Ada ramai di situ, di luar yang sedia yang mungkin telah bersara dan sedia memberi perkhidmatan mereka untuk bersama-sama dalam misi ini untuk memastikan bahawa...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Peguam bagi duit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kesihatan dan kebajikan. Untuk makluman Yang Berhormat, kalau kita masuk ke dalam *Google*, anak-anak kecil yang tidak mempunyai makanan, wanita yang merana disebabkan oleh masalah yang berlaku di Rohingya begitu banyak sekali. Ini kita tidak lihat. So, saya minta kalau boleh kementerian memberi perhatian kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Saya dengan izin, menyokong pembentangan pada peringkat ini dan juga mohon mencadangkan. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar, Papar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Papar minta laluan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar, minta laluan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Papar, sila. Yang Berhormat Papar, saya bagi laluan.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Luar Negeri, apakah perancangan kementerian berkenaan dengan agenda-agenda yang selalu diputarbelitkan oleh Kerajaan Filipina yang selalu memberitahu yang mereka akan menjadikan Sabah salah satu daripada wilayah mereka? Jadi, apa yang saya mahu di sini ialah supaya kementerian dapat membawa agenda ini kepada persidangan ASEAN untuk memberikan mereka suatu kita punya ketidakpuasan dengan apa yang mereka buat selama ini. Kita mahu *once and for all, this claim should be stopped*. Terima kasih.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, masa telah pun tamat.

Tuan Pengerusi: Ya, gulung.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Akan tetapi saya sekali lagi, Jelutong mohon dalam penggulungan nanti Yang Berhormat Menteri memberi penggulungan dan jawapan kepada persoalan-persoalan yang telah dibangkitkan, terutamanya tentang cadangan saya untuk menghantar mesej kepada pihak Myanmar supaya kita menghantar

satu misi tentera untuk menjaga keselamatan. Pada masa yang sama kalau mereka tidak bersetuju, untuk meminta duta kita balik dan menutup kedutaan di Myanmar. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bachok, silakan.

5.37 ptg.

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismilahir Rahmanir Rahim*. Pertama sekali saya ingin mengucapkan terima kasih, tahniah kepada Yang Berhormat Jelutong yang telah membangkitkan isu Rohingya. Saya yakin bahawa kita seluruh Ahli Parlimen dan juga seluruh rakyat Malaysia bersama dengan bangsa Rohingya. Kita pohonlah Kementerian Luar Negeri dapat memainkan peranan yang terbaik untuk menyelesaikan isu Rohingya yang dianggap sebagai penjara terbesar di dunia hari ini.

Saya ada tiga butiran. Butiran 020100 – Ekonomi Pelbagai Hala dan Alam Sekitar. Pertama Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai projek Mekanisme Pembangunan Bersih ataupun *Clean Development Mechanism (CDM)* di Malaysia yang turut memerlukan penglibatan negara-negara maju. Apakah usaha kerajaan supaya projek yang baik ini diteruskan pasca *Kyoto Protocol* khususnya melibatkan projek *cap-and-trade and carbon tax*.

Kedua, mengenai teknologi hijau yang merupakan satu tonggak penting di dalam menangani isu pemanasan global serta *climate change* ataupun perubahan iklim jangka panjang. Apakah perancangan kerajaan baharu untuk menggembeleng bersama negara-negara jiran khususnya negara ASEAN, bagi membantu meningkatkan aplikasi teknologi hijau sesuai dengan hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau di persidangan PBB baru-baru ini dengan tajuk "*Prosper-Thy-Neighbour*".

Butiran 030200 – Hal Ehwat Maritim. Saya ingin mendapatkan perkembangan kemelut Batu Putih di antara Malaysia dan Singapura. Pertama, apakah perkembangan rundingan Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia – Singapura (MSJTC) ketika ini? Kedua, apakah kerajaan telah merangka persempadanan maritim yang jelas khususnya terhadap pertindihan wilayah perairan Batuan Tengah dan Tubir Selatan serta Batu Putih milik Singapura?

Seterusnya 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan.

■1740

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pendirian pihak kerajaan menolak untuk meratifikasi ICERD. Saya ingin tegaskan bahawa ICERD tidak harus diratifikasi oleh Malaysia. Saya mengharapkan agar kerajaan memahami implikasi besar di sebalik desakan golongan hak asasi sama ada di luar ataupun dalam negara.

Saya ingin bertanya dan mendapat penjelasan pihak kerajaan, apakah pendirian kerajaan berkenaan dengan hasrat meratifikasi konvensyen-konvensyen yang lain khususnya berkaitan dengan konvensyen ICCPR, ICESCR dan CAT?

Seterusnya, saya ingin mendapat maklumat daripada pihak kementerian terhadap proses Semakan Berkala Sejagat (UPR), pusingan ketiga bagi Malaysia baru-baru ini? Apakah isu-isu utama yang telah dibangkitkan serta maklum balas daripada pihak kerajaan terhadap isu tersebut?

Terakhir, Tuan Pengerusi, apakah pihak kementerian bercadang untuk mengetengahkan Deklarasi Kaheerah iaitu satu dokumen berdasarkan hak asasi manusia di dalam Islam supaya dapat diteguhkan kedudukan Islam di negara ini sesuai dengan Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan? Terima kasih Tuan Pengerusi.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Hulu Langat.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Kuala Kangsar banyak kali bangun, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Langat mencelah ya?

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Tidak. Habis.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Sudah habis.

Tuan Pengerusi: Sudah habis, kita ikut Peraturan dahulu. Mengikut senarai adalah Yang Berhormat Lembah Pantai.

5.41 ptg.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Bekalan 13, Butiran 040300 – Pejabat Perwakilan Luar Negeri dan juga Pembangunan 13, Butiran 00100 – Pejabat-pejabat dan Bangunan-bangunan di Seberang Laut.

Tuan Pengerusi, saya beranggapan bahawa peningkatan yang telah kita saksikan bagi kedua-dua butiran ini bagi saya adalah satu peningkatan yang baik dan mampu membantu Kementerian Luar Negeri untuk memastikan bukan sahaja dari segi pegawai-pegawai kita, staf-staf kita yang berkhidmat memastikan masalah-masalah yang telah lama mereka hadapi dapat diatasi tetapi pada masa yang sama, saya percaya akan dapat memastikan agenda negara Malaysia dari segi Dasar Luar Negara akan dapat kita pastikan dan dilaksanakan dengan baik.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Bekalan 13, Butiran 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Pada masa yang sama, saya ingin menyentuh juga Butiran 020400 – Pertubuhan Kerjasama Islam dan Kerjasama Serantau. Kenapa saya sebutkan dua perkara ini bersekali ialah kerana memandangkan pada waktu ini kita lihat di rantau Asia, Malaysia mampu untuk memainkan satu peranan sebagai pemimpin di rantau Asia Tenggara bila masa di sekeliling negara-negara jiran kita mungkin ada yang melihat kepada kejayaan demokrasi di Malaysia pada 9 Mei untuk merubah satu kerajaan yang telah lama bertapak di negara Malaysia tanpa berlakunya sebarang pertumpahan darah ataupun insiden yang tidak diingini.

Maka kita nampak dengan kembalinya Yang Amat Berhormat Langkawi ke tampuk pimpinan negara dan dengan peralihan dari segi Dasar Luar Negara yang kini memberikan satu pandangan ke Timur atau *Look East policy*, bagi saya ia memungkinkan dalam kerangka Dasar Luar Negara yang telah dibentangkan sebelum ini yang telah kita angkat sebagai dasar ataupun kerangka baharu untuk Dasar Luar Negara.

Saya percaya tiba masanya untuk Malaysia mengorak langkah memberikan, dengan izin, *moral leadership* sama ada dalam isu etnik Rohingya di Myanmar ataupun juga dari segi *the rule of law* bila masa kita lihat di negara-negara jiran, mungkin dari beberapa sudut, pembunuhan yang seakan-akan dibenarkan di salah satu daripada negara jiran kita. Ramai yang tentunya bertanda tanya, adakah ini sepatutnya yang berlaku di rantau Asia Tenggara?

Maka persoalannya, bila masa kita sebut tentang hak asasi manusia dan isu kemanusiaan dan juga dari segi kerja sama serantau, Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanya, adakah kita negara Malaysia akan memainkan peranan yang lebih besar dengan memberikan *moral leadership*?

Kita telah lihat Yang Amat Berhormat Langkawi menyatakan bagaimana beliau tidak bersetuju dengan *veto power* di forum, di platform Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu. Akan tetapi, itu di PBB. Bagaimana pula di rantau Asia Tenggara? Adakah kita juga mampu untuk menyatakan pendirian kita bahawa kita tidak lagi akan berdiam diri seperti yang berlaku sama ada di Myanmar ataupun di negara-negara yang lain? Atau adakah kita mahu tunggu sehingga berlakunya satu kejadian seperti tragedi, krisis Rohingya berlaku sebelum kita mula bersuara? Jadi saya pohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan pandangan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 030200 – Hal Ehwal Maritim. Kita sedar dalam perbincangan tentang hal ehwal luar negara, nak tak nak, kita akan berbincang tentang isu Laut China Selatan, *South China Sea*. Keadaannya di mana meningkatnya ataupun ada wujudnya satu tekanan daripada negara-negara kuasa besar yang ingin bertapak dan meluaskan kuasa mereka di Laut China Selatan.

Maka, apakah dari segi hal ehwal maritim yang akan kita laksanakan untuk memastikan bahawa mesej daripada negara kita adalah sangat jelas dan seiring dengan negara-negara jiran, sesetengah daripada mereka, yang telah membawa kuasa-kuasa besar,

salah satu daripada kuasa besar ke ICJ, dengan izin? Akan tetapi, kita lihat tidak ada tanda penghormatan daripada negara tersebut terhadap keputusan daripada ICJ tentang isu berkaitan dengan Laut China Selatan. Jadi, saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk memberikan sedikit penjelasan tentang perkara ini.

Saya rasa mungkin setakat itu sahaja Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Kangsar. Silakan.

5.47 ptg.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Tuan Pengerusi, saya terus pergi ke Butiran 010200 – Khidmat Pengurusan. Mohon kementerian bantu meningkatkan lagi kebajikan dan keselesaan pegawai-pegawai Wisma Putra yang berada di luar negara. Saya berpendapat pegawai-pegawai Wisma Putra sudah tidak mendapat elaun yang setimpal dengan penempatan atau *posting*, dengan izin, yang diberikan di negara-negara yang tidak dilabelkan sebagai '*dunhill postings*'? Negara-negara yang saya anggap sebagai negara-negara *hardship* ini telah meletakkan banyak beban ke atas pegawai-pegawai dan perwakilan kita.

Jauh sekali dengan negara seperti Amerika Syarikat, Yang Berhormat Menteri, Turki dan juga negara-negara membangun yang lain yang memberi diplomat-diplomat mereka elaun yang lebih baik demi mengekalkan moral dan keupayaan bekerja selepas menggadaikan keselesaan dan juga keselamatan keluarga mereka untuk berpindah dan berkhidmat di negara-negara itu.

Mohon Yang Berhormat Menteri juga memberi penjelasan, adakah duta-duta besar kita perlu mengeluarkan duit poket sendiri dan meminta sumbangan-sumbangan daripada syarikat-syarikat di luar negara untuk menyumbang kepada acara-acara wajib di luar negara? Saya difahamkan, *correct me if I'm wrong*, perkara ini berlaku.

Ada juga perwakilan kita diminta berpindah ke kediaman-kediaman yang lebih kecil atau lebih jauh dengan Kedutaan Malaysia. Ini mungkin akan menyebabkan, Yang Berhormat Menteri, tekanan-tekanan yang boleh menjejaskan tugas-tugas mereka di perantaraan. Saya mohon keputusan pentadbiran seperti ini tidak harus dipraktikkan dan menyebabkan pembaziran yang besar.

Saya terus pergi kepada Butiran 010300 – Pentadbiran Am.

■1750

Dalam konteks polisi luar negara saya mencadangkan pakar-pakar polisi dan perwakilan yang pakar dan berpengalaman diberi peluang untuk berkhidmat di negara-negara *continents* seperti Afrika, Amerika Selatan atau negara-negara lain yang berpotensi tinggi seperti Timor-Leste, Papua New Guinea dan Kathmandu.

Jangan pula pegawai-pegawai yang terbaik hanya dihantar dan dikonsentrasikan ke negara-negara seperti United Kingdom, Jepun, New Zealand yang dianggap juga sebagai *dunhill postings*. Saya mohon kementerian lihat semula taburan pegawai-pegawai kita yang dapat membantu negara meningkatkan lagi pulangan untuk negara dari segi perhubungan antarabangsa dengan negara-negara yang menjadi negara-negara ekonomi baru dunia.

Seterusnya Butiran 050500 – Sumbangan Tahunan Pertubuhan Antarabangsa. Saya mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan apakah *breakdown* dengan izin, jumlah RM70 juta yang diperuntukkan kepada pertubuhan-pertubuhan peringkat antarabangsa dan apakah kriteria-kriteria dan justifikasinya supaya rakyat memahami tindakan kerajaan di peringkat dunia. Saya memohon supaya sumbangan itu lebih diberi kepada hal-hal berkaitan kemanusiaan dan alam sekitar oleh kementerian.

Akhir sekali yang saya anggap amat penting adalah Butiran 020000 – Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Pelbagai Hala dan Butiran 020600 – Kerjasama dan Pembangunan Antarabangsa. Kita harus nyatakan kepada dunia Yang Berhormat Menteri bahawa kedaulatan negara harus dihormati dan ini saya tegaskan tiada kompromi di mana-mana negara yang berdaulat dan merdeka. Dalam masa yang sama meneruskan hubungan yang rapat di antara negara-negara dunia.

Usaha kerajaan mengadakan hubungan politik dengan semua negara tanpa mengira haluan politik tetapi mesti bersyarat Yang Berhormat Menteri bahawa mereka mesti menghormati kedaulatan dan kemerdekaan Malaysia. Ini harus diusahakan dengan jujur, ikhlas dan tegas. Saya mohon Yang Berhormat Menteri tegas dengan hal-hal yang berkaitan kontrak sosial yang ada di negara ini yang telah memungkinkan kemerdekaan negara. Termaktubnya Perkara 153 dan apa sahaja perkara yang berkaitan dengannya di atas persetujuan yang kita buat di antara kita 61 tahun yang lalu.

Yang Berhormat Menteri, konvensyen ICERD adalah amat bertentangan dengan Perkara 153 dan segala perkara-perkara yang berkaitan dengannya di dalam Perlembagaan Persekutuan. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah memutuskan tidak akan meratifikasikannya.

Persoalan saya, kenapa Yang Berhormat Menteri sebelum ini ada usaha kerajaan untuk meratifikasikan sedangkan Yang Berhormat Menteri mengerti Yang Berhormat Menteri sedar ianya jelas bercanggah dengan peruntukkan dalam Perlembagaan. Dengan izin, *why do you visit this issue* Yang Berhormat Menteri?

Tidak kah ini jelas melanggar peruntukkan Perlembagaan yang kita sama-sama junjung sekian lama. Saya mencadangkan kepada Yang Berhormat Menteri agar satu ketetapan oleh kerajaan ini harus dibawa ke Parlimen ini untuk memberitahu rakyat di luar sana yang sedang resah dan gelisah bahawa perkara ini, usaha seperti ini tidak akan dibawa buat selama-lamanya di dalam mana-mana pentadbiran negara dan juga pentadbiran-pentadbiran kerajaan yang akan datang.

Dari kenyataan Yang Berhormat Langkawi juga amat menggusarkan saya ketika berkata kerajaan ketika ini tidak cukup dua per tiga untuk meminda Perlembagaan Persekutuan. Kenapa ditolak-tolak dan dijolok-jolok lagi perkara ini. Cukup-cukup lah dipertikaikan hal-hal orang Melayu dan anak-anak bumiputera Sarawak dan Sabah dan dengan berbagai-bagai tindakan semenjak kerajaan ini mentadbir.

Saya minta Yang Berhormat Menteri dan kerajaan ini, ketetapan ini dibuat bagi mempamerkan ketegasan dan *political will* kerajaan ini. Saya juga ingin menegaskan kepada kementerian jangan sekali-kali dari sekarang cuba dan terus mencuba meratifikasikan apa sahaja konvensyen antarabangsa yang bersangkutan mempunyai implikasi meminggirkan, melupakan, membatalkan perkara-perkara yang telah termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan. Sepatutnya kerajaan lah menjadi benteng hadapan untuk mempertahankan Perlembagaan Persekutuan.

Yang Berhormat Menteri, nyatakan sekuat-kuatnya kepada masyarakat antarabangsa mereka wajib menghormati kemajmukan, kedaulatan dan kemerdekaan negara kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Sekarang giliran Yang Berhormat Hulu Langat. Silakan.

5.55 ptg.

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Terima kasih Tuan Pengerusi, perbahasan peringkat Jawatankuasa, Belanjawan 2019. Saya merujuk kepada B.13 Butiran 020000, sub Butiran 020800 –Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia, muka surat 155.

Bajet bagi Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia mengalami penurunan bagi tahun 2019 berbanding 2018. Pada tahun 2018 bajet yang diperuntukkan ialah sebanyak RM4,190,000 dan pada tahun 2019 sebanyak RM2,448,700. Hal ini menampakkan penurunan bajet sebanyak RM1,741,300. Sebagai seorang Islam yang terlibat dalam pengajian Islam, saya belajar dalam ilmu syariah dan *maqasid* Syariah satu konsep... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Bahawa dalam ilmu *maqasid* Syariah, syariat itu mampu untuk menjawab dan mengendalikan urusan-urusan manusia yang sentiasa berkembang dan manusia sentiasa ada kerehah-kerehahnya dan syariat mampu untuk mengurus mereka.

Dalam konteks negara ASEAN, Malaysia sepatutnya menjadi sebuah negara yang layak menjadi contoh dan apabila kita menjadi contoh, kita mampu untuk mempengaruhi negara-negara ASEAN supaya mereka juga boleh menerima nilai yang sedang dibawa oleh kerajaan pada hari ini. Kerajaan Pakatan Harapan melalui manifestonya menekankan tentang

konsep '*rahmatan lil'alam*' iaitu membawa rahmat kepada seluruh alam. Kita menekankan tentang *good governance*, kita menekankan tentang *maqasid* Syariah yang menguntungkan semua manusia di atas muka bumi ini tidak kira apa agama dan bangsa.

Akan tetapi bagaimana Malaysia boleh menjadi contoh yang terbaik kepada negara-negara jiran yang ada ini sekiranya Malaysia tidak mempertingkatkan diri mereka, kita perlu menjadi rujukan kepada mereka. Kita sewajarnya menjadi rujukan akhlak yang mulia, menjadi rujukan pengurusan terbaik, menjadi rujukan ekonomi yang maju dan mampan. Banyak perkara yang kita boleh menjadi maju dan hebat sehingga kita boleh menjadi rujukan.

Kalau kita lihat penduduk di negara ASEAN ini sekarang ini mencecah 635 juta manusia dan potensi kapasiti pasaran seluas USD2.6 trilion dan bermaksud hampir RM10.6 trilion. Ini adalah merupakan peluang yang terbaik bagi kita membantu mengurus dan membangunkan sumber manusia yang berada di negara-negara berdekatan dengan kita.

Kalau kita perhatikan juga contoh bagaimana Malaysia menunjukkan konsep perpaduan yang berbilang bangsa di negara ini tetapi boleh hidup berkongsi dengan begitu baik. Kita ingin jadikan contoh ini kepada negara-negara ASEAN yang tentunya etnik lebih ramai di Indonesia, Vietnam, Kemboja, Laos yang pelbagai etnik, yang ada pelbagai bahasa, kita ingin mereka berkongsi untuk hidup dalam keadaan aman dan damai.

Di Malaysia ini pada hari ini saya ucapkan tahniah kepada beberapa Menteri dan Ahli-ahli Parlimen, *backbenchers* bagi pihak kerajaan dan juga beberapa teman yang memberi sokongan untuk kita bersama-sama menenteramkan apa yang berlaku di luar sana. Kita tidak sepatutnya menjadi batu api memanasakan sehingga negara kita boleh berlaku keadaan huru-hara.

■1800

Kita akan memastikan dan mengucapkan tahniah kepada PDRM yang menjalankan tugas mereka sebaik-baiknya dan mereka mempunyai strategi-strategi untuk menenteramkan keadaan. Pada waktu yang sama, saya percaya PDRM juga bersedia mendengar teguran-teguran dan nasihat daripada orang ramai untuk memperbaiki pengurusan dan pengendalian mereka.

Dengan contoh yang seperti ini, Malaysia yang menghormati Perlembagaan, saya percaya teman-teman semua telah bersetuju tidak akan mencabar kuasa Raja-raja Melayu, hak keistimewaan orang Melayu, Islam sebagai agama rasmi dan bahasa Melayu dan sebagainya. Ia tidak dipertikaikan tetapi kita mempertahankan supaya tidak wajar kita berlaku diskriminasi sesama rakyat Malaysia. Inilah suatu yang cantik yang sedang dibawa oleh kerajaan kita dalam perubahan yang ingin kita lakukan.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Hulu Langat, boleh mencelah?

Ustaz Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat]: Saya rasa saya tidak memberi peluang. Saya ingin meneruskan, Tuan Pengerusi. Negara ASEAN juga sedang giat melakukan pelbagai dialog perhubungan dan perbincangan melalui beberapa program pemerkasaan ASEAN seperti ASEAN Plus Three, East Asia Summit, ASEAN Regional Forum dan banyak lagi. Oleh sebab itu saya merasa agak hairan kenapa Kementerian Luar Negeri melalui bajet ini mengurangkan peruntukan untuk ASEAN Malaysia kerana kita mahu ASEAN menjadi lebih hebat dan pegawai-pegawai kita yang menguruskan ini akan bertambah baik.

Kami ketika terlibat dalam rombongan ke Singapura AIPA, kami berpeluang untuk berbincang dengan negara-negara ASEAN dan wakil-wakil Ahli Parlimen yang saya rasa Malaysia sangat berpotensi untuk menjadi contoh terbaik apatah lagi apabila kita telah membentuk sebuah kerajaan yang baru. Terima kasih, ringkas sahaja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Langat. Selepas ini Yang Berhormat Batu Kawan dan seterusnya Yang Berhormat Merbok. Ada lagi yang ingin berucap? Baik, kita mula dengan Yang Berhormat Batu Kawan dahulu.

6.02 ptg.

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Terima kasih, Tuan Pengerusi di atas peluang untuk Batu Kawan membahas peringkat Jawatankuasa Kementerian Luar Negeri.

Saya mulakan dengan Butiran 020000 – Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Pelbagai Hala di bawah Butiran 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Tuan Pengerusi, ingin saya tahu di Dewan yang mulia ini bilangan rakyat Malaysia yang dijatuhkan hukuman gantung sehingga mati di negara-negara lain di mana statistiknya saya faham terletak di bawah Wisma Putra. Saya ingin mendapat sedikit maklumat secara spesifik terutama sekali berhubungan dengan jenayah yang berkaitan dengan pengedaran dadah dan juga sekiranya mereka ini adalah keldai dadah atau tidak.

Kedua, adalah Butiran 020800 – Sekretariat Kebangsaan ASEAN-Malaysia. Ini berkaitan dengan perbincangan Yang Berhormat Hulu Langat rakan saya tadi mengenai persidangan AIPA yang telah saya hadir bersama dengan Ahli-ahli Parlimen daripada Malaysia. Ini berhubung dengan cara. Saya faham bahawa negara ASEAN ini ada berpaut kepada semangat *non-interference*, dengan izin. Akan tetapi dalam Jawatankuasa Politik salah satu kekangan yang telah kami semua hadapi adalah apabila mana-mana resolusi yang telah dibincangkan dalam Jawatankuasa Politik ini, contoh negara Indonesia telah memasukkan resolusi untuk membincangkan isu Rohingya di Myanmar.

Akan tetapi Myanmar berdegil untuk tidak membenarkan resolusi itu dibincangkan dalam Jawatankuasa Politik. Maka dengan itu apabila negara Indonesia menarik keputusan bersama mengenai resolusi-resolusi yang lain yang berkaitan dengan izin, *sea piracy, terrorism and terrorism financing*, maka semua resolusi yang telah kami tetapkan atau dipersetujui *it's nullified*, dengan izin Tuan Pengerusi.

Jadi, saya ingin tahu apakah peranan Wisma Putra atau kementerian *to be gatekeepers or to be facilitators* untuk membawa idea ini kepada rakan-rakan yang lain dalam Benua ASEAN ini supaya *we can come to some form of a consensus* sekiranya ada salah satu resolusi yang tidak dipersetujui maka resolusi-resolusi lain boleh diteruskan. Oleh sebab ini adalah satu kekangan besar sebab hari ini dalam ASEAN, dalam AIPA *we don't have a political resolution. There's nothing we could agree on sea piracy, on trafficking, on arms trade at sea, we couldn't come to a conclusion*, Tuan Pengerusi.

Ketiga, adalah di bawah Butiran 00500 – Program MTCP iaitu *Malaysian Technical Corporation Programme*. Saya ingin tahu apakah, *what is the purpose* untuk program-program ini dan juga bagaimana. Oleh sebab saya lihat di sini senarai institusi *training* yang mengambil bahagian dalam MTCP ini adalah *all locals, Academy of Sciences Malaysia, CIDB Holdings, Department of Fisheries Malaysia, Department of Occupational Safety and Health*, saya ingin tahu apakah impak penyertaan institusi-institusi ini dalam penggubalan dasar luar negara. *What is the impact on foreign policy or Malaysia's stand on foreign policy?*

Begitu juga sebab saya lihat peningkatan RM9 juta sehingga RM12 juta ini, jadi saya ingin tahu berapa ramai pelajar contoh ataupun pegawai yang telah keluar daripada program MTCP ini. Di manakah mereka telah dihantar? *Where is their posting? What is their function?* Saya rasa Tuan Pengerusi, *it's quite vague*. Saya ingin faham apakah struktur MTCP ini? Apakah fungsinya? *How does it help with the foreign policy?* Saya juga ingin tahu *cost benefit* yang telah di-offer oleh MTCP ini. *Is it beneficial for our foreign policy, Foreign Ministry of Wisma Putra or is this something that was just created by the previous government and we are just following it through.*

Tuan Pengerusi, keempat adalah di bawah Butiran 030100 – Perancangan Dasar. Saya ingin tahu minggu lepas saya bersama dengan Ahli Parlimen Ipoh Barat merangkap Menteri Sumber Manusia telah pergi ke Ukraine untuk menghadiri persidangan *Parliamentarians for Global Action to rectify the Rome Statute*. Kita tahu pada tahun Julai 2014 kapal terbang MAS MH117 telah ditembak oleh tidak tahu sehingga sekarang ini siapa yang telah menembaknya tetapi kapal terbang tersebut merentasi kawasan Ukraine.

Oleh itu, satu persoalan besar adalah negara mana atau siapa yang boleh dipersalahkan atau dipertanggungjawabkan ke atas musibah ini. Sekiranya negara Malaysia telah menandatangani atau meratifikasi Rome Statute, maka negara Malaysia ada kuasa untuk merujuk mana-mana negara yang lain untuk mereka dibawa ke *International Criminal Court*. Jadi saya mohon pendirian kementerian, pendirian Wisma Putra dan kementerian kerajaan betapa cepat kita akan meratifikasi Rome Statute ini.

Saya tidak bersetuju dengan seorang wakil daripada parti politik yang telah menyatakan semalam bahawa Kerajaan Pakatan Harapan tidak patut meratifikasi konvensyen-konvensyen UN. *I want put it on note here, it is important. Every Malaysian must know who was responsible for shooting down our MH117 aircraft and to do that you must*

refer a country to the International Criminal Court and to do that you must rectify the Rome Statute. Jadi, I just want to put on point here, Tuan Pengerusi.

Kelima adalah di bawah Butiran 040000 – Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Dua Hala. Ini berkaitan juga dengan pendirian kita dalam ASEAN untuk kita memperbaiki cara *consensus* dibuat, cara keputusan dibuat mengikut jawatankuasa-jawatankuasa yang ada di peringkat ASEAN.

Akhir sekali di bawah Butiran 020400 – Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kerjasama Serantau. Saya ingin mencadangkan di sini agar negara Malaysia melobi untuk memastikan keadilan diberikan kepada rakyat warga Yemen yang berdepan dengan serangan daripada Saudi Arabia *whether what kind of humanitarian aid, we can offer our Yemen brothers and sisters* terutama sekali wanita dan kanak-kanak yang menjadi mangsa peperangan ini dan juga OIC sebagai suatu suara. Maksud saya Malaysia lobi dalam OIC satu pendirian yang boleh diambil terhadap atau untuk membantu memberikan suara kepada rakan-rakan Uighur yang menjadi mangsa penindasan di negara China.

Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri Luar Negeri akan memberikan jawapan ini. Sekiranya tidak cukup masa, saya terima jawapan bertulis. Dengan ini saya menyokong Belanjawan 2019 ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih, Yang Berhormat Batu Kawan. Sekarang giliran Yang Berhormat Merbok, silakan.

6.09 ptg.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh dua butiran sahaja iaitu Butiran 020100 dan Butiran 020200 yang mana kedua-dua butiran tersebut menunjukkan peningkatan melebihi RM100 juta untuk setiap butiran.

■1810

Saya cuma ingin mendapatkan pencerahan yang sebenarnya, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri berkenaan isu *dumping of radioactive waste* dengan izin yang kebetulannya berada berdekatan dengan kawasan Yang Berhormat Menteri. Soalan saya sekiranya Malaysia mengambil keputusan untuk menghantar pulang sisa tersebut kerana jika kita sentuh Butiran 020200 yang mana ia menyentuh Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Maknanya rakyat Malaysia tak mahu terima, kita tak nak terima jadi adakah ia akan menjejaskan hubungan antara negara kita ataupun tidak *business-friendly* kita akan dianggap tidak *business-friendly*.

Ini kerana isu asalnya bahan mentah tersebut datangnya daripada Australia dan jika kita ambil keputusan hantar pulang sisa tersebut kembali ke negara asal jadi apakah pandangan sebenar Yang Berhormat Menteri dan pendirian kerajaan yang ingin kita ketengahkan dan yang ingin kita pertahankan terhadap isu ini. Itu sahaja sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang. Selepas Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Kuala Nerus. Ada lagi pembahas yang menunggu? Tidak ada ya? Jadi pembahas terakhir ialah Yang Berhormat Kuala Nerus. Silakan Yang Berhormat.

6.11 ptg.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ya, terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan di peringkat Jawatankuasa, Maksud B.13 dan P.13. Seterusnya, menyentuh kepada Butiran 020220 di mana Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Di mana kita mengucapkan tahniah di atas pendirian Kerajaan Malaysia di peringkat pelbagai hala dalam usaha untuk menangani isu hak asasi manusia sama ada dari segi sosial dan kemanusiaan. Ini termasuk juga isu Rohingya, Palestin, Syria begitu juga masyarakat di China dan begitu juga masyarakat yang sedang bergolak di peringkat antarabangsa.

Apa lagi yang melibatkan mangsanya adalah kaum wanita dan kanak-kanak. Jadi saya ingin tahu sebanyak mana sudah kos yang telah digunakan oleh pihak kementerian

untuk membantu terutama dalam membantu mangsa-mangsa di luar negara setakat ini? Apakah pencapaian setakat ini rundingan yang telah dibuat dengan negara-negara yang terlibat. Menyentuh isu hak asasi manusia saya teringat sebelum ini bagaimana dalam negara kita seorang Menteri pernah memburukkan nama Malaysia di luar negara.

Dalam satu video klip yang tersebar walaupun video ini sudah lama tetapi sampai hari ini saya belum kedengaran dan belum tahu lagi bila dia meminta maaf kepada rakyat Malaysia. Saya inginkan Menteri berkenaan minta maaf dan tarik balik di atas kenyataan beliau memburukkan Malaysia dalam isu kemanusiaan dengan menuduh tuduhan yang bohong dan yang tidak betul. Ini menjatuhkan maruah Malaysia di mata dunia. Jadi setakat ini tidak ada lagi permohonan maaf secara rasmi di dalam Dewan ini kepada rakyat Malaysia dan Kerajaan Malaysia. Jadi saya harap Menteri berkenaan hendaklah menarik balik dan memohon maaf tidak cukup dengan Perdana Menteri mengatakan dia sudah berubah.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh berkaitan dengan 020000 – Hubungan Diplomasi dan Kerjasama Pelbagai Hala iaitu berkaitan dengan isu ICERD. Bagaimana kita semua tahu isu ini banyak disentuh oleh rakan-rakan kita dalam Parlimen ini dan kita ingin mahu penjelasan dan penegasan yang betul-betul tegas dan dijamin sebab kita tak yakin. Sebab apa kami tak yakin sebab janji Manifesto Pakatan Harapan pun dikatakan kitab suci tak pasti ditunaikan. Ini belum tentu lagi janji untuk tidak tandatangani, tidak tandatangan berkaitan dengan konvensyen antarabangsa ini mungkin dia akan berubah selepas ini.

Jadi apa jaminan kerajaan untuk meyakinkan rakyat terutama penegasan dalam Dewan Parlimen ini bahawa Kerajaan Malaysia tidak sekali-kali akan menandatangani Konvensyen ICERD ini yang kita sudah tahu kesannya cukup besar pada masa depan negara. Sebab kita lihat pendirian yang dibuat...

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Tuan Pengerusi...

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Dalam laporan media hari ini pelbagai. Ada pandangan yang dinyatakan dia kena runding balik.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang minta laluan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Maaf. Yang Berhormat Rantau Panjang maaf.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ada pandangan yang mengatakan perkara ini... Saya tidak bagi laluan.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Bukan, bukan cuma hendak tanya butiran mana?

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ada laluan, ada yang mengatakan bahawa perlu ditangguhkan.

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Bagilah.

Puan Wong Shu Qi [Kluang]: Yang Berhormat bahas butiran mana ya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kluang, Yang Berhormat Rantau Panjang tidak beri laluan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Ada yang perlu dikaji balik. Jadi saya harap perkara ini ada penegasan. Kita minta Perdana Menteri supaya menyatakan ataupun Menteri Luar Negeri menyatakan dengan tegas bahawa kerajaan betul-betul tidak akan tandatangan. Jangan semata-mata kerana takut rakyat berhimpun pada 8 hari bulan maka keputusan sebelum ini yang mengatakan ditangguhkan dalam Dewan ini yang mengatakan bahawa perkara ini akan dirunding tetapi berubah apabila ada cadangan daripada bangkit pada 8 Disember 2018.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Hello, boleh saya ada penjelasan? Boleh saya tanya?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Petaling Jaya minta laluan.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Saya harap isu ini jangan dipermainkan. Rakyat sedang melihat...

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Boleh saya tanya tidak Yang Berhormat?

Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]: Isu apa ini?

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Jadi kalaulah kerajaan sebelum ini boleh dijatuhkan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Siapa yang mainkan isu ICERD, isu ICERD!

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...60 tahun mentadbir kita boleh jatuhkan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: Tidak ada kaitan dengan artikel, isu ICERD.

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya]: Yang Berhormat boleh saya tanya soalan?

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: ...Cuba mempermainkan rakyat! Rakyat akan menjatuhkan...

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan]: *Don't twist the ICERD...*

[Dewan riuh]

Tuan Pengerusi: Saya kena ikut peraturan mesyuarat seperti biasa kalau tidak diberikan laluan, duduk. Ya, silakan Yang Berhormat Rantau Panjang.

Puan Hajjah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Butiran 020400 iaitu Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kerjasama Serantau. Kita sangat berterima kasih di atas usaha yang telah dibuat oleh pihak kerajaan untuk memantau dan merangka, menyelaraskan hubungan pelbagai hala dan pertubuhan serantau serta seantero Malaysia dengan negara-negara OIC dan kerjasama serantau setelah isu hal ehwal Islam dalam konteks hubungan antarabangsa. Jadi saya ingin tahu apakah pencapaian setakat ini? Dan apakah halangan-halangan yang mungkin menjadi isu di antara negara-negara OIC? Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Sekarang giliran Yang Berhormat Kuala Nerus. Silakan.

6.16 ptg.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahir Rahmanir Rahim, Alhamdulillah wassalatu wassalamu ala Rasulillah.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi. Saya hendak merujuk pertamanya kepada Butiran 020400 – Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Kerjasama Serantau. OIC ini bukan satu pertubuhan yang baru sudah panjang usianya dan sudah tentu banyak sumbangan kepada hubungan antarabangsa di kalangan negara-negara Islam itu sendiri. Namun di sana banyak isu-isu yang tertangguh melibatkan umat Islam yang saya rasa bahawa OIC ini boleh memainkan peranan yang besar lagi daripada apa yang dirancang dan dilaksanakan sekarang.

Malaysia tentulah mempunyai peranan yang besar dalam OIC. Maka saya hendak minta pandangan daripada Menteri dalam di peringkat Pakatan Harapan yang baharu sahaja mentadbir baru enam bulan ini, adakah ada perkara baru yang kita boleh kemukakan kepada OIC? Antaranya yang saya tertarik ialah bagaimana Kesatuan Eropah yang boleh menggabungkan 28 buah negara hingga tidak memerlukan pasport ataupun visa sempadan negara, tanpa sempadan boleh bergerak dengan begitu mudah mengiktiraf kehadiran warganegara semua rakyat di negara Eropah ini.

Maka adakah Malaysia boleh mencadangkan juga kepada OIC untuk bergerak lebih jauh bukan hanya sekadar menjadi satu badan yang berhubung dari sudut kebajikan semata-mata. Akan tetapi lebih jauh lagi bukan hanya ekonomi bahkan juga dari sudut politik menggabungkan hanya dengan umat Islam sehingga akhirnya hubungan antara rakyat, warganegara, negara-negara ASEAN ini atau negara-negara di bawah OIC ini boleh seperti mana yang dilakukan di peringkat Kesatuan Eropah. Itu yang pertama.

Kedua, saya hendak merujuk kepada Butiran 040100 – Bahagian Asia. Saya ingin menarik perhatian tentang isu Palestin. Ini adalah isu yang panjang di perjuangkan oleh kita semua di sini dan bukan hanya kita memperjuangkan isu ini. Daripada tahun 1948, 70 tahun negara Palestin cuba dihilangkan hari ini di mata peta dunia hingga yang wujud hanyalah

Israel dan hanyalah satu kerajaan kecil yang dipanggil Pihak Berkuasa Palestin yang merujuk kepada dua kawasan yang tidak bercantum antara Gaza dan juga Ariha.

Maka saya ingin mencadangkan kepada kerajaan, supaya kita seperti mana yang dicadangkan oleh banyak pihak untuk mewujudkan di peringkat Parlimen kita ini satu jawatankuasa khas untuk Palestin di peringkat Parlimen. Kalau ditanya kenapa tidak juga melibatkan negeri-negeri lain yang bergolak seperti Myanmar, Yaman dan Syria.

Saya menyatakan bahawa Palestin ada nilai tersendiri. Baitulmuqaddis adalah satu bumi suci, kiblat bagi umat Islam, kiblat pertama umat Islam dan kiblat bagi agama-agama yang lain juga. Kedudukan Baitulmuqaddis yang berada di Palestin yang istimewa itu mewajarkan kita untuk memberikan satu fokus yang khusus untuk Palestin bukan hanya di mata orang Islam tetapi di mata semua rakyat Malaysia yang cintakan kedamaian. Kita tahu Malaysia antara negara yang terkedepan yang menyuarakan isu-isu berkaitan kepentingan Palestin. Maka saya mencadangkan kepada kerajaan untuk kita di peringkat Parlimen ini mewujudkan jawatankuasa khas untuk membincangkan isu-isu Palestin.

■1820

Saya sendiri terlibat dengan beberapa seminar yang dibuat setiap tahun melibatkan Palestin. Kalau dulu dipanggil *Rabitah Ballamanyi* untuk isu Palestin yang akan bersidang pada minggu depan, 14-16 hari bulan di Turki. Jadi, saya mengharapkan agar jawatankuasa dapat ditubuhkan untuk kita bincang lebih lanjut tentang masa depan dan bukan hanya kita respons pada apa yang berlaku. Apa yang berlaku dua minggu lepas, serangan terhadap Palestin, kita respons. Akan tetapi, tidak cukup respons sahaja. Kita mahukan satu dasar yang panjang, perancangan yang panjang bagaimana membebaskan Al-Aqsa, membebaskan Palestin daripada cengkaman orang-orang Zionis, cengkaman Israel.

Juga, saya hendak meminta pandangan daripada kerajaan tentang ramainya anak-anak Palestin yang datang ke negara kita ini untuk mencari ilmu berada di universiti. Sejauh manakah biasiswa yang boleh kita berikan kepada mereka jikalau mereka berada di sebuah negara yang tidak diiktiraf sebagai sebuah negara?

Maka, saya mahu tahu, apa yang Malaysia yang telah buat untuk mereka? Adakah boleh disediakan satu biasiswa khusus dengan jumlah tertentu dan amaun tertentu untuk kita sediakan khas untuk anak-anak Palestin ini?

Begitu juga dengan isu-isu melibatkan bantahan terhadap serangan, contohnya yang berlaku baru ini, serangan terhadap Palestin. Nota bantahan yang patut kita hantar bukan hanya pada PBB tetapi juga dihantar kepada seluruh negara yang memberi satu bantuan kepada Israel, termasuk negara umat Islam yang hari ini mengambil sikap normalisasi. Makna normalisasi ialah menganggap bahawa Israel bukan musuh mereka, sedangkan Israel adalah negara musuh yang menjajah bumi umat Islam.

Kita faham dengan para alim ulama telah lama memegang fatwa haram normalisasi dengan Zionis, dengan merujuk kepada banyak firman Allah SWT. Antaranya... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Jangan kamu ambil musuh-Ku dan musuh kamu sebagai aulia, orang yang diberikan kasih sayang, yang diberikan bantuan, yang diberikan hubungan persahabatan dan sebagainya*"

Maka, ketegasan para alim ulama itu patut Malaysia ambil dan sampaikan bantahan kita kepada negara-negara umat Islam yang mengadakan hubungan normalisasi dengan Zionis, negara haram Israel.

Kemudian, saya hendak juga merujuk kepada rakyat Yaman dan Syria yang hari ini ada ramai berada di negara kita. Mereka adalah *muhajirin*. Tentulah bila sebuah negara dilanda perang seperti Yaman dan juga Syria, peperangan akan menghancurkan bangsa, peperangan menghancurkan tamadun. Untuk memulakan suatu negara yang sedang bergolak, ia memerlukan satu masa yang panjang. Cuba kita tengok Iraq, bagaimana Iraq yang berperang awal 90an, hari ini sudah berlalu hampir 30 tahun, apa yang boleh dibuat di Iraq? Negara yang tidak aman, masih belum aman lagi. Maka, apa yang boleh kita berikan kepada orang-orang Islam daripada Yaman dan juga Syria ini?

Barangkali kita boleh menyediakan suatu bentuk kerakyatan yang lain daripada yang lain, khusus untuk mereka ini, oleh kerana kita sendiri ada sejarah yang panjang dengan Yaman. Ramai daripada keluarga Yaman dulu datang ke Malaysia, mereka berdakwah dan akhir membentuk satu masyarakat dan keturunan dengan pelbagai gelaran keluarga mereka

berada di Malaysia pada hari ini. Maka, barangkali dengan satu sistem baharu yang boleh kita kemukakan untuk kita serap orang-orang Yaman, orang-orang Syria ini menjadi sebahagian daripada rakyat negara kita Malaysia dengan suatu bentuk kerakyatan yang khusus bagi negara bergolak yang seumpama ini.

Kemudian, saya juga hendak merujuk pada hubungan kita dengan negara yang namanya Saudi Arabia. Saudi Arabia kelebihan adalah sebuah negara yang ada padanya kiblat orang Islam iaitu Makkah Al Mukaramah. Malaysia di peringkat dunia dikira sebagai negara yang hebat dan maju dari sudut pengurusan hajinya. Maka, adakah Kerajaan Malaysia bersedia untuk berbincang lebih lanjut dengan Saudi Arabia untuk memudahkan lagi urusan-urusan melibatkan hubungan rakyat Malaysia dengan Saudi sendiri melibatkan hubungan urusan mereka mengerjakan ibadah umrah, ibadah haji yang dipermudahkan, tidak sama dengan negara yang lain?

Oleh kerana mereka tahu bahawa orang Malaysia ini orang yang *muntazim*, yang berdisiplin, yang *muntabid*, yang bagus, ikut peraturan, maka berdasarkan rekod baik kita rakyat Malaysia, maka kita harap Malaysia boleh berunding dengan Saudi Arabia untuk memberikan lebih banyak keistimewaan untuk rakyat Malaysia apabila mereka datang. Bukan hanya sekadar boleh melawat Makkah Al Mukaramah dan juga Madinah tetapi visa untuk orang Malaysia diberikan juga untuk mereka ke tempat lain, pergi ke Badar, pergi ke Taif dan sebagainya tanpa memerlukan visa ziarah atau visa yang lain pula.

Saya yakin bahawa hubungan baik Saudi dengan Malaysia sebelum ini boleh kita gunakan untuk merundingkan perkara ini. Hari ini juga kita lihat Kerajaan Pakatan Harapan menguar-uarkan Malaysia banyak hutang. Walaupun kita tegur kerajaan, kita kata hutang itu kena beza mana hutang, mana liabiliti, biar rakyat nampak mana hutang, mana liabiliti, tetapi adakah Kerajaan Malaysia menerusi Kementerian Luar Negeri bersedia untuk berunding dengan Saudi Arabia, sebuah negara yang kaya, yang banyak hasilnya untuk meminta pinjaman daripada mereka untuk menyelesaikan sebahagian masalah kita? Ini soalan yang saya hendak kemukakan kepada kerajaan.

Terakhir, saya hendak sebut ialah tentang Butiran 030100 – Perancangan Dasar. Saya hendak sentuh tentang ICERD yang sudah banyak disentuh oleh kawan-kawan kita tadi. Saya lihat walaupun Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengeluarkan kenyataan tidak akan meratifikasi tetapi saya yakin di kalangan Ahli Parlimen di sini, di sebelah Pakatan Harapan, masih ramai yang jiwa, semangat, keinginan mereka untuk meratifikasi ICERD. Betul kah tidak, sahabat-sahabat semua? Mereka memang konsisten memberikan komitmen untuk meratifikasi. Akan tetapi, dikeluarkan kenyataan untuk membatalkan ataupun istilah mungkin menangguhkan, atau apa pun istilah yang mungkin ingin dipakai oleh kerajaan, kerana melihat gelombang rakyat yang bangkit menentang ICERD.

Maka bagi saya, apa yang dikeluarkan itu hanya satu strategi, strategi Kerajaan Pakatan Harapan untuk memandulkan sementara semangat dan motivasi rakyat yang bangkit menentang usaha-usaha untuk meratifikasi ICERD dan ia akan berulang lagi. Kalau rakyat diam, tidak berkata-kata, tidak membangkang, tidak membantah, maka orang-orang, Ahli-ahli Parlimen di sini yang memang jiwa mereka bersama ICERD akan terus melobi, kalau tidak menerusi meratifikasi konvensyen ini tapi dengan cara pintu belakang, dengan cara menerusi undang-undang dan sebagainya. Mereka tidak akan berputus asa.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat, jangan buat tuduhan, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Itu pandangan yang saya lontarkan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya minta pandangan daripada Kementerian Luar Negeri menjawab.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Saya minta Yang Berhormat Kuala Nerus jangan buat tuduhan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Bukan daripada Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Jelutong tidak perlu menjawab. Dia bangkit tanpa mengikut peraturan mesyuarat.

Tuan Pengerusi: Sila gulungkan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tidak minta izin dengan Tuan Pengerusi, terus bangun bercakap.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Tuan Pengerusi, saya hanya ingin menegur kerana beliau membuat tuduhan.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab apa yang saya lontarkan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Beaufort mohon untuk berbahas? Lima minit?

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Sekejap ya. *Insyallah.* Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Silakan.

6.28 ptg.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan menyebut tentang Butiran 020200 – Hak Asasi Manusia dan Kemanusiaan. Pertamanya, berkaitan dengan Syria. Saya ingin tahu daripada kementerian, berapakah sudah bilangan pelarian daripada Syria yang berada di dalam negara kita Malaysia? Sebab, kita dimaklumkan ada sudah yang berada di dalam negara kita ini. Apa yang menjadi kebimbangan kita ialah kerana yang ramai terlibat menjadi mangsa ini, mangsa *innocent*, dengan izin, ini adalah kaum wanita dan kanak-kanak. Ada di antara mereka sudah berada di negara kita. Adakah Malaysia, kerajaan kita masih menerima mereka ini jika mereka datang ke mari? Apakah perancangan kita untuk masa hadapan mereka ini?

Ini kerana kalau peperangan di negara mereka masih juga berterusan, tidak berhenti-henti, tidak dapat penyelesaiannya, tentunya akan lebih ramai lagi yang akan melarikan diri ke negara-negara yang lain, termasuklah ke dalam negara kita Malaysia. Kita tidak mahu apabila mereka berada dalam negara kita, mereka akan berada dalam keadaan yang sengsara, yang susah, tidak boleh bekerja, kanak-kanak tidak dapat bersekolah dan sebagainya. Ada pula nanti yang akan menjadi masalah sosial kepada kita, meminta sedekah dan sebagainya.

Keduanya, saya ingin menyentuh tentang pelarian daripada Filipina yang berada di negara kita di negeri Sabah yang mana mereka pada masa ini adalah merupakan pemegang dokumen IMM13. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa ramaikah bilangan mereka ini yang sekarang ini berada di negeri Sabah? Bagaimanakah kedudukan mereka ini? Apakah perancangan negara kita untuk masa hadapan mereka ini? Sudah adakah perbincangan diadakan dengan negara asal mereka, Filipina? Adakah mereka ini akan dihantar balik ataupun akan terus berada di negeri Sabah?

■1830

Tahukah kementerian bahawa keadaan mereka di tempat di mana mereka ini ditempatkan sekarang ini di negeri Sabah adalah terlalu teruk sangat. Saya pernah masuk ke sana, memanglah keadaannya teruk dan mereka sudah berada di sana sekian lama. Keadaan ini memang dalam pandangan saya adalah amat-amat menyedihkan.

Jadi keadaan mereka ini seperti dalam, dengan izin, *in limbo*. Mereka bukan warganegara kita, mereka tidak dapat balik ke negara mereka sendiri. Jadi di manakah kedudukan mereka? Di manakah masa hadapan mereka? Di manakah masa hadapan anak-anak dan cucu-cucu mereka? Oleh itu saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang perkara ini. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Dalam masa 30 minit, boleh Yang Berhormat? Silakan.

6.31 ptg.

Menteri Luar Negeri [Dato' Saifuddin Abdullah]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga mengucapkan terima

kasih kepada 18 orang Ahli Yang Berhormat yang terlibat dalam perbahasan peringkat jawatankuasa yang menyentuh Kementerian Luar Negeri.

Yang Berhormat kakanda saya dari Arau, saya dah tahu dah. Saya belum masuk lagi, bila tengok dia ada sahaja mesti dia tanya pasal Beting Patinggi Ali.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Arau tak ada dalam Dewan ini, Yang Berhormat.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ha itulah, dia tak ada.

Tuan Pengerusi: Jawapan bertulislah.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya jawab bertulislah kepada Yang Berhormat Arau sebab kami pun dah jawab ini banyak kali dah.

Yang Berhormat Bukit Bendera, tentang perbelanjaan untuk pihak berkuasa kebangsaan tentang Konvensyen Senjata Kimia, soal penambahan emolumen itu, itu agak *detail* sikit. Saya mohon untuk jawab bertulis tetapi saya hanya boleh nyatakan pada masa ini kerana memang ada pertambahan tugas untuk kita- Yang Berhormat Arau bila sebut sahaja, dia masuk balik. Tak apa Yang Berhormat Arau, saya akan jawab. Saya akan jawab.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Akan dijawab.

Dato' Saifuddin Abdullah: Bagi saya jawab Yang Berhormat Bukit Bendera dulu. Itulah lain kali jangan sebut nama Yang Berhormat Arau ini. Namun yang paling penting untuk Yang Berhormat Bukit Bendera ialah soal tugas yang bertambah tetapi saya dah kata tadi saya akan jawab secara bertulis.

Tentang bangunan-bangunan di luar negara. Tuan Pengerusi, kita mempunyai sejumlah 100 dan ini saya jawab bersekali dengan beberapa orang Ahli Yang Berhormat yang lain termasuk bekas Menteri Luar. Kita ada 111 perwakilan di luar negara, ada 84 Kedutaan Besar dan Pesuruhjaya Tinggi. Dua pejabat wakil tetap ke PBB, seorang wakil tetap untuk ASEAN, 21 orang *Consulate General*, dua orang Konsulat dan ada seorang perwakilan yang bertaraf Pusat Persahabatan dan Perdagangan yakni di Taipei.

Di pejabat-pejabat kita di luar negara ini, antara perbelanjaan yang juga besar ialah soal pembaikan. Pembaikan *chancery*, pejabat, pembaikan aset-aset kita seperti kenderaan. Kita ada kenderaan yang dah lama. Bekas Menteri tahu sangat, bekas Timbalan Menteri tahu sangat. Kita ada kenderaan-kenderaan yang dah lebih 10 tahun dah tetapi masih digunakan dengan gigih oleh pegawai-pegawai kita. Kita ada kelengkapan-kelengkapan ICT. Ini Tuan Pengerusi, kalau nak cerita dekat sini, malu kerana dah boleh dianggap, dengan izin, *obsolete*, akan tetapi masih digunakan.

Malahan saya tak segan untuk menyatakan ada pegawai-pegawai kita yang kerana *passion* mereka dan kerana komitmen mereka dan ini saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat bagi terima kasih kepada pegawai-pegawai Kementerian Luar di luar negara yang ramai di kalangan mereka sebenarnya bertugas tidak lagi Tuan Pengerusi, menggunakan peralatan ICT Malawakil tetapi mereka menggunakan *laptop* yang mereka beli sendiri.

Ini kita kena bagi ucapan terima kasih kepada mereka... [*Tepuk*] Semangat mereka untuk bertugas dengan begitu *committed*, dengan komitmen yang begitu tinggi sekali. Kenapa ini berlaku ialah kerana kekangan kewangan yang dihadapi oleh Kementerian Luar sejak bertahun-tahun lamanya.

Tadi misalnya ada seorang Yang Berhormat bertanya tentang mereka misalnya ada di kalangan mereka yang terpaksa menginap di tempat ataupun rumah yang agak jauh daripada...

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya, Kuala Kangsar bertanya tadi, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ya Yang Berhormat Kuala Kangsar, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Memang benar ada di kalangan pegawai kita yang oleh kerana kekangan bajet dan kita tak mampu nak membenarkan mereka menyewa di tempat yang dekat dengan *chancery* yang kosnya mahal. Mereka terpaksa tinggal agak jauh dari *chancery* dan sebenarnya di situ timbul soal keselamatan kerana mereka mungkin mengambil masa

dan tempat itu tidak begitu kondusif. Akan tetapi sekali lagi ini terpaksa dilalui kerana masalah kekangan tadi.

Jadi saya minta kefahaman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa penambahan untuk perbelanjaan bagi Malawakil di luar negara itu memang sesuatu yang sangat-sangat diperlukan. Tentulah kita akan berbelanja dengan cara berhema, tentulah ia akan diaudit dan kita akan bentang ke Dewan ini dan sebagainya, namun mereka, pegawai-pegawai kita di luar negara ini mengerjakan tugas-tugas dan amanah dan tanggungjawab mereka pada saya, dengan komitmen yang sangat tinggi sekali.

Yang Berhormat Bukit Bendera juga menanya soal hubungan kita dengan Korea Utara. Kita masih ada pejabat di Korea Utara tetapi...

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Sikit.

Dato' Saifuddin Abdullah: Sebentar ya, saya habiskan ini dulu tetapi Yang Berhormat tadi tak berbahas. Kita masih ada pejabat di Pyongyang. Akan tetapi kita tidak ada pegawai dan kita tidak ada duta di sana dan kita belum buat keputusan sama ada kita akan menghantar balik duta dan pegawai-pegawai kita ke sana. Kita tidak memutuskan hubungan tetapi kita anggap ini adalah Malawakil yang tidak aktif di Korea Utara. Ada dua isu sebenarnya, selain daripada yang berkaitan dengan kes pembunuhan yang berlaku di lapangan terbang tempatan kita beberapa tahun yang lalu, ia juga ada kaitan dengan keamanan di Semenanjung Korea.

Setakat hari ini, ada petanda-petanda yang positif di antara DPRK dengan ROK, di antara Korea Utara dengan Korea Selatan sudah ada pertemuan, sudah ada perundingan untuk menamatkan persengketaan di antara mereka. Kita dan juga termasuk ASEAN dan negara-negara yang lain mengikutinya dengan begitu rapat sekali kerana memang kita mengharapkan supaya akan ada kedamaian yang lebih berterusan di Semenanjung Korea Utara. Jadi kita mengikut perkembangan ini dengan rapat sebelum kita membuat keputusan untuk kita mengaktifkan semula Malawakil di Korea Utara.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kepala Batas minta laluan.

Dato' Saifuddin Abdullah: Yes.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Nak sambung, boleh?

Dato' Saifuddin Abdullah: Silakan.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya saya nak bangkitkan benda ini adalah sebagai pengukuhan kepada usaha dan tekad yang cuba dibawa oleh Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab saya kata tadi, kalau jumlah yang diperuntukkan dengan sekadar penambahan RM16 juta sahaja dalam belanja mengurus, saya dah beri tadi kalau saya *dollarize* mengikut tukaran, hakikatnya Yang Berhormat Menteri dibekalkan dengan sembilan juta dolar kurang.

Maknanya, bagaimanalah Malawakil kita di luar itu nak beroperasi? Kemudian bila mana ketegasan Yang Berhormat Menteri itu hendak supaya diberi suatu pemerkasaan kepada Kementerian Luar ini, saya memang cukup-cukup sokong kerana saya pernah ada di sana. Akan tetapi itulah, saya sebut ketika perbahasan, kita di Asia ini, *we are nowhere*. Kalau saya *dollarize* keseluruhan peruntukan, peruntukan yang dibekalkan oleh Kementerian Luar kita ini USD178 juta sahaja. Kalau saya *dollarize* daripada RM700 Malaysia tetapi Singapura, RM363 juta, Indonesia, RM530 juta, Filipina, RM366 juta.

■1840

Saya cuma hendak tanya strategi satu, dan kemungkinan saya hendak tanya apakah akan ada *supplementary budget which I'm going to support you*. Thank you.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya ingat nak jawab selepas ini, selepas Yang Berhormat Arau tetapi sebab dah ditanya. Sebenarnya dengan dahlah tak cukup, saya setuju. Sebenarnya kita dah anggap kita ada defisit. Ini belum mula lagi kita dah tahu dah kita ada defisit sebanyak hampir RM88 juta. Memang Tuan Pengerusi, kita akan minta belanjawan tambahan nanti. Terima kasihlah.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih atas sokongan itu.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu]: Saya ingin masuk sana, perkara yang sama. Bolehlah, pendek saja.

Tuan Pengerusi: Menteri tidak beri laluan sebab tidak bahas tadi.

Dato' Saifuddin Abdullah: Izinkan saya Tuan Pengerusi untuk terus kepada kakanda saya Yang Berhormat Arau.

Saya hendak sebutkan Yang Berhormat Arau memang dia sangat *passionate* tentang Beting Patinggi Ali ini, dan saya pun tak tahulah jawapan saya ini dia nak terima atau tidak. Akan tetapi apa lagi yang saya boleh jawab melainkan bahawa kita sentiasa bertegas, kita hantar *series of*, bersiri-siri bantahan diplomatik tentang kehadiran *coast guard* daripada China. Apa yang boleh kita lakukan- saya tahu Yang Berhormat Arau tak nak saya sebut UNCLOS tetapi UNCLOS lah yang satu-satunya undang-undang antarabangsa yang boleh kita aplikasi. Pada waktu yang sama seperti yang telah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini, kita di peringkat ASEAN dan juga dengan China telah bersetuju supaya sekarang ini kita sudah ada a *single tax* untuk *code of conduct* di Laut China Selatan.

Di Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura baru-baru ini, sudah ada persetujuan bahawa rundingan akan dimulakan pada bulan Januari 2019 dan harapan kita dalam masa tiga tahun, COC ini boleh disempurnakan dan digunakan. Namun, kita semua tahu ASEAN lawan dengan China. Pertama, betulkah dia akan setuju dengan COC yang akan kita cadangkan yang sedang kita rundingkan?

Kedua, dia mengambil masa tiga tahun. Dalam masa tiga tahun, apa saja boleh berlaku. Ketiga, setelah dipersetujui selepas tiga tahun, adakah dia akan mematuhi sepenuhnya COC dan sebagainya?

Jadi Tuan Pengerusi, kita tetap akan bertegas setakat yang kita mampu. Saya harus berterus-terang, sebagaimana saya pernah sebut dalam Dewan yang mulia ini, bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Arau menyebut *coast guard* China. Ini bagi China dia kata ini bot, tetapi saiz botnya itu besar dan lazimnya lebih besar daripada kapal kita. Jadi istilah dia '*bot*', istilah kita '*kapal*' untuk kapal *navy* kita ada masanya kecil daripada yang dia punya istilah '*bot*'. Jadi, inilah keadaan yang berlaku. Namun, saya mendapat taklimat daripada tentera laut bahawa keadaan adalah terkawal.

Selain daripada itu, apabila Yang Berhormat Arau bertanya tentang soal minyak dan sebagainya, yang ini di luar bidang kuasa saya. Saya tidak dapat hendak menjawabnya tetapi mungkin kalau jika perlu, saya akan dapatkan maklumat daripada pihak yang lain dan agensi-agensi yang lain dan kemudian menjawab secara lebih khusus secara bertulis kepada Yang Berhormat Arau yang khusus tentang bab minyak tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Terima kasih Tuan Pengerusi dan terima kasih kepada dinda saya. Cuma saya minta satu, Yang Berhormat sebagai ahli kepada Majlis Keselamatan Negara mencadangkan supaya kita tingkatkan kehadiran *navy* yang sekarang ini ada sebiji sahaja dan kapal *navy* kita lebih kecil daripada bot China. Kita minta kehadiran dua biji kapal *navy* dan empat biji APMM. Dengan itu, kita boleh menenteramkan nelayan kita yang pergi ke sana untuk menangkap ikan, mereka tidak ganggu.

Keduanya, kita nak pastikan supaya Petronas cari gali meneruskan usaha-usaha untuk mendapatkan hasil yang begitu besar di kawasan Beting Patinggi Ali, Beting Jarum dan juga kawasan persekitaran. Apakah boleh Yang Berhormat minta supaya kehadiran *navy* dan APMM itu ditingkatkan kepada jumlah berganda? Daripada satu kepada dua dan daripada dua kepada empat.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya akan sampaikan perkara ini kepada pihak MINDEF dan juga kepada pihak Petronas.

Yang Berhormat Arau dan juga beberapa orang sahabat Yang Berhormat bertanya tentang ASEAN. Cuma yang ditanya oleh Yang Berhormat Arau itu lebih spesifik tentang AIPA. Saya kira kami di kementerian sentiasa akan membantu untuk memfasilitasi peranan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam AIPA, dalam beberapa organisasi yang lain. Saya tahu misalnya Yang Berhormat Klang sangat aktif dalam *ASEAN Inter-Parliamentary Assembly* atau tentang hak asasi manusia dan sebagainya. Kita akan *facilitate* keanggotaan dan peranan...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, saya sebut tadi ICAPP- *International Conference of Asian Political Parties*.

Dato' Saifuddin Abdullah: Okey, terima kasih atas pembetulan itu termasuk saya minta dimasukkan dalam jawapan saya apa yang teguran, pembetulan daripada Yang Berhormat Arau.

Baik. Yang Berhormat Arau juga bertanya soal ICERD dan begitu ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang bertanya tentang soal ICERD ini. Saya hendak sebutkan dengan ringkas sahaja di sini. Pertama, memang benar meratifikasi enam lagi *International Convention on Human Rights*, dengan izin Tuan Pengerusi, memang ada dalam manifesto Pakatan Harapan. Ia juga disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa berucap di perhimpunan agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 28 September yang lalu.

Namun dalam ucapan itu, Perdana Menteri dengan jelas juga mengatakan ini bergantung kepada latar belakang rakyat Malaysia, akan ada konsultasi dan sebagainya. Selepas melihat perkembangan-perkembangan yang berlaku, yang semasa, maka Kabinet pada minggu lepas membuat keputusan dan kenyataan telah dikeluarkan bahawa pentadbiran Pakatan Harapan, Kerajaan Yang Dipertuan Agong - ada masanya istilah-istilah ini kita guna berselang-seli- "Kerajaan Ke Bawah Duli Yang Dipertuan Agong", "pentadbiran Pakatan Harapan"...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Dato' Saifuddin Abdullah: [Ketawa] Ya, "Kerajaan Malaysia" betullah, membuat keputusan untuk tidak meratifikasi ICERD. Sekali lagi saya hendak- ini sebenarnya kita kira sekali tidak menandatangani dan juga tidak meratifikasi kerana isunya begitu kompleks.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Tanya- itu sebab ada negara yang dia *sign*, dia tidak *ratify*.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya faham. Tuan Pengerusi, masalahnya saya kira ialah ini bukan masa untuk debat bab ini, tetapi ada waktunya perkara-perkara yang kompleks seperti ini menjadi kusut kerana kita tidak melihatnya dengan rasional. Kita tidak mengizinkan perdebatan dan perbahasan itu berjalan dengan cara yang baik. Oleh kerana itu ada waktunya berlaku salah tafsir, ada waktunya berlaku salah faham tentang misalnya kandungan dalam Perlembagaan, tentang Perkara 153 dan sebagainya. Memang ada waktunya ada pentafsiran yang berbeza tetapi tidak apalah, sekurang-kurangnya bincanglah. Ini masalahnya Tuan Pengerusi, dia tak boleh hendak bincang, dia dah jadi alergi. Sebut saja, ini nak jual. Sebut saja, ini dah jadi pengkhianat. Jadi, itu yang menjadi masalah...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Kekhawatiran itu bangkit sebab ada Menteri yang kata hendak *ratify* pada *first quarter of 2019* walaupun dinafikan, tetapi saya ada- saya ada kenyataan daripada pejabat Menteri secara rasmi dihantar ke BERNAMA. Itulah yang menimbulkan kegusaran. Kalau kata nak ada *public engagement*, ini sebagai dampingan diplomatik *public*, mungkin benda itu tidak akan terungkit. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Akan tetapi itu bukan pejabat saya ya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri, soalan sedikit.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ya, sila.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Adakah maksud tidak itu tidak selagi mana Kerajaan Pakatan Harapan menjadi pemerintah Malaysia?

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya minta maaf, saya tidak mampulah nak menjawab lebih daripada keputusan yang telah dibuat oleh Kabinet. Tuan Pengerusi, isu hak asasi manusia ini ia terus dibahaskan. Jadi saya bagi contoh, andainya ada di kalangan Menteri atau andainya ada di kalangan *backbenchers* yang menyebut tentang ICERD, itu tidak bermakna mereka hendak meratifikasi.

■1850

Saya bagi contoh Tuan Pengerusi, ada sekali dalam *Twitter* saya, saya dituduh hendak meratifikasi semula. Apabila saya tengok semula bebenang itu, sebenarnya saya bukan kata- saya sendiri pun ada masa risau apabila orang tanya soalan yang tidak ada kena mengena ini. Lama-kelamaan saya kata, "*Tidak, saya bersama dengan keputusan Kabinet untuk tidak meratifikasi.*" Kemudian orang bertanya dengan saya mengapa tidak diratifikasi. Saya beri penjelasan, tetapi ada orang salah faham dia kata, '*Ha tengok, Menteri Luar ni masih hendak pergi meratifikasi*'. Saya kata, inilah masalahnya. Ada waktunya kita sampai- saya katakan tadi ada waktunya *allergic*, ada waktunya terlalu emosi sehingga perkara yang sedemikian kompleks tidak boleh kita bahas dengan tenang, dengan rasional, dengan meraikan perbezaan pendapat di kalangan kita.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri terima kasih. *Alhamdulillah* kita dengar jelas, tidak akan *sign* dan tidak akan ratifikasi. Akan tetapi sebagaimana saya sebutkan tadi, kalau kita tidak boleh buat semua, kita jangan tinggal semua.

Dato' Saifuddin Abdullah: Yes.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Saya sebut tadi ada *low-hanging fruits* diantaranya dikatakan adalah *forced disappearance* dengan *torture*. *Torture* kalau hendak buat *reservation* pun a *lot easier*, so mungkin itu boleh- dengan ada dua itu kita sudah jadikan di-*ratify* lima. *We are equivalent to even Singapore, US, and many other countries.*

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Kepala Batas. Kalau Yang Berhormat Kepala Batas sudah buat dahulu ini, kita sudah selesai... [*Dewan ketawa*] Akan tetapi sebenarnya...

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Cadangan konstruktif Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ya, saya faham. Akan tetapi sebenarnya Yang Berhormat Kepala Batas ada jawab ini dahulu. Tidak mengapalah, saya bersetuju sebab apa yang Yang Berhormat Kepala Batas sebut itu juga yang saya sebut semasa saya membentangkan usul itu. Waktu pagi Yang Berhormat Kepala Batas ada, masa petang itu, semasa saya menggulung saya sebut perkara dengan nada yang sama dengan Yang Berhormat Kepala Batas, kita mulakan dengan *the low-hanging fruits*. Tuan Pengerusi, kawan lama ini jarang *sparing*, sesekali dia seronok juga.

Jadi, Yang Berhormat Arau saya sudah jawab. Okey Yang Berhormat Bukit Bendera saya sudah jawab, minta maaf. Yang Berhormat Kepala Batas selain daripada itu ialah tentang kerangka Dasar Luar Malaysia Baharu yang sedang kami usahakan. Ini akan memberi sedikit pengarah baru kepada sesetengah daripada kerja-kerja yang dilakukan oleh malah wakil sebagai contoh kita akan memberikan fokus yang sedikit lebih daripada dahulu tentang diplomasi ekonomi. Ini kerana memang hakikatnya itulah diplomasi yang paling utama yang harus kita lakukan.

Dalam kerangka yang bakal kita umumkan kemudian itu, kita melihat kepentingan nasional itu daripada tiga perkara. Pertama ialah keselamatan negara, yang kedua ialah kepentingan-kepentingan negara khususnya dari segi ekonomi dan yang ketiga ini ada kaitan juga dengan persoalan Yang Berhormat Kuala Kangsar tadi ialah mempertahankan identiti, kedaulatan dan sebagainya. Itu kita akan nyatakan dengan jelas dan kenyataan Yang Berhormat Kuala Kangsar itu bertepatan dengan apa yang ingin kita laksanakan. Ini bermakna ada tiga perkara utama dari segi kepentingan nasional dan dari segi dasar luar.

Tentang Rohingya, baik yang ini izinkan saya untuk menjawabnya juga Tuan Pengerusi dengan- sebab ramai yang menyebut tentang Rohingya. Ada tiga perkara yang akan kita lakukan dan sebenarnya sedang kita lakukan. Pertama ialah membawa penjenayah-penjenayah ke muka pengadilan. Rumitnya ialah kerana kita bukan anggota *Rome Statute*, jadi kita tidak boleh hendak bawa sendiri. Kita boleh bawa melalui orang lain yang ingin membawa misalnya, ataupun melalui *United Nations Security Council*.

Now, walaupun Myanmar bukan juga ahli kepada *Rome Statute* tetapi sebulan yang lepas, tiga orang hakim di ICC membuat keputusan bahawa ada perkara tertentu dalam ICC itu yang sebenarnya membolehkan untuk dibuat siasatan ke atas Myanmar. Sekiranya

siasatan itu dapat dimuktamadkan dengan cukup bukti, bahawa Myanmar boleh dihadapkan ke ICC tetapi ini kali pertama kalau berlaku, ini akan jadi *precedent* sebab tidak pernah berlaku *non-member* dibawa ke ICC. Akan tetapi sekiranya ini berlaku, maka ada kemungkinan akan ada pengadilan terhadap Myanmar. Jadi, kita sedang mengikuti sejauh mana siasatan ini akan berjalan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Jelutong minta laluan.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Yang Berhormat Jelutong atau Kepala Batas?

Dato' Saifuddin Abdullah: Yang Berhormat Kepala Batas dahulu.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Terima kasih atas jawapan itu. Saya memang sanjung usaha yang membawa Myanmar ke ICC, memang saya maklum bahawa kerana Myanmar dan kita bukan *member* atau *party to Rome Statute*. Akan tetapi saya hendak tanya tentang soal *repatriation process* yang telah dimulakan oleh ASEAN. Cuma saya dapati pembentangan yang dibuat oleh Marzuki dan Rosman, Pengerusi kepada *fact-finding missions* yang mana kita adalah sebagaimana Yang Berhormat Menteri sebut *co-sponsor*.

Nampaknya tidak mendapat sambutan yang agak baik di peringkat *United Nations Security Council*. *Special Rapporteur* juga mengatakan bahawa *very skeptical* berkaitan dengan *repatriation* dan dikatakan telah ditangguhkan. Oleh sebab itu, saya tanya tadi bahawa, usaha ini susah hendak dilakukan kalau kita hanya melihat Aung San Suu Kyi sebagai subjek yang kita hendak *deal with*. *The real invisible hand* ini adalah junta yang membentuk 25 peratus dalam Parlimen. Mereka juga yang menjadi kekangan kepada hendak mansuhkan kata 1982 *Citizenship Law*.

Oleh sebab itu saya tanya tadi adakah mungkin kita melihat *military diplomacy* untuk ada *engagement* dengan *the Generals of Myanmar* agar kita dapat laksanakan agenda untuk membawa keamanan dan keadilan kepada masyarakat Rohingya. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Minta sambung sedikit.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sambungan lanjutan daripada isu Rohingya ini. Kita terlibat di dalam perundingan, dalam politik di Singapura baru-baru ini berkenaan dengan Rohingya ini. Dalam perbincangan ini agak tegang dan kita hendak dapat penjelasan berkenaan dengan peranan Kementerian Luar yang mewakili Kerajaan Malaysia untuk meyakinkan negara-negara dalam ASEAN ini yang mana kita nampak yang bersungguh dalam menyelesaikan isu Rohingya ini adalah Malaysia dan Indonesia. Negara lain merasa macam tidak ada peranan dan tidak ada serius. Jadi, peranan Malaysia setakat mana? Dan kita dalam persidangan politik di Singapura dua bulan lepas, kita melihat ketegangan di antara agenda mesyuarat itu dengan sikap Myanmar dan di luar kita berbincang.

Sebenarnya wakil-wakil yang menjadi *representatives on behalf of the Myanmar Government* ini, dengan izin, pun tidak berani untuk membuat keputusan dan berbincang. Ini kerana seperti lanjutan yang disebut oleh Yang Berhormat Kepala Batas tadi, mereka dikuasai oleh junta tentera walaupun ada demokrasi. Ini ramai yang terlibat dalam Malaysia. Saya hendak minta penjelasan peranan Malaysia hendak meyakinkan rakan-rakan kita yang ada *spill over*, maknanya limpahan daripada isu Rohingya ini yang bersangkutan terutamanya Malaysia dan Indonesia yang paling menerima kesan yang besar daripada krisis Rohingya ini.

Akan tetapi, negara-negara seperti- Thailand satu lagi, Yang Berhormat Batu Kawan tolong sahkan sebab kami bersama dalam rundingan itu. Jadi, kita hendak minta supaya peranan Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Luar Negeri untuk meyakinkan dahulu rakan-rakan kita dalam ASEAN ini supaya mereka fokus, yang lain rasa tidak ada peranan,

tidak ada serius dan tidak ada tanggungjawab. Hanya Malaysia, Indonesia dan Thailand yang terlibat, *even* Brunei pun nampak berkecuali. Sekian.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Yang Berhormat Menteri saya ingin tanya...

Tuan Pengerusi: Silakan.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Kita lihat apa yang berlaku kepada Radovan Karadzic ketika konflik Bosnia-Herzegovina berlaku, di mana beliau telah diheret ke muka pengadilan dan telah pun dibicarakan dan dikenakan hukuman. Saya di sini ingin bertanya kepada kementerian sama ada kita perlu mengenakan tekanan bukan ke atas Myanmar, tetapi ke atas Aung San Suu Kyi. Patutkah kita memfailkan satu kes ataupun Malaysia mendapat sokongan daripada negara-negara ASEAN dan melalui ASEAN meminta sokongan antarabangsa di mana kita membawa satu kes terhadap Aung San Suu Kyi.

■1900

Ini kerana ketika beliau sendiri dikenakan tindakan *house arrest*, beliau menguar-uarkan beliau perjuangkan hak asasi manusia dan diberikan *Nobel Peace Prize Awards*, dengan izin. Akan tetapi, apa yang beliau lakukan sekarang kita lihat begitu jelas sama ada Junta yang terlibat ataupun Aung San Suu Kyi yang terlibat, saya rasa kita perlu pertanggungjawaban Aung San Suu Kyi kerana beliau merupakan, dengan izin Tuan Pengerusi, *the head of state*. Beliau mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan.

So, saya di sini ingin tanya, sehingga hari ini, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengeluarkan apa-apa kenyataan *official statement* sama ada Malaysia sendiri ataupun dalam konsep ASEAN meminta supaya tindakan perundangan diambil terhadap Aung San Suu Kyi untuk beliau diheret di mahkamah, dikenakan tindakan dan sebagainya? Ini kerana walaupun beberapa kenyataan telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Langkawi, saya rasa Yang Berhormat Langkawi tegas tetapi kita lihat sehingga hari ini tidak ada sebarang jawapan maklum balas daripada Aung San Suu Kyi dan beliau saya rasa seolah-olah bersandiwara.

So, saya ingin tanya kepada kementerian sama ada tindakan tegas akan diambil untuk memaksa mahkamah ataupun tindakan perundangan diambil terhadap pihak Aung San Suu Kyi. Terima kasih.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Tuan Pengerusi, satu lagi.

Dato' Saifuddin Abdullah: Yang Berhormat Klang tidak berucap tadi.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Sokong Yang Berhormat Jelutong. Sokong.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Klang tidak berucap tadi.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Satu lagi *point*. Satu lagi.

Tuan Pengerusi: Masa pun sudah habis.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tidak apalah, Yang Berhormat Klang. Tidak apa. *It's okay*. Saya hendak sambung sedikit Yang Berhormat Kepala Batas. Jadi soal membawa penjenayah itu, ia akan diusahakan juga. Soal *military diplomacy* ini, saya ambil nota dan kita akan cuba lihat bagaimana, kalau ia boleh dilakukan yang, mungkin baharulah, dalam pendekatan kita dalam dasar luar.

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]: Ada soal berkaitan dengan *military diplomacy* dan ASEAN. *One minute* sahaja.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon] mempengerusikan Jawatankuasa]

Dato' Saifuddin Abdullah: Tidak apalah, Yang Berhormat Klang. Saya panjang lagi ini. Terima kasih.

Tentang Aung San Suu Kyi, dia telah dilucutkan macam-macam gelaran tetapi cadangan Yang Berhormat Jelutong untuk bawa dia ke muka pengadilan itu saya nampak ada kesulitan sebab kita sudah ada nama-nama yang dinamakan oleh *Fact-Finding Mission PBB*, yang itu pun kita belum selesai. Saya rasa kalau kita hendak cadang bawa Aung San Suu Kyi, itu mungkin sesuatu yang sukar sekalilah. Buat masa ini saya tidak fikir itu satu perkara yang ingin dilaksanakan.

Ya, saya faham, Yang Berhormat Pendang, tentang peranan negara-negara ASEAN tentang isu Rohingya ini. Sebenarnya yang betul-betul bertegas ialah Malaysia dan Indonesia. Yang lain-lain itu termasuk yang disebutkan yang satu lagi tadi ditambah oleh Yang Berhormat sahabat kita, yang ini dia lebih banyak kemanusiaannya tetapi kalau betul-betul dari segi hak asasi manusia, cuma Malaysia dan Indonesia.

Saya sudah sebutkan, Tuan Pengerusi, yang mutakhir yang sedang diusahakan oleh Malaysia, Indonesia setakat ini didukung oleh negara-negara ASEAN ialah untuk memastikan repatriasi itu berlaku. Mula-mulanya ada cadangan untuk diadakan kumpulan pertama yang balik ke Rakhine State itu pada 15 November tetapi tidak berlaku. Tidak berlaku itu memang kita sudah ramal sudah, sebab tanyalah mana-mana pelarian Rohingya, mereka tidak akan hendak balik kerana ada *trust deficit*, dengan izin, terhadap Kerajaan Myanmar. Oleh kerana itu, Menteri-menteri Luar ASEAN dan kita telah ada satu keputusan untuk dilihat kalau boleh ada satu projek ASEAN untuk membantu repatriasi dengan cara kita yang berada di sana untuk memastikan repatriasi boleh berlaku secara sukarela, secara selamat dan secara bermaruah.

Akan tetapi, kita punya pendekatan bukan pendekatan ketenteraan sebab kalau ketenteraan, negara ASEAN tiada mandat dan kita tiada dananya. Ketenteraan, *peacekeeping* hanya boleh dilakukan di bawah *United Nations* tetapi negara-negara ASEAN beritahu kepada Myanmar adalah lebih baik kalau kita dalam ASEAN yang melakukan sesuatu sebelum *United Nations* datang masuk, kerana itu akan memalukan Myanmar dan sebenarnya memalukan ASEAN juga.

Fokus kita ialah bagaimana kita bagi mandat kepada *ASEAN Humanitarian Assistance (AHA)*, sebuah agensi. Kalau AHA boleh diberikan mandat oleh ketua-ketua negara ASEAN untuk mereka memainkan peranan ini. Setakat hari ini, kita ada sebuah *troika* di kalangan Menteri-menteri Luar yang diketuai oleh Menteri Luar Singapura kerana dia Pengerusi ASEAN, dianggotai juga oleh Menteri Luar Thailand kerana dia bakal Pengerusi ASEAN dan Setiausaha Agung ASEAN, mereka sedang berunding dengan kedua-kedua negara yakni Myanmar dan Bangladesh untuk membolehkan sebahagian daripada isu repatriasi ini boleh dilaksanakan secepat mungkin.

Namun, secara ikhlas, Tuan Pengerusi, kita tahu bahawa perkara ini sangat sukar, namun kita harus terus komited untuk melaksanakannya.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Menteri, minta laluan.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada celahan dari Yang Berhormat Papar.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar minta laluan sekejap. Terima kasih. Tadi saya ada bercerita mengenai agenda yang harus dimasukkan di dalam agenda persidangan ASEAN di mana seperti yang kita tahu bahawa Filipina masih *claim* Sabah sebagai salah satu daripada *territory* dia. Jadi apa yang kita mahu ialah jawapan sama ada ini boleh dibawa sebagai satu agenda di dalam persidangan ASEAN yang akan datang supaya semua ahli-ahli di dalam ASEAN dapat sama-sama memberi penghujahan sama ada ini boleh dibuat atau tidak. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Silakan Yang Berhormat Menteri menjawab.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Saya hendak jawab nanti bila sampai giliran tetapi lazimnya perkara ini melibatkan hubungan antara dua negara iaitu antara Malaysia dan Filipina. Sebaik sahaja kita bawa masuk unsur ataupun elemen yang ketiga, dia sudah jadi seperti arbitrari dan itu akan mengusutkan lagi keadaan.

Buat masa ini, kita tidak melihat ada tuntutan baharu secara rasmi daripada Kerajaan Filipina dan dalam pertemuan rasmi antara Presiden Filipina yang berkunjung ke Putrajaya dengan Perdana Menteri kita beberapa bulan yang lepas, perkara ini tidak

ditimbulkan oleh kedua-dua pihak. Saya faham keresahan rakyat kita di Sabah. Namun, saya yakin dan percaya pimpinan negara tidak akan berkompromi dalam soal ini dan kita akan melihat perkembangan ini dengan memantau perkembangan ini dengan cara yang sebaik-baiknya.

Yang Berhormat Pasir Gudang, tentang rayuan kes Batu Puteh. Sebenarnya perkara ini timbul apabila kita kalah kes itu dan kemudian ada kenyataan untuk kita membuat rayuan terhadap kes tersebut. Akan tetapi, apabila pentadbiran baharu mengambil alih selepas PRU14, kita membuat keputusan untuk menarik balik rayuan tersebut dengan alasan bahawa tidak ada bukti-bukti baharu yang memberikan kita kebarangkalian yang besar untuk menang dalam rayuan kes tersebut.

Namun demikian, ini tidak bermakna tamat sampai ke akhirnya, tidak akan ditimbulkan lagi perkara ini. Ia masih boleh dibawa kembali tetapi dalam syarat perkara ini di peringkat antarabangsa ialah seandainya kita ingin membuat rayuan, kita harus membawa bukti-bukti yang baharu yang mempunyai kebarangkalian yang besar untuk kita menang kerana kes rayuan sedemikian juga melibatkan dana yang agak besar.

Tentang Yaman, Kabinet telah membuat keputusan, Kabinet pentadbiran yang baharu telah membuat keputusan bahawa kita tidak lagi menjadi anggota kepada *coalition* ataupun gabungan yang diketuai oleh Arab Saudi ke atas Yaman dan kerana ini adalah di bawah bidang MinDef tetapi saya sekadar hendak mengulangi kenyataan yang pernah dikeluarkan sebelum ini.

Soal perwakilan atau duta ke Indonesia, sudah ada calonnya dan kita pun telah menghantar nama calon ke Jakarta dan menunggu *agreement* ataupun persetujuan daripada Kerajaan Republik Indonesia. Beliau seorang diplomat dan kita memang meneruskan dasar tidak ada lagi lantikan duta di kalangan ahli politik.

Yang Berhormat Sik menimbulkan banyak persoalan tentang Rohingya termasuk hak atase kemanusiaan.

■1910

Sebenarnya ini satu-satunya atase Kemanusiaan yang pernah kita wujudkan dan ini di bawah bidang kuasa Majlis Keselamatan Negara. Saya difahamkan perkhidmatan itu pun akan ditamatkan pada hujung tahun ini. Yang paling utama pada kerajaan ialah kita meneruskan bantuan kemanusiaan termasuklah meneruskan Hospital Medan, di Cox's Bazar sehingga akhir tahun 2019, keputusan dibuat oleh Kabinet pada minggu lalu dan meneruskan memfasilitasi bantuan kepada organisasi-organisasi antarabangsa.

Seperti yang saya pernah sebutkan, kita sekarang tertumpu untuk menyalurkan apa-apa dana yang ada itu kepada badan-badan ataupun NGO-NGO Malaysia yang beroperasi. Kita kena seimbangkan, kalau kita tidak berpartisipasi dengan badan-badan kemanusiaan antarabangsa pun tidak boleh juga. Akan tetapi kita tahu bahawa kita juga harus memberi lebih banyak dana untuk membantu lebih keras lagi, membantu lebih baik lagi kepada CSO Malaysia yang beroperasi sama ada di Bangladesh dalam Rakhine State mahupun beberapa NGO yang membantu pelarian Rohingya di Semenanjung Malaysia khususnya.

Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Sik bahawa ASEAN juga harus melihat soal dialog antara agama. ASEAN seharusnya menjadi hab untuk dialog antara agama yang melibatkan agama-agama utama di dunia. Ini mungkin perkara yang boleh kita laksanakan dengan kaedah-kaedah yang tertentu. Misalnya, ada satu platform di bawah ASEAN yang belum begitu aktif digerakkan yakni *ASEAN Institute for Peace and Reconciliation* (AIPR).

Saya cadangkan kepada Yang Berhormat, mungkin itu satu platform jika kaukus Ahli-ahli Parlimen ingin menggunakan sebagai platform. Ini sebab kita tidak ada mandat di dalam ASEAN yang khusus tentang *interreligious dialogue*. Akan tetapi, AIPR itu oleh sebab ia baru dan oleh sebab terma rujukannya agak luas juga termasuk soal rekonsiliasi, soal *public diplomacy*, saya fikir di situ mungkin ada kaedah untuk dilaksanakan perkara-perkara yang sedemikian rupa.

Yang Berhormat Sik bertanya soalan tentang berapa RM70 juta ini, anggaran yang diperuntukkan untuk sumbangan mandatori ke Pertubuhan-pertubuhan Antarabangsa dan Serantau. Yang Berhormat Kuala Kangsar juga bertanya dan seorang dua lagi Ahli Yang Berhormat tadi bertanya. Sebenarnya kalau saya boleh senaraikan dengan ringkas Tuan

Pengerusi, ini adalah sumbangan mandatori sebab kita jadi anggota kita harus membayar yuran dan sebagainya.

Sebagai contoh, untuk PBB sebanyak RM32.32 juta kepada *Group of 77*, ini tidak banyak RM19,000. Sumbangan untuk *Commonwealth Secretariat* sebanyak RM1.9 juta, sumbangan untuk *Commonwealth Fund for Technical Co-operation* sebanyak RM1.4 juta, *Commonwealth Foundation* sebanyak RM236,000. *UN Peacekeeping Operations* saya tidak ada angka di sini, tetapi boleh diberitahu kemudian. OIC sebanyak RM7.47 juta, ASEAN sebanyak RM7.69 juta.

Kalau dikumpulkan senarai ini dan mungkin saya boleh tambah kemudian pada waktu yang lain, memang tidak sampai RM70 juta. Akan tetapi ini tidak termasuk persidangan-persidangan dan sebagainya yang harus kita juga berpartisipasi di dalamnya. Kalau kita benar-benar ingin aktif di pentas antarabangsa, sekali lagi menggunakan kenyataan Yang Berhormat Kepala Batas, RM70 juta ini tidak ada apa sebenarnya, kalau kita betul-betul hendak aktif di pentas antarabangsa. Ini belum kira misalnya cadangan kita untuk aktif semula dalam kerjasama selatan-selatan. Ini merujuk kepada misalnya negara Afrika. Sesiapa yang pernah berurusan dengan negara Afrika dan menganjurkan apa-apa persidangan yang melibatkan negara Afrika tahulah bahawa ia melibatkan kos termasuk tambang dan segala macamnya.

Yang Berhormat Rasah bertanya tentang peruntukan Malawakil dan kakitangan saya telah sebutkan. Akan tetapi Yang Berhormat Rasah bertanya tentang mengapa kita harus mengambil kakitangan tempatan di Malawakil kita itu? Dia ada dua keadaan, ada negara yang kita mesti ambil kakitangan dia untuk bekerja dengan kita. Contohnya, China. Kalau tidak kita kena tutup kedutaan. Akan tetapi bagi kebanyakan negara yang lain, soalnya ialah dua perkara. Satu, soal bahasa, soal perkara-perkara yang sangat lokal sifatnya, itu adalah lebih sesuai untuk kita menggunakan kakitangan daripada rakyat mereka sendiri.

Kedua, mereka ini hanya terlibat sebagai petugas sokongan. Jadi mereka tidak membuat keputusan, kita akan pastikan kerahsiaan dijaga, tidak sampai ke tangan mereka dan untuk tugas-tugas sokongan itu, adalah lebih murah dari segi perbelanjaannya untuk kita menggunakan kakitangan tempatan daripada kita menambah *home-based staff*, yakni kakitangan yang datang daripada Malaysia.

Selain itu juga sebenarnya kita hendak mencubalah untuk dipastikan beberapa perbelanjaan yang dulunya tidak cukup, kita hendak cuba lunaskan dan kita hendak cuba tampung. Ini juga ada kaitan dengan soalan Yang Berhormat Kuala Kangsar, misalnya soal tiket penerbangan untuk kemudahan pulang sekali dalam penempatan, tiket penerbangan untuk kemudahan tambang beristirahat, *visitation rights* untuk anak-anak, kemudahan diberikan kepada pegawai untuk melawat anak-anak di bawah umur 21 tahun yang masih dalam tanggungan dan sebagainya.

Ada sesetengah daripada perbelanjaan ini saya tidak sempat sebut dengan *detail*, tetapi ada waktunya pada beberapa tahun yang lepas, agak berkurangan dan kerana itu ia tidak dapat dilaksanakan dan kita cuba hendak laksanakan semula. Kalaupun tidak sepenuhnya, tetapi sekurang-kurangnya sebahagian daripadanya.

Yang Berhormat Bagan Serai saya sudah menjawab tadi, soal Rohingya. Cuma saya hendak tambah, kita juga mendapat kerjasama daripada negara-negara yang lain. Saya sudah sebutkan senarainya pada jawapan yang lepas. Yang terbaru ialah Qatar juga ingin terlibat bersama dengan kita di Hospital Medan, di Cox's Bazar.

OIC- saya jawab sekali dengan yang ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, kalau kita lihat negara-negara Islam khususnya yang menjadi anggota OIC, imejnya ialah umumnya negara yang masih miskin, pendidikannya masih ke terbelakang, ada masalah sosial. Kemudian sekarang ini ada masalah *terrorism*. Kalau kita lihat indeks antarabangsa tentang indeks kebahagiaan, indeks pendidikan yang terbaik. Ini Menteri Pendidikan *dok* pandang, saya teringatlah, dan indeks-indeks yang lain. Tidak ada negara OIC ini yang duduk di dalam *Top 10* ke atas, *Top 10* ke bawah mungkin banyak.

Jadi, ini sesuatu yang sebenarnya sangat menyedihkan. Selama ini Malaysia memainkan peranan- satu, menjadi suara untuk Palestin, untuk Rohingya dan sebagainya. Ini kita akan teruskan. Kita juga memainkan peranan misalnya melalui membantu mereka misalnya Program MTCP tadi, yang ditanya oleh seorang Ahli Yang Berhormat, *Malaysian Technical Cooperation Programme*. Ini adalah program yang beberapa lapis termasuklah memberikan biasiswa kepada pelajar mereka yang belajar di negara kita, termasuklah

melatih pegawai-pegawai diplomat mereka, melatih pegawai-pegawai pentadbiran mereka. Ini kita akan terus lakukan.

Namun, yang harus kita mula lakukan ialah memberikan tawaran-tawaran baru dari Malaysia ataupun kepada negara-negara anggota OIC. Misalnya, melipatgandakan perkhidmatan pendidikan yang boleh kita tawarkan kepada mereka tentang perkhidmatan institusi-institusi kewangan dan dua lagi yang mungkin belum kita mulakan tetapi boleh kita mulakan ialah bagaimana membantu ataupun mempromosi amalan demokrasi di negara-negara OIC.

■1920

Peranan sebahagian besar teman-teman dalam Dewan ini yang menganuti- yang menganuti ini salah faham pula nanti, yang berpegang kepada konsep *maqasid syariah*, misalnya. Anut nanti ingat agama baharu pula. Akan tetapi satu konsep yang boleh ditawarkan kepada negara-negara OIC sebagai *Muslim democrat*, pendekatan *maqasid syariah*. Ini adalah perkara-perkara yang termasuk dalam satu daripada 11 bidang keprihatinan dalam kerangka dasar baharu yang akan kita umumkan tidak lama lagi. Jadi, kita juga harus melihat peranan kita dalam OIC yang bukan sekadar bersuara dan sebagainya.

Yang Berhormat Bagan Serai bertanya tentang status pelarian Rohingya di Malaysia. Saya terlupa hendak jawab ini. Sepatutnya awal tadi kepada Yang Berhormat Bagan Serai. Kita belum menjadi *state party* atau negara pihak bagi Konvensyen Pelarian dan juga Protokol Pelarian. Namun demikian, kita sentiasa memberikan bantuan dan perlindungan, dengan izin, untuk *persons of concern* yang memiliki kad UNHCR di Malaysia termasuk etnik Rohingya atas dasar kemanusiaan. Ada *understanding* di antara kita dengan UNHCR daripada segi ini. Oleh yang demikian kita memberikan bantuan kepada mereka dalam beberapa hal termasuk yang saya sebutkan di awal tadi soal pendidikan.

Yang Berhormat Jelutong, saya sudah jawab tadi. Aung San Suu Kyi itu begitulah seperti yang saya jawab tadi. Namun saya tidak fikir- yang ini saya kena jawablah. Betul, kita akan sentiasa tegas terhadap isu Rohingya tetapi kita tidak ada cadanganlah untuk menghantar tentera dan sebagainya. Kita percaya ada kaedah-kaedah lain yang harus kita lakukan. Yang Berhormat Papar, saya sudah jawab tadi.

Yang Berhormat Bachok, tentang ini adalah soal pembangunan bersih, soal teknologi hijau. Ini adalah perkara-perkara yang biasanya perwakilan-perwakilan kita di seluruh dunia, mereka juga terlibat dalam mempromosi pendirian Malaysia dalam hal yang sedemikian. Namun, kalau dalam diplomasi ekonomi, rakan karib kami ialah MITI, maka dalam hal soal pembangunan bersih dan teknologi hijau ini adalah kementerian yang berkaitan dengan alam sekitar. Namun untuk tahun depan, oleh kerana Thailand akan menjadi Pengerusi ASEAN dan mereka menggunakan *sustainable development* atau *sustainability*, dengan izin, sebagai tema untuk ASEAN 2019. *Insyallah*, Malaysia akan turut terlibat secara aktif dalam memastikan bahawa isu *sustainable development* ini akan menjadi suatu yang kita perjuangkan bersama-sama.

Tentang UPR, saya hendak sebutkan bahawa Wisma Putera- Tuan Pengerusi, Menteri Luar bukan Menteri Hak Asasi Manusia. Ini saya kena jelaskan sebab dalam sembilan *international convention* itu, kita lain-lain kementerian ada masing-masing punya-mereka menjadi *lead agency*. Cuma ada masa kami ke depan ini sebab kebetulan untuk *Universal Periodic Review* (UPR), memang wakil Malaysia ialah Wisma Putra. Baru-baru ini Ketua Setiausaha (KSU) kami mewakili kita dan memberikan presentasi-presentasi yang cukup cemerlang ketika pembentangan UPR yang ketiga. Pada 28 November yakni dua hari daripada sekarang, Wisma Putra akan mempengerusikan mesyuarat antara agensi sebagai memenuhi komitmen kita di Geneva bahawa kita akan ada laporan berkala untuk melihat di mana kita, apa yang perlu dilakukan dan sebagainya.

Cadangan Yang Berhormat Bachok untuk kita melihat Deklarasi Kaheerah, saya fikir perkara ini juga pernah dibincangkan sebelum ini dan tiada masalah untuk kita berbincang soal itu. Kalau diizinkan dengan ringkas sahaja berkaitan dengan UPR tadi. Kita telah mendapat 268 syor daripada 111 negara yang melibatkan pelbagai perkara misalnya ratifikasi instrumen antarabangsa, ada yang disebut *cross-cutting issues*, dengan izin, hak sivil dan politik, hak ekonomi, sosial dan budaya, wanita, kanak-kanak dan OKU, golongan minoriti dan sebagainya.

Tujuan kita mengadakan mesyuarat pada 28 November ini dan setiap tahun kita akan mengadakan mesyuarat antara agensi adalah untuk kita sentiasa ingat-mengingati apakah yang perlu kita lakukan. Ingin saya garis bawah di sini bahawa ia bukan sangat soal hanya kerana hendak *report* kepada UPR empat tahun lagi tetapi memang kita komited untuk meningkatkan prestasi dalam negara daripada segi hak asasi manusia.

Yang Berhormat Lembah Pantai, sebahagian saya sudah jawab tadi iaitu tentang ASEAN memang benar ada suatu bentuk *moral leadership* yang diharapkan dari Malaysia dan saya yakin sesiapa pun Perdana Menteri Malaysia akan mampu untuk melaksanakan tugas tersebut.

Yang Berhormat Kuala Kangsar, saya sudah jawab beberapa perkara tadi. Ya, saya sudah jawab semua untuk Yang Berhormat Kuala Kangsar, saya rasa kalau saya tidak silap. Kalaupun tidak *detailed* tetapi sekurang-kurangnya sebahagian besar saya sudah jawab. Saya memang sayang Kuala Kangsar, bukan Yang Berhormat, Bandar Kuala Kangsar... *[Disampuk]* Saya jawab betul-betul. Saya kata saya sayang Bandar Kuala Kangsar sebab saya belajar di Kuala Kangsar. Janganlah *jealous [Ketawa] Steady* lah Yang Berhormat Kepala Batas. Ini bos saya dahulu duduk sebelah. Itu dia senyum. Kalau dia senyum itu, kira okeylah itu.

Yang Berhormat Hulu Langat bertanya tentang bajet untuk Sekretariat ASEAN. Ya lah, bajet untuk Sekretariat ASEAN ini ada masa bertambah, ada masa berkurangan tetapi ia tidak akan sekali-kali mengurangkan, bahkan kita akan melipatgandakan usaha kita untuk memainkan peranan yang penting di ASEAN termasuklah untuk kita yang seperti yang sudah sebutkan tadi, *moral leadership* itu.

Yang Berhormat Batu Kawan, saya akan jawab secara bertulis tentang dua perkara.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Bertulis.

Dato' Saifuddin Abdullah: Satu tentang jumlah rakyat Malaysia yang dijatuhi hukuman bunuh di luar negeri dan juga lagi satu tadi jumlah- saya sudah jawab tentang matlamat MTCP tetapi jumlah mereka yang pernah mengikuti kursus-kursus MTCP itu saya akan jawab secara bertulis.

Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]: Menteri, sedikit sahaja. Satu perkara yang mungkin saya hendak memperingatkan. Saya juga telah tanya tentang cadangan saya bahawa kita bolehlah pertimbangkan menutup kedutaan kita di Myanmar ataupun menghantar balik Duta Myanmar yang berada di sini untuk menunjukkan tanda protes, *if we have an embassy here. So, can you please explain on that?*

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Pengerusi, buat masa ini kita tiada cadangan untuk menutup kedutaan kita di Myanmar ataupun menghantar duta mereka di sini. Dia ada duta dia di sini untuk menghantar dia pulang ke Myanmar. Ini kerana kita percaya dengan izin, *constructive engagement*. Kalaupun kita buat tindakan yang sedemikian radikal, saya bimbang ia tidak mendatangkan apa-apa kesan sekalipun. Apa yang penting ialah soal membawa penjenayah ke muka pengadilan, itu saya sudah sebut tadi. Kita komited tetapi sulit.

Kedua, yang paling utama ialah repatriasi kerana kalau tidak selesai yang itu, dua keadaan. Satu, keadaan keselamatan kita, lagi ramai tidak balik, lagi ramai yang mungkin datang ke sini dan keduanya, inilah yang mungkin dikehendaki oleh Kerajaan Myanmar. Mungkin bukan sahaja genosid tetapi berlaku *ethnic cleansing* dan kita hendak elakkan itu, jadi kita tumpu kepada yang repatriasi dan juga kita membantu meningkatkan bantuan daripada segi kemanusiaan.

Tentang MH17, kita menunggu keputusan yang konklusif daripada *Joint Investigation Team* (JIT). Di sini harus saya berkongsi bahawa kita harus berhati-hati kerana ada negara-negara tertentu yang dia hendak begitu segera Malaysia buat keputusan menghukum sebuah negara yang lain, yang saya tidak perlu sebut di sini.

■1930

Akan tetapi saya tidak fikir itu akan menyelesaikan masalah ataupun mendapatkan keputusan yang adil dan saksama untuk MH17. Soal- memang kita lantang dalam beberapa hal tetapi saya faham kerisauan beberapa orang Ahli Yang Berhormat. Kita seperti tidak begitu lantang dalam beberapa perkara seperti yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Batu

Kawan. Ada sesetengah isu yang berlaku di sesetengah negara itu kita tidak begitu lantang. Kita sedang mengkaji sebenarnya dasar kita.

Oleh sebab selalunya kita ada beberapa tindakan yang kita buat secara *ad-hoc*, kita harus melihat pengalaman masa lalu dan kita harus dengan lebih serius dan mempunyai panduan yang jelas mengapa kita mengambil tindakan- bersuara tentang sesuatu perkara tetapi mungkin tidak begitu kuat bersuara dalam perkara-perkara yang tertentu.

Cuma Tuan Pengerusi, ada waktunya dalam diplomasi ini ada juga keuntungannya dalam keadaan-keadaan tertentu tidak terlalu lantang walaupun dalam keadaan-keadaan tertentu kita harus bersuara dengan selantang yang mungkin. Yang Berhormat Merbok. *Dumping*, dengan izin, *of radioactive waste*. Ini ditimbulkan bukan sahaja dalam Dewan ini, termasuk dalam pertemuan delegasi di antara Malaysia dan Australia. Ia ditimbulkan oleh Perdana Menteri Australia, khusus tentang Lynas.

Perdana Menteri Malaysia menjawab, tidak memberi apa-apa komitmen sebab kita tahu mengapa Perdana Menteri Australia menimbulkannya. Apa yang mustahak buat masa ini ialah Kabinet telah melantik sebuah jawatankuasa untuk melihat perkara ini. Walaupun laporan sedang disediakan tetapi saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat Merbok dan teman-teman yang lain juga ada *interest* terhadap isu ini. Di sinilah sekali lagi seperti yang saya pernah sebut dahulu, caucus Ahli Parlimen sama ada isu Lynas, isu Palestin, isu Rohingya, sangat mustahak dan akan memberikan kesan yang penting.

Yang Berhormat Rantau Panjang bertanya tentang- ada satu saya kena jawab bertulis kerana Yang Berhormat secara spesifik bertanya berapakah jumlah wang yang kita telah belanjakan ataupun kos bantuan kemanusiaan yang telah kita belanjakan. Saya tidak sempat tadi sama ada Rohingya atau yang lain-lain jugalah. Ini saya akan jawab secara bertulis. OIC saya sudah jawab tadi. Akan tetapi Yang Berhormat Rantau Panjang tadi hebat sangat bersyarah, sudah timbul macam-macam, sekejap. Akan tetapi tidak apalah, itu mengelakkan kita semua daripada mengantuk.

Yang Berhormat Kuala Nerus menimbulkan juga tentang OIC. Saya sudah sebut tentang *caucus* Palestin. Ini termasuk apabila saya menjawab Yang Berhormat Batu Kawan tadi isu Syria, isu Yaman. Ini adalah perkara-perkara yang harus kita lihat dengan lebih sistematik, bermakna bukan *ad-hoc*. Apabila timbul kita jawab dan sebagainya tetapi kita harus ada- saya beri contoh Tuan Pengerusi, kita harus ada beberapa perkara yang kita tahu sudah ada dalam dasar luar negara. Misalnya, kalau berlaku *genocide*, kalau berlaku *crime on humanity* dan satu dua perkara lain. Sebenarnya kalau guna *Rome Statute*, ia ada empat perkara. Ini bermakna kalau berlaku itu, kita boleh kata baik walaupun kita ada dasar berkecuali tetapi oleh sebab negara 'A' terlibat dengan salah satu daripada empat, maka kita akan laksanakan, kita akan bersuara dan tidaklah senyap, menunggu suara-suara secara *ad-hoc* yang kita mainkan.

Yang Berhormat Kuala Nerus, saya sudah jawab tadi tentang...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Saudi Arabia.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Isu Palestin tadi, saya cadangkan ialah jawatankuasa khas Parlimen untuk isu Palestin.

Dato' Saifuddin Abdullah: Okey.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Dicapangkan oleh PICOM kepada Tuan Pengerusi sebelum ini dan dibangkitkan juga sebelum ini. Jadi, adakah kerajaan bersedia untuk berfikir ke arah itu? Oleh kerana ia juga tuntutan daripada ramai Ahli Parlimen kita, di sebelah negara Arab, daripada Palestin khususnya, untuk membantu mereka menangani pelbagai isu melibatkan mereka.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Satu sahaja Yang Berhormat Menteri, isu Palestin. Boleh ya?

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Kepala Batas.

Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas]: Sambungan daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Nerus. Memang Malaysia ini

dikenali sentiasa di pentas dunia kerana membawa isu Palestin. Salah satu Yang Berhormat Menteri pun tahu dan Yang Berhormat Menteri pun pernah respons berkaitan dengan ini adalah satu resolusi yang penting di *United Nations Security Council* yang kita capai, *I think that has been momentous* iaitu Resolusi 2334, 2016 kita capai.

Resolusi itu dikatakan *momentous* sebab untuk kali pertamanya semua 14 dalam UNSC itu *signed* ataupun bersetuju *sanction*. *For the first time* dalam 36 tahun *America abstain*. Cumanya ialah resolusi yang mengatakan yang telah mengharamkan *illegal settlement di Jerusalem by Israel* ini, dilihat salah satu pencapaian yang hebat oleh dunia tetapi malangnya setelah dua tahun ini, dilihat *enforceability* tidak berlaku. Saya dapat jawapan sebelum ini kata kita ada mengusahakan sesuatu tetapi *has been six months*. Cuma saya hendak tahu *progress*.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan *refer* perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Kepala Batas itu dan kita jawab secara bertulis. Akhir untuk Yang Berhormat Kuala Nerus tadi bertanya tentang hubungan kita dengan Arab Saudi.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Tertinggal tadi.

Dato' Saifuddin Abdullah: Palestin.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Jawatankuasa.

Dato' Saifuddin Abdullah: Saya tadi sebut *caucus* Ahli-ahli Parlimen tentang Palestin. Tentang *Select Committee*, tentang Palestin ini bergantung kepada Jawatankuasa Pemilih. Jawatankuasa Pemilih, saya difahamkan mereka sedang mencadangkan ada enam...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ada enam, ya.

Dato' Saifuddin Abdullah: Ada enam *Select Committee* yang baru tetapi sama ada termasuk atau tidak dengan isu Palestin ataupun akan ada *Select Committee* yang ketujuh, ini Tuan Pengerusi ada di sini tetapi kami akan maklumkan kepada Tuan Pengerusi kemudian bahawa ada cadangan daripada Ahli Parlimen untuk hal tersebut.

Hubungan dengan Arab Saudi, sepanjang yang saya maklum, hubungannya baik. Bahkan, kalau disebut tentang visa haji pada tahun lalu, jemaah daripada Malaysia mendapat layanan yang istimewa. Oleh kerana mereka diuruskan visa mereka di sini, tidak lagi di Arab Saudi. Itu katanya eksperimen yang pertama yang dilakukan untuk jemaah haji Malaysia dan juga yang pertama di kalangan negara-negara Islam yang lain. Mudah-mudahan ini akan berterusan dengan cara yang lebih baik.

Baru-baru ini Raja Arab Saudi menghantar seorang putera raja untuk bertemu sebagai *special envoy* untuk bertemu dengan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk mengundang Perdana Menteri kita melawat Arab Saudi. Kita belum berbincang, tidak pernah lagi berbincang soal hendak minta tolong Arab Saudi melunaskan ataupun membantu kita melunaskan hutang.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, apa yang saya bangkitkan tadi isu visa. Visa yang diberikan kepada rakyat Malaysia untuk pergi haji atau umrah terhad untuk kawasan Mekah dan Madinah. Akan tetapi ramai yang akan melencong untuk pergi ke Badar, pergi ke Taif. Kalau mengikut peraturannya, mereka memerlukan satu visa khas. Kalau kita mahu keluar daripada Mekah dan Madinah, kita perlukan visa dengan kos RM3,000 untuk seorang rakyat Malaysia. Jadi, kita mahu agar kementerian berunding dengan Arab Saudi atas dasar baiknya hubungan kita tadi untuk diberikan lebih keistimewaan kepada rakyat Malaysia.

Dato' Saifuddin Abdullah: Okey, faham. Saya tadi tidak berapa jelas. Saya faham apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, saya ambil maklum tersebut.

Yang Berhormat Beaufort tentang Sabah, saya sudah jawab tetapi kalau khusus tentang jumlah dan sebagainya itu, saya minta izin untuk jawab bertulis. Tentang pelarian-pelarian yang datang daripada luar, sebenarnya kita tidak panggil mereka pelarian. Mereka ini- kita bukan negara pihak untuk ini- sama ada dari Syria dan sebagainya- begini Yang Berhormat Beaufort, dasar kita ialah kita tidak halau. Kita tidak halau, kita tidak usir walaupun kita tahu kita ada kekangan dari segi kewangan.

Kita pun tidak mampu akan tetapi atas dasar kemanusiaan, kita tidak pernah- tidak ada lagi kes seingat saya, tidak ada lagi kes orang datang naik perahu dan sebagainya yang kita halau balik ke perairan antarabangsa dan sebagainya.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Yang Berhormat Menteri, sedikit lagi. Isu rakan-rakan daripada Syria dan Yaman ini, mereka datang ke Malaysia dan mereka mendapat bantuan daripada ramai orang Syria dan Yaman yang sudah lama di sini. Sebahagian mereka mengajar di sekolah-sekolah milik swasta dan apabila mereka hendak menyambung visa, ada sedikit kelambatan.

■1940

Jadi saya mencadangkan kalau ada satu kaedah yang lebih mudah untuk kita berikan keistimewaan untuk mereka mendapat perlindungan di negara kita, dapat ruang pekerjaan di negara dan mungkin dengan taraf khas tadi, membuka ruang yang banyak lagi untuk kita bantu mereka yang sedang menghadapi masalah sekarang.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya faham, saya ambil nota tentang perkara itu dan kita akan cuba bantu. Akan tetapi tadi kalau ada yang disebutkan tentang- saya tahu ini bukan maksudnya kerakyatan khas. Itu istilah yang digunakan sahaja. Akan tetapi, pertama, saya hendak jelaskan sebab ada orang dengar nanti- pokoknya bukan soal kerakyatan. Bukan soal kerakyatan. Ia tidak mempengaruhi soal kerakyatan tetapi ini adalah mempermudah keberadaan mereka di Malaysia supaya kebajikan mereka itu dapat mereka jaga sendiri, di samping dibantu...

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Ia macam kad UNHCR yang diberikan kepada Rohingya, seumpama itu.

Dato' Saifuddin Abdullah: Faham, faham, faham Yang Berhormat. Itu detil kita bincang kemudian oleh sebab ini di bawah kementerian yang lain, tetapi saya faham maksud yang ditimbulkan.

Tuan Pengerusi...

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Tuan Pengerusi, sikit Yang Berhormat. Yang Berhormat, Arau, Arau. Sikit.

Dato' Saifuddin Abdullah: Yes, kakanda Yang Berhormat Arau.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, yang ini Yang Berhormat tidak perlu jawab. Yang Berhormat jawab bertulis sahaja.

Okey, yang pertama sekali, Yang Berhormat sedia maklum bahawa pendatang Myanmar di sini lebih daripada 150,000 tetapi orang Rohingya cuma dalam 50,000 hingga 60,000 begitu. Jadi orang yang datang ke sini termasuklah orang yang mungkin membunuh orang Rohingya juga pun hadir di sini. Jadi ini hendak dilihat bagaimana kalau kita hendak beri perlindungan kepada pelarian Rohingya tetapi orang lain ambil kesempatan untuk tumpang sekaki.

Kedua, Yang Berhormat, fasal UNHCR. UNHCR kita sudah menghentikan perkhidmatan mereka sejak tahun 1990. Bot yang terakhir, orang yang terakhir, satu keluarga terakhir daripada Vietnam telah kita *settle*-kan. Tugas mereka tamat tetapi mereka telah terus mengeluarkan kad UNHCR yang saya timbulkan dahulu. Kad ini dikeluarkan bukan sahaja melalui depot imigresen tetapi melalui *walk-in*, dengan izin, yang mereka laksanakan di Jalan Bellamy.

Jadi pada masa yang lepas mungkin jawapan Wisma Putra tidak memberangsangkan. Jadi kami minta kali ini Yang Berhormat bertegas sikit supaya UNHCR tidak boleh mengeluarkan kad kepada mana-mana pelarian kecuali melalui dengan kebenaran, melalui depo Imigresen ataupun dengan kebenaran pihak berkuasa Malaysia. Mereka tidak boleh mengeluarkan sendiri dan tidak boleh *operate* seolah-olah mereka badan bebas yang bergerak di dalam negara ini kerana Malaysia bukan negara anggota. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil maklum cadangan Yang Berhormat Arau. Kita akan lihat perkara itu dengan lebih teliti. Sekian sahajalah, Tuan Pengerusi, jawapan.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, Beaufort.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah tamat, Yang Berhormat Beaufort.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Pelarian Filipina tadi...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah tamat, sudah tamat.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: *Sorry*. Pelarian Filipina tadi belum dijawab.

Dato' Saifuddin Abdullah: Tuan Pengerusi, saya sudah jawab...

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Sudah jawab tadi ya.

Dato' Saifuddin Abdullah: ...Filipina itu semasa menjawab Yang Berhormat Papar. Yang Berhormat Papar pun masa itu dia tidak sabar. Waktu orang lain pun dia sudah masuk tanya. Saya sudah jawab sudah. *Insya-Allah*, terima kasih. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Luar Negeri. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM632,223,700 untuk Maksud B.13 Anggaran Mengurus di bawah Kementerian Luar Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM632,223,700 untuk Maksud B.13 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual] [Tepuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM116,681,400 untuk Maksud P.13 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM116,681,400 untuk Maksud P.13 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

**Maksud B.15 [Jadual] –
Maksud P.15 [Anggaran Pembangunan 2019] –**

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita teruskan dengan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kepala Bekalan B.15 dan Kepala Pembangunan P.15 di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi terbuka sekarang untuk dibahas.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar dahulu.

7.45 min.

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Terima kasih Tuan Pengerusi.

Seorang Ahli: *Ladies first.*

Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]: Saya terus ke Butiran 010300 -Dasar dan Perhubungan Antarabangsa.

Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, apakah Dasar Perhubungan Antarabangsa yang berkaitan dengan usaha-usaha kementerian untuk memperkasakan ekonomi bumiputera? Berapakah peratusan yang diagihkan kepada sektor memperkasakan bumiputera? Apakah rasionalisasi yang berkaitan resolusi-resolusi yang dicapai semasa Kongres Masa Hadapan Bumiputera dan Negara? Adakah Yang Berhormat Menteri

mempunyai ruang-ruang atau bidang pertumbuhan baharu untuk memperkasakan ekonomi bumiputera di peringkat antarabangsa?

Seterusnya Butiran 030100 – Bertugas Ke Luar Negara. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan kenapa mendadakna kenaikan perbelanjaan bagi usaha kementerian di luar negara? Adakah ini untuk mengenal pasti sektor baharu? Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, apakah sektor-sektor baharu itu?

Seterusnya Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat. Apakah yang dimaksudkan penyusunan semula masyarakat di bawah kerajaan ini? Ia harus jelas supaya golongan masyarakat Melayu dan bumiputera tidak terus tercicir. Aspek kemiskinan yang meliputi luar bandar dan miskin bandar harus diimbangkan secara cermat. Apakah faktor yang paling mendesak supaya ia juga dapat mengukuhkan lagi integrasi nasional?

Seterusnya Butiran 00108 – Program Pembangunan dan Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar. Saya lihat ada penurunan mendadak. Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan perkara-perkara yang diutamakan dan apakah perkara-perkara pembangunan yang telah dibatalkan di dalam sektor ini?

Seterusnya Butiran 95000 – HDC. Dari semua negara yang di dalam rangkaian hal halal, adakah kementerian buat kajian mengenai pasaran-pasaran baharu? Bagaimana hendak meletakkan negara di *band* teratas sebagai pemacu industri halal negara? Apakah usaha kerajaan supaya sebahagian besar kek ekonomi halal sebanyak USD2.3 trilion di peringkat global, yang makanan USD660 bilion?

Antara sektor-sektor farmasi, makanan, kosmetik di Timur Tengah sahaja membawa pulangan yang amat besar iaitu USD2.1 bilion. Produk herba dan juga perubatan serta perbankan dan kewangan Islam. Industri halal ini masih juga diterajui oleh negara-negara seperti Australia, Thailand dan Brazil. Apakah tindakan Yang Berhormat Menteri yang terkini untuk memastikan negara Islam seperti kita dapat menjadi pemain utama dalam industri halal dunia?

Saya difahamkan juga bahawa Malaysia adalah peneraju peringkat global bagi badan pensijilan halal yang diiktiraf dunia. Apakah pulangan ekonomi dengan adanya kelebihan dan juga dapat membantu Malaysia sebagai peneraju yang ulung? Yang Berhormat Menteri, mohon nyatakan apakah usaha R&D yang telah dibuat? Di manakah bidang yang paling meningkat dan menjadi permintaan yang tertinggi? Ini supaya anggaran eksport naik dan juga pendapatan untuk negara menjadi satu perkara yang dialu-alukan oleh pemain-pemain industri.

Seterusnya Butiran 96000 – Unit Peneraju. Apakah sektor ekonomi Bumiputera yang paling berjaya yang telah diusahakan Peneraju? Apakah keberhasilannya dan juga sasaran yang ingin dicapai TERAJU untuk tahun 2019?

Butiran yang terakhir adalah Butiran 03100 – FELCRA. Yang Berhormat Menteri, ini adalah berkenaan peruntukan pembinaan projek Rumah Bina Negara (RBN) di kawasan saya, Parlimen Kuala Kangsar di Kampung Senggang yang amat mendesak. Parlimen Kuala Kangsar telah diperuntukkan sebanyak 100 buah Rumah Bina Negara.

■1950

Saya juga telah menyelesaikan permohonan tanah rizab padang ragut kepada tapak rancangan Rumah Bina Negara ini. Pada Oktober 2017, FELCRA juga telah menerima kelulusan projek daripada Lembaga Perumahan dan Hartanah Perak dan beberapa *site visit*, dengan izin, telah dibuat untuk majlis pecah tanah. Malangnya, saya dimaklumkan bahawa projek RBN yang amat dinantikan oleh masyarakat Parlimen Kuala Kangsar telah ditangguhkan kepada satu masa yang tidak dimaklumkan.

Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat meneruskan pembinaan rumah RBN ini kerana antara perkara yang dihadapi penduduk-penduduk Parlimen Kuala Kangsar adalah isu perumahan dan harga rumah yang tinggi berbanding tempat-tempat lain yang sepertinya di Perak. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar. Saya jemput Yang Berhormat Rasah.

7.51 mlm.

Tuan Cha Kee Chin [Rasah]: Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan untuk saya ambil bahagian pada perbahasan pada petang ini. Cuma dua, tiga perkara sahaja saya akan kemukakan.

Pertama, di bawah maksud Pembangunan 15. Saya perhatikan banyak peruntukan yang diberikan kepada perbadanan kemajuan negeri di setiap negeri. Cuma saya nampak tidak ada Negeri Sembilan, negeri saya. Saya hendak tanya kepada kementerian, kenapa tercicir Negeri Sembilan? Negeri Sembilan pun bawah Pakatan Harapan, dia berbeza daripada Selangor, daripada negeri Yang Berhormat Menteri yang memang kita tahu kaya. Negeri Sembilan ini tidak kaya dan memerlukan sokongan dan juga peruntukan pembangunan daripada pihak Kerajaan Persekutuan. Itu yang pertama.

Perkara kedua yang saya hendak kemukakan di sini adalah di bawah Butiran 00108 iaitu di bawah projek pembangunan. Saya mendapati ada kenaikan yang agak melonjak daripada RM90 juta pada tahun 2018 kepada RM210 juta untuk Belanjawan 2019 ini. Jadi saya hendak tahu, apakah butirannya, apakah perinciannya, apakah terdapat projek pembangunan khasnya di Parlimen Rasah?

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan pada petang ini adalah di bawah Butiran 93500 – Projek Khas. Berbanding dengan tahun lepas yang hanya diperuntukkan sebanyak RM177 juta, untuk kali ini di bawah Belanjawan 2019 sebanyak RM715 juta diperuntukkan iaitu kenaikan lebih empat kali ganda.

Tahniah kepada kerajaan dan khasnya kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi kerana saya percaya projek khas ini akan membawa banyak manfaat, faedah kepada golongan bersasar. Cuma saya hendak tahu, daripada agihan RM715 juta ini, sektor apakah yang akan diberikan fokus utama dalam projek-projek khas ini? Apakah terdapat mana-mana projek yang telah digariskan, yang telah ditetapkan akan diadakan di Negeri Sembilan khususnya di Parlimen Rasah? Ini sebab Parlimen Rasah ini pun ada kawasan-kawasan yang masih memerlukan pembangunan untuk kebaikan dan manfaat rakyat. Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Saya menjemput Yang Berhormat Beaufort.

7.53 mlm.

Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 00102 – Projek kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa banyakkah peruntukan daripada RM110 juta yang disediakan ini, berapa banyakkah yang diperuntukkan untuk negeri Sabah? Kedua, pertanyaan saya, apakah jenis-jenis projek ataupun program untuk projek kemiskinan ini?

Butiran seterusnya 00108 – Program Pembangunan. Ini juga saya ingin mengucapkan syabas kepada kementerian sebab ada peningkatan daripada segi peruntukan. Pertanyaan saya, berapakah banyakkah yang disediakan untuk negeri Sabah juga?

Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Saya lihat juga di sini ada peningkatan dari peruntukan yang disediakan. Soalan saya, adakah perancangan kementerian untuk membantu naik taraf dan juga memberikan kemudahan-kemudahan asas kepada perkampungan nelayan seperti jalan dan titi?

Saya ingin bertanya tentang projek naik taraf jalan Sangkabuk-Tanjung Aru. Sangkabuk dan Tanjung Aru ini adalah merupakan perkampungan nelayan di dalam Parlimen saya di daerah Kuala Penyu ataupun di DUN Kuala Penyu. Projek menaik taraf jalan itu sudah pun diluluskan dahulu, tetapi nampaknya belum lagi dilaksanakan. Jadi, saya ingin memohon supaya ini diteruskan. Begitu juga dengan titi-titi untuk ke rumah-rumah nelayan di Menumbok, saya mohon supaya ini dapat juga diberikan peruntukan.

Seterusnya Butiran 93500 – Projek khas. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kementerian kerana lima projek naik taraf bekalan air di daerah Kuala Penyu di dalam Parlimen saya, Parlimen Beaufort yang telah diluluskan dahulu dan ditangguhkan pelaksanaan saya difahamkan telah pun dipersetujui untuk diteruskan. *Insyaa-Allah* akan

diteruskan tahun hadapan dan saya berharap akan dapat cepat dimulakan kerana ini adalah keperluan asas kepada rakyat di kawasan di Parlimen Beaufort khususnya di daerah Kuala Penyu.

Dalam masa yang sama, saya mohon juga supaya ada projek-projek lain yang beberapa kali saya kemukakan di Dewan yang mulia ini yang masih lagi belum dilaksanakan, tetapi telah diluluskan pada masa dahulu. Pertamanya ialah masjid daerah Menumbok yang masih lagi belum dilaksanakan.

Kedua, Masjid Kampung Muhibbah di Beaufort yang masih lagi tertangguh.

Ketiganya sekolah agama di Kampung Limbawang yang belum lagi dilaksanakan. Saya mohon supaya dapat diteruskan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Beaufort. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Tebrau.

7.56 mlm.

Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]: Terima kasih Tuan Pengerusi, memberi peluang kepada saya untuk membahas petang ini. Ada beberapa butiran yang akan saya akan kemukakan.

Pertama, Butiran 70101 – Perbadanan Kemajuan Negeri: Johor di bawah tajuk pembangunan. Saya ternampak bajet sebanyak RM1 juta dicadangkan bagi butiran ini.

Saya minta kerajaan menyatakan apakah itu yang dimaksudkan dan sama ada bajet RM1 juta sahaja itu mencukupi? Saya ingin ambil kesempatan ini untuk menyeru Kerajaan Pusat supaya tumpuan diberi kepada Johor yang terletak di satu tempat yang begitu strategik dan mempunyai unsur-unsur yang diperlukan untuk dipertingkatkan ekonomi Johor seperti tenaga kerja yang baik dan kemudahan infrastruktur seperti pelabuhan, jalan raya dan kawasan industri yang boleh menerima pelaburan pelbagai jenis.

Johor tetap akan menyumbang besar dalam pertumbuhan ekonomi negara kita jika kekangan-kekangan yang sedia ada diatasi. Saya ingin memberi satu contoh, kawasan industri Tanjung Langsat yang terletak di kawasan Tebrau yang pada pelan tindakan awal ia diwujudkan untuk industri *oil and gas*, dengan izin, dan pelabuhan di situ pun dibina untuk tujuan begitu untuk *liquid cargo* sahaja, dengan izin. Akan tetapi, perkembangan tidak begitu memberangsangkan kerana tidak berapa jauh daripada kawasan situ, Kerajaan BN yang lepas telah wujudkan lagi satu projek yang besar yang dikenali sebagai projek RAPID. Johor Corp adalah tuan milik kawasan industri Tanjung Langsat dan juga Pelabuhan Tanjung Langsat sedang berusaha untuk merevitalisasikan kawasan industri itu dengan tidak bertumpu kepada industri *oil and gas*, dengan izin, sahaja tetapi dihalangkan oleh kelengkapan Pelabuhan Tanjung Langsat yang tidak boleh mengendalikan *dry cargo*, dengan izin, dalam bentuk *container*. Saya memohon agar Kerajaan Pusat dapat membantu dalam perkara ini.

■2000

Seterusnya Butiran 00108 – Program Pembangunan, dan juga Butiran 93500 – Projek Khas.

Berhubung itu, saya minta kerajaan menyatakan apakah itu Program Pembangunan dan Projek Khas dan nyatakan secara terperinci jenis program dan projek yang akan dilaksanakan.

Di bawah Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Saya juga ingin meminta kerajaan menyatakan berapakah perkampungan nelayan yang ada dan sejauh manakah pembangunan perkampungan nelayan dijalankan setakat ini.

Butiran 95000 – *Halal Industry Development Corporation*. Saya ingin minta kerajaan menjelaskan peruntukan untuk membangunkan *halal industry* ini.

Apakah langkah-langkah atau usaha-usaha yang akan diambil untuk menjayakan usaha-usaha yang dirancang? Saya juga minta kerajaan nyatakan sama ada kerajaan ada pelan untuk menerima pelaburan daripada negara-negara asing, khususnya daripada negara China yang menunjukkan minat untuk datang ke Malaysia untuk mengilang produk yang boleh diiktiraf sebagai halal.

Akhirnya Butiran 99000 – Banci Ekonomi/EKS. Peruntukan ini meningkat sebanyak RM78 juta.

Saya ingin meminta Kerajaan Pakatan Harapan menjelaskan sebab-sebab untuk memohon peningkatan bajet yang begitu ketara. Selama ini kerajaan telah menjalankan banyak jenis banci dan banyak responden banci tidak menerimanya kerana ini sangat membebankan mereka untuk mengisi borang-borang banci yang memohon banyak maklumat yang terperinci.

Adakah peningkatan bajet yang ketara ini bermakna kerajaan akan memperkenalkan jenis-jenis banci yang baharu? Saya menyeru bahawa kerajaan tidak akan meningkatkan beban responden-responden dan banci baharu jika ada dan jika akan dicadangkan supaya ini hanya akan dilakukan jika sudah dikaji akan memberi manfaat kepada kerajaan untuk merealisasikan usaha-usaha untuk membangunkan ekonomi negara kita. Dengan ini saya mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Seterusnya saya jemput Yang Berhormat Tumpat.

8.04 mlm.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Teramat terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Saya akan hanya mengambil masa yang ringkas untuk dua soalan dan tiga persoalan sahaja. Oleh sebab Tumpat adalah parlimen yang saya wakili merupakan daerah nelayan, saya sangat berminat untuk mengetahui secara terperinci mengenai peruntukan yang melibatkan para nelayan.

Dalam Butiran 00117, saya melihat peruntukan sebanyak RM28.2 juta yang telah diperuntukkan bagi pembangunan perkampungan nelayan berbanding dengan hanya RM5.9 juta sahaja pada tahun 2018. Jadi saya ingin mendapat maklumat mengenai perancangan terperinci pihak kementerian terhadap pembangunan perkampungan nelayan serta langkah-langkah strategik supaya pengagihan peruntukan ini dapat disalurkan dengan adil kepada semua.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Butiran 93500 Projek Khas yang juga telah disentuh oleh Yang Berhormat daripada Rasah.

Saya juga ingin mendapat penjelasan mengenai Projek Khas di bawah Maksud Pembangunan 15. Ini kerana peruntukan tersebut mengalami peningkatan yang tinggi berbanding dengan peruntukan pada tahun 2018. Justeru saya mohon Kementerian memperjelaskan perincian peruntukan RM715.2 juta mengenai apa projek yang telah dirancang oleh pihak kementerian dengan peruntukan yang besar ini secara perbandingannya.

Yang Berhormat Tuan Pengerusi saya juga melihat peruntukan yang besar dalam Butiran 99000 untuk Banci Ekonomi/EKS iaitu sebanyak RM134.9 juta berbanding cuma RM56.2 untuk tahun 2018. Sehubungan itu saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan akan maksud dan tujuan serta perincian ke mana peruntukan wang tersebut akan dibelanjakan.

Akhirnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 02000 khusus Butiran 020100 – Perancangan Ekonomi untuk merayu kerajaan agar menggunakan segala hikmah dan kebijaksanaan untuk menyalurkan royalti kepada rakyat Kelantan melalui kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Kita telah pun mendengar pelbagai jawapan dan hujah-hujah oleh pimpinan-pimpinan kerajaan baik di dalam Dewan ini mahupun di luar Dewan. Ada yang munasabah dan ada yang tidak munasabah sebenarnya pun.

Namun saya yakin dan sangat mengharapkan sesuai dengan semangat baharu, kerajaan baharu ini akan punya kekuatan untuk merungkai dan menyelesaikan segala masalah- kalau ada sebenarnya, untuk melaksanakan keadilan kepada rakyat Kelantan

dengan membayarkan royalti yang terhak kepada Kelantan dengan segera. Sekian terima kasih

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Tumpat. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kalabakan.

8.08 mlm.

Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]: Oh, terima kasih [*Ketawa*] Daripada pagi menanti, akhirnya Tuan Pengerusi. Jadi yang pertama saya hendak sentuh Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Kalau projek membasmi kemiskinan mungkin kita boleh terima, ini projek memiskinkan manusiakah? Jadi mahu minta butiran projek kemiskinan dan berapa peruntukan untuk Sabah.

Butiran kedua, Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat yang dapat RM300 juta. Jadi saya mahu minta dengan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk merencanakan ekonomi di Sabah dengan mengadakan peluang-peluang pekerjaan. Sejak 20 tahun yang lalu anak-anak muda Sabah berhijrah ke Semenanjung. Sampai hari ini bekerja di kilang-kilang di sini kerana tiada usaha-usaha serius untuk merencanakan industri pembuatan di Sabah dan penawaran pekerjaan yang sangat sedikit.

Jadi butiran ketiga Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan mendapat peruntukan RM28,200,000. Jadi di Sabah juga banyak kampung nelayan yang terbiar. Jeti-jetinya sudah terbiar dan tidak diperbaiki. Jadi kami mahu minta butiran apakah diperuntukkan untuk pembangunan perkampungan nelayan ini.

Keempat, Butiran 93500 – Projek Khas. Apakah perincian untuk peruntukan RM715,158,600? Apakah projek-projek yang diperuntukkan dalam projek khas ini.

■2010

Terakhir, Unit Peneraju – Butiran 96000 berjumlah RM30,000,100. Apakah inisiatif-inisiatif yang diperuntukkan dalam Unit Peneraju ini? Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan.

Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]: Ya, terima kasih.

Datuk Rozman bin Isli [Labuan]: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Jemput Yang Berhormat Kota Tinggi.

8.10 mlm.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Saya dah agak Yang Berhormat Tuan Pengerusi hendak panggil saya. Itu yang tembus ke Yang Berhormat Tumpat tadi itu. Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih banyak-banyak.

Saya ada beberapa perkara saya hendak bangkitkan khusus untuk kawasan saya sahaja. Berkaitan dengan Butiran 16200 – Projek Jalan Felda. Ada dekat RM100,000,000 dekat situ. Saya hendak bangkitkan tentang projek terbatal ini. Dibatalkan projek ICU. Naik taraf kampung Felda Lok Heng Barat, tender dah keluar 10 April 2018. Menang sahaja Kerajaan Pakatan Harapan, kerajaan baharu tender batal 30 Julai 2018. Jarak jalan enam kilometer, turap semula, lebar bahu jalan dan naik taraf longkang melibatkan 484 peneroka, 2,900 orang dan kali terakhir *maintain* jalan ini ialah 15 tahun yang lalu. Yang Berhormat Menteri jangan catat sahaja. Masukkan dalam projek untuk diluluskan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Projek Jalan Felda juga. RM100 juta ini banyak, saya minta sedikit sahaja. Hari itu saya dah bawak dah tetapi yang itu pun projek terbatal. Yang Berhormat Menteri juga yang jawab hari itu dalam usul. Terima kasih banyak.

- (i) naik taraf jalan kampung Felda Bukit Aping Barat, satu kilometer;
- (ii) naik taraf jalan kampung Felda Bukit Aping Timur, satu kilometer; dan

(iii) naik taraf jalan kampung Felda Bukit Easter, satu kilometer.

Peneroka 1,295 orang dan penduduk seramai 9,000 orang. Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin bangkitkan isu di bawah Butiran 16300 – Projek Sistem Bekalan Air Felda sebanyak RM160 juta diperuntukkan.

Ini adalah satu isu yang amat kritikal Tuan Pengerusi. Ini adalah satu isu yang amat kritikal bagi masyarakat dalam kawasan Gugusan Felda Waha. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri akan dapat membantu rakyat yang ada, terdiri daripada 1,175 orang peneroka yang melibatkan tiga rancangan di dalam kawasan gugusan Felda Waha itu. Felda Bukit Waha, Felda Bukit Easter dan Felda Simpang Waha.

Isunya Yang Berhormat Menteri, bekalan air sedia ada menjadi masalah daripada dahulu sampai sekarang. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri, apa yang diperlukan untuk kita naik taraf memperbaiki sistem bekalan air Felda di Gugusan Waha ini ialah kita perlu binaan sistem perpaipan baharu untuk kita salurkan bekalan air mentah daripada *intake* loji Mawai ke loji air Gembut sejauh lebih kurang 15 kilometer.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri juga, pihak SAJ yang menguruskan air di negeri Johor ini akan menanggung kos pembinaan penyaluran air daripada loji air Gembut ke Gugusan Waha termasuk naik taraf loji air Gembut dan membina tangki air Gugusan Waha. Apa yang saya hendak mohon daripada Yang Berhormat Menteri, kos bagi pembinaan sistem perpaipan yang memerlukan perbelanjaan sebanyak RM30 juta. Ini adalah anggaran yang telah pun dibuat oleh pihak SAJ yang kita minta supaya Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan dapat membantu menyelesaikan isu air bagi tiga rancangan FELDA ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, di bawah projek khas ada RM715 juta. Ini tentang cerita perumahan Gen 2 terbengkalai di Felda Aping Timur iaitu 200 unit, 60 *percent* baru sahaja siap dan tarikh mula 2010. Sepatutnya siap 2012 akan tetapi banyak sangat masalah, projek ini terbengkalai. Bila projek ini terbengkalai Tuan Pengerusi, dia menyebabkan hakisan tanah yang meruntuhkan tebing projek perumahan Gen 2 ini dan merosakkan jalan utama di dalam kawasan rancangan Felda Aping Timur ini. Jadi, saya minta yang ini pun Yang Berhormat Menteri tolong bantu selesaikan saya.

Seterusnya Tuan Pengerusi di bawah Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri, jalan ini dah lama orang kampung minta.

Pembinaan jalan dari Johor Lama ke persimpangan Air Tawar 2 yang telah pun kita mohon daripada tahun yang sudah supaya dapat membantu masyarakat saya daripada kampung Johor Lama sampailah kepada penempatan Felda Air Tawar 2.

Seterusnya Tuan Pengerusi di bawah Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar. Bina semula jalan di Kampung Baru Pasak. Semalam saya balik kawasan, Yang Berhormat Menteri jalan itu putus. Agaknya dia tahu saya hendak jumpa Yang Berhormat Menteri hari ini dan semalam jalan itu putus. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri tolonglah keluarkan peruntukan segera untuk baik pulih jalan putus ini kerana ia menjejaskan urusan harian rakyat di Kampung Baru Pasak ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, ini isu yang paling penting bagi saya, kebetulan Yang Berhormat Menteri KPLB ada, FELCRA. Akan tetapi yang menanggung urusan kewangan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Tuan Pengerusi, Bekalan Air Luar Bandar di bawah Butiran 02000, mungkin di bawah Semenanjung agaknya, Butiran 02001. Isu tanah runtuh di atas *reserve* tangki air dan *reserve* tangki air ini adalah hak milik kepada FELCRA. Belum diserahkan kepada kerajaan negeri. Jadi, hak milik kepada FELCRA. Tarikh bina 2011 dan tarikh siap bina 2014. Tanah runtuh berlaku pada 11 September 2018.

Buat sementara waktu ini, air yang sepatutnya disimpan dalam tangki air itu telah pun diberhentikan untuk mengelakkan daripada berlaku runtuhan yang lebih dahsyat. Jadi, mohon kepada Yang Berhormat Menteri, ini adalah perkara yang paling kritikal dan saya harap ini akan dapat diluluskan dengan segera. Kalau ikut anggaran, kita minta daripada pihak JKR lebih kurang dalam RM3 juta. Jadi, saya ingat bukan masalah bagi kerajaan baharu yang dipilih oleh rakyat untuk memberikan menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi ini.

Perkara yang seterusnya Tuan Pengerusi. Di bawah Butiran 01707 – Pemasangan Baharu Lampu Jalan Kampung. Memberikan keselesaan, keselamatan kepada penduduk kampung, saya pohon supaya dapat diberikan satu unit *feeder pillar*, saya ada 29 kampung,

29 simpang di kawasan saya. Pemasangan satu unit *feeder pillar* bagi setiap 29 simpang ini dan pemasangan enam unit lampu jalan bagi setiap 29 simpang kampung di kawasan saya.

Terakhir Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Tidak tahulah ini boleh bawa dekat sini atau tidak ataupun peruntukan yang ada itu dikhususkan untuk projek yang tertentu tetapi saya tetap bawa di sini. Permohonan membina sebuah jeti baharu ganti yang lama, yang lama ini semua nelayan bina sejak 20 tahun yang lalu. Jadi, tidak selamat, kita mohon jeti konkrit untuk dibina di kampung nelayan Sungai Johor di Kampung Makam.

Terakhir ialah nelayan pesisir pantai Tanjung Sedili, Sedili Besar. Kita ada 713 nelayan termasuk di Sedili Kecil dan di Kampung Makam. Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, saya sudah pun hantar surat. Sebenarnya sudah pun masuk dalam usul tetapi tidak tahu bila agaknya akan timbul usul ini untuk bantu saya bina ran-ran baharu dan juga- ran ini, R-A-N ini tempat nelayan simpan barang-barang dia. Di mana dia *park* bot-bot dia ataupun sampan dia supaya dia ada tempat dia simpan barang dia dan juga jeti di ketiga-tiga kampung nelayan yang saya sebutkan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana berikan saya peluang.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Saya jemput Yang Berhormat Tampin.

8.19 mlm.

Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Alhamdulillah*. Tampin ingin bicarakan beberapa isu yang menyentuh soal masyarakat di Tampin.

Perkara yang hendak disentuh ialah Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat. Oleh sebab, saya ini mewakili masyarakat kampung, masyarakat FELDA, masyarakat yang kita lihat jauh ketinggalan daripada masyarakat bandar di Kuala Lumpur dan sebagainya. Saya mengharapkan supaya pengagihan ataupun pembangunan penyusunan semula masyarakat di kawasan-kawasan kampung khususnya di Tampin diberi perhatian yang sewajarnya untuk diberi peningkatan penyusunan secara strategik untuk bagaimana kita hendak membangunkan masyarakat di kampung ataupun di FELDA itu sendiri.

■2020

Kedua ialah Butiran 001018 – Program Pembangunan. Saya lihat ini suatu perkara yang syabas kepada kementerian kerana telah meningkatkan unjuran belanjawan ini daripada RM90 juta kepada RM210 juta. Ini suatu perkara yang amat penting bagi kita untuk membangunkan program pembangunan khususnya pembangunan di masyarakat kampung dan masyarakat FELDA. Saya menginginkan satu penelitian yang khusus bagi pihak kementerian supaya kita melihat bagaimana agihan soal program pembangunan masyarakat itu dapat diagihkan secara adil dan saksama.

Perkara yang ketiga yang saya hendak sentuh ialah Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar. Belanjawannya tidak ada perubahan. Kalau kita lihat infrastruktur luar bandar ini, ia amat penting bagi kita kerana kalau kita melalui jalan-jalan kampung kalau berselisih di antara dua kereta, tidak ada ruang. Terpaksa salah satu kereta itu berhenti untuk membenarkan kereta yang lain untuk berjalan. Jadi oleh sebab itu, saya inginkan suatu penjelasan yang lebih konkrit dan yang lebih wajar bagaimana infrastruktur luar bandar ini khususnya soal jalan raya itu dapat kita tingkatkan.

Terutamanya apabila satu permintaan daripada Felda Bukit Jalor sudah dikemukakan lebih kurang tiga orang wakil rakyat daripada Barisan Nasional dahulu sampai sekarang tidak lagi dapat dilaksanakan iaitu menghubungkan di antara Bukit Jalor dengan Gemas. Jadi kalau ini dapat dimasukkan di dalam projek jalan, projek infrastruktur luar bandar ini dalam bajet ataupun Belanjawan 2019, ini suatu perkara yang amat penting bagi mendekatkan hubungan di antara masyarakat FELDA untuk pergi ke bandar Gemas itu sendiri.

Perkara seterusnya yang saya hendak sebut ialah soal Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA). Ini di mana kalau kita lihat di sini peruntukan ataupun belanjawan yang dikemukakan pada tahun 2018 berjumlah RM220 juta tetapi

mendadak menurun kepada RM9 juta sahaja sedangkan masalah FELCRA dan masalah yang berhubung kait dengan soal masyarakat luar bandar khususnya, sepatutnya bajet ini dipertingkatkan ataupun diselesaikan kerana ianya menyantun masyarakat terbanyak. Ini kerana masyarakat FELCRA ataupun masyarakat kampung yang mempunyai tanah-tanah yang kecil perlu dibela, perlu diambil perhatian yang serius. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tampin. Saya jemput Yang Berhormat Tanjong Manis.

8.24 mlm.

Tuan Yusuf bin Abd Wahab [Tanjong Manis]: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa hujah yang singkat sahaja.

Pertama, terus kepada Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Sebanyak RM110 juta. Saya ingin Yang Berhormat Menteri jelaskan peruntukan untuk negeri Sarawak.

Untuk Butiran 00108 – Program Pembangunan sebanyak RM210 juta, untuk Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar sebanyak RM35 juta, untuk Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan.

Saya ingin Yang Berhormat Menteri menjelaskan berapakah peruntukan untuk negeri Sarawak? Apakah peruntukan untuk kawasan parlimen saya Tanjong Manis? Ia disebabkan Tanjong Manis merupakan banyak perkampungan nelayan.

Untuk Butiran 93500 – Projek Khas sebanyak RM715 juta, saya berharap Yang Berhormat Menteri juga memberi butiran sama ada peruntukan untuk negeri Sarawak.

Akhir sekali untuk Butiran 95000 – *Halal Industry Development Corporation* sebanyak RM11.2 juta, apakah ada peruntukkan untuk halal hab di kawasan Tanjong Manis? Sekian sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]: Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Manis. Saya jemput Yang Berhormat Parit Sulong.

8.26 mlm.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ada *simple* sahaja, pendek sahaja.

Pertamanya bagi Maksud P.15 Butiran 00117 iaitu Pembangunan Perkampungan Nelayan.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, di kawasan parlimen saya mempunyai seramai 751 orang nelayan yang mendaftar dan kita mempunyai tujuh pangkalan nelayan. Daripada jumlah tersebut, saya melihat pembangunan perkampungan nelayan ini- mungkin saya harapkan dapat membantu golongan nelayan di kawasan Parlimen saya.

Jadi, sehubungan dengan itu, ada beberapa soalan yang saya hendak ajukan pada pihak kementerian. Saya berhasrat untuk memanjangkan permohonan daripada para nelayan di kawasan parlimen saya agar satu pusat perkampungan nelayan itu boleh dirancang di dalam kawasan. Perkara ini telah dibangkitkan hingga ke pejabat daerah sebelum ini dalam kerajaan yang terdahulu. Saya juga dengan ini ingin mencadangkan satu kawasan yang dinamakan Parit Simen di mana majoriti daripada penduduk situ adalah nelayan dan mungkin ianya boleh dibangunkan sebagai perkampungan nelayan.

Seterusnya, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai jumlah peruntukan yang diperuntukkan di bawah tajuk ini untuk kawasan parlimen saya.

Seterusnya bagi Butiran 93500 – Projek Khas.

Saya ingin menyentuh satu perkara berkaitan pembinaan *mini halal hub* di kawasan parlimen saya. Perkara ini telah dijawab juga oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Walau bagaimanapun, susulan daripada jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai perkara ini, projek ini- betul ia telah diluluskan dan terima kasih

banyak di atas kelulusan semula untuk meneruskan projek *mini halal hub* kira yang pertama di Malaysia dan dibuat secara *special project* di kawasan parlimen saya. Dalam jawapan yang diberikan sebelum ini, saya telah diberikan jaminan bahawa projek ini dijangka siap keseluruhan pada 12 April 2020.

Walau bagaimanapun, ada beberapa soalan yang saya hendak tanyakan. Pertama, apakah status perjalanan projek *mini halal hub* kawasan Parlimen Parit Sulong ini yang telah diluluskan tempoh hari? Adakah surat setuju terima ataupun SST telah dikeluarkan? Memandangkan sebelum ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam jawapan di dalam Kamar Khas menyatakan bahawa SST ini akan dikeluarkan pada 13 Oktober, beberapa hari yang lepas, apakah hasil analisa tender yang telah dilaksanakan sebelum ini?

Keduanya, apakah pihak kementerian telah menetapkan had-had tertentu berdasarkan jumlah nilai tertentu bagi setiap kawasan parlimen bagi kami mengemukakan sebarang projek khas yang bertemakan kepentingan rakyat dan sejauh manakah pihak kementerian juga menetapkan syarat dan kriteria ini terutamanya yang berkaitan dengan mana-mana projek khas yang dianjurkan oleh setiap Ahli Parlimen?

Seterusnya bagi Butiran 96000 – Unit Peneraju, saya rasa ini juga boleh saya tanyakan mengenai TERAJU.

Seperti yang kita tahu, teraju telah diwujudkan pada tahun 2011 dan memang banyak yang telah diusahakan oleh TERAJU dalam membantu untuk menerajui, memacu dan menyelaras penyertaan bumiputera.

■2030

Saya mengucapkan terima kasih kerana TERAJU ini diteruskan dalam usaha untuk membantu dan ia mempunyai satu program induk dan program rakan strategik yang dapat dijalankan. Soalan saya pada pihak kementerian adalah, adakah pihak kementerian berhasrat untuk meneruskan ataupun menambah baik hala tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera 2.0 yang telah dilancarkan sebelum ini?

Seterusnya, apakah program lain yang sedang dirangka oleh pihak kementerian untuk membantu memperkasakan agenda bumiputera melalui TERAJU? Dan sejauh manakah nasib program seperti Program TeraS ataupun Program Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi dan juga Program SUPERB iaitu Skim Permulaan Usahawan Bumiputera ini selepas ini? Adakah ia nya akan diteruskan, adakah banyak lagi penambah baik akan dilakukan harap dimaklumkan di dalam Dewan. Yang Berhormat Menteri juga lagi satu mengenai Butiran 95000 iaitu *Halal Industry Development Cooperation* (HDC).

Saya berkaitan dengan ini saya hendak tanya apakah usaha yang sedang giat dilaksanakan bagi memperkasakan lagi industri halal di Malaysia?

Untuk makluman juga dan saya hendak mengucapkan tahniah sebab industri halal Malaysia ini memang mendapat perhatian bukan setakat di ASEAN tetapi juga di seluruh dunia yang melihat kepada bagaimana Malaysia membuat atau memperkasakan industri halal yang dijadikan contoh oleh negara-negara lain. Akan tetapi saya rasa banyak lagi yang perlu dibuat dan saya ingin bertanya kepada pihak kementerian mengenai usaha yang boleh dimainkan dalam memperkasakan hak pengguna dalam industri halal itu sendiri ataupun *halal consumerism* dengan izin.

Jadinya soalan saya adalah apakah kerajaan mempunyai satu cadangan untuk mempromosi penggunaan *halal test kit*, dengan izin, secara meluas dalam kalangan rakyat di Malaysia dan mungkin boleh ke luar negara bagi memastikan setiap rakyat berpeluang membuat ujian halal sendiri di rumah bagi memastikan kesahihan produk halal yang akan dibeli oleh masyarakat ataupun *consumer*. Untuk HDC ini saya rasa HDC ini adalah lebih kepada *development*. Ada beberapa program yang saya lihat apa yang dibuat oleh HDC ini ada bertindih dengan agensi-agensi lain.

Jadinya saya harap selepas ini pihak kementerian mungkin boleh berbincang mungkin dengan MITI ataupun kementerian lain untuk memastikan bila dikatakan *development* ataupun pembangunan, maka letakkan ia pembangunan. Bila telah dibangunkan mungkin boleh dihantar kepada kementerian lain. Itu saja dan saya harap mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri mengenai perkara yang saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pendang.

8.33 mlm.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Bajet Jawatankuasa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ini merupakan satu kementerian yang baharu, ditubuhkan oleh Kerajaan PH. Saya masih mencari-cari sumber untuk membezakan apakah fungsi kementerian ini dengan Kementerian Kewangan.

Soalan pertama saya merujuk kepada program satu, Pengurusan Kementerian, Butiran 010100 – Khidmat Pengurusan.

Terdapat peruntukan sebanyak RM7 juta pada tahun hadapan berbanding zero ataupun kosong pada tahun ini tahun 2018 lah. Saya mohon perincian perbelanjaan RM7 juta ini. Saya berharap RM7 juta ini termasuk kos untuk kementerian ini menyediakan laman web rasminya yang tersendiri yang saya dapati akses sekarang hanyalah laman web *Economy Plan Unit* (EPU) sahaja. Belum ada lagi laman web untuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jadi RM7 juta ini kita cadangkan supaya dimasukkan untuk membangunkan laman web Hal Ehwal Ekonomi sekiranya Hal Ehwal Ekonomi ini sudah ada perancangan untuk membangunkan web mereka.

Keduanya begitu juga dengan *Facebook*, kementerian ini yang sungguh tidak informatif. Kemas kini yang terakhir adalah pada 22 September 2018. Jadi sungguh mendukacitakan kalau kita sebut mahu menjadi negara maju tetapi media sosial kementerian dibiarkan berhabuk dan bersawang sedangkan orang awam berhak untuk tahu apakah gerak kerja yang dilakukan kementerian ini dalam menyelesaikan masalah ekonomi rakyat. Jadi kita cadang supaya bangunkan Hal Ehwal Ekonomi ini sebab hebat, ia merupakan *frontline* kepada Kerajaan Malaysia sekarang, *other than* Kementerian Kewangan dengan izin.

Jadi seterusnya saya ingin menyentuh juga program yang kedua iaitu Perancangan Pembangunan Sosioekonomi, Butiran 020300 - Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pendang mencadangkan agar laporan kajian dan statistik yang dikeluarkan oleh jabatan ini dapat diedarkan di dalam Dewan ini agar ia nya dapat diteliti dan dimanfaatkan secara bersama untuk perbahasan. Saya hendak kaitkan sedikit dalam Perancangan Pembangunan Sosioekonomi ini dengan satu masalah yang timbul di kawasan saya di Pendang iaitu sudah keluar Notis untuk menutup satu cawangan CIMB Bank yang mana satu-satunya komersial bank yang ada dalam daerah Pendang ini atau Parlimen Pendang ini.

Jadi kita minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi mempertimbangkan kembali penutupan CIMB Bank yang ada di dalam Parlimen Pendang ini, satu-satunya bank komersial. Inilah bank yang rakyat daerah Pendang berurusan untuk dalam perniagaan dan sebagainya. Jadi kita minta pertimbangan daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi supaya memanjangkan isu ini kepada pengurusan tertinggi CIMB di peringkat *headquarters* ini.

Saya ingin membangkitkan berkenaan dengan Butiran 020400 iaitu berkenaan dengan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA). Antara fungsi RISDA ini ialah memastikan pekebun kecil memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan pada tahun 2020. Ini telah ada dalam *target* RISDA yang dulu diletakkan di bawah kementerian lain sekarang dimasukkan dalam Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jadi kita minta perancangan ini diteruskan dengan sekarang kita hendak mengucapkan terima kasih walaupun saya telah bercakap dalam Dewan Parlimen yang mulia ini supaya meletakkan harga lantai bagi sekilogram getah ini sebanyak RM3.

Walau bagaimanapun kita ucap terima kasih kepada Menteri Kewangan. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan harga lantai sebanyak RM2.50. Cuma kita hendak minta kaedah RM2.50 ini diberikan kepada pembeli ataupun pembeli-pembeli getah ini membeli daripada penoreh-penoreh ataupun pekebun-pekebun kecil ini dengan harga RM2.50 ataupun tuntutan dibuat sama ada kepada LGM ataupun mana-mana pihak.

Untuk memudahkan pekebun kecil ini saya mencadangkan supaya satu mekanisme yang mudah untuk pekebun-pekebun kecil bagi mendapatkan harga lantai RM2.50 ini dilaksanakan. Tidak payahlah beli harga RM2.00 lepas itu 50 sen pergi tuntutan lagi pihak lain

lagi yang terpaksa diambil di mana tempat yang telah ditetapkan lebih kurang 50 kilometer daripada tempat penjualan getah yang berlaku sekarang ini.

Contohnya kalau di Pendang, di Sungai Petani dan juga di tempat tuntutan lagi yang kita difahamkan. Jadi jauh dan ini juga melibatkan kos yang pekebun kecil yang harga murah terpaksa membelanjakan lagi duit kos untuk bubuh minyak dan sebagainya untuk pergi tuntutan 50 sen. Kalau sehari 10 kilogram baru RM5 jadi tidak padan. Jadi kita minta satu mekanisme yang mudah bagi memudahkan pekebun-pekebun kecil mendapat harga lantai RM2.50 seperti mana yang saya difahamkan agak berlainan sebelum ini. Itu berkenaan dengan RISDA yang diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Jadi kita hendak minta juga persoalan ini saya tujukan kepada Yang Berhormat Menteri berapakah pendapatan bulanan sekarang ini oleh peneroka-peneroka atau pekebun kecil yang terlibat dalam menoreh getah yang menyumbangkan kepada pembangunan ekonomi negara ini? Jadi RISDA juga terlibat dalam tanam semula iaitu bantuan teknikal tanam semula sekarang ini di setengah tempat dimasukkan peruntukan yang mana FELDA ia ada kebun getah tetapi diberi peranan untuk tanam semula dan juga kos-kos bantuan kepada peneroka FELDA ini juga diberi peranan kepada RISDA.

■2040

Jadi, tidak *fair* lah. Kalau ikut itu, FELDA ada organisasi sendiri untuk mengurus. Akan tetapi di sesetengah tempat, contohnya di kawasan saya di Pendang, RISDA juga terlibat untuk membangunkan FELDA-FELDA untuk tanam semula. Jadi, kita minta perhatian daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi supaya dua organisasi ini yang diberi peranan, menjalankan tugas mereka masing-masing.

Seterusnya, dengan peruntukan RM200 juta kepada RISDA yang semakin berkurang, berbanding dengan 2018, adakah ia mampu berfungsi dengan baik untuk menjaga hal ehwal kebajikan penoreh getah? Bagaimana pula dengan pengumuman oleh Kementerian Kewangan baru-baru ini yang menaikkan harga lantai kepada RM2.50? Adakah kos ini termasuk di bawah peruntukan untuk RISDA? Ini kita minta Yang Berhormat Menteri tolong jelaskan, beri penjelasan supaya kita faham dan kita boleh sampaikan kepada pekebun-pekebun kecil.

Seterusnya, saya juga ingin tahu berkenaan dengan Butiran 040100 - Harta Modal sebanyak RM100,000. Pembelian aset apakah yang kementerian mahu lakukan? Diletakkan, dahulu tidak ada.

Jadi, kita tidak boleh komparatif kerana hal ehwal ekonomi dahulu di bawah Kementerian Kewangan. Sekarang ini letakkan RM100,000 untuk pembelian aset. Pembelian aset apa yang diletakkan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi pada kali ini? Jadi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan duit RM100,000 ini yang diletakkan untuk pembelian aset. Aset apa? Seterusnya, ingin menyentuh peruntukan Pembangunan P.15, Butiran 00109 - Program Kerjasama Serantau IMT-GT dan BIMP-EAGA. Saya mohon maklumat lanjut, apakah kerjasama yang ingin dibina oleh Kementerian Hal Ehwal Ekonomi? Jadi, kerjasama macam mana? Apakah bentuk kerjasama dalam IMT-GT dalam membangunkan ekonomi?

Seterusnya, dalam Butiran 16200 – Projek Jalan Felda. Saya juga memohon kementerian menyatakan di manakah projek jalan FELDA akan dilaksanakan? Dimasukkan di situ dalam Butiran 16200, disebut untuk pembangunan jalan yang akan dibina. Di manakah tidak disebut tempat-tempat yang dibina untuk FELDA-FELDA dan yang kita tahu di FELDA-FELDA ini semuanya sudah ada jalan yang agak diturap dengan baik.

Cuma untuk membina jalan baru, kita minta penjelasan kerana peruntukan ini agak besar. Seterusnya, saya juga ingin tahu ataupun mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, adakah peruntukan kepada semua agensi perbadanan kemajuan negeri-negeri ini diberikan dalam bentuk geran atau pinjaman? Untuk macam ISDC ataupun perbadanan negeri sama ada dalam bentuk geran ataupun pinjaman? Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Saya merujuk kepada Butiran 93500 - Projek Khas, peruntukan besar sebanyak RM715 juta pada tahun 2019, berbanding RM177 juta pada tahun 2018. Apakah bentuk projek khas yang dimaksudkan di sini? Saya gulung.

Tuan Pengerusi: Gulung ya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya terus gulung. Saya ingin tahu, adakah kawasan yang saya wakili, Pendang turut termasuk dalam projek khas ini atau ia hanya untuk kawasan yang hanya diwakili oleh Parlimen Kerajaan Pakatan Harapan?

Saya tegaskan di sini agar polisi lama dan diskriminasi terhadap kawasan pembangkang perlulah dihentikan oleh kerajaan baru. Ini kerana apa makna Malaysia baru sekiranya acuan masih lama iaitu menghukum rakyat yang memilih pembangkang.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya mohon penjelasan lanjut kementerian berkenaan banci ekonomi atau EKS dalam Butiran 99000 – Banci Ekonomi/EKS. Nyatakan apakah bentuk banci ekonomi yang dijalankan? Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Sekarang Yang Berhormat Lembah Pantai.

8.44 mlm.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh maksud Bekalan 15, Butiran 020300 - Jabatan Perangkaan Malaysia.

Saya mohon agar pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi memberikan satu pandangan tentang pada saat ini, adakah maklumat yang ada pada Jabatan Perangkaan Malaysia ini adakah ia dalam bahasa Inggeris disebut sebagai *granular* atau pun apakah tahap *resolution*, dengan izin, maklumat yang ada pada Jabatan Perangkaan Malaysia?

Saya bagi contoh, jika kita sebut tentang isu kemiskinan ataupun pendapatan garis kemiskinan, apakah kita boleh mendapat maklumat, kami sebagai Ahli Parlimen, boleh mendapatkan maklumat sehingga ke kawasan perumahan, sebagai contoh. Bukan sahaja ke peringkat negeri atau peringkat kawasan Parlimen tetapi kalau boleh- memandangkan pada era *big data* yang seperti kita ada sekarang ini dengan *Industry Revolution 4.0* dan sebagainya, adakah kita boleh menggunakan maklumat yang lebih terperinci?

Adakah kami Ahli-ahli Parlimen boleh mendapatkan maklumat ini dengan mudah sama ada melalui laman *Facebook*, laman sesawang seperti yang disebut oleh sahabat saya Yang Berhormat Pendang tadi? Saya pun setuju perlu diberikan penekanan untuk ditambah baik laman sosial bagi kementerian ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh maksud Pembangunan 15, Butiran 00102 - Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Saya ingin bertanya, bagi kawasan di Kuala Lumpur dan khususnya bagi Parlimen Lembah Pantai, adakah apa-apa projek membasmi kemiskinan akan diadakan? Memandangkan kalau kita lihat, wujud keadaan di mana secara relatif, mereka yang miskin digolongkan sebagai golongan miskin bandar sebenarnya mempunyai masa yang sangat sukar untuk memastikan kesinambungan kehidupan mereka di kota raya seperti Kuala Lumpur.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 00104 - Penyusunan Semula Masyarakat yang akan diberikan dana sebanyak RM300 juta. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh memberikan penjelasan apakah yang dimaksudkan dengan tajuk ini? Apakah prinsip-prinsip yang diguna pakai untuk maksud penyusunan semula masyarakat? Apakah yang menjadi dasar, yang menjadi teras kepada usaha ini? Apakah matlamat ataupun tujuannya?

Akhir sekali, untuk Butiran 93500 - Projek Khas. Adakah pihak kementerian boleh menjelaskan, apakah projek khas yang akan dijalankan di kawasan Lembah Pantai khususnya? Sekiranya telah ada, bagaimana saya boleh dapatkan lebih banyak maklumat? Setakat itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Lembah Pantai. Yang Berhormat Dungun.

8.47 mlm.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: *Bismillah... [Kata-kata aluan dalam bahasa Arab] Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2019 peringkat Jawatankuasa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Butiran pertama yang saya ingin bangkitkan ialah di bawah Butiran 020400 - Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA).

Dalam fungsi yang dinyatakan itu iaitu peningkatan kepada sekurang-kurangnya hasil RM4,000 sebulan pada tahun 2020. Maknanya, kita hanya mempunyai masa dua tahun sahaja bermula daripada Januari 2019 hinggalah Disember 2020. Adakah sempat untuk kita mencapai fungsi seperti mana yang telah diletakkan dalam aktiviti RISDA ini berdasarkan kepada Butiran 020400?

Saya sebutkan ini kerana agak berbeza apabila ia berubah kepada hasil akhir, apabila masuk dalam Kementerian Industri Utama, ia melibatkan hasil. Bagaimana akhirnya produk getah menimbulkan satu keadaan yang sangat menguntungkan pengusaha-pengusaha yang terlibat. Akan tetapi tidak pada peringkat pengeluaran yang melibatkan pekebun-pekebun kecil dan penoreh-penoreh getah.

■2050

Jadi satu perkara yang perlu untuk diterangkan, bagaimanakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan bahawa pekebun kecil akan memperoleh pendapatan sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan dalam tempoh dua tahun yang akan datang. Ini kerana melahirkan pekebun kecil yang progresif dan sejahtera ini memerlukan satu jadual yang sangat kemas, yang perlu dirangka untuk kita mencapai fungsi yang telah ditetapkan dengan peruntukan yang disediakan.

Kedua, Tuan Pengerusi ialah berkait dengan Butiran 010300 – Dasar dan Perhubungan Antarabangsa. Kita maklum bahawa keadaan ekonomi ASEAN akan tumbuh sederhana bermula daripada tahun hadapan dan oleh itu saya menyambut baik seruan agar kerjasama antara negara ASEAN terutamanya dari sudut ekonomi diperkembangkan dan diperhebatkan.

Dengan peruntukan yang sedia ada yang telah dicadangkan iaitu melibatkan RM1.4 juta lebih, pun dinyatakan kerangka dasar dan hubungan antarabangsa yang akan dilaksanakan untuk kepentingan pembangunan ekonomi negara.

Pertama dasar-dasar dan perhubungan antarabangsa dengan negara-negara ASEAN dalam kaitan kepentingan ekonomi negara. Kedua ialah dasar dan juga perhubungan antarabangsa berkait dengan negara-negara ASIA dalam hubungan ekonomi ini. Ketiga juga ialah dasar dengan negara-negara Kesatuan Eropah dalam hubungan ekonomi dan yang keempat ialah dasar dengan negara-negara lain daripada apa yang telah disebutkan.

Saya ingin juga untuk menyentuh tentang Butiran 020100 – Perancangan Ekonomi. Kita maklum apabila kita bincang perancangan ekonomi seperti yang saya selalu sebutkan perlu juga melihat kepada kepentingan pembangunan negeri-negeri di Pantai Timur.

Secara khususnya saya hendak sebutkan ialah berkait dengan negeri Terengganu. Saya berharap kerajaan melihat kepada kepentingan rakyat negeri dan juga negeri Terengganu ini supaya di antara perkara penting yang kita pastikan untuk menggerakkan pembangunan negeri ialah tidak dapat tidak ianya adalah kewangan.

Kewangan adalah merupakan tulang belakang kepada pembangunan sesebuah negeri atau pun pembangunan sesebuah negara. Tanpa kewangan, negeri atau negara itu akan lumpuh. Oleh itu saya pohon supaya diberikan perhatian kepada jumlah pembayaran royalti yang diberikan. Sepatutnya ini lah yang akan menjadi suatu pembangunan yang boleh digerakkan untuk kemajuan negeri Terengganu sebagai salah satu yang termasuk dalam negeri yang tidak lagi dicatat sebagai negeri maju. Akan tetapi mudah-mudahan dengan perolehan royalti yang akan diberikan itu akan memungkinkan negeri Terengganu untuk maju, kalau pun tidak lebih tetapi sekurang-kurang sama taraf dengan negeri-negeri maju di Pantai Barat.

Seterusnya saya juga pohon untuk kita lihat kepada Butiran 00100 di bawah jadual-Maksud Pembangunan. Di mana di situ terdapat maksud tajuk Kajian-kajian Kemungkinan. Pohon penjelasan daripada Menteri, apakah bentuk kajian ini dan siapakah yang akan mendapat manfaat dari kajian yang akan dilaksanakan dari peruntukan di bawah Butiran 00100.

Juga pada Butiran 93500 – Projek Khas, yang akan dibelanjakan oleh kerajaan. Kedua-dua butiran ini tidak dijelaskan perbelanjaannya dan memakan jumlah yang agak besar. Pohon dijelaskan.

Seterusnya Tuan Pengerusi minta juga supaya kita meletakkan satu asas penting apabila kita meletakkan di bawah Butiran 93500 – Projek Khas, supaya kita benar-benar memberikan perhatian kerana negara kita ada sejarahnya yang tersendiri dalam pelaksanaan projek-projek besar dan mega seperti mana yang telah pernah berlaku dan saya pohon supaya diberikan perhatian.

Oleh itu, yang terakhir saya pohon untuk menyentuh Butiran 95000 – *Halal Industry Development Corporation*.

Saya difahamkan bahawa satu hab di Kiam Sam, Labuan telah dibina memakan kos belanja lebih kurang RM85 juta. Apakah perkembangan kepada projek yang telah dibangunkan itu? Berdasarkan kepada *Halal Park* ini, berapa banyak syarikat *multinational* antarabangsa yang telah mengambil peluang untuk menjadikannya sebagai destinasi pelaburan dan syarikat-syarikat PKS Bumiputera yang telah mengambil peluang kepada apa yang telah diwujudkan dari *Halal Hub* dan *Halal Park* ini? Adakah semakan dibuat terhadap insentif cukai terhadap industri halal ini? Saya pohon penjelasan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Dungun.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar.

Tuan Pengerusi: Ada berapa ramai lagi yang ingin berbahas.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Papar satu.

Tuan Pengerusi: Satu, dua, tiga, empat, lima dan enam.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Dua minit [*Ketawa*]

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Satu.

Tuan Pengerusi: Di antara dua ke lima minit. Boleh?

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Boleh. Boleh. Boleh.

Tuan Pengerusi: Saya ingat Yang Berhormat Bagan Serai dulu.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Padang Serai.

Tuan Pengerusi: Padang Serai. Maaf. Saya selalu keliru Padang Serai dengan Bagan Serai. Silakan.

Tuan Karupaiya Mutusami [Padang Serai]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kerusi pun sudah panas. Bagi saya Butiran 00108 – Program Pembangunan. Kenaikan mendadak daripada RM19 juta ke RM210 juta membimbangkan. Walau bagaimanapun, kita perlu mengadakan satu penerangan terperinci kepada kita, bagaimana hendak gunakan wang tersebut.

Kedua, Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat. Peruntukan ini seperti tahun lepas iaitu RM300 juta. Kita ingin tahu bagaimana duit ini disalurkan dan juga adakah semua masyarakat termasuk kaum India, dimasukkan sekali.

Ketiga Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar sebanyak RM35 juta, sama seperti tahun lepas.

Saya ingin minta perhatian daripada kementerian berilah perhatian kepada Padang Serai memandangkan Parlimen Padang Serai diletak seperti parti pembangkang pada BN dan telah ditinggalkan begitu pada zaman dahulu. Saya harap dapat memberi perhatian dan banyak faktor-faktor perlu diperbaiki terutama sekali jalan-jalan daripada kampung dan juga lampu *traffic light* dan sebagainya.

Butiran 70102 – Perbadanan Kemajuan Negeri: Kedah. Saya dapati untuk Negeri Kedah dikurangkan daripada RM7 juta tahun ini dibagi RM5 juta lebih sahaja, berkurangan RM2 juta. Saya berharap ambil perhatian sebab negeri ini perlu dimajukan dan juga negeri ini adalah ketinggalan daripada negeri-negeri lain.

Seterusnya juga Butiran 93500 – Projek Khas dinaikkan daripada RM177 juta ke RM715 juta, di mana satu kenaikan yang mendadak.

Saya berharap berilah tumpuan-tumpuan terutama sekali di Parlimen Padang Serai. Selesaikanlah semula masalah-masalah yang dihadapi dan juga apa-apa bangunan yang

belum disiapkan, minta jasa baik disiapkan terutama sekali hospital, bagi perhatian yang serius. Saya berharap dengan keadaan peruntukan begitu banyak, masalah-masalah dapat diselesaikan dan kalau PRU15 senangnya kita dapat undi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Nerus. Sila.

■2100

9.00 mlm.

Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: *Bismillahi Rahmani Rahim... [Membaca sepotong doa]* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi.

Saya hendak merujuk kepada Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Projek ini sudah dimulakan saya ingat sudah dua atau tiga tahun. Cuma, saya hendak mendapat penjelasan tentang model projek perkampungan nelayan ini kerana kalau tanpa model yang khusus yang boleh dipakai, maka barangkali pembangunan ini tidak berlangsung secara terancang, mungkin hanya bersifat *ad-hoc* sahaja. Jadi saya hendak dapatkan penjelasan lengkap daripada kementerian tentang projek ini.

Untuk kawasan saya Kuala Nerus yang memang ramai nelayan dalam 2,000 orang lebih nelayan, saya mahu tahu tentang apakah pembangunan perkampungan nelayan ini yang membabitkan kawasan saya? Adakah ia ada kaitan dengan projek di bawah ECER, projek Wilayah Ekonomi Pantai Timur yang pernah diumumkan di kawasan saya dahulu dua tahun yang lalu, tahun 2016 oleh bekas Menteri Besar Terengganu?

Projek yang dipanggil Projek Aquapolitan Kuala Nerus dirasmikan oleh Perdana Menteri yang lalu, Yang Berhormat Pekan dengan kos RM180 juta untuk 400 orang nelayan. Adakah ia masuk di bawah kategori ini? Adakah projek itu akan diteruskan? Sebab, ia melibatkan hampir satu perempat daripada nelayan yang ada di kawasan saya. Projek ini memang telah disediakan tempatnya. Tinggal kita hendak tahu komitmen Kerajaan Pakatan Harapan terhadap projek yang memang sangat baik ini kerana projek ini sebenarnya menyamai konsep FELDA, cuma konsepnya ialah FELDA laut. Jadi saya mahu penjelasan daripada kementerian.

Juga saya harap menerusi projek pembangunan perkampungan nelayan ini boleh menyediakan dana yang khusus untuk isteri-isteri para nelayan ini untuk mereka terlibat dengan projek ekonomi berskala kecil di peringkat kampung. Kalau di kampung saya, isteri nelayan biasa terlibat dengan membuat keropok, kemudian ikan kering dan sebagainya.

Jadi mereka bermasalah dengan modal kerana mereka hanyalah pemain industri yang kecil sahaja. Jadi, saya harap projek ini di bawah topik pembangunan perkampungan nelayan boleh diberi fokus untuk membangunkan ekonomi isteri-isteri nelayan kerana isteri ini yang membantu para suami mereka khususnya bila berhadapan dengan suasana sekarang, berada di musim tengkujuh bulan November, Disember, Januari, tiga bulan suami mereka tidak dapat untuk turun ke laut dan mendapat pendapatan seperti mana biasa.

Kedua, saya merujuk kepada Butiran 95000 – *Halal Industry Development Corporation* (HDC). Di Terengganu ada *Terengganu Halal Park* dan projek ini diuruskan oleh Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu. Cuma, saya hendak tahu tentang amaun yang telah diberi sumbangan oleh HDC ini kepada *Terengganu Halal Park*. Sejauh manakah *Terengganu Halal Park* ini berjaya memberi kebaikan kepada rakyat sekitar dan juga pemain industri di kalangan bumiputera yang terlibat dalam projek ini?

Ini kerana saya lihat kebanyakan yang terlibat dengan projek halal ini ialah di kalangan *non-Muslim*. Di kalangan orang Islam sendiri atau bumiputera, jumlahnya sangat kecil. Barangkali kerana modal-modal yang besar diperlukan termasuklah orang kampung kalau hendak mendapatkan halal tidak mudah bagi mereka kerana mereka buat kerja di rumah sahaja. Ini menyebabkan tidak ramai orang Melayu Islam bumiputera yang boleh pergi jauh ke depan dan akhirnya terlibat dengan industri besar lagi dan terlibat dengan projek seperti *Terengganu Halal Park*. Jadi saya hendak dapat penjelasan daripada kementerian tentang isu ini.

Terakhir untuk Butiran 93500 – Projek Khas, yang kalau kita lihat tahun 2018 diperuntukkan sebanyak RM177 juta tetapi tahun 2019 sebanyak RM715 juta. Bertambah

jumlah yang sangat besar. Cuma, ia kabur. Saya rasa banyak di kalangan Ahli Parlimen yang menyentuh isu ini. Apa maksud projek khas ini? Apa dia segmen-segmen yang dikatakan khas tadi? Adakah ia akan diagihkan secara adil kepada semua kawasan Parlimen termasuklah juga kawasan Parlimen yang dimenangi oleh pihak pembangkang khususnya untuk Kuala Nerus? Projek khas itu projek yang macam mana, kalau kita boleh mendapat manfaat?

Jadi, itu sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Nerus. Sekarang giliran Yang Berhormat Pasir Gudang. Silakan.

9.05 mlm.

Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin membahaskan P.15 Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan. Anggaran bagi tahun 2019 sebanyak RM28,200,000.

Saya ingin membawa dua kes berkaitan dengan pembangunan perkampungan nelayan. Pertama, berkenaan nelayan di kawasan saya iaitu di Teluk Jawa. Mereka ini nelayan pantai Orang Asal, Orang Asli kaum Seletar. Keadaan mereka sangat daif. Saya minta Yang Berhormat Menteri, kalau sudi, boleh datang ke sana. Mereka ini Orang Asal Peribumi yang sebenarnya. Rumah mereka terlalu daif. Kalau hujan, ribut, terbang atap dan sebagainya. Kami tidak mampu untuk menolong mereka sebaik mungkin. Jadi pihak kementerian tolong lihat kepada nelayan-nelayan ini, rumah mereka, jeti, titian, jalan ke kampung mereka ini.

Satu lagi berkenaan dengan nelayan ini- agak pelik juga pembangunan perkampungan nelayan ini dimasukkan di bawah anggaran Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, tidak di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Contoh yang kedua ini iaitu saya ingin bawa tentang nelayan-nelayan kecil ini di Pengerang. Seperti yang selalu disebut, projek mega di Pengerang ini dengan RAPID, *independent terminal*, terminal bebas laut dalam.

Akan tetapi untuk makluman pihak kementerian, di Pengerang ini ramai nelayan-nelayan pukat hanyut di pesisir perairan di Pengerang itu di mana terdapatnya terminal bebas laut dalam yang dikuasai oleh syarikat besar- dialog dan sebagainya, mereka ini datang berjumpa saya minta bawa perkara ini ke tengah, kalau boleh ke Parlimen, iaitu mereka sudah tidak ada tempat untuk cari ikan, untuk menangkap ikan sebab semuanya sudah jadi lot-lot yang dikuasai oleh syarikat-syarikat yang besar ini.

Jadi baru-baru ini beberapa orang telah ditangkap, nelayan-nelayan di Pengerang itu, kerana menangkap ikan di kawasan yang dikatakan dilarang itu. Jadi saya minta pihak Yang Berhormat Menteri untuk tinjau-tinjau keadaan nelayan di Pengerang sana, nelayan-nelayan tradisional sana. Bukan semuanya indah di Pengerang ini.

Saya beralih pula kepada Butiran 16200 dan 16300 berkaitan FELDA iaitu Projek Jalan Felda dan lagi satu ialah Projek Sistem Bekalan Air Felda. Dalam dua butiran ini, jumlah peruntukan anggarannya sebanyak RM260 juta. Nampaknya berkenaan FELDA ini hanya jalan FELDA dan projek sistem bekalan air FELDA. Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, bagaimana dengan usaha dan janji-janji kita tentang hendak menolong menyelesaikan masalah hutang peneroka FELDA ini yang membebaskan mereka? Saya ingin tahu juga janji pihak Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi untuk mengemukakan *white paper*, dengan izin, Kertas Putih mengenai FELDA. Adakah akan dibentangkan dalam sesi Parlimen penggal ini?

■2110

Akhir sekali Tuan Pengerusi, iaitu Butiran 70101, 70102 sehinggalah 70113 berkaitan Perbadanan Kemajuan Negeri. Saya telah mencampurkan jumlah kesemua peruntukan anggaran ini bagi Perbadanan Kemajuan Negeri bagi beberapa negeri ini berjumlah RM37,811,900. Daripada jumlah sebanyak itu negeri yang paling banyak mendapat peruntukan ialah Perbadanan Kemajuan Sabah sebanyak RM20,700,500 iaitu merupakan 54.75 peratus.

Saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi kerana memberi peruntukan yang besar kepada negeri Sabah yang saya percaya memang perlu dibantu dalam usaha membangunkan ekonomi. Hanya persoalan yang saya ingin tanyakan kepada pihak kementerian, sejauh manakah peranan Perbadanan Kemajuan Negeri-negeri ini?

Adakah Perbadanan Kemajuan Negeri ini misalnya di Johor ada JCorp dan sebagainya betul-betul dapat membangunkan ekonomi negeri sama ada dari segi ekonomi, sosial dan sebagainya. Kalau boleh dapat dimaklumkan pada Parlimen ini bagaimana status mereka, adakah perbadanan-perbadanan peringkat negeri itu berjaya atau gagal. Mana yang berjaya, mana yang gagal memandangkan Kerajaan Pusat mengadakan peruntukan kepada perbadanan ini setiap tahun. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Gudang. Yang Berhormat Kota Melaka tadi? Yang Berhormat Kota Melaka bangun tadi? Ya silakan.

9.11 mlm.

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka]: Ya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin sentuh satu item di bawah maksud Pembangunan 15 berkenaan dengan Butiran 16200 – Projek Jalan FELDA di mana terdapat anggaran sebanyak RM100 juta akan dibelanjakan. Saya minta supaya Menteri, kementerian dapat memberi keutamaan kepada FELDA di Air Kangkung dan juga FELDA di Kemendor, Jasin di mana keadaan jalan mereka perlu ditarkan semula dengan secepat mungkin. Itu sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kangar yang bangun tadi? Ya silakan.

9.12 mlm.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Alhamdulillah Rabbal alamin... [Membaca sepotong doa daripada ayat al-Quran]* Tuan Pengerusi, pertama sekali saya ucapkan tahniah kerana apabila saya merujuk kepada dokumen yang dibekalkan kepada kita saya melihat peruntukan untuk Kementerian Pembangunan Hal Ehwal Ekonomi ini menunjukkan perbelanjaan untuk pembangunan jauh besar dari segi nisbahnya jika dibandingkan dengan perbelanjaan untuk pengurusan. Sebagaimana yang saya sebut dalam perbahasan belanjawan ia seharusnya selaras dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang objektif umumnya ialah untuk mengecilkan jurang pembangunan antara negeri dan juga kawasan serta mengecilkan jurang kekayaan antara yang kaya dan juga miskin.

Saya harap ia juga dapat membantu untuk memenuhi keperluan penyelesaian untuk dasar fiskal kita yang baharu. Ini kerana sudah tentulah sesuai dengan namanya kementerian ini bertanggungjawab untuk merencanakan pertumbuhan kerana tanpa pertumbuhan pastilah sukar untuk kita bercakap tentang agenda mengecilkan jurang kemiskinan tadi.

Saya hendak merujuk kepada pertama sekali dalam perbelanjaan mengurus, perkara 010000 – Pengurusan Kementerian dalam perincian Butiran 010300 – Dasar dan Perhubungan Antarabangsa yang mana tidak ada anggaran peruntukan ini pada tahun 2018 tetapi lebih RM1 juta diperuntukkan pada kali ini.

Ini juga mungkin terkait dengan perkara 030000 – Program Khusus di mana di bawah perincian 030100 - Bertugas di Luar Negara. Kalau boleh minta kementerian menjelaskan apakah jenis kegiatan dan bagaimanakah ia berbeza dengan peruntukan kepada Kementerian Luar Negeri. Adakah penyelarasan dibuat antara dua kementerian ini bagi mengelak pertindihan kerja.

Kedua ialah perkara yang paling banyak itu Perancangan Pembangunan Sosioekonomi 020000 iaitu jumlah untuk 020100 - Perancangan Ekonomi meningkat tinggi lebih daripada RM10 juta.

Saya ingin bertanya selain daripada keputusan meneruskan beberapa projek telah diluluskan oleh pentadbiran lama, apakah perancangan ekonomi yang baru untuk negeri-negeri yang ketinggalan khususnya seperti negeri Perlis?

Seterusnya iaitu Jabatan Perangkaan Malaysia saya hendak menyentuh tentang kajian kemiskinan pelbagai dimensi. Sejauh manakah data-data ini dimanfaatkan oleh setiap kementerian? Dalam penggulangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas yang lalu, saya ingat Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar ada menyebut sekitar 25 daerah yang akan diberi tumpuan oleh kementerian tersebut di mana tidak ada satu pun dalam kawasan ini melibatkan negeri Perlis sedangkan kalau ikut daripada data yang lama negeri Perlis ini adalah antara negeri yang termiskin dalam Koridor Utara.

Saya bimbang apabila kita bercakap tentang kemiskinan kita masih lagi bergantung kepada garis kemiskinan berasaskan pendapatan. Jadi saya harap daripada tinjauan ataupun kajian yang dibuat oleh Jabatan Perangkaan ini akan membantu untuk meletakkan data ini sesuai dengan tujuan yang kita katakan kajian kemiskinan pelbagai multi dimensi ataupun pelbagai dimensi. Kalau kita masih hanya mengemukakan data berasaskan pendapatan-garis kemiskinan berasaskan pendapatan maka mungkin kita tersilap dalam menilai kawasan-kawasan mana yang patut menerima bantuan.

Saya bagi contoh misalnya di negeri Perlis ini kita boleh katakan sebagai kawasan bercampur. Ada- kalau macam kawasan saya sendiri Kangar, kita kawasan bandar, separa bandar dan juga kampung. Jadi kalau kita ambil garis kemiskinan berasaskan pendapatan sahaja kita sebenarnya mungkin tercicir banyak kawasan kampung yang masih lagi tertinggal.

Seterusnya dalam perkara Butiran 00102, 00104, 00108, 00121 saya cuba rangkumkan sekali kerana saya terkejut dalam pentadbiran lalu tidak ada perbelanjaan sebenar dalam penyusunan semula masyarakat meskipun objektif Rancangan Malaysia Kesebelas yang mereka gubal atau mereka kemukakan menyebut tentang jurang ekonomi. Jadi apabila tidak ada peruntukan dalam pentadbiran lalu saya hairan bagaimanakah mereka berusaha untuk mengecilkan atau mencapai objektif Rancangan Malaysia Kesebelas ini.

Jika dibandingkan dengan anggaran perbelanjaan 2017 ada beza ketara iaitu kalau dulu kalau kita kumpulkan keempat-empat kod ini, kod perbelanjaan ini perbelanjaan lebih kurang RM185 juta. Itu tetapi pada kali ini perbelanjaannya akan menjadi secara keseluruhan lebih kurang RM650 juta untuk kali ini. Jadi saya berharap tumpuan akan benar-benar diberikan kepada kawasan-kawasan yang ketinggalan selaras dengan rancangan yang kita sudah sebut ataupun kita bahaskan sebelum ini dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Jadi barulah orang kata kita tidak sia-sia kan masa kita berbahas panjang sebelum ini untuk rancangan yang di peringkat sederhana.

Seterusnya kenaikan besar, perkara 93500 untuk Projek Khas juga mungkin boleh dikaitkan dengan tujuan yang sama sebab ini perbelanjaan yang cukup besar yang saya fikir boleh diselaraskan dengan keempat-empat kod tadi.

Seterusnya perkara 00117 – Pembangunan Kampung Nelayan. Untuk maklumat Dewan, perkampungan nelayan di Perlis ini bolehlah dianggap sebagai perkampungan terawal seperti kebanyakan perkampungan nelayan di tempat lain. Biasalah orang dulu kalau kita belajar dari segi sejarah pun memang perkampungan-perkampungan awal memang diwujudkan berdekatan dengan sungai-sungai sama ada untuk mencari rezeki ataupun dekat sebagai mod pengangkutan.

Cuma di Perlis ini banyak kes kebakaran berlaku sejak beberapa tahun ini menyebabkan nelayan-nelayan ini ataupun keluarga mereka terkotang-kotang tidak mendapat pembelaan sewajarnya. Ini kerana kebanyakan yang tinggal di perkampungan nelayan ini tanah yang mereka tinggal ini bukan tanah milik mereka. Ini sudah jadi satu rizab kepada Jabatan Air dan Saliran. Dalam kes di Perlis ini bila rumah terbakar kita dalam keadaan rakyat susah hendak cari tempat tinggal sementara, apa yang berlaku di Perlis ialah kerajaan negeri datang hanya tarik kain rentang dan mengatakan tanah ini milik Perbadanan Menteri Besar.

Jadi ia sedikit sebanyak mengecewakanlah penduduk di sana dan ini sudah tentulah tidak ada jaminan kepada ratusan malah ribuan lagi orang yang masih tinggal di sana. Walaupun ada di kalangan nelayan ini yang berjaya ramai lagi yang masih sangat daif. Ramai terutamanya wanita yang di kampung-kampung ini apabila saya masuk ke perkampungan nelayan ini ramai yang cuba berusaha sendiri buat kuih tradisional ataupun menggunakan hasil-hasil tangkapan ini untuk menghasilkan pelbagai produk makanan tetapi tidak ada cukup bantuan ekonomi untuk mereka berkembang.

Bayangkan macam Kuala Perlis ini bukan suatu kawasan yang baru yang lama tetapi kalau kita pergi ke Kuala Perlis, produk-produk yang menghasilkan ekonomi kecil dan sederhana ini masih jauh ketinggalan berbanding dengan kawasan-kawasan yang dekat dengan orang kata dekat dengan lautlah. Baik Langkawi, baik Pulau Pangkor, baik Pulau Tioman, Kuala Perlis ini jauh bagi saya masih ketinggalan dan ini perlu dilihat.

Untuk perkara 701009 saya terkejut kerana perbelanjaan sebenar tahun 2017 dan anggaran yang dipinda pada tahun 2018 menunjukkan Perbadanan Kemajuan Negeri Perlis menerima kosong peruntukan ataupun tidak ada peruntukan. Jadi saya berterima kasih kerana untuk tahun hadapan dinyatakan di dalam dokumen ini peruntukan akan diberi sebanyak lebih kurang RM810 ribu walaupun tidak cukup banyak ataupun tidak sampai sejuta pun tetapi ia tentulah lebih baik daripada tidak ada langsung.

■2120

Saya berharap satu arahan boleh dibuat oleh kementerian untuk perbadanan memaklumkan kepada Ahli-ahli Parlimen dan juga Adun-adun mengenai projek yang dilakukan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri ini. Ini kerana kita tidak mahu bila peruntukan ini diberikan untuk tujuan pembangunan tetapi kita tidak nampak hasil pembangunan tersebut. Yang terakhir saya hendak sebut tentang *Halal Industry Development Corporation* di Perlis. Kalau dalam pentadbiran lalu memang ada disebut kalau di kawasan Lembah Chuping, yang banyak kali saya bangkitkan di sini bercakap tentang memajukan Lembah Chuping ini sebagai salah sebuah hab halal.

Jadi saya berharap sebab ini juga ada kaitan dengan program kerjasama serantau IMT-GT juga di kawasan yang sama. Saya berharap selain daripada kita meneruskan apa yang baik dilakukan oleh pentadbiran lama, kita juga mestilah menggandakan potensi kawasan ini. Jadi untuk Perlis, kita berharap ada perkara baru akan diumumkan oleh kementerian dari segi projek kerana ada projek-projek yang tidak disebut secara jelas ya, macam projek khas itu tidak disebut secara jelas apakah jenis projek akan dijalankan.

Jadi sehingga itu terima kasih sekali lagi kepada Tuan Pengerusi atas ruang perbahasan yang diberikan. *Assalamualaikum Warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi: *Waalaikumsalam warahmatullah.* Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang. Silakan.

9.21 mlm.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin juga turut membahaskan peringkat Jawatankuasa Kementerian Hal Ehwal Ekonomi di mana saya menyentuh isu berkaitan dengan Butiran 00117 – Pembangunan Kampung Nelayan.

Kita mengucapkan tahniah di atas usaha kerajaan untuk membangunkan perkampungan nelayan, membela terutamanya nelayan miskin. Cuma saya ingin tahu apakah perancangan pihak kementerian terutama membantu nelayan sungai ataupun nelayan air tawar. Bukan nelayan laut semata-mata ya sebab di kalangan mereka bergantung hidup dengan pendapatan hasil daripada tangkapan melalui sungai, tasik dan sudah tentulah pendapatannya sangat terhad.

Jadi sebab itulah perlu kepada satu suntikan ataupun satu bantuan daripada pihak kerajaan terutama membantu golongan ini, terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. Jadi saya ingin tahu, apakah ada perancangan dari sudut Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk membantu nelayan-nelayan darat ataupun nelayan ikan air tawar untuk mengubah nasib mereka?

Begitu juga saya ingin menyentuh Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar. Di mana saya ingin menyentuh berkaitan dengan kawasan saya di Rantau Panjang.

Jadi kita tahu bagaimana keperluan infrastruktur terutama dalam membolehkan kemudahan terutama kepada pelancong-pelancong sebab di Rantau Panjang adalah pintu masuk daripada sebelah Thai. Jadi sudah tentulah kita sangat memerlukan kemudahan infrastruktur, jalan, jambatan yang selesa. Jadi saya ingin tahu bilakah cadangan kerajaan untuk melaksanakan sejak daripada rancangan kerajaan terdahulu untuk membina jalan antarabangsa sehingga ke sempadan Golok. Bilakah perkara ini akan dilaksanakan?

Begitu juga janji kerajaan untuk membina jambatan muhibah yang diisytiharkan sebelum ini juga oleh kerajaan dan disebut kembali baru-baru ini oleh Perdana Menteri. Jadi saya ingin tahu bilakah projek dan program pembinaan jambatan ini akan dibina untuk masalah kesesakan terutama di musim-musim cuti dan di musim-musim perayaan.

Saya ingin juga tahu berkaitan dengan Butiran 70103 – Perbadanan Kemajuan Negeri Kelantan. Di mana diperuntukkan di sini RM1,723,000. Saya ingin tahu apakah fokus program yang akan dilaksanakan.

Begitu juga saya ingin tahu tentang Butiran 93500 – Projek Khas. Apakah butiran sebenar di dalam projek ini dengan peruntukan dengan begitu besar melibatkan RM715,158,600. Begitu juga saya ingin tahu berkaitan dengan projek *Halal Industry Development Corporation* iaitu berkaitan dengan Taman Industri Halal di Pasir Mas yang taman ini terletak dalam Parlimen Rantau Panjang.

Jadi saya ingin tahu apakah status terkini sebab saya lihat operasi masih belum berjalan. Cuma pejabat saja nampak bina tapi kilangnya masih belum ada. Jadi apa masalah, apa halangan dan bilakah perkara ini akan beroperasi? Bilakah projek ini akan beroperasi sepenuhnya? Bagaimanakah syarat-syarat penyertaan supaya kita boleh uar-uarkan terutama kepada penduduk setempat untuk sama-sama memanfaatkan projek ini.

Begitu juga saya ingin tahu tentang projek di bawah Butiran 96000 – Unit Peneraju, yang mendapat peruntukan RM30 juta. Apakah program-program yang sedang dirancang dan akan dilaksanakan? Itu saja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Tinggal dua pembahas terakhir.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Yang Berhormat Papar.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Papar dengan Yang Berhormat Labuan ya. Yang Berhormat Labuan sudah keluar. Yang Berhormat Papar ya.

9.25 m.m.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih sekali lagi atas peluang yang diberi untuk membahaskan perbelanjaan kita.

Saya ingin menggabungkan sekali Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung, Sabah dan Sarawak, Butiran 00104 – Penyusunan Semula Masyarakat dan juga Butiran 00108 – Program Pembangunan, yang mana kalau di campur semua jumlahnya ialah RM620 juta.

Daripada jumlah ini seperti mana yang kita tahu, Sabah adalah merupakan negeri yang miskin dan begitu tempat saya P.175 yang mempunyai ramai penduduk di pedalaman dan di luar bandar yang boleh dikatakan serba kekurangan, tidak ada infrastruktur yang baik seperti jalan raya, perparitan, rumah-rumah untuk berteduh, balai raya-balai raya yang tidak diselenggarakan dan usang, keadaan-keadaan yang tidak begitu selesa untuk kita duduki di mana-mana di kampung.

Jadi apa yang saya ingin cadangkan di sini ialah daripada jumlah RM620 juta tadi itu berapakah yang akan dibagi kepada Sabah khususnya dalam peruntukan ini? Saya harap dengan peruntukan ini dapatlah kita memperbaiki segala infrastruktur-infrastruktur yang serba kekurangan, yang tidak sempurna untuk sama-sama orang-orang Sabah, orang-orang pedalaman merasainya.

Saya merujuk kembali juga kepada Butiran 00117 – Pembangunan Perkampungan Nelayan dan juga Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar, di mana jumlahnya ialah dalam lingkungan RM63 juta.

Apa yang saya ingin syorkan di sini ialah seperti mana yang kita tahu di Sabah, di tempat sayalah di P.175 memang ramai nelayan-nelayan pantai yang mana kehidupan mereka memang susah. Mereka terlalu susah juga dan terlalu daif. Jadi apa yang saya minta daripada peruntukan ini untuk nelayan ialah supaya kita dapat membina jeti untuk mereka menurunkan ataupun mendaratkan segala tangkapan mereka supaya senang untuk mereka menjual tangkapan mereka ini.

Begitu juga dengan infrastruktur yang ada di kampung nelayan ini seperti perparitan, perumahan mereka memang sangat daif. Selain daripada itu apabila sampai dan tiba waktu tengkujuh, waktu ribut, mereka tidak dapat turun ke laut dan ini akan menyebabkan mereka berada di dalam ambang kesusahan untuk menyara kehidupan mereka seharian. Dari itu saya ingin kalau boleh daripada apa peruntukan yang telah diberi ini dapatlah kerajaan membuat satu mekanisme di mana satu elaun dibagi kepada mereka sewaktu mereka tidak dapat turun ke laut supaya mereka dapat menjalankan kehidupan mereka seperti biasa.

Saya ingin juga merujuk kepada Butiran 93500 – Projek Khas. Jadi projek khas ini kalau kita tengok ialah dalam lingkungan RM700 juta lebih yang mana kalau dikira adalah amaun yang banyak dan kalau kita dapat mengagihkannya dengan secara berhemah, saya percaya Sabah juga akan mendapat bahagian daripada peruntukan ini. Dengan peruntukan ini segala kesusahan dan jurang perbezaan antara Sabah dan Semenanjung akan dapat kita rapatkan dengan membahagi kita peruntukan yang sewajarnya. Terima kasih.

■2130

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Papar. Oleh kerana Yang Berhormat Labuan tidak ada dalam Dewan, jadi Yang Berhormat Papar adalah pembahas yang terakhir. *[Ketawa]* Jadi, sekarang saya menjemput Menteri untuk menjawab.

9.30 mlm.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]: Terima kasih Tuan Pengerusi. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali saya ingin sampaikan salam daripada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ekonomi yang kini berada di negara Brunei Darussalam menghadiri BIMP-EAGA ministerial meeting.

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi adalah sebuah kementerian baru di mana butiran peruntukan belanjawan B.15 iaitu belanja mengurus dan P.15 iaitu belanja pembangunan merupakan perkara baru selepas pengumuman semula Bajet 2018 pada Ogos yang lalu. Asas peruntukan yang disediakan adalah berdasarkan kepada perjawatan tetap di Kementerian Hal Ehwal Ekonomi termasuk agensi dan juga komitmen perbelanjaan lain seperti kontrak sewaan, penyelenggaraan, bayaran utiliti, tuntutan sara hidup dan perbelanjaan lain. Sebanyak RM2.965 bilion telah diluluskan di mana bagi maksud perbelanjaan mengurus sebanyak RM461.3 juta dan bagi pembangunan sebanyak RM2.5 bilion. Saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada 19 Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan butiran peruntukan Belanjawan 2019 yang dikhaskan untuk Kementerian Hal Ehwal Ekonomi.

Memandangkan terlalu banyak perbincangan, terlalu panjang topik-topik yang disentuh, jadi saya membuat keputusan untuk merangkumkan secara keseluruhannya. Kalau tak karang, saya boleh baca semua jawapan kalau kita nak habis pukul 12 malam atau pukul satu pagi, *insya-Allah*. Akan tetapi untuk merangkumkannya, pertama sekali saya lihat daripada segi permohonan projek-projek tertentu di kawasan parlimen masing-masing. Kita ambil maklum tentang hal tersebut dan sepertimana yang kita tahu, Yang Berhormat Menteri amat cakna dengan permohonan-permohonan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi kita akan pertimbangkan dan ambil maklum permohonan yang berkaitan.

Keduanya, saya ingin sekali harung sekurang-kurangnya melalui butiran-butiran bermula daripada Butiran 00100 – Kajian-kajian Kemungkinan. Saya pakai tiga meja malam ini *[Ketawa]*. Tuan Pengerusi, kajian-kajian kemungkinan pertamanya di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, ianya untuk membiayai perbelanjaan kajian-kajian kemungkinan yang meliputi semua aspek dan sektor seperti infrastruktur, tenaga, pembangunan sumber tenaga, pembangunan industri, modal insan dan sebagainya. Merangkumi bengkel-bengkel dan sesi perbincangan khas dalam mendapatkan idea-idea baru yang berkaitan dengan kajian di samping mewujudkan sistem baharu yang lebih efektif dan efisien dalam pengurusan data maklumat yang baru dan sedia ada. Peruntukan bagi tahun 2018 sebanyak RM30 juta dan peruntukan bagi tahun 2019 sebanyak RM30.5 juta.

Antara senarai kajian tindakan adalah contohnya Industri Polisi 4.0, kajian *Agriculture Public Expenditure Review* dan Penggubalan Dasar Pengangkutan Negara. Antara senarai kajian yang akan dilaksanakan dalam tahun 2019 adalah *Productivity and Investment Climate Survey of Malaysia*, kajian pembangunan *Malaysian Agriculture Statistical System* dan kajian *Computable General Equilibrium*. Itu berkaitan dengan Kod

00100. Jadi, untuk Ahli-ahli Yang Berhormat bertanyakan tentang kod berkenaan, saya berharap penjelasan saya dapat memberikan sedikit gambaran.

Kedua, Butiran 00102 – Projek Kemiskinan Semenanjung/Sabah/Sarawak. Okey, projek-projek Butiran 00102 adalah menumpukan kepada dua program iaitu program peningkatan kapasiti dan *capability* kumpulan khusus sebanyak RM100 juta dan juga dana mudah cara untuk golongan B.40 sebanyak RM10 juta. Itu adalah untuk Butiran 00102.

Seterusnya, saya pergi kepada Butiran 00104, sebanyak RM300 juta. Dia pensyarah ini, dia pergi satu-satu, mudah. Kalau tak nanti, *too complicated*. Okey, Butiran 00104 tentang Penyusunan Semula Masyarakat. Butirannya sebanyak RM300 juta, RM150 juta adalah untuk Ekuinas dan RM150 juta adalah untuk Pelaburan Hartanah Berhad (PHB). Kedua-duanya adalah untuk agenda Bumiputera. Jadi apa yang disebut bahawa tiada peruntukan untuk agenda Bumiputera dan sebagainya ataupun untuk soalan-soalan berkaitan dengan agenda Bumiputera, ini adalah salah satu daripada peruntukan untuk tujuan tersebut.

Seterusnya, Butiran 00108. Butiran 00108 adalah peruntukan untuk Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera. Jadi untuk Ahli-ahli Yang Berhormat bertanya tentang Butiran 00108, ianya adalah untuk peruntukan Yayasan Pendidikan Peneraju Bumiputera berdasarkan pelbagai program untuk agenda Bumiputera. Meningkatkan daripada RM90 juta kepada RM210 juta. Sekali lagi saya sebutkan, ini adalah sebahagian daripada apa yang selalu dipersoalkan bahawa tiadanya peruntukan dan kurangnya peruntukan. Akan tetapi jika kita lihat peruntukan untuk PENERAJU meningkat ke RM210 juta.

Seterusnya, kita ke butiran yang berikutnya yang menjadi pertanyaan hangat adalah tentang Projek Pembangunan Kampung Nelayan. Projek Pembangunan Kampung Nelayan, Butiran 00117. Jadi saya ingin jelaskan di sini, terdapat banyak perbincangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan Butiran 00117. Projek ini sebenarnya tertumpu kepada projek pembangunan semula perkampungan nelayan di negeri Perak di lima lokasi, spesifik projek di negeri Perak di lima lokasi. Jadi, urusan nelayan adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan ini adalah antara peruntukan khusus bagi golongan nelayan yang merupakan satu program perintis di bawah EPU. So, saya harap ianya dapat menjelaskan, merangkumkan semua persoalan tentang peruntukan untuk nelayan.

Seterusnya, saya teruskan kepada – kalau ada yang tertinggal kemudian boleh tanya balik ya, *I'll go more specific* tetapi daripada saya *dok repeat* benda yang sama, *might as well saya go through...*

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Boleh mencelah?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Ya.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Ini berkenaan dengan yang perkampungan nelayan, hanya untuk negeri Perak sahaja?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Untuk spesifik projek yang diminta oleh Perak melalui EPU, satu projek perintis.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Jadi RM28 juta ini.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Sebanyak berapa itu ya? Sebanyak RM28.2 juta, betul.

Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]: Kalau ditulis negeri Perak, jadi kita tidak payah membahaskan tadi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya amat bersetuju. *[Ketawa]*

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Yang Berhormat Menteri, saya setuju itu tadi.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Saya pun setuju.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kalau dah tahu Perak, bubuhlah Perak. Tak payah menyusahkan kita nak bahas tentang nelayan dalam kawasan kita.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Jadinya Yang Berhormat Menteri ...

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey, Yang Berhormat. Jadi Yang Berhormat, ini di luar bidang kuasa saya.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tak apa, ada peruntukan projek khas.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, adakah dengan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa terdapat *error* di dalam buku yang diberikan kepada kita ke macam mana?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya tak kata *error*, itu adalah satu...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Akan tetapi sebab dia perkampungan nelayan, dia *general*. Jadinya saya bersetuju juga dengan Yang Berhormat Papar cakap.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey, Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Parit Sulong, projek ini pun memang untuk perkampungan nelayan, cuma dia spesifik *to* apa yang diminta oleh Kerajaan Negeri Perak.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Betul, itu Kerajaan Negeri Perak. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang kami bawa di dalam Dewan ini adalah satu perkara mengenai perkampungan nelayan. Okey? Apabila Perak itu satu agenda tetapi bagaimana kita yang lain, yang membawakan isu yang sama? Jadi Yang Berhormat Menteri kena menjawab. Kalau tak boleh menjawab dalam Dewan ini, jawab secara bertulis. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, saya hendak nasihatkan Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana ramai kita ini yang bawa pasal isu perkampungan kampung nelayan ini. Kalau yang ada RM28 juta itu ialah untuk Perak, saya minta Kementerian Hal Ehwal Ekonomi rujukkan segala perbincangan kita yang berkaitan dengan kampung nelayan di kawasan kita kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

■2140

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih kakanda saya Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Kota Tinggi. Terima kasih kakak-kakak saya. Saya akan...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Eh, mana kakaklah pula? Adik ini, tahu? Ini semua ini.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Seperti mana yang dimaklumkan tadi, saya menjelaskan apa yang ada dalam butiran tersebut. Jadi kita bukanlah kata tidak ambil kira perbincangan atau perbincangan pada hari ini. Oleh sebab itulah saya kata saya rangkumkan semua bagi penjelasan. Jadi penjelasannya tidak *redundant*, dengan izin. Kalau tak, kita akan *repeat the same thing*. Jadi saya ambil maklum cadangan Yang Berhormat Kota Tinggi...

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: ...Supaya kita bawa kepada kementerian yang berkaitan. Terima kasih.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Pengerusi, kalau tidak *redundant*, maknanya ia meliputi semua kawasan nelayan. Ini spesifik. Yang Berhormat Timbalan Menteri letak Perak sahaja tidak boleh sebab ramai Ahli Parlimen yang membahaskan berkenaan dengan kawasan nelayan ini. Jadi minta supaya tidak disebut Perak dan *generalnya* akan dibangunkan kawasan nelayan ini di semua kawasan yang disebut itu mengikut peruntukan yang ada daripada *partially*, masa ke semasa yang ada. Baru mereka tidak bising. Ini cakap Perak sahaja tidak bolehlah. Kita Malaysia, bukan Perak.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Ha, okey.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya ambil maklum. Cuba fahamkan apa yang nak disampaikan. Ada butiran, jadi saya jelaskan butiran tersebut. Itulah antara *point* yang saya hendak sampaikan. Jadi sebab itu saya kata tadi saya *go through* secara keseluruhan, jadi saya jelaskan butiran tersebut. Jadi itulah yang telah saya lakukan dan ini tidak bermakna kita tidak mengambil kira langsung apa yang disebut. Itu perlu faham, *simple*.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Menteri, janganlah cakap *simple*, perlu faham. Kita dah melalui bajet ini dah banyak kali. Jadi kalau dah tahu itu projek Perak, bubuhlah dekat projek khas, kan senang. Kalau tak, bubuhlah perkampungan nelayan Perak, kan senang.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. *Insyallah*, tahun depan saya mohon pihak berkaitan ambil maklum tentang hal tersebut. Terima kasih. Saya tidak kata *simple*. Maksud saya, saya tak kata orang lain tidak faham.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tak apa, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Nanti kan kita lagi banyak berdiri tanya soal itu.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Ha, itulah dia. Tahu tak apa. Okey, kita teruskan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Merbok ada soalan.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Saya hendak tanya sedikit, Yang Berhormat Menteri. Satu soalan, boleh?

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Ya.

Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]: Mungkin sebenarnya— saya pun nak tanya juga tadi tapi tak sempat nak mencelah. Sebab, kalau tak silap saya di Tanjung Dawai tahun ini sebelum pilihan raya, Yang Berhormat Pekan pernah membuat *announcement*, pengumuman RM200 juta perkampungan nelayan untuk 12 buah perkampungan nelayan. Jadi RM28 juta ini ada kait-mengait tak dengan yang itu? Sekian, terima kasih.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana saya sebut tadi, urusan nelayan umumnya berada di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Jadi ini adalah saya rasa projek yang dirujuk oleh Yang Berhormat adalah yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan ini adalah spesifik projek yang disebut dalam Butiran 00117. Terima kasih.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma saya hendak tanya, kenapa yang ini masuk dalam Butiran 00117 ini letak di bawah kementerian Yang Berhormat dan tidak keseluruhan? Ataupun kenapa ini tidak dimasukkan di dalam kementerian lain? Kenapa ia dibezakan dengan Pembangunan Perkampungan Nelayan satu Malaysia? Sebab sama, nama pun Pembangunan Perkampungan Nelayan. Kenapa satu ini pergi dekat sini? Sebab ia umum. Ya, saya tahu tadi Yang Berhormat kata semua keseluruhan adalah untuk Perak, okey, tetapi bila dia umum, dia umum semua. Walaupun ia Perak, kenapa tidak masuk dalam Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani? Kenapa masuk bawah kementerian Yang Berhormat? Saya tidak fahamlah.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey, saya cuba fahamkan, *insya-Allah*. Pertama sekali, seperti mana yang saya sebut, ianya satu program khas perintis yang dirujuk terus kepada Unit Perancang Ekonomi dan itulah antara sebabnya. Saya harap itu dapat...

Tuan Pengerusi: Itu jawapannya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Itu jawapannya.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak. Sebenarnya bila di bawah EPU, Tuan Pengerusi, ia bila dah diputuskan oleh EPU, disaring dalam *management lab* dipanggil VM, dalam VM dia, ia akan pindah, diluluskan oleh— dulu Kementerian Kewangan. Bila ia lulus daripada Kementerian Kewangan, masuk EPU. EPU dah lulus, dipindah kepada kementerian yang buat permohonan itu.

Katalah nelayan ini kawasan ia di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dia akan pindah masuk Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, tidak akan

masuk balik kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ataupun Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan hanya menyalurkan peruntukan sahaja, *allocation approval by the EPU*, itu sahaja. Kalau macam ini, dah pecah kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, tidak sepatutnya kawasan nelayan ini dipindahkan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Ia mesti pindah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dan *allocation* mesti *approved by the Ministry of Finance*. Itu dia punya kaedah yang selama ini digunakan. Bukan Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, sebab nelayan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Sekian.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey, terima kasih.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Yang Berhormat Menteri, mohon penjelasan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Saya duduk sana dulu. Jangan tipu. [Ketawa]

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Kalau sekiranya disebut sebagai perkampungan nelayan yang dimasukkan dalam Butiran 00117 itu projek perintis, perintis dalam bentuk apa? Sebabnya kalau kita melihat contohnya Bandaraya Shenzhen, dulunya adalah perkampungan nelayan, diubah menjadi satu bandar raya yang akhirnya hilang perkampungan. Akan tetapi itu projek perintis yang sangat bagus kerana menyaingi Banda Raya Hong Kong. Jadi saya hendak tahu, projek perintis dalam bentuk apa?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih atas pertanyaan itu dan ini saya boleh jelaskan sedikit lagi. Jadi projek ini tertumpu pada pembangunan semula perkampungan nelayan di negeri Perak di lima lokasi. *Let me* jadi lebih spesifik. Pertamanya kawasan Teluk Muroh di Lumut, Kampung Masjid di Pulau Pangkor, Sungai Pinang di Pulau Pangkor, Teluk Kecil di Pulau Pangkor dan Teluk Gedung di Pulau Pangkor. Projek ini adalah permohonan daripada Kerajaan Negeri Perak untuk menempatkan nelayan di kampung-kampung terpilih dan program ini merupakan program perintis di mana rumah-rumah kluster dibina. Jadi itulah jawapan saya dan seperti mana kita sedia maklum, jawapan mungkin tidak memenuhi apa yang kita inginkan tetapi jika hendak dijawab, itulah jawapannya.

Jadi saya teruskan, okey ya.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Parit Sulong, saya ingat kalau Perak ini BN menang hari itu, harus projek ini tidak ada dekat dalamlah. [Ketawa]

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Pandangan sampingan ya. Okey, teruskan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey, terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Tuan Pengerusi...

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya rasa saya teruskanlah.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Tak baca dokumen Rancangan Malaysia ini.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: ...Cadangan sahaja, cadangan. Saya bersetuju bahawa kalau nak diletakkan...

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Kangar, kita baca apa yang diberi, dihidangkan kepada kita okey. Dalam ini cuba tengok muka surat— pakai cermin mata dulu. [Ketawa] Cuba tengok muka surat 164. Muka surat 164, Butiran 00117. Tengok dalam itu, Yang Berhormat.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tengok buku itu.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Saya bagi tahu, rancangan perintis di Perak itu dah dinyatakan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Itu saya kata tak baca.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Itu saya kata kalau Perak BN menang hari itu, harus tak masuk dekat dalam.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Tuan Pengerusi...

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: RMKe-11 itu BN yang buat dulu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Sudahlah.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tuan Pengerusi, tak betul tu. Walaupun projek perintis...

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Tuan Pengerusi, saya rasa saya teruskanlah. *It's very unproductive.*

Tuan Pengerusi: Teruskan, teruskan. Penjelasan tidak diberikan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak betul. Sebab apa...

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Seperti mana saya kata, seperti mana saya kata, itu...

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sesi ini jawapan Yang Berhormat Menteri, jawapan telah diberikan.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tak. Jawapan Yang Berhormat Menteri kami rasa macam— kecuali Kabinet buat keputusan projek perintis ini dipindah daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani masuk kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, okey.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey. Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya ambil maklum, saya ambil maklum. Saya rasa lebih produktif jika saya teruskan.

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Banyak lagi penjelasan yang perlu saya berikan, ya.

Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [Dungun]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya pohon supaya projek ini kalau hendak dilaksanakan juga di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi ini supaya jadi satu projek yang kita boleh menjadikan satu transformasi yang dibuat daripada perkampungan nelayan yang kita bina mengeluarkan nelayan daripada keadaan mereka yang ada sekarang. Itu adalah sangat baik kalau boleh dilaksanakan supaya dia menjadi satu projek perintis yang benar-benar kita boleh lihat bagaimana transformasi yang dibuat berdasarkan kepada perubahan kepada nelayan yang ada. Itu boleh, ha, *insya-Allah*. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: [Bercakap tanpa pembesar suara]

Tuan Pengerusi: Ya, terus, terus.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih Yang Berhormat Dungun. Saya teruskan. Seterusnya tentang ada persoalan berkaitan dengan FELCRA ya. Tentang FELCRA yang dikatakan bahawa bajet untuk tahun 2019 berkurangan, sebenarnya jika ditambah antara cara langsung dan pinjaman, ianya adalah lebih besar daripada tahun 2018, untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat ya. Saya tidak pasti yang salah satu disebut tadi bahawa bajet berkurangan. Tidak ya. Daripada segi kita tengok campur dua itu, ianya akan lebih tinggi.

Seterusnya tentang Butiran 70102, Butiran 70101 dan sebagainya berkaitan dengan Perbadanan Kemajuan Negeri. Perbadanan Kemajuan Negeri jika kita lihat, ianya berbeza dari negeri-negeri.

■2150

Jadi, ada negeri yang tiada butiran, ada negeri yang ada butiran. Apa yang berlaku untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam kes Perbadanan Kemajuan Negeri ia bergantung kepada permohonan dari negeri-negeri. Pihak MAA dan EPU akan melihat kepada permohonan tersebut dan meluluskan berdasarkan keperluan projek dan sebagainya. Itu sebab kita tengok ada perbezaan dari setiap negeri. Jadi, saya tidak ingin

pergi spesifik melainkan jika hendak diterangkan, saya boleh menghantar jawapan bertulis tentang projek apa dan di negeri mana secara lebih spesifik.

Akan tetapi umumnya, ia berdasarkan kepada permohonan daripada negeri. Saya bagi contoh di sini secara umum untuk memberi gambaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Contohnya, bagi Perbadanan Kemajuan Negeri Johor, projek yang dimohon sebanyak tiga projek dan yang lulus sebanyak satu projek. Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah mohon lima projek dan lulus hanya dua projek. Permohonan bagi Negeri Sabah, ada persoalan tentang Sabah dan Sarawak. Untuk negeri Sabah mohon projek sebanyak sembilan projek, yang lulus itu sebanyak empat projek. Seterusnya, bagi negeri Sarawak memohon empat projek dan lulus sebanyak tiga projek. Oleh sebab itulah kita nampak ada perbezaan berdasarkan negeri-negeri.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Mohon Yang Berhormat Menteri baca untuk negeri Kelantan juga sebab saya mohon penjelasan tadi.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Terima kasih. Kalau ada Yang Berhormat hendak minta saya jelaskan, bagi tahu. Untuk projek negeri Kelantan ada lapan projek yang dimohon dan yang diluluskan adalah sebanyak tiga projek untuk Kelantan.

Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]: Perlis hendak juga.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Perlis. Okey, saya baca semualah senang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Kedah hendak juga, Kedah had dua tadi.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya baca semua. Saya ingat hendak jimat ni, saya *skip*. Johor saya sudah sebut. Kedah lima mohon dan sebanyak lulus dua projek, Kelantan mohon lapan projek sebanyak tiga projek.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, kalau dapat Yang Berhormat Menteri boleh tidak bagi secara bertulis? Saya pun hendak tahu Johor yang lulus itu mana.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey, kita akan beri jawapan secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Itu lebih baiklah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Kami hendak tahu semua sekali.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Lebih spesifik ya, terima kasih. Jadi, saya teruskan. Kalau tidak ada soalan tentang ini, saya teruskan lagi tentang soalan-soalan spesifik, jika ada saya akan teruskan. Okey, untuk satu lagi yang saya paling banyak, saya terlupa tentang peruntukan khas. Okey, ini saya letak tepi siap-siap sebab banyak soalan tentang peruntukan khas ini. Jika kita tengok peruntukan khas, amaun yang dinyatakan dalam Anggaran Perbelanjaan adalah berdasarkan Akta Peruntukan 2018 bagi Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, sebelum itu peruntukan asal yang diletakkan di bawah EPU, JPM ialah sebanyak RM572. Sebelum ini peruntukan khas berada di bawah EPU dan ketika itu EPU berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, sebab itulah kita nampak ada peningkatan apabila EPU dibawa kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Jadi, bagi tahun 2019, peruntukan yang dinyatakan adalah bagi sepanjang tahun 2019 di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi bagi program-program di luar jangkaan dan tiada dalam perancangan asal kementerian.

Itu adalah antara skop projek-projek khas seperti mana yang ada dalam Butiran 93500.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Tuan Pengerusi, saya bangkitkan tentang rumah terbengkalai di bawah projek khas. Macam mana Yang Berhormat Menteri?

Seorang Ahli: Jawapan bertulis

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Ini mana boleh bertulis, rakyat tengah tunggu. Tadi FELCRA pun saya bangkitkan tentang tangki, tanah hendak runtuh. Kalau esok orang mati, macam mana?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Seperti mana saya katakan tadi, saya akan selesaikan dulu secara umum dan saya akan pergi secara umum untuk soalan-soalan secara

spesifik. Oleh sebab kalau saya hendak pergi semua, terlalu banyak. Kalau Tuan Pengerusi hendak saya melalui semua jawapan secara spesifik, saya boleh melakukannya tetapi untuk lebih produktif, kalau perlu saya bagi secara bertulis.

Tuan Pengerusi: Terpujang kepada Yang Berhormat Menteri.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey, jadi saya sentuh sedikit lagi beberapa isu-isu spesifik. Yang Berhormat Tanjong Manis, yang mana isu spesifik tentang halal hub, ada beberapa isu. Daripada awal yang asalnya dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kangsar. Yang Berhormat Tanjong Manis bertanya, adakah terdapat peruntukan Halal Hub Tanjong Manis? Peruntukan pembangunan bagi penyediaan tapak dan infrastruktur bagi Pusat Pembangunan Hub Halal Tanjong Manis peringkat satu yang disalurkan melalui RECODA. Peruntukan ini adalah bagi penyediaan infrastruktur asas seperti jalan raya, sistem saliran perbekalan air dan elektrik. RECODA adalah pihak berkuasa Pembangunan Wilayah Sarawak.

Seterusnya, ada lagi soalan tentang penglibatan Bumiputera dalam industri halal. Tentang soalan ini, sehingga Disember 2018 sebanyak 3,114 buah syarikat atau 41.1 peratus syarikat Bumiputera telah mendapat pensijilan halal dan jumlah bilangan ini meningkat dari semasa ke semasa. Jadi, saya ada banyak soalan tentang industri halal. Umumnya tentang HDC, kerajaan memberikan tumpuan khusus kepada industri halal dan kerajaan sedar bahawa industri ini adalah satu industri yang berpotensi tinggi.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]: Tuan Pengerusi, saya mohon jawapan status industri halal di Rantau Panjang secara spesifik.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Okey. Industri halal di Rantau Panjang. Izinkan saya bagi jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Rantau Panjang untuk industri halal Rantau Panjang. Seterusnya, saya menyentuh keadaan tentang isu yang lebih spesifik. Ini menyentuh tentang peruntukan petugas ke luar negara. Jadi, saya pilih beberapa isu spesifik untuk dijelaskan. Peruntukan petugas ke luar negara sebanyak RM1.275 juta. Peruntukan ini meningkat secara drastik daripada RM206 ribu kepada RM1.75 juta disebabkan peruntukan perbelanjaan bertugas ke luar negara bagi pejabat Yang Amat Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri di pusatkan di bawah MEA. Bagi tahun 2018, peruntukan bagi EPU dan DOSM adalah untuk *first half* atau separuh pertama tahun 2018. Oleh sebab itulah kita tengok peruntukan itu sedikit.

Peruntukan ini tidak termasuk peruntukan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ketika itu dipusatkan di bawah JPM. Oleh sebab itulah sebelum ini kita berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, EPU berada di bawah Jabatan Perdana Menteri, semua peruntukan adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dibawa masuk ke Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Oleh sebab itu kita nampak peningkatan dari segi peruntukan. Seterusnya, ada soalan Yang Berhormat Kuala Kangsar, Yang Berhormat Kuala Kangsar tidak ada di sini. Sabah, Yang Berhormat Beaufort bertanya— Yang Berhormat Beaufort ada?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Beaufort tidak ada, jawapan secara bertulis.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya pergi kepada spesifik sekarang. Yang Berhormat Kuala Kangsar tidak ada. Okey, tentang Yang Berhormat Tebrau, saya sentuh sedikit lagi. Yang Berhormat Tebrau menyebut tentang China menunjukkan minat untuk melabur dalam industri halal dan inilah yang kita tekankan. Pelaburan-pelaburan yang berkualiti tinggi dari pelbagai buah negara, terutamanya negara China kita alu-alukan. Oleh sebab *market*-nya besar di negara mereka dan kemampuan mereka pun besar dan kerajaan mengalu-alukan pelaburan sedemikian. Saya teruskan lagi kepada— tentang industri halal. Saya kumpulkan banyak soalan tentang industri halal HDC yang saya sebutkan tadi. Langkah-langkah untuk meningkatkan bidang halal adalah terkandung dalam Pelan Induk Industri Halal. Jadi, saya tidak akan menyentuh secara mendalam tentang hal tersebut.

Soalan tentang Butiran 00109, ini spesifik butiran yang tidak disentuh ramai, hanya disentuh oleh Yang Berhormat Pendang tentang IMT-GT BIMP-EAGA. Ini adalah antara usaha kerjasama dalam di antara kerajaan di peringkat serantau. IMT-GT merapatkan pembangunan di zon ekonomi khas di Bukit Kayu Hitam. Manakala BIMP adalah kerjasama di antara Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina sebagai negara-negara ASEAN.

■2200

Untuk Yang Berhormat Parit Sulong, saya menyentuh tentang industri halal ini projek telah di tender. Ini *specific question* Yang Berhormat Parit Sulong, projek telah ditenderkan pada tahun 2018 dan akan dilaksanakan segera, untuk Yang Berhormat Parit Sulong. Untuk Yang Berhormat Kota Tinggi, terdapat senarai beberapa projek dan jawapan saya telah berikan dalam sesi Kamar Khas dan saya baru mendapat maklumat terkini tentang panjang jalan, jalan mana dan sebagainya. Saya akan sediakan jawapan bertulis saya akan sampaikan kepada Yang Berhormat Kota Tinggi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau dapat minggu ini.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Sudah ada. Selepas ini bagi.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]: Kalau ada, hulurlah.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Sudah ada, siap-siap. Teknikal isu sedikit, tidak dapat disampaikan hari itu. Saya ingat sudah disampaikan.

Jadi saya hendak tekankan satu lagi adalah beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat yang baru sedar menyentuh tentang DOSM tentang kenapa bajet oleh Jabatan Statistik meningkat. Bajet Jabatan Statistik meningkat kerana dalam tahun 2020 kita akan adakan bancian penduduk. Perlu diingat bancian ini kita hendak buat tahun 2020. Akan tetapi prosesnya seperti penyediaan fasaliti dan sebagainya mengambil masa dan mengambil banyak sumber.

Ada Ahli-ahli Yang Berhormat juga menyentuh tentang apakah kaedah yang akan digunakan untuk bancian 2020. Pihak Jabatan Statistik akan menggunakan pelbagai kaedah termasuklah bancian secara elektronik. Inilah antara perbelanjaan yang terlibat untuk menjayakan bancian penduduk bagi tahun 2020. Selain daripada itu, penyiasatan pendapatan dan perbelanjaan isi rumah juga akan dilaksanakan pada tahun 2019. Ini adalah salah satu lagi punca peningkatan dari segi bajet untuk Jabatan Statistik.

Ada juga saya rasa Yang Berhormat Lembah Pantai bertanya tadi, adakah Jabatan Statistik mempunyai data maklumat ke peringkat kawasan perumahan contohnya. Buat masa ini Jabatan Statistik mempunyai maklumat ke peringkat daerah. Cuma salah satu kekangan yang di hadapi Jabatan Statistik ialah untuk *release*-kan maklumat ini adalah dalam kebanyakan kes *sample size*-nya adalah terlalu kecil. Jadi kalau kita *release*-kan kepada umum dengan *sample size* yang terlalu kecil ini boleh menjejaskan interpretasi maklumat tersebut. Jadi itulah pihak statistik cukup berhati-hati dan berkaitan dengan maklumat statistik terkini ia sentiasa dipaparkan oleh pihak Jabatan Statistik di *web*-nya dan juga melalui sosial media.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Saya bertanya.

Tuan Pengerusi: Oh ada lagi?

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Hendak mencelah sebenarnya. Bolehkah?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Boleh. Boleh.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Terima kasih. Ini berkaitan dengan data. Saya faham ada kekangan dari segi data set. Akan tetapi yang saya sebutkan tadi adalah adakah pihak kementerian bersedia untuk mengguna pakai konsep seperti *big data* sebagai contoh yang mana kita boleh mendapatkan maklumat yang lebih luas contohnya daripada kementerian-kementerian lain, untuk kita konsolidasi kan. Dari situ kita mendapat satu maklumat yang lebih terperinci. Ini mengguna pakai konsep yang selalu diguna oleh media sosial sebagai contoh. Adakah itu boleh dipertimbangkan?.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Saya jawab dahulu sementara saya masih ada skop soalan yang sama. Berkaitan dengan *big data* ini. Pertama sekali, kalau kita bercakap tentang Jabatan Statistik, statistik yang dikeluarkan ini adalah untuk perbandingan di seluruh dunia. Jadi kita hendak – jadi ada metodologi yang perlu dipatuhi. Oleh sebab itulah kalau kita lihat

walaupun *big data* itu boleh digunakan tetapi apabila ke peringkat perbandingan contohnya, 'trade data' dan sebagainya untuk dibandingkan, maka metodologi itu akan diambil kira.

Because otherwise dengan izin, data yang dikeluarkan itu dilihat di peringkat dunia, di peringkat global sebagai tidak *reliable*. Jadi ia terpulang kepada kaedah penggunaan atau tujuan penggunaan data tersebut.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Pendang.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Terima kasih Tuan Pengerusi saya hendak bangkitkan berkenaan soalan yang saya bangkitkan tidak dijawab iaitu berkenaan dengan pembangunan *website*, Kementerian Ekonomi tidak jawab. Yang keduanya, berkenaan - saya hendak menarik perhatian Kementerian Hal Ehwal Ekonomi berkenaan dengan FELCRA yang mana banyak SPV telah ditubuhkan sebagai subsidiari kepada *principal*. Jadi kita dimaklumkan banyak *principal* - FELCRA ini sebagai syarikat induk yang tidak pernah mendapat pulangan dividen daripada subsidiari *companies* SPV yang ditubuhkan untuk *supply* ini. Minta tolong buat semakan semula, banyak berlaku terutamanya di dalam negeri Kedah.

Yang ketiga, tadi ini saya masih lagi tidak puas hati berkenaan dengan projek perintis nelayan yang di bawah EPU ini. Adakah pihak kementerian atau pihak Kabinet tidak percaya dengan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani kah? Itu sajalah.

Tuan Pengerusi: Itu Menteri sudah tutup buku.

Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]: Tidak apa, masih tidak puas hati.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Dia macam ini ya. Saya bila pensyarah ini, kita buat soalan ini, *student* bagi jawapan macam-macam. Tidak semestinya kita berpuas hati dengan jawapan tersebut.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kita ini wakil rakyat. Jangan cerita pasal latar belakang sebagai pensyarah kah, ramai lagi yang lain.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Yang Berhormat. Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Jadi Yang Berhormat jawab sebagai Yang Berhormat Menteri, menjawab kepada persoalan.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Yang Berhormat Parit Sulong.

Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]: Tidak ada *floor*. Tiada *floor*.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Yang dibawa oleh wakil-wakil rakyat di dalam Dewan ini.

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Itu sebab saya.

Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]: Kena faham mengenai perkara itu. Okey?

Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin: Yang Berhormat Parit Sulong, duduk. Duduk sekejap, bagi saya jawab. Seperti mana saya sebut. Saya sudah jawab, jadi hendak terima tidak terima itu adalah pada orang yang menerima jawapan. Itu satu kebiasaan di mana – macam mana saya hendak *stretch* lagi jawapan saya, kalau itulah hakikat jawapannya. Itulah *point* yang saya hendak sampaikan.

Jadi tentang FELCRA, sebut tentang FELCRA tadi, kita baru mendapat CEO baharu FELCRA dan juga Pengerusi baharu FELCRA dan mereka sedang melihat tentang isu-isu yang dibangkitkan. Bila menyebut FELCRA, saya teringat satu lagi soalan berkaitan dengan kertas putih FELDA yang kita di peringkat akhir menyiapkan kertas putih FELDA. Insha-Allah akan dibentangkan di Parlimen, kalau tidak silap saya pada 10 Disember. Kita di peringkat akhir untuk penyediaan kertas putih tersebut.

Jadi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan jutaan terima kasih. Pada soalan-soalan yang tidak dijawab yang memerlukan jawapan bertulis kami akan menyampaikan jawapan bertulis, sekian. *Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM461,336,900 untuk Maksud B.15 di bawah Kementerian Hal Ehwal Ekonomi jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM461,336,900 untuk Maksud B.15 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM2,504,215,800 untuk Maksud P.15 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2019 hendaklah diluluskan.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]

[Wang sebanyak RM2,504,215,800 untuk Maksud P.15 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2019]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 27 November 2018. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan selamat malam.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 10.09 malam]